


*menyingkap detik-detik sejarah kita sebagai muslim*

# Ini Sejarah Kita



**Thoriq Ahmad**

# Ini Sejarah Kita (ISK)

*menyingkap detik-detik sejarah kita sebagai muslim*

Thoriq Ahmad

# Kandungan

	Muka Surat
<i>Pengantar Penulis</i>	
<i>Muqaddimah</i>	i
<b>Bab 1</b> Sejarah suatu Sunnatullah... bukan kebetulan	1
<b>Bab 2</b> Sebelum Perutusan Muhammad saw.	4
• <i>Di selubungi 'Jahiliyah'</i>	
• <i>Tamadun Jahiliyah</i>	
<b>Bab 3</b> Zaman Mekah	17
• <i>Muhammad bin Abdullah Sebelum Di Utuskan Sebagai Rasul</i>	
• <i>Muhammad saw. telah turun dari Gua Hira'</i>	
• <i>Telah Berlalu Waktu Tidur</i>	
• <i>Dakwah Terang-Terangan</i>	
• <i>Selepas Hijrah Ke Habsyah Hingga Hijrah Ke Madinah</i>	
• <i>Penentangan Terhadap Rasulullah saw.</i>	
• <i>Pembinaan Kader-Kader Dakwah Era Mekah</i>	
<b>Bab 4</b> Zaman Madinah	37
• <i>Hijrah Sehingga Nabi Stabil Di Madinah</i>	
• <i>Peperangan di Madinah</i>	
• <i>Wafatnya Rasulullah</i>	
• <i>Antara Mekah dan Madinah</i>	
• <i>Tertubuhnya Daulah Islam Pertama</i>	
<b>Bab 5</b> Era Khulafa' Ar-Rasyidin Tanpa Sains	68
• <i>Bahagian 1 – Sirah Khulafa' Ar-Rasyidin (Abu Bakr, Umar, Uthman, Ali)</i>	
• <i>Bahagian 2 – Analisa Era Khulafa'</i>	
<b>Bab 6</b> Era Bani Umayyah	91
• <i>Bani Umayyah</i>	
• <i>Perkembangan Islam Era Umayyah</i>	
• <i>Umar bin Abdul Aziz memperbaiki Umayyah</i>	
• <i>Kegemilangan Damsyik</i>	
• <i>Kejatuhan Damsyik</i>	
<b>Bab 7</b> Era Bani Abbas	102
• <i>Islam Menjadikan Mereka Hebat !</i>	
• <i>Ustaziatul Alam</i>	
• <i>Bibit-bibit Kejatuhan Empayar Islam</i>	
• <i>Muncul Wira Pembebas Palestin-Salahuddin Ayyubi</i>	
• <i>Serangan Monggol (656 H/1258 M)</i>	
• <i>Peperangan Ain Jalut</i>	
<b>Bab 8</b> Era Uthmaniyyah	126
• <i>Sejarah Khilafah Uthmaniyyah</i>	
• <i>Uthmaniyyah Mencuba</i>	
• <i>Semuanya Gagal Tanpa Jihad</i>	
• <i>Sultan Abdul Hamid II dan Kejatuhan Khalifah</i>	
• <i>Apa Lagi Yang Kita Miliki</i>	
<b>Bab 9</b> Tentera Salib Kembali...	148
• <i>Kembalinya Tentera Salib Buat Kali Kedua</i>	
• <i>Perang Salib Era Baru</i>	
• <i>Seolah tiada yang tersisa, merekalah segalanya</i>	
<b>Bab 10</b> Formula Kebangkitan	161
• <i>Antara Semalam dan Hari Ini</i>	
• <i>Ini Peranan Kita</i>	
• <i>Era Mekah Kedua – Peringkat Dakwah dan Tarbiyah</i>	
• <i>Menegakkan Daulah Islam</i>	
• <i>Untuk yang sedang berjuang</i>	

## **Pengantar Penulis**

*"Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman."*

(Yusuf 109-111)

Peristiwa yang berlalu semalam tidak akan pernah terpisah daripada sejarah kehidupan kita. Ia menjadi sebahagian daripada liku-liku hidup yang melahirkan kita pada hari ini. Orang yang pandai akan menjadikan peristiwa semalam sebagai pedoman supaya hari ini, lebih baik daripada semalam. Sebab itulah para salafussoleh senantiasa memasang lebih daripada satu niat sebelum maju walau selangkah kerana Nabi saw. pernah berpesan, *"Seorang mu'min tidak boleh dua kali jatuh ke dalam lubang yang sama"* (HR<sup>1</sup> Muslim). Pengalaman semalam adalah tarbiyah yang sangat bermakna untuk kita.

Kesan daripada Peradaban Rom yang merupakan induk kepada kelahiran Eropah dan Amerika pada saat ini mempunyai ciri-ciri yang sangat mirip disebabkan kesan sejarah yang mereka lalui. Keganasan, pembunuhan, seks bebas dan keruntuhan moral sering menjadi tema filem-filem mereka, mewarisi peradaban Rom yang mereka banggakan; yakni suka menikmati tontonan penyiksaan dan pemerkosaan terhadap manusia.

Tidak ketinggalan, mereka yang terdidik melalui sejarah adalah kaum Yahudi. Sedari kecil doktrin fanatik keyahudian ditanamkan hingga mereka benar-benar yakin bahwa Yahudi adalah bangsa pilihan Allah yang layak memperkudakan bangsa lain demi kepentingan mereka sepertimana yang tertulis di dalam kitab Talmud. Sejarah Nabi-Nabi yang diutuskan daripada Bani Israel bermula sejak Nabi Ishak as. dijadikan bukti untuk mengatakan mereka adalah golongan istimewa yang diutuskan untuk memimpin dunia.

Mereka diasuh dengan semangat perkauman dan kebencian terhadap bangsa lain atas nama agama. Hasilnya lahir putra-putra terbaik bangsa Yahudi yang kuat bekerja menguasai apa sahaja perusahaan demi mencapai impian bangsanya. Malang sekali, mereka tidak pula diajarkan bahawa mereka jugalah yang membunuh para Nabi dan mendustakan Nabi akhir zaman.

### **Anak-anak Islam menjadi mangsa**

Kita juga mempelajari sejarah peradaban Islam sejak dibangku sekolah tetapi gagal untuk melahirkan bangsa Islam yang merasai izzah terhadap agamanya seperti kaum Yahudi. Tidak lain dan tidak bukan, kerana sejarah yang kita pelajari hanyalah teks-teks kosong yang tiada nilai selain di kertas peperiksaan. Ia terhibur daripada berhubung dengan nilai-nilai Al-Quran dan ternyata penuh dengan kiasan dan laporan kosong, hasil penipuan kaum

---

<sup>1</sup> HR = Hadith Riwayat

Kuffar yang mereka-reka segala pemalsuan terhadap sejarah. Mereka takut akan lahirnya Salahuddin dan Muhammad Al-Fatih kedua yang akan menghancurkan kezaliman mereka dan menegakkan keadilan Islam.

Moshe Dayan (bekas Menteri Luar Israel), pernah menyatakan secara terbuka menyatakan cita-cita dan keinginan penubuhan negara HARAM ISRAEL. Dia mendapat serangan dan kecaman daripada bangsanya, kerana mereka khuatir pernyataannya itu dibaca oleh bangsa Arab (umat Islam) dan rencana jahatnya diketahui. Namun, dengan tenang dia menjawab serangan kaumnya, katanya: *"Tenanglah, percayalah padaku, bangsa Arab (dan juga kita, Muslim) tidak akan membacanya, kerana mereka tidak suka dan malas membaca"*.

## **Risalah ini – 'Ini Sejarah Kita'**

Sejarah dakwah yang bermula sejak perutusan Muhammad saw. (ﷺ) telah merubah iklim dunia hari ini. Bermula dengan hanya berasetkan fitrah manusia yang sememangnya ingin dekat kepada Allah, Ar-Rasul saw. akhirnya berjaya membina sebuah harokah Islam yang mantap untuk mengalahkan penyembah jahiliyah. Dalam masa 28 tahun, Islam muncul sebagai pimpinan kepada dunia dengan hanya berasetkan manusia yang beriman dengan pedoman Al-Quran. Islam akhirnya membawa rahmat yang tidak terkira banyaknya.

Mari kita soroti sejarah sebuah bangsa yang pernah berjaya menguasai dunia. Melalui penilaian yang tulen pada sejarah dan pemahaman terhadap sunnatullah yang mengatur perjalanannya, kita akan dapat membongkar rahsia kegemilangan mereka yang terdahulu. Juga, kita akan mengambil pedoman terhadap titik-titik kelemahan yang akhirnya menghancurkan khilafah Islam yang terakhir pada 1924M.

*"Janganlah kamu seperti orang-orang yang melupakan Allah, lalu Allah melupakan dia pada diri mereka sendiri"* (Al-Hasyr:19)

Mari kita melihat sejarah, dengan mata hati...

Kata Imam Abu Al-Qasim Al-Junaid: *"Sejarah merupakan salah satu tentera Allah yang akan menguatkan hati..."*

Saad bin Abi Waqqash, seorang sahabat Nabi saw. pernah berkata: *"Kami ceritakan kepada anak-anak kami Al-Maghazi (kisah-kisah peperangan) sebagaimana kami ajarkan mereka Al-Quran..."*

Allah swt. (سبحانه وتعالى) berfirman yang bermaksud: *"Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang Yang beriman."* (Hud: 120)

Risalah ini kami susun khusus buat anda para daie yang ikhlas. Kami cuba untuk menterjemahkan realiti sejarah kita supaya ianya menjadi bekal buat jihad anda yang berpanjangan. Kita perlu mempelajari khazanah peninggalan generasi lepas kerana sesungguhnya, tabiat deen ini hanya akan dapat difahami oleh mereka yang telah menterjemahkan teori kepada jihad yang nyata. Ianya tidak akan dapat difahami dengan duduk-duduk, berseminar dan

mengkaji sahaja, ianya perlu kepada dakwah di lapangan dan jihad yang berterusan. Lalu barulah kita akan memahami secara praktikal manhaj yang terdapat dalam sejarah dakwah dan jihad generasi terdahulu.

*"Sesungguhnya golongan yang bertafaquh fiddin adalah mereka yang pergi berjihad"* kata Ibnu Abbas.

Maksudnya, orang yang fakih terhadap deen Islam adalah mereka yang berada di medan dakwah dan jihad kerana deen ini bukannya teori semata. Para Ikhwan sewaktu disiksa di penjara Mesir, bertanyakan pendapat Sayyid Qutb tentang pendapat daripada seorang tokoh, kemudian As-Syahid bertanyakan kembali tentang bagaimana jihad orang itu. Kemudian dia berkata, *"Kita tidak mengambil fikih daripadanya"* yakni mereka tidak mengambil fikih daripada orang yang duduk-duduk, hanya pandai bercakap dalam *berjihad fi sabilillah* menentang para taghut.

Fikih Sayyid yang mengajak kepada Islam yang benar membuatkan ribuan nashkah Tafsir Fi Zilalil Quran karangannya dibakar dijalanan oleh pemerintah Mesir sejurus selepas dia syahid di tali gantung. Namun kini fikihnya berselerakan di serata dunia sebagai pedoman untuk memahami manhaj dakwah generasi *awwal*. Semua ini kerana fikih yang benar atau perkataan yang baik itu akan sentiasa hidup segar untuk memandu para daie menghapuskan fitnah-fitnah para pendusta. Mudahan kami tidak tergolong dalam golongan yang lupa untuk mengambil fikih sejarah Islam daripada orang yang benar-benar berada di medan dalam penyampaian risalah ini.

Oleh itu kami titipkan secara ringkas apa yang telah diperjuangkan oleh generasi lepas agar kita dapat melihat gambaran susunan agenda dan peta kerja da'wah yang kami faham *insyallah*.

Tidak lupa kepada murabbi kami Dr. Al-Ustaz Kamaru Salam, atas kegeniusan fikiran dan dakwahnya hingga memudahkan fikih sejarah kita yang kami ambil sebagai pedoman. Fikih ini membuat kami faham, yakin dan bersegera untuk berkorban demi Islam. Hinggakan fikih ini diambil dan digunakan ramai pihak, kerana kata-kata yang baik itu tidak akan pernah padam walaupun ramai orang yang membenci. Kami sangat menghargainya.

*"Bukankah ketika engkau bingung lalu kami (Allah) yang memberikanmu hidayah?"* (Ad-Dhuha: 7)

Mudahan Allah terus melimpahkan hidayah kepada kita untuk berjuang, walaupun ada yang membenci dan cuba untuk memadamkan cahaya ini, dengan pelbagai api fitnah. Mudahan dengan persembahan yang ringkas ini, bakal meniup bara azam dan keyakinan para daie agar terus tinggi menjulang untuk berjuang di jalan Allah.

*Al-Faqir kepada Allah,*

Thoriq Ahmad

Penulis boleh dihubungi di email [mufias@gmail.com](mailto:mufias@gmail.com) untuk mengajukan sebarang komen, pertanyaan dan sokongan.

Layari laman khusus 'Ini Sejarah Kita (ISK)' @ [dakwah.info](http://dakwah.info)

## Sejarah suatu sunnatullah... bukan kebetulan

سُنَّةَ اللَّهِ الَّتِي قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلُ وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

(Kekalahan orang-orang yang menentang Rasul Allah sudah tetap menurut) "Sunnatullah" (peraturan Allah) yang telah berlaku semenjak dahulu lagi; dan Engkau tidak akan mendapati sebarang perubahan bagi cara dan peraturan Allah itu" (Al-Fath: 23)

Sejarah bukanlah suatu kebetulan kerana sememangnya setiap peristiwa yang tercatat adalah menurut sunnah Allah swt.. Tiada apa yang berlaku di alam ini baik sekecil-kecil pelanggaran sesama atom mahupun berubahnya siang dan malam, putaran kehidupan atau cara manusia membiak, ekosistem dan pelbagai lagi melainkan di bawah tadbir Allah swt..

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظُلْمَةٍ إِلَّا يَبْسُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٥٩﴾

"Dan pada sisi Allah-lah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya (pula), dan tidak jatuh sebutir biji-pun dalam kegelapan bumi, dan tidak sesuatu yang basah atau yang kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfudz)" (Al-An'aam: 59)

Inilah rahmat dan kasih sayang yang diberikan Allah kepada khalifahNya di muka bumi. Baik dalam mentadbir urusan keduniaan mahupun menegakkan Islam, Allah menyediakan segala kemudahan yang berupa ketetapan atau ketentuan kaedah yang kita kenal sebagai sunnatullah.

Bukanlah manusia yang menentukan Sunnatullah, tetapi dengan perkembangan ilmu manusia mempelajari dan menggunakan ketetapan Allah atas pelbagai tujuan. Manusia dengan aqal yang di berikan hanya memerhatikan, berfikir dan memberikan wajah baru terhadap Sunnatullah dengan pelbagai istilah tidak kira, teori, hipotesis atau apa sahaja untuk memahami undang-undang Allah.

Bukankah nilai konstant graviti G memang telah ditetapkan Allah?

Bukankah tahap didih air pada 100°C juga dibawah ketentuan Allah?

Setiap sesuatu menjadi lebih jelas dan berkembang fungsinya apabila manusia lebih memahami undang-undang yang telah di tetapkan Allah terhadap ciptaannya. Orang-orang athies mengatakan fenomena alam ini adalah semulajadi tetapi manusia yang beriman berkata, ya ia adalah semulajadi di bawah undang-undang Allah ! Mereka tidak mengimani teori Darwin yang telah memperbodohkan keturunan umat manusia dengan teori semulajadinya.

## » Sejarah sebahagian daripada Sunnatullah

Peradaban manusia berkembang apabila manusia melihat sebab dan akibat daripada peristiwa lepas dan mengambil kesimpulan terhadap peristiwa itu untuk maju ke hadapan. Seperti seorang doktor, seringkali merujuk sejarah kesihatan pesakit dan keluarganya sebelum dia berani untuk mengambil sebarang kesimpulan terhadap sebab sakit atau rawatan terhadap pesakitnya.

Sayyid Qutb berkata bahwa sejarah bukanlah peristiwa-peristiwa, melainkan tafsiran peristiwa-peristiwa dan pengertian mengenai hubungan-hubungan nyata dan tidak nyata yang menjalin seluruh bagian serta memberikan dinamika dalam waktu dan tempat. Apabila manusia mengkaji dan memahami asal usul dirinya, asal usul keIslamannya ataupun asal-usul kebudayaan bangsanya, faktor-faktor pertumbuhan dan fasa perkembangannya barulah akhirnya dia mampu untuk menghayati hakikat dirinya kini kerana dia memahami hubungkait antara pengalaman lalu dan langkah seterusnya yang perlu di ambil untuk masa hadapan.

لَقَدْ كَانَتْ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۚ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

*“Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.” (Yusuf : 111)*

Ramai orang berkata, sesiapa yang menguasai masa lepas, dia akan menguasai masa hadapan. Al-Quran mengajarkan kita pelajaran-pelajaran penting daripada generasi lepas kerana disitu ada hikmah, kehendak dan kemahuan Allah yang telah dirangkum di dalam sunnah syar’iyah dan kauniyahNya.

إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٤٠﴾

*Sesungguhnya perkataan Kami terhadap sesuatu apabila Kami mengkehendakinya, Kami hanya mengatakan; ‘kun (jadilah)’, maka jadilah ia (An-Nahl: 40)*

Ia menjadi pedoman yang tidak pernah terpisah daripada mencapai visi dan menyusun strategi perjuangan harokah Nabi saw.. Inilah titik tolak kepada kemenangan Islam. Allah swt. jika mengkehendaki sesuatu, pasti Dia akan menyediakan sebab-sebab mengiktu kehendakNya dan akan mendatangkannya secara beransur-ansur sesuai dengan sunnahNya.

*Apabila Allah mengkehendaki, nescaya Allah akan membinasakan mereka tetapi Allah hendak menguji sebahagian dengan sebahagian yang lain. (Muhammad: 4)*

Hakikat seorang manusia itu sendiri sebenarnya memiliki sejarah yang amat panjang, bermula dari hakikat penciptaan dirinya sendiri dan seterusnya perjuangan yang dihadapi apabila dilahirkan ke dunia. Seorang Muslim dilahirkan dengan misi yang telah ditetapkan Allah, penciptanya, iaitu sebagai hamba yang diamanahkan untuk mengabdikan dirinya secara total kepada Allah. Ini adalah suatu sunnah daripada Allah !



"Aku tidak menjadikan jin dan manusia, melainkan supaya beribadah kepadaKu." (Az-Dzariyat: 56)

Dan apabila Allah hendak menciptakan manusia, proses kejadian itu telah ditentukan untuk melalui satu kaedah tetap yang memiliki tahapannya. Hinggalah manusia dilahirkan ke dunia dan mati, setiap kitaran hidupnya akan melalui pelbagai tahapan yang Allah tentukan. Inilah kehendak Allah.

Sejarah kebangkitan dan kemenangan Islam juga tidak lari daripada suatu taqdir yang telah ditentukan Allah akan siapa dan bagaimana ia terjadi. Ia tidak pernah lari daripada apa yang telah Allah kehendaki kerana Dia yang berkehendak sebegitu. Sunnah Allah itu tidak akan berubah.

وَلَوْ قَتَلْتُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوَلَّوْا الْأَدْبَرَ ثُمَّ لَا تَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢﴾ سُنَّةَ اللَّهِ الَّتِي قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلُ وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿١٣﴾

Dan sekiranya orang-orang kafir (dari penduduk Makkah) itu memerangi kamu (di Hudaibiyah), tentulah mereka akan berpaling melarikan diri dengan kekalahan; kemudian mereka tidak akan beroleh sesiapaupun yang menjadi pelindung atau memberikan pertolongan. (Kekalahan orang-orang yang menentang Rasul Allah sudah tetap menurut) "Sunnatullah" yang telah berlaku semenjak dahulu lagi; dan engkau tidak akan mendapati sebarang perubahan bagi cara dan peraturan Allah itu. (Al-Fath: 22-23)

Sunnatullah akan berlansungan tanpa henti dan Allah menggilirkan kekuasaan di atas bumi berdasarkan sunnahNya.

Dan kami hendak memberi kurnia kepad orang-orang yang tertindas di bumi (Mesir) itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang yang mewarisi (bumi). Dan akan Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi dan akan Kami perlihatkan kepada Firaun dan Hamam beserta tenteranya apa yang selalu mereka khawatirkan dari mereka itu. (Al-Qashas: 5-6)

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal soleh, bahwa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa" (An-Nur: 55)

Sunnah-sunnah Allah memiliki hubungan yang sangat erat dengan akibat-akibat yang dilakukan oleh manusia yang taat pada perintahNya atau berpaling dariNya. Justru memerhatikan, memahami, mengkaji dan mengaplikasikan pengalaman-pengalaman generasi lepas yang berpegang teguh kepada perintah Allah adalah suatu kewajiban. Bagaimana mereka berjalan dengan fasa-fasa yang alami untuk menegakkan Islam adalah suatu sunnatullah baik ketika permulaan dakwah di Mekah, bernegara di Madinah dan seterusnya memimpin umat manusia. Tidaklah ia berlaku secara kebetulan melainkan ianya merupakan suatu sunnatullah.

## Bab 2 - Sebelum Perutusan Muhammad saw.

### » Di Selubungi 'Jahiliyah'

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ

*"Manusia itu adalah umat yang satu (setelah timbul perselisihan), Maka Allah mengutus Para Nabi, membawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan"*  
(Al-Baqarah: 213)

Kedatangan para Nabi dan Rasul tidak lain adalah untuk membawa manusia mengabdikan diri kepada Allah swt. dan meninggalkan jahiliyah dalam kehidupan mereka. Bermula sejak daripada Nabi Adam 'alaihisalam (as.) sehinggalah Nabi Muhammad saw., risalah yang dibawa adalah satu, yakni "Mentauhidkan Allah !" dan jalannya juga satu, yakni "Perjuangan" kerana jahiliyah bertentangan dengan ketauhidan.

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَنْقُومِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ

Sesungguhnya Kami telah mengutus Nuh kepada kaumnya lalu dia berkata: "Wahai kaumku sembahlah Allah, sekali-kali tak ada Tuhan bagimu selain-Nya." Sesungguhnya (kalau kamu tidak menyembah Allah), aku takut kamu akan ditimpa azab hari yang besar (kiamat). (Al-Araf:59)

وَإِلَىٰ عَادِ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَنْقُومِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ أَفَلَا تَتَّقُونَ

Dan (Kami telah mengutus) kepada kaum 'Aad saudara mereka, Hud. Dia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain dari-Nya. Maka mengapa kamu tidak bertakwa kepada-Nya?" (Al-Araf:65)

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَنْقُومِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ قَدْ جَاءَتْكُمْ بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ آيَةٌ فذَرُوهَا تَأْكُلْ فِي أََرْضِ اللَّهِ وَلَا تَمْسُوهَا بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابُ أَلِيمٍ

Dan (Kami telah mengutus) kepada kaum Tsamud saudara mereka Shaleh. Dia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain-Nya. Sesungguhnya telah datang bukti yang nyata kepadamu dari Tuhanmu. Unta betina daripada Allah ini menjadi tanda bagimu, Maka biarkanlah Dia makan di bumi Allah, dan janganlah kamu mengganggunya dengan gangguan apapun, (yang kerananya) kamu akan ditimpa siksaan yang pedih." (Al-Araf:73)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَنْقُومِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ قَدْ جَاءَتْكُمْ بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ وَلَا تَبْخُسُوا النَّاسَ أَمْشَاءَهُمْ وَلَا تَفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Dan (Kami telah mengutus) kepada penduduk Madyan saudara mereka, Syu'aib. Dia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan

*bagimu selain-Nya. Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti yang nyata dari Tuhanmu. Maka sempurnakanlah takaran dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang takaran dan timbangannya, dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi sesudah Tuhan memperbaikinya. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika betul-betul kamu orang-orang yang beriman.”* (Al-Araf:85)

Seruan demi seruan dilakukan untuk berdakwah kepada Allah dan meninggalkan jahiliyah. Para Anbiya’ diutus silih berganti kepada kaum manusia apabila mereka berpaling dan melupakan ajaran nabi yang terdahulu. Sehingga lah perutusan Nabi terakhir, dibangkitkan dengan misi memulihkan kembali manusia yang telah bersatu dalam kebodohan, kebendaan, kejahatan dan kenikmatan yang sementara.

Sesudah kewafatan utusan terakhir ini, umat manusia terus dibimbing oleh generasi-generasi yang telah ditarbiyah mereka sebelumnya. Namun kini, jahiliyah kembali berkuasa dan menjadi raja hati manusia jahiliyah tanpa mereka sedari.

### **Mekah Jahiliyah (جاهلية) - Era Kebodohan**

Malang sekali apabila ramai dikalangan kaum Muslimin sendiri tidak menyedari yang mereka dikelilingi oleh jahiliyah, bersama dengan jahiliyah bahkan sesetengahnya memperjuangkan jalan jahiliyah. Ramai yang tidak mengenal jahiliyah seperti mana yang difahami oleh generasi terdahulu, dan tidak kurang pula yang kabur melihat jahiliyah dalam sudut yang sempit.

Ini berlaku atas pelbagai sebab dan antaranya apabila orientalis merubah pemahaman kita terhadap Al-Quran dengan acuan mereka, yakni pada ideologi dan cara hidup. Pada mata umum, istilah jahiliyah selalunya disinonimkan kepada suatu zaman iaitu ‘zaman arab jahiliyah’, yang berlaku sekitar sebelum perutusan Muhammad saw. sebagai rasul. Ungkapan ini juga dikhususkan kepada bangsa Arab yang mendiami kawasan tanah Hijjaz atas beberapa sebab untuk menunjukkan betapa jahiliyahnya mereka, seperti tiadanya tamadun, sistem moral atau akhlak yang rosak dan pelbagai lagi.

#### **→ Erti Jahiliyah**

Dari sudut bahasa, istilah *jahiliyah* berasal daripada kata Bahasa Arab *jahila* (جهل) yang bererti bodoh dan tidak mengetahui atau tidak mempunyai pengetahuan. Berpandukan ini, kaum arab sebelum perutusan Muhammad saw. terus dilabel dan menjadi fokus terhadap watak kaum jahiliyah seantero dunia hingga kini untuk merendahkan asas kebangkitan kaum Muslimin. Hingga ada yang mengatakan Islam bermula dengan asas kebodohan.

Namun, jika diperhatikan dengan baik kita mampu menyanggah definisi orientalis yang meleset, kerana masyarakat Arab yang hidup bersama Rasulullah pada masa itu bukanlah masyarakat yang terlalu bodoh atau tidak mempunyai pengetahuan. Buktinya pada saat itu terdapat sastera dan syair yang berkembang dengan pesat di kalangan mereka. Setiap tahun diadakan festival-festival pembacaan puisi dan syair. Hal ini membuktikan bahawa orang-orang Arab pada ketika itu telah menguasai kesenian bahasa dan sastera yang tinggi.

Selain itu mereka juga mampu membuat sistem kota dan sistem perniagaan yang sangat baik. Lihatlah perdagangan yang mereka usahakan di utara dan selatan Hijjaz pada setiap tahun, seperti firman Allah dalam surah Quraaisy. Tambahan lagi, saban tahun mereka menyambut para tetamu Ka'abah yang ingin menunaikan haji yang menjadi tradisi mereka sekian lama.

Kaum Quraaisy bertanggungjawab mengatur dan menyelia kemudahan jemaah haji yang datang. Hal ini semakin menguatkan lagi hujah bahawa mereka kaum Quraaisy bukanlah orang-orang bodoh dan tidak berpengetahuan. Dapat difahami, bahawa sebenarnya mereka adalah masyarakat yang sedang berkembang peradabannya.

### → Jahiliyah Daripada Kaca Mata Al-Quran

Dalam perspektif Al-Quran, 'jahiliyah' mempunyai maksud yang berbeza berbanding dengan apa yang kita fahami daripada orientalis. Jahiliyah sebenarnya adalah suatu sikap atau keadaan masyarakat pada umumnya yang bodoh terhadap nilai-nilai Islam. Mudahnya, mereka bodoh terhadap hakikat perhambaan kepada Allah dan pelaksanaan tanggungjawab sebagai seorang khalifah yang diciptakan Allah. Dan bilamana mereka bodoh terhadap Islam, mereka diberi timangan 'jahiliyah' di dalam Al-Quran.

Tidak hairanlah apabila kita membaca karangan As-Syahid Sayyid Qutb, beliau juga ada menempelkan perkataan jahiliyah pada individu, penguasa dan juga masyarakat apabila mereka ini tidak mengikut tata cara hidup Islam. Mereka dilabel buta atau bodoh di sebabkan kabur akan jalan sebenar yang Islam tunjukkan untuk memandu hidup manusia ke arah cahaya kebenaran.

Al-Quran telah menerangkan tentang sikap jahiliyah ini pada beberapa tempat. Definisi jahiliyah diterangkan dengan begitu jelas sekali, beserta gaya pengungkapan dan contoh-contoh yang diberikan.

Diantaranya ialah, ketika Musa as. menyuruh kaumnya untuk menta'ati perintah Allah dengan menyembelih korban. Tetapi mereka membantah dan dengan sinis berkata kepada Musa,

*"Mereka berkata, apakah engkau mengejek kami hai Musa. Musa menjawab, aku berlindung dari orang-orang yang bodoh."* (Al-Baqarah:67)

Kaum yang bodoh adalah mereka yang tidak menta'ati perintah Allah. Lantas melakukan kerosakan di muka bumi dengan sewenang-wenangnya, memerintah diri dan isi dunia berlandaskan al-hawa<sup>2</sup>. Sikap memandang remeh terhadap perintah Allah merupakan sikap jahiliyah. Lantas Musa as. meminta pertolongan Allah agar terselamat daripada kedodohan mereka.

Ketika Allah menerangkan hikayat Yusuf as. dalam surah Yusuf, ayat 33:

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ الْجَاهِلِينَ

Yusuf berkata: *Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka kepadaku. Dan jika tidak Engkau hindarkan daripadaku tipu daya mereka, tentu aku akan cenderung untuk (memenuhi keinginan mereka) dan tentulah aku termasuk orang-orang yang bodoh.*

<sup>2</sup> Al – hawa adalah apa saja selain dari Al – Haq manakala Al – Haq adalah apa saja yang bersumberkan dari Allah swt.

Orang beriman lebih suka dipenjarakan untuk bebas daripada mengikut aturan dan mainan golongan jahiliyah. Rasa ingin kepada maksiat dan dosa harus segera dibanteras kerana maksiat hati ini akan menjerumuskan kita secara sedar atau tidak untuk melakukan dosa. Hakikatnya, kecenderungan ini memerlukan usaha pemisahan dan pembersihan segera kerana strategi ajakan kepada jahiliyah penuh dengan tipu daya.

Berperasangka buruk juga termasuk dalam erti jahiliyah, sebagaimana firman Allah setelah kaum Musyrikin memenangi Perang Uhud. Sebahagian kaum Muslimin menyangka bahawa mereka tidak ditolong oleh Allah dan timbullah anggapan bahwa Islam telah berakhir bersamaan dengan kalahnya kaum Muslimin kepada kaum Kuffar.

وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنْفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ

*"... sedang segolongan lagi telah dicemaskan oleh diri mereka sendiri; mereka menyangka yang tidak benar terhadap Allah seperti sangkaan jahiliyah. Mereka berkata: Apakah ada bagi kita barang sesuatu (hak campur tangan) dalam urusan ini?.... (Ali 'Imran:154)*

Berhukum selain daripada hukum Allah swt. adalah hukum jahiliyah.

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ

*"Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?" (Al-Maidah:50)*

Telah terbukti bahawa hukum Allah adalah yang terbaik mengalahkan perundangan sekular dan ekonomi kapitalis. Dunia menjadi huru-hara disebabkan oleh hukum jahiliyah yang akhirnya menghumban semua manusia ke dalam kehancuran.

Negara yang kaya, terus menikmati kekayaan manakala yang miskin, terus ditindas dan dipermainkan. Bukan itu sahaja, lihatlah masalah sosial yang trendnya terus meningkat saban waktu; rogol, anak luar nikah, penjawahan dan pembunuhan era moden, serta banyak lagi. Semua ini diatas namakan kemajuan dan kebebasan dalam skop undang-undang jahiliyah sedunia yang dipakai sekarang. Inilah hasilnya apabila manusia jauh daripada ketetapan Allah swt. dengan pelbagai penyimpangan daripada kadar yang di tetapkan !

Selain itu Allah juga melarang isteri-isteri Nabi saw. melakukan tabarruj (berhias berlebihan) kerana hal itu juga termasuk perbuatan jahiliyah,

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى

*"Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah yang dahulu" (Al-Ahzab:33)*

Semasa perjanjian Hudaibiyah, kaum Musyrikin tidak mahu menerima tulisan Bismillah dan Muhammad Rasulullah dalam teks perjanjian itu. Bagi mereka, jika menggunakan kalimah Bismillah dan Muhammad Rasulullah, ini bermaksud mereka mengakui risalah yang dibawa Muhammad.

Padahal berlakunya perjanjian tidak lain kerana keangkuhan mereka untuk tidak mengakui kenyataan itu. Sifat angkuh dan tidak mahu menerima kebenaran juga adalah salah satu daripada jahiliyah. Allah menegaskan dalam surah Al-Fath, ayat 26;

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٢٦﴾

“Ketika orang-orang kafir menanamkan dalam hati mereka kesombongan (iaitu kesombongan jahiliyah) lalu Allah menurunkan ketenangan kepada Rasul-Nya, dan kepada orang-orang mukmin dan Allah mewajibkan kepada mereka kalimat takwa dan adalah mereka berhak dengan kalimat takwa itu dan patut memilikinya. Dan adalah Allah Maha mengetahui segala sesuatu.”

Hadis–hadis Nabi saw. juga turut menerangkan bagaimana sikap jahiliyah itu. Bahkan Imam Bukhari menyusun satu judul bertajuk dalam Kitab Iman, Bab ‘Kemaksiatan merupakan perkara jahiliyah’, beliau meriwayatkan hadis; “Ketika itu seorang lelaki daripada kalangan Muhajirin mendorong seorang lelaki daripada kaum Anshar, orang Anshar tersebut memanggil golongannya; Hai orang-orang Anshar dan begitu pula orang Muhajirin tadi, ia turut memanggil kawannya yang Muhajirin; Hai orang-orang Muhajirin, kemudian bersabdalah Rasul :

مَا بَالُ دَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ؟ دَعُوْهَا فَإِنَّهَا مُنْتَهَى

“Apakah engkau memperhatikan panggilan jahiliyah itu? Tinggalkanlah olehmu kerana itu perbuatan busuk” (HR Ahmad & Baihaqie)

Perbuatan menaikkan semangat perkauman yang tidak berlandaskan akidah juga termasuk dalam perbuatan jahiliyah.

Dan hadis daripada Abu Dzar menerangkan bahawa mengejek dan menghina orang lain juga termasuk dalam sifat jahiliyah. Dia berkata: “Sesungguhnya saya mengejek seseorang dengan menghina ibunya, maka Rasulullah berkata padaku, “Hai Abu Dzar, apakah engkau menghina ibunya? Sesungguhnya engkau adalah orang yang masih mempunyai sifat jahiliyah” (Muttafaquun Alaih)

## Pemahaman Jahiliyah Yang Sempit

Erti jahiliyah yang cuba disampaikan di sini jelas tidak terbatas penggunaannya kepada masyarakat Arab pada era sebelum perutusan Nabi saw. sahaja, tetapi merujuk kepada sifat yang berlawanan dengan Al-Quran.

	<b>Penipuan Orientalis</b>	<b>Definisi Al-Quran</b>
<i>Masa</i>	Sebelum Kenabian	Bila-bila sahaja boleh berlaku
<i>Tempat</i>	Tanah Arab	Di mana sahaja
<i>Siapa</i>	Bangsa Arab	Manusia yang ingkar pada Allah

Kami akan merujuk kepada penggunaan jahiliyah yang luas dalam penulisan ini, yakni terhadap sesuatu yang tidak mengikut lunas Islam. Sesuatu itu boleh jadi ‘Masyarakat Jahiliyah’ apabila masyarakat tersebut mendokong kezaliman dan maksiat. ‘Negara Jahiliyah’ yakni negara yang tidak menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai perlembagaan. ‘Sifat Jahiliyah’ bahkan ‘Aktiviti Jahiliyah’ terjadi apabila seseorang itu terkeluar


daripada norma yang berpandukan Islam. Apa saja yang selain dari Islam, maka itu adalah jahiliyah!

Memahami jahiliyah dalam konteks ini adalah penting kerana risalah yang diperjuangkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad saw. adalah bertujuan untuk memusnahkan segala bentuk jahiliyah, dan menyeru kepada kesyumulan Islam. Ini dapat kita lihat pada peribadi sahabat yang terbentuk hasil tarbiyah Nabi saw. Kata-kata as Syahid Sayid Qutb cukup untuk menggambarkan semuanya, “*Mereka umpama Al-Quran yang berjalan*”.

Apabila ditanya tentang Rasulullah sendiri, Saidatina Aisyah *radiallahu ‘anha menjawab*, “*Khuluquhu al-Quran*” (Akhlak Muhammad itu al-Quran). Hasil daripada asuhan Nabi yang berlandaskan al-Quran, lahirlah generasi manusia yang sangat unik. Mereka bebas daripada pengaruh al-hawa, dan mereka berjuang dengan seluruh kudrat yang ada untuk membebaskan umat manusia daripada belenggu jahiliyah.

## Mari Mengenal Jahiliyah

Mengenal erti jahiliyah secara teori sahaja tidak memadai. Ianya perlu dibumikan dan difahami secara praktik kerana takut-takut belenggu jahiliyah yang kita tidak sedari itulah yang akan mengheret kita jauh terpisah daripada penghayatan Islam yang sebenar.



Mudahnya mari sama-sama kita lakarkan sebuah penapis air yang akan kita jadikan sebagai penapis jahiliyah. *Filternya* terdiri daripada tiga lapisan maksud jahiliyah seperti sebelumnya.

Filter A = Tidak mengikut syari’at Allah swt.

Filter B = Menurut hawa nafsu (al-hawa)

Filter C = Bermaksiat kepada Allah swt.

Nah sekarang cuba masukkan apa sahaja nilai, benda, minat, hobi, fahaman, kelab bahkan negara ke dalam filter tersebut. Yang lepas ternyata Islam dan yang tinggal, itulah jahiliyah.

## Jahiliyah sentiasa berperang dengan Islam

Hakikatnya, pertentangan antara Islam dan Jahiliyah merupakan sunnatullah yang berlansung sejak zaman Nabi Adam as. lagi. Dalam pertembungan ini, ketika manusia berpegang teguh kepada ajaran Allah, ideologi dan penyembah jahiliyah sekaligus berjaya dikalahkan. Dan sesungguhnya sehingga ke saat ini, sememangnya jahiliyah sentiasa cuba untuk menerobos serta merosakkan hati dan merobek pegangan kita terhadap Islam.

Jahiliyah dan Islam ibarat udara yang senantiasa memenuhi ruang. Sekiranya kita tidak mengisi ruang diri kita dengan Islam, maka jahiliyah akan menyelip masuk. Kemudian pertempuran akan berlaku. Kita tidak akan mampu mengatakan benar kepada dua perkara yang saling bercanggah. Jika

kita tidak berusaha menegakkan Al-Haq dalam diri kita, maka jahiliyah akan menjadi pentadbir dan penguasa. Maka kita akan diselubungi olehnya!

\* \* \* \* \*

## » Tamadun Jahiliyah

Seringkali pemahaman ‘jahiliyah yang sempit’ digunakan untuk menyalah tafsirkan perkataan jahiliyah yang terdapat dalam teks atau bahan kita. Sedangkan jika kita berbalik melihat peradaban lain sebelum perutusan Nabi Muhammad saw., ada sesuatu yang sebenarnya cuba disembunyikan oleh orientalis daripada masyarakat dunia kerana peradaban jahiliyah datuk nenek mereka sangat dahsyat berbanding ‘masyarakat Arab jahiliyah’ yang sering menjadi tumpuan.

Persoalannya mengapa para sarjana barat tidak mengkategorikan peradaban silam mereka sebagai peradaban silam yang buruk dan tidak bermoral? Kenapa mereka tidak mewujudkan istilah ‘Rom Jahiliyah’ atau ‘Parsi Jahiliyah’ menggantikan istilah era permulaan atau perkembangan awal mereka? Inilah salah satu daripada usaha mereka untuk menjatuhkan moral kaum muslimin dan merendah-rendahkan kita.

Mari kita perhatikan belunggu Tamadun Jahiliyah yang ada di sekeliling bangsa Arab. Sepintas lalu, dapat kita katakan bangsa-bangsa yang hidup di sekitar tanah Arab sebelum Islam juga berada dalam jahiliyah yang dahsyat. Dunia pada ketika itu dikuasai oleh dua kuasa besar iaitu Parsi dan Rom, kemudian diikuti pula dengan Greek dan India.

Pemerintah dan pembesar Parsi pada keseluruhannya menganut agama Majusi (Zuradisy). Antara ajaran dalam agama ini adalah menggalakkan penganut lelaki berkahwin dengan ibunya, atau anak perempuannya atau adik beradik perempuannya. Maka tidak hairanlah apabila Emperor Yazdarij II yang memerintah dipertengahan abad kelima Masihi berkahwin dengan anak perempuannya sendiri!

Bukan setakat itu, malah Al-Imam Al-Shahrastani dalam kitabnya yang berjudul *Al-Milal Wa Al-Nihal* menyatakan, terdapat antara ajaran agama Mazdak yang menyebut bahawa kebebasan pemilikan kaum wanita tiada hadnya. Begitu juga dengan kebebasan menggunakan harta benda dan seterusnya menjadikan wanita dan harta benda sebagai kepunyaan dan hak milik bersama, tidak ubah seperti air, api dan rumput di mana semua manusia boleh berkongsi tanpa sekatan.

Seruan ini telah mendapat sambutan hangat dari kalangan mereka yang berhaluan demikian. Parsi pada waktu itu sememangnya dipenuhi dengan kekalutan yang dahsyat dalam agama mahupun falsafah yang pelbagai. Ini menjadikan keadaan masyarakatnya jauh terpesong dari norma kemanusiaan.





Rajah 2: Kedudukan Tanah Arab di antara dua kuasa besar, Rom (Byzantine) dan Parsi

Rom pula lebih huru-hara daripada Parsi. Lihat sahaja tuhan-tuhan mereka, semuanya 'lahir' kerana dahsyatnya mereka tenggelam dalam syahwat. Mereka mempertuhankan Bacus, seorang pemabuk. Mereka menjadikan Bacus sebagai dewa padahal dia adalah seorang pemabuk nombor satu di Rom! Mereka menjadikan Zenit sebagai dewa kecantikan, padahal Zenit adalah pelacur terkenal di Rom.

Mereka juga menjadikan Aphrodite tuhan, yang mengikut dongeng mereka, Aphrodite telah berzina dengan tiga dewa, kemudian melahirkan anak bernama Kyobid. Aphrodite dan Kyobid menjadi dewa cinta mereka selain Douwalik. Mereka juga mempertuhankan dewa yang berada di singgahsana Oliemp, (pekan Olimpiade di namakan atas dasar ini). Singgahsana Oliemp adalah tempat bertakhtanya dewa terbesar. Dewa ini diceritakan berzina secara sembunyi-sembunyi di malam hari tanpa diketahui oleh manusia.

Walaupun kemudiannya, agama rasmi Empayar Rom bertukar kepada Nasrani, namun semua itu sekadar kulit penghias luaran sahaja. Ketika itu sebenarnya permusuhan antara agama Nasrani dan Empayar Rom telah lama terjadi. Semasa pemerintahan Hidriyan dan raja-raja Romawi lain yang kejam, mereka menyiksa dan menyembelih orang-orang Nasrani. Hal ini berlarutan hinggalah kepada pemerintahan Constantine.

Melihat kepada kenyataan bahawa Empayar Rom telah berada diambang kehancuran, Raja Constantine pun memeluk agama Nasrani. Tidak lain hanyalah untuk menyelamatkan Empayar Rom. Padahal, hingga ke akhir hayatnya, Constantine diketahui sebagai kaki arak dan wanita. Melihat raja mereka memeluk Nasrani, maka pembesar-pembesar juga mengikut jejak langkah yang sama. Sesungguhnya, mereka tidak mengubah sedikitpun cara hidup mereka. Tindakan ini tidak lain hanyalah untuk memastikan mereka

masih kekal sebagai pembesar dan mempunyai kuasa. Itu sahaja!

Matlamat kerajaan Rom pada waktu itu adalah perluasan kuasa dengan penjajahan. Dengan menggunakan kekuatan tentera, selain untuk meluaskan kuasa, Rom juga berusaha untuk memodenkan agama Kristian supaya sesuai dengan cita-cita dan kemahuan pemerintah. Pemerintah pada waktu itu hidup dengan segala kemewahan sedangkan dalam masa yang sama kemerosotan ekonomi yang sangat teruk berlaku. Cukai yang tersangat tinggi hingga memeras dan menyeksa rakyat merupakan perkara lumrah.

Empayar Rom juga hancur kerana seks bebas dan keruntuhan moral yang melampau. Edward Gibbon melalui *The History of Decline and Fall of Roman Empire* menyatakan, *"Segala dasar-dasar akhlak dan moral di Rom telah runtuh sehingga ramai yang memilih jalan untuk hidup bebas... Di akhir abad ke-6, kerajaan Rom Timur sedang berada di ambang keruntuhan yang paling dahsyat sekali!"*

Kenapa? Kerana inti peradaban Rom itu sendiri. Mereka memandang para dewa lebih rendah dari manusia seperti berzina. Mereka menindas orang yang sedang mencari hakikat kebenaran dan cahaya. Berdirinya peradaban Rom adalah di atas dua landasan iaitu gilakan kekuasaan dan pemuasan terhadap syahwat!

Mari kita lihat pula keadaan Greek Tua dan India. Greek Tua ketika itu tenggelam ke dasar lautan khurafat dan dongeng yang tidak memberi sebarang faedah yang berguna sama sekali. India pula, menurut Professor Abul Hassan Ali An-Nadwi, pada permulaan abad keenam Masihi telah terlantar ke lembah kemerosotan agama, akhlak dan kemasyarakatan. Wanita yang kematian suami, dibakar hidup – hidup bersama mayat si suami. Sistem kasta yang menurut warna kulit dan kaum, menyamakan sesuatu suku setaraf dengan binatang atau lebih rendah lagi dari binatang. Inilah jahiliyah!

<p><b>Timur Pusat Tamadun Dunia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• India 400 SM</li> <li>• Parsi 700 SM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Parsi, kekalutan dalam agama rekaan sendiri dan falsafah serta ideologi yang berkecamuk, menjadikan keadaan masyarakatnya jauh terpesong dari norma kemanusiaan.</li> <li>• Tamadun India (Sistem kota yang tersusun tetapi tiada nilai kemanusiaan akhlak. Cth. Sistem Kasta, golongan bawahan, paria setaraf dengan binatang)</li> </ul>
<p><b>Greece (Yunan)</b> (Semenjak 600 SM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan Falsafah politik – Matematik - Undang-undang – Kejuruteraan – Moral – Perubatan</li> <li>• Hanyut dalam khurafat dan dongeng</li> </ul>
<p><b>Rom</b> (Semenjak 146 SM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rom, yang hidup dengan segala kemewahan iaitu kemewahan dalam kemerosotan ekonomi dan pemerasan terhadap rakyat jelata. Cukai tinggi kepada semua rakyat</li> <li>• Semangat penjajahan, pembunuhan dan pergelutan dalam persengketaan agama antara pihak Kristian negeri Syam (Syria) dan Mesir.</li> <li>• Memodenisasikan agama Kristian untuk disesuaikan dengan matlamat untuk mencapai cita-cita dan</li> </ul>

	kemahuan pendeta dan rajanya. • Huru-hara dan kucar-kacir
<b>Europe The Barbarian</b> (476 M – 1500 M)	• Rom jatuh. Bermula zaman kegelapan - kemunduran dan pembunuhan berleluasa sehinggalah kurun yang ke 15. Hanya keluar dari tradisi yang kaku semasa Perang Dunia II sehinggalah sekarang. • Zaman Kegelapan Eropah ialah kemunduran pada: Idea (pandangan terhadap alam), Politik, Ekonomi, Kesihatan, Makan dan Minum, Kebersihan, Infrastruktur, Keilmuan

### Rajah 3: Taburan Tamadun yang wujud sebelum kebangkitan Islam

Lihat saja Mesir, apa yang dibanggakan dan menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia adalah Piramid dan Firaunnya. Malang sekali jika kita hanya mengagumi piramid, sphinx dan mumia, tanpa mengambil iktibar dari kisah sebaliknya. Kisah yang bukan sebarang kisah, namun diceritakan Allah di dalam Al-Quran, agar kita menginsafi kezaliman dan keangkuhan Firaun. Manusia ini pernah mengaku dirinya sebagai tuhan, menindas rakyatnya dan memperlakukan mereka semahu-mahunya, hingga ke tahap membunuh semua anak lelaki yang baru lahir dari satu suku kaum. Akhirnya, manusia ini di azab Allah.

Pemerintahan Firaun merupakan satu contoh sistem dan kekuasaan yang bersifat materialistik dan mengikut al-hawa. Peradaban yang dibina hanya mengenyangkan syahwat semata-mata. Dengan bangunan yang hebat dan ahli-ahli sihir yang berusaha mengekalkan kuasa raja, Firaun telah berjaya mengelabui mata rakyat. Namun peradaban yang dibina akhirnya runtuh kerana nilai-nilai rohaninya sifar!

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضِعُّ طَائِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِ نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ﴿٤٠﴾

*“Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta ia menjadikan penduduknya berpuak-puak. Ia menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia dari golongan yang membuat kerosakan.” (Al-Qasas: 4)*

Perlu untuk kita memahami bahawa anasir-anasir yang mengheret bangsa-bangsa ini ke lembah kerosakan dan perpecahan ialah kemajuan dan tamadun yang berasaskan kepada material dan syahwat semata-mata. Tamadun ini tidak mengambil contoh-contoh ma'nawi dan akhlak yang sempurna sebagai landasan dan asas kemajuan. Ruh mereka kosong dan jauh dari petunjuk, sehingga yang memenuhkannya adalah jahiliyah yang terlalu keji. Maka penyelamat dan jalan keluarnya cuma satu, yakni melalui agama dan wahyu Ilahi sahaja.

### Semenanjung Arab Sebelum era Islam

Semenanjung Arab pula di masa itu merupakan suatu kawasan yang tenang, jauh dan terpencil dari gejala-gejala huru-hara tadi. Bangsanya

langsung tidak pernah merasai kemewahan dan kemajuan seperti Parsi; yang boleh membawa mereka ke arah kerosakan dan keruntuhan akhlak dan tidak pula mengagung-agungkan kekuatan tentera yang membolehkan mereka menjajah negara-negara di sekitarnya. Mereka juga tidak menganut falsafah dan ideologi yang beraneka ragam seperti Greek Tua yang menyebabkan mereka menjadi mangsa kepada dongengan dan khurafat.

Nabi Ibrahim as. merupakan antara mereka yang memerangi ajaran keberhalaan kaumnya. Sehingga dia dibakar sebagaimana yang diceritakan dalam Al-Quran. Apabila baginda datang ke Mekah, baginda meninggalkan anaknya, Ismail a.s. dan Siti Hajar di situ. Setelah Ismail as. meningkat remaja, mereka berdua sama-sama membina Kaabah atas perintah Allah.

Anak-anak Ismail as. semakin ramai. Dari zaman ke zaman, mereka ini masih tidak mengenali penyembahan berhala dan patung. Kemudian menjadi satu amalan kepada sesiapa yang mengembara meninggalkan Mekah, membawa seketul batu daripada Tanah Haram sebagai memuliakannya dan tanda kerinduan kepada Mekah. Di mana sahaja mereka singgah, mereka akan meletakkan batu tadi dan bertawaf mengelilinginya sebagaimana mereka mengelilingi Kaabah. Mereka berbuat demikian untuk mengambil keberkatan dengannya, juga tanda cinta dan rindu mereka kepada Tanah Haram.

Amalan ini berterusan sehinggalah ‘Amru bin Luhayy membawa masuk amalan menyembah berhala kepada mereka. Ahli sejarah mengatakan kejadian ini berlaku 500 tahun sebelum keputusan Nabi saw.. Dia merupakan orang pertama yang mengubah agama Ismail dengan membawa berhala Hubal dari Syam dan menjadi berhala yang pertama di Kota Mekah (diletakkan di atas Ka’abah). Sabda Rasulullah saw. yang bermaksud: *“Saya lihat ‘Amru Bin Luhay Bin Qam’ah Bin Khandaf menarik berhala kayunya ke dalam neraka.... Sesungguhnya dialah orang yang mula mengubah agama Ismail dengan memasang berhala, mencipta Bahira, Saibah, Wasilah dan Hami.”*<sup>3</sup>

Selepas itu, penyembahan berhala tersebar luas di semenanjung tanah Arab, hinggalah setiap penghuni rumah di Mekah mempunyai sebuah berhala yang mereka sembah di rumah. Apabila mereka mahu bermusafir, perkara terakhir yang diperlakukan di rumahnya ialah mengusap-usap berhala tersebut. Apabila pulang daripada musafir, perkara pertama yang dilakukan setelah memasuki rumahnya ialah mengusap-usap berhala tersebut.

Setelah itu, penyembahan berhala di kalangan Arab semakin menjadi-jadi. Ada di antara mereka yang membina rumah berhala. Ada pula yang membina patung. Sesiapa yang tidak mampu membina patung mahupun rumah berhala, dia mendirikan seketul batu di Tanah Haram atau di mana-mana yang mereka rasa bagus untuk menempatkannya. Dia kemudiannya mengelilinginya sebagaimana dia mengelilingi Baitullah.

Ketika bermusafir dan singgah di sesuatu tempat, seseorang itu akan mengutip empat ketul batu. Dia akan memilih batu manakah yang paling bagus, lalu menjadikannya sebagai tuhan. Tiga ketul batu lagi dijadikan

---

<sup>3</sup> Ramadan Al-Buti, *Fiqh As-Sirah I*, Saki Baki Agama Hanif dalam Jahiliyah Arab

sebagai batu alas periuk. Apabila berangkat, dia meninggalkannya. Apabila berhenti di perhentian yang lain, dia akan melakukan perbuatan yang sama.<sup>4</sup>

Arab mempunyai tiga berhala terbesar yang diagung-agungkan. Mereka mengerjakan haji dan menyembelih korban untuknya. Inilah berhala-berhala Arab yang paling terkenal pada zaman jahiliyah. Ia disebut oleh Al-Quran melalui firman Allah:

أَفَرَأَيْتُمُ اللَّاتَ وَالْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾ وَمَنَاةَ الثَّالِثَةَ الْأُخْرَىٰ ﴿٢٠﴾

(Setelah kamu - wahai kaum musyrik Mekah - mendengar keterangan yang membuktikan kekuasaan dan keagungan Allah) maka adakah kamu nampak bahawa "Al-Lat" dan "Al-Uzza". Serta "Manat" yang ketiga, yang bertaraf rendah lagi hina itu (layak disembah dan dianggap sebagai anak-anak perempuan Allah)? (An-Najm: 19-20)

### Islam dipilih untuk bertapak Semenanjung Arab

Namun jika dibandingkan dengan orang-orang Rom dan Parsi, orang-orang Arab ini lebih bersih dari segala macam kerosakan yang dahsyat. Kekurangan mereka hanyalah pengetahuan yang dapat menyinari jalan-jalan ke arah tersebut kerana mereka ini hidup dalam kejahilan yang gelap memekat. Kebanyakan mereka telah sesat untuk sampai ke arah kemanusiaan yang sebenarnya. Mereka membunuh anak perempuan kerana mahu menjaga maruah, membelanjakan wang yang banyak dengan harapan mahukan kemuliaan dan berperang sama sendiri dengan tujuan mempertahankan kehormatan.

Syeikh Safy Ar-Rahman Al-Mubarakfuri berkata dalam bukunya *Al-Raheeq al-Makhtum*,

"Tabiat semulajadi mereka ini tidak ubah seperti "logam" yang belum pernah dilebur dan dicorak oleh mana-mana acuan. Mereka ini seperti seorang manusia yang bersih dan mempunyai kemahuan yang kuat ke arah pembentukan manusia yang terpuji serta mempunyai sifat-sifat amanah, pemurah, suka menolong dan bencikan kezaliman.

Muhammad Al-Mubarak seorang professor Mesir telah mengutarakan pendapat dengan katanya: "Orang yang memerhati dan memandang kepada bangsa Arab akan dapat melihat bagaimanakah bangsa Arab boleh berdiri di masa silam di tengah-tengah dua tamadun yang melebar di kiri kanan. Di sebelah kirinya tamadun barat yang keterlaluan telah cuba mendapatkan gambaran dan imej manusia dengan alirannya yang kering pucat tak berhias dan tidak berjejas dengan hakikat keinsanannya. Di sebelah kanannya pula tamadun kerohanian dan kejiwaan yang melambung ke alam khayalan seperti yang terdapat di India, China dan sebagainya."

Setelah mendapat gambaran keadaan bangsa Arab sebelum Islam, juga keadaan bangsa-bangsa lain yang disekelilingnya, maka mudahlah bagi kita menyingkap hikmah disebalik perutusan Rasul saw. di Semenanjung Arab. Memberi tunjuk ajar kepada mereka yang sedang mencari-cari kebenaran adalah lebih mudah berbanding kepada mereka yang taksub dengan

<sup>4</sup> Hisyam bin Muhammad bin as-Sa-ib al-Kalby, *Kitab al-Asnam*, ms. 33

keburukan, kehancuran, dan kemusnahan yang mereka imani. Ini kerana, orang yang mencari kebenaran tidak menafikan kejahilan diri sendiri. Orang-orang Arab juga bukanlah bangsa yang sombong dan bermegah–megah dengan hasil tamadun kebendaan kerana sesungguhnya mereka langsung tidak mempunyai tamadun kebendaan ketika itu!

Jadi golongan ini lebih mudah untuk diperbaiki berbanding golongan Rom dan Parsi. Walau bagaimanapun, ini hanyalah analisa mudah atas keupayaan kami yang terbatas. Andaikata Allah mahu menjadikan Dakwah Islam bermula di Parsi atau Rom atau India sekalipun, sudah pasti Allah akan menyediakan jalan sehingga dakwah berjaya seperti mana yang berlaku di tanah Arab. Ini bukanlah perkara yang sukar kerana Allah swt. adalah pencipta alam ini.”<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> Safy Ar-Rahman Al-Mubarakfuri, *Raheeq Maktum*, Rahsia Pemilihan Semenanjung Arab Sebagai Tapak Pencaran Islam



## Bab 3 - Zaman Mekah<sup>6</sup>

### » Muhammad bin Abdullah Sebelum Diutuskan Sebagai Rasul

*"Sesungguhnya Allah mencipta makhluk ini, lalu Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik makhluk dan daripada sebaik-baik kelompok mereka (manusia). Dia juga menjadikan aku daripada sebaik-baik kumpulan di antara dua kumpulan (Arab dan bukan Arab). Kemudian Dia meneliti pemilihan kabilah-kabilah secara rapi, maka Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik kabilah (Quraisy). Kemudian Dia meneliti pemilihan keluarga-keluarga secara rapi, maka Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik keluarga (Bani Hasyim). Sementara aku adalah sebaik-baik jiwa (sehingga dipilih menjadi rasul dan penutup segala nabi) dan sebaik-baik keluarga di kalangan mereka. (asal-usul keturunan ibu bapa dan nenek moyang baginda tiada yang lahir daripada perzinaan, bahkan melalui pernikahan yang sah)". (Riwayat at-Tirmizi dengan sanad yang sahih).*

Semasa Herkulis<sup>7</sup> (kaisar Rom) menanyakan tentang keturunan Muhammad bin Abdullah, Abu Sufian (pada ketika itu masih musyrik) menjawab, *"Dia daripada keturunan kami yang paling mulia."* Kemudian Herkulis berkata, *"Aku tanyakan kepadamu, bagaimanakah keturunannya? Kamu mendakwa dia daripada keturunan kamu yang paling mulia. Demikianlah, Allah hanya memilih nabi daripada golongan yang mulia dalam kaumnya dan mempunyai keturunan yang paling baik."*<sup>8</sup>

Baginda saw. bukan sahaja lahir dari keturunan yang mulia, malah mempunyai sifat dan pekerti yang tinggi serta terpuji. Membesar sebagai anak yatim menjadikan baginda seorang yang amat memahami kesukaran orang lain. Bapa baginda, Abdullah telah meninggal dunia ketika baginda baru berusia dua bulan dalam kandungan.

Ibu baginda, Aminah pula meninggal dunia ketika baginda berusia 6 tahun. Selepas itu, baginda dipelihara oleh datuk, Abdul Muttalib. Ketika berumur 8 tahun, datuk baginda pula meninggal dunia. Dengan itu baginda selanjutnya dipelihara oleh bapa saudara baginda, Abu Talib sehingga baginda besar dan dewasa. Keyatiman baginda ini telah disebut oleh Al-Quran al-Karim dengan firman Allah Taala:

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ۖ

*Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Dia memberikan perlindungan? (Ad-Dhuha:6)*

Empat tahun pertama, baginda dihantar untuk tinggal di perkampungan Bani Saad. Baginda membesar dengan jasmani yang kuat, lidah yang fasih, jiwa yang berani serta mampu menunggang kuda. Sejak kecil lagi, baginda sudah menampakkan ciri-ciri keunggulan. Pada wajahnya kelihatan tanda –

<sup>6</sup> Kami merujuk kepada kebanyakan fakta daripada Mustafa Sibaie, *Sirah Nabawiyah*

<sup>7</sup> Sesetengah buku menulis nama Maharaja Rom sebagai Heracules.

<sup>8</sup> Mustafa Sibaie, *Sirah Nabawiyah*

tanda kecerdikan yang menimbulkan rasa kasih kepada siapa yang memandangi.

Keperitan hidup semasa kecil telah membentuk baginda sehingga lebih sensitif dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia. Baginda menjadi orang yang belas simpati kepada anak yatim, orang-orang miskin dan mereka yang diseksa. Kerana ini juga baginda berusaha untuk menjadi seorang yang adil, banyak melakukan kebajikan dan mengasihi golongan lemah.

Selain itu, Allah juga telah memelihara baginda daripada terlibat dengan sebarang anasir tidak bermoral yang penuh disekeliling baginda. Sewaktu usia menginjak remaja, pernah baginda terdengar suara nyanyian daripada salah sebuah rumah di Mekah sempena majlis perkahwinan. Apabila baginda teringin untuk pergi, Allah menjadikan baginda tertidur. Baginda hanya terjaga setelah matahari panas terik.

Baginda juga tidak pernah terlibat bersama kaumnya sama ada menyembah berhala, makan sembelihan untuk berhala, minum arak dan bermain judi. Perkataan yang dituturkan baginda terlindung daripada sebarang kata – kata keji dan kesat.

Abu 'Talib, bapa saudara merangkap '*ayah angkat*' nabi bukanlah orang yang senang. Kerana kesempitan yang dialami, baginda telah belajar berdikari sejak dari awal usia remaja lagi. Diceritakan, baginda pernah mengembala kambing untuk penduduk Mekah dengan bayaran upah beberapa qirat (1/24 dinar). Telah sabit daripada baginda saw., bahawa baginda bersabda:

مَا بَعَثَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا رَعَى الْغَنَمَ فَقَالَ لَهُ أَصْحَابُهُ: وَإَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَاجَابَ: وَأَنَا رَعَمًا لَأَهْلٍ مَكَّتَ  
حَتَّىٰ حَرَّ الرَّيْطُ

*Semua Nabi yang diutuskan Allah pernah mengembala kambing. Maka sahabat baginda bertanya kepadanya: Kamu juga wahai Rasulullah? Lantas baginda menjawab: Aku juga begitu. Aku pernah mengembala kambing untuk penduduk Mekah dengan upah beberapa qirat. (HR Bukhari)<sup>9</sup>*

Selain itu baginda juga pandai berniaga. Baginda pernah mengikuti rombongan dagang Abu Talib semasa berusia 12 tahun. Semasa berumur 25 tahun, baginda mendapat kepercayaan Khadijah untuk memperdagangkan hartanya. Kedua – dua destinasi perjalanan ini adalah Kota Busra di Syam. Pengalaman berkelana sedikit sebanyak memberi peluang untuk baginda lebih bergaul dengan orang ramai, memahami adat, situasi dan permasalahan yang pelbagai.

Semasa baginda diupah oleh Khadijah rha. (*radiyallahuanha*), baginda mendapat modal dua kali ganda lebih banyak daripada modal biasa yang diberikan kepada lelaki dari kaum Khadijah sendiri. Perkara ini tidak lain adalah kerana Khadijah melihat kepada reputasi Rasulullah saw. yang sememangnya terkenal sebagai seorang yang jujur dan amanah dikalangan kaumnya.

Ternyata sangkaan Khadijah tidak meleset apabila Rasulullah saw. pulang dengan membawa keuntungan yang banyak. Cerita Maisarah<sup>10</sup> tentang

<sup>9</sup> Mustafa Sibaie. *Sirah Nabawiyah*.

<sup>10</sup> Hamba Khadijah. Maisarah adalah seorang lelaki yang turut keluar berdagang bersama Rasulullah.



peribadi Rasulullah saw. yang jujur dan amanah sepanjang mereka berkelana bersama, menambahkan keyakinan Khadijah bahawa pemuda ini bukanlah sebarangan orang.

Berikut adalah kata-kata Khadijah kepada temannya, Nafisah binti Muniyah, *"Nafisah, aku melihat sesuatu yang lain pada diri Muhammad. Sesuatu yang tidak aku temukan pada lelaki lain. Dia seorang yang jujur dan boleh dipercayai. Dia mulia lagi terhormat. Dia cerdas lagi pemurah. Di samping itu, dia memiliki berita yang menakjubkan dan cerita yang aneh. Aku mendengar cerita Maisarah mengenainya. Aku sendiri pun melihat sesuatu menaunginya semasa dia datang ke sini dalam perjalanannya. Juga apa yang dibicarakan oleh para pendita mengenai dirinya. Hatiku sudah hampir memastikan dirinya adalah nabi umat ini."* Nafisah bertanya, *"Lalu apa yang membuatmu bermuram durja seperti ini?"* Khadijah berkata, *"Aku ingin Muhammad menjadi suamiku, tetapi aku tidak tahu bagaimana caranya."*<sup>11</sup>

Selepas itu, dengan bantuan Nafisah, Khadijah menyampaikan lamarannya kepada Nabi. Baginda menerima lamaran Khadijah sedangkan baginda 15 tahun lebih muda daripadanya. Sesungguhnya, Khadijah juga bukanlah calang-calang wanita. Dia memiliki kehormatan, kedudukan yang tinggi, keimanan sejati, jiwa besar dan akhlak yang suci sehinggakan dia disebut *'at-tahirah'*.

Rupanya, dialah wanita terbaik yang telah Allah tetapkan untuk menjadi teman Rasulullah saw. dalam menghadapi fasa kehidupan getir baginda selepas dilantik menjadi Rasul. Dia bersama Rasul saat suka dan duka baginda. Sesungguhnya, dialah Khadijah yang dimuliakan Allah.

Terdapat lagi peristiwa penting sebelum kerasulan, yang menunjukkan kebijaksanaan baginda dan kepercayaan kaumnya terhadap dirinya. Peristiwa itu adalah peristiwa perletakan Hajarul Aswad. Ketika itu Kaabah dilanda banjir hingga dindingnya retak. Quraisy sepakat mahu membina dinding baru untuk Kaabah.

Tetapi ketika sampai kepada proses perletakan Hajarul Aswad, setiap kabilah bertelingkah untuk mendapat penghormatan meletakkannya. Hampir-hampir saja berlaku peperangan yang dahsyat antara kabilah kerana hal ini. Kemudian mereka bersetuju untuk melantik orang yang pertama memasuki pintu masuk Bani Syaibah<sup>12</sup> sebagai hakim.

Sejurus kemudian, masuklah Muhammad bin Abdullah, seorang yang terkenal dengan panggilan *'al-amin'*. Mereka semua yakin untuk menerima apa saja buah pandangan Rasulullah saw. sebagai penyelesaian. Dan ternyata idea penyelesaian yang genius yang diutarakan baginda berjaya mengelakkan daripada berlakunya pertumpahan darah di Kaabah.

Beberapa tahun sebelum diutuskan sebagai nabi, Allah telah menimbulkan rasa cinta kepada baginda, untuk pergi ke Gua Hira<sup>13</sup>. Baginda berkhawah di dalamnya selama sebulan<sup>14</sup> kerana memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah

---

<sup>11</sup> Dr. Muhammad Abduh Yamani, *Khadijah Cinta Abadi Kekasih Nabi*

<sup>12</sup> Salah satu pintu Masjidil Haram

<sup>13</sup> Sebuah bukit yang berdekatan dengan Mekah dan terletak di timur laut Mekah

<sup>14</sup> Iaitu dilakukan dalam bulan Ramadhan

dan kehebatan kekuasaannya. Sepanjang Rasulullah saw. di Gua Hira, Khadijah tidak pernah lalai mengambil tahu keadaan baginda.

Khadijah sentiasa mengirimkan utusan bagi memastikan keadaan baginda serta membawakan makanan dan minuman kepada suaminya. Khadijah berulang-alik mendaki gunung setinggi 866 meter untuk ke Gua Hira tanpa perit dan bosan. Tidak pernah sekalipun Khadijah mengeluh dan mempertikaikan kebiasaan Nabi saw. yang selalu berulang-alik ke Gua Hira. Dan semua ini berterusan sehingga datang wahyu dan turunnya Al-Quran al-Karim kepada baginda Rasulullah saw..

### Semua ini adalah proses penyediaan

Perlu kita fahami, segala peristiwa yang berlaku pada Rasulullah saw. sebelum diutuskan sebagai Rasul adalah penting untuk mempersiapkan baginda untuk menyebarkan risalah Islam.

Keturunan Yang Baik	Tiada celaan pada keturunan
Menjadi Anak Yatim	Berdikari sejak kecil
Peristiwa Pembelahan Dada	Dibersihkan daripada jahiliyah
Mengembala Kambing	Latihan sabar
Membesar di Kampung	Bahasa yang bersih dan fasih
Dipelihara daripada menyembah berhala	Akhlak yang mulia, terpecaya
Dipelihara daripada bersosial bebas	Mengenal rupa masyarakat dan bangsa lain
Berniaga	Bijak menyelesaikan masalah ummat
Berkahwin dengan Siti Khadijah	Khadijah pembantu dakwah yang setia
Peristiwa Hajarul Aswad	
Uzlah di Gua Hira'	Uzlah tempoh muhasabah

\* \* \* \* \*

### » Muhammad saw. telah turun dari Gua Hira'

Apabila Nabi saw. berusia genap 40 tahun, Jibril turun membawa wahyu kepada baginda. Ia berlaku pada hari Isnin, 17 Ramadhan. Imam al-Bukhari meriwayatkan kepada kita tentang cara penurunan wahyu dalam Kitab Sahihnya dengan sanad yang bersambung kepada Aishah, kata beliau:

*Perkara pertama yang mula-mula berlaku kepada Rasulullah saw. ialah mimpi baik semasa tidur. Baginda hanya bermimpi melihat ia datang seperti cahaya subuh. Kemudian ditimbulkan kepada baginda rasa cinta untuk berkhulwah (bersendirian). Baginda berkhulwah di Gua Hira. Baginda beribadat di dalamnya untuk beberapa malam sebelum pulang menemui keluarganya bagi mengambil bekalan untuk khulwah seterusnya. Kemudian Baginda kembali menemui Khadijah, mengambil bekalan yang seumpamanya.*

*Sehinggalah wahyu kebenaran diturunkan kepada baginda ketika berada di Gua Hira. Malaikat (Jibril) datang menemui baginda seraya berkata: Bacalah. Baginda berkata: Aku tidak tahu membaca. Baginda menceritakan: Maka dia memegang dan*

menutupi aku sehingga aku merasa kepenatan. Kemudian dia melepaskan aku. Dia berkata lagi: Bacalah. Maka aku berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dia memegang dan menutupi aku untuk kali kedua sehingga aku merasa penat. Kemudian dia melepaskan aku. Dia berkata kembali: Bacalah. Maka aku berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dia memegang dan menutupi aku untuk kali ketiga. Kemudian dia melepaskan aku seraya berkata:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ يَكُنْ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝  
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuuk darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.” (Al-Alaq: 1-5)

Rasulullah saw. kemudian pulang dalam keadaan gementar. Baginda mendapatkan Khadijah seraya berkata: “Selimutkan aku, selimutkan aku.” Dengan segera Khadijah menyelimutkan baginda sehingga hilang rasa takut. Baginda menceritakan apa yang berlaku dan berkata: “Aku bimbangankan diriku.”

Betapa Khadijah begitu yakin dengan suaminya sehingga tiada kata yang lahir dari mulutnya kecuali kata-kata yang mampu menenangkan dan meneguhkan suaminya yang sedang kebimbangan itu. Inilah kata – kata Khadijah selepas mendengar cerita Nabi yang pulang dari Gua Hira dalam keadaan gementar: “Tak mungkin. Demi Allah, Allah tidak sekali-kali akan menghina kamu. Kamu menyambung silaturrahim, menanggung pihak yang lemah, memberi pendapatan kepada yang tidak berharta, memuliakan tetamu dan menolong mereka yang hak.” Inilah perakuan yang menunjukkan sifat Rasulullah melalui pengamatan Khadijah.

Setelah itu, Khadijah bersama Rasulullah saw. berangkat menemui Waraqah bin Naufal bin Asad bin ‘Abdul ‘Uzza. Waraqah adalah sepupu Khadijah. Dia seorang lelaki yang menganut agama Nasrani semasa jahiliyah. Dia juga boleh menulis dalam bahasa Ibrani. Dia telah menulis Injil dengan bahasa Ibrani setakat yang dikehendaki Allah. Ketika pertemuan ini, dia telah tua dan buta.

Khadijah berkata: “Wahai sepupuku, dengarlah kisah daripada anak sahabatmu ini.”

Maka Waraqah bertanya kepada Nabi saw.: “Wahai anak sahabatku, apa yang kamu lihat?”

Lantas Rasulullah saw. menceritakan apa yang telah dilihatnya. Waraqah berkata: “Ia adalah Namus (pembawa wahyu, iaitu Jibril) yang pernah turun kepada nabi Musa as.. Alangkah baiknya kalau aku masih muda remaja dan kuat. Semoga aku masih hidup ketika kaummu mengusir kamu keluar.”

Lantas Rasulullah saw. bertanya: “Adakah mereka akan mengusir aku keluar?”

Dia berkata: “Ya. Tiada seorang lelaki yang datang membawa seperti apa yang kamu bawa, pasti akan dimusuhi. Sekiranya aku sempat dengan hari itu, aku akan menolong kamu semampuku.”

Tidak lama kemudian, Waraqah meninggal dunia. Sementara wahyu pula telah terhenti sementara waktu.

Berlaku perselisihan riwayat tentang tempohnya. Yang paling lama ialah tiga tahun dan paling singkat ialah beberapa hari. Riwayat beberapa hari itu mengikut riwayat Ibn Saad daripada Ibn Abbas, dan itulah pendapat yang paling tepat jika diteliti dari beberapa aspek.<sup>15</sup>

Ketika tempoh terputusnya wahyu, Rasulullah saw. merasa susah hati dan amat dukacita, sehingga baginda hampir-hampir keluar ke kawasan bukit dan ingin menghumbankan diri dari puncaknya. Baginda menyangka Allah telah membencinya setelah memilihnya untuk memikul tugas risalah yang mulia ini. Selepas itu, wahyu kembali turun kepada baginda, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab Sahihnya, daripada Jabir bin Abdullah al-Ansori, daripada Nabi saw.:

*Ketika aku sedang berjalan-jalan, tiba-tiba aku mendengar satu suara daripada langit. Aku mengangkat pandanganku. Rupa-rupanya ia adalah malaikat yang telah datang kepada aku di Gua Hira'. Malaikat itu sedang duduk di atas kerusi di antara langit dan bumi. Aku merasa takut kepadanya, lantas aku pulang. Aku berkata: Selimutkan aku. Maka Allah Taala telah menurunkan:*

يَا أَيُّهَا الْمَدَّثِرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنْذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ﴿٥﴾

*Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaran-Nya! Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi. (Al-Muddathir: 1-5)*

Setelah itu wahyu turun berterusan.

\* \* \* \* \*

## » Telah Berlalu Waktu Tidur

Orang pertama yang beriman dengan baginda dan memeluk Islam ialah isteri baginda, Khadijah rha.. Abu Bakar adalah yang pertama dari kaum lelaki, kemudian Ali dari golongan kanak – kanak, Bilal dari golongan hamba, dan Zaid bin Harithah dari golongan budak yang dimerdekakan.

Oleh itu, Khadijah merupakan orang yang pertama beriman dengan Nabi saw. secara mutlak. Orang pertama yang membenarkan kerasulan, orang pertama kali berwudhuk dan orang pertama yang menjadi makmum dibelakang Rasulullah saw.. Pengorbanan dan sokongan Khadijah yang tidak berbelah bagi kepada perjuangan Nabi saw. dapat kita lihat sepanjang hayatnya. Inilah isteri pejuang wahai saudara, sentiasa meredhoi dakwah!

Aisyah rha. pernah bercerita; “Aku tidak pernah merasa cemburu kepada seorang wanita sebesar rasa cemburuku kepada Khadijah. Aku tidak pernah melihatnya. Tetapi Rasulullah sering menyebut dan mengingatkannya... Seperti tidak ada wanita lain di dunia ini selain Khadijah” Dan Rasulullah menjawab; “Demi Allah, aku tidak pernah mendapat pengganti yang lebih baik daripada Khadijah. Dia

<sup>15</sup> Sheikh Safy Ar-Rahman Al-Mubarakfuriyy, *Ar-Raheeq Al-Makhtum*.

*percaya kepadaku di kala orang lain mengingkariku. Dia membenarkanku di kala orang lain mendustakanku....”*

Tentang Ali pula, dia sememangnya tinggal bersama Rasulullah sejak kecil kerana ketika itu Quraisy dilanda musim kelaparan. Ini adalah antara usaha untuk meringankan beban bapa saudara baginda, Abu Talib. Saat Allah memerintahkan Nabi saw. menyampaikan dakwah kepada kaum kerabatnya yang terdekat, baginda berjaya menyusun dua kali pertemuan. Namun, ramai yang menolak tetapi tidak Ali yang pada waktu itu masih kanak-kanak sambil berkata, “*Saya akan menolongmu hai Rasulullah!*”<sup>16</sup>

Abu Bakar adalah sahabat baik Nabi, Zaid bin Harithah adalah bekas hamba Nabi yang kemudiannya menjadi anak angkat Nabi dan Bilal diajak kepada Islam oleh Abu Bakar. Selepas itu diikuti pula dengan keIslaman Az-Zubair, yang menurut riwayat pada ketika itu dia baru berumur 8 tahun. Kemudian Sa’ad bin Abi Waqqash dan Utbah bin Ghazwan.

Nabi saw. memulakan dakwah dikalangan orang-orang yang dipercayai secara sembunyi-sembunyi. Langsung bermulalah episod tarbiyah sahabat dibawah murobbi agung, Rasulullah saw.. Selama tiga tahun pertama, pertemuan rahsia diadakan di rumah Arqam bin Abu Arqam. Pada setiap pertemuan, Nabi saw. akan memberikan taujih daripada ayat-ayat Al-Quran al-Karim yang diterimanya kepada para sahabat.

Kerahsiaan ini bukanlah kerana mereka tidak benar, dan bukan juga kerana kurangnya keyakinan terhadap risalah agung ini. Sekiranya sejak dari awal-awal lagi Allah telah memerintahkan Nabi untuk berdakwah secara terang-terangan, nescaya Nabi akan melakukannya tanpa ragu-ragu. Semua ini tidak lain adalah satu sunnatullah perjalanan dakwah yang perlu kita difahami.

Begitu juga dengan sunnatullah pertembungan antara Islam dan Jahiliyah, berdakwah semestinya akan berhadapan dengan musuh yang pasti memerangi habis-habisan. Masih ingatkah lagi pada kata-kata Waraqah kepada Nabi, “*Ya. Tiada seorang lelaki yang datang membawa seperti apa yang kamu bawa, pasti akan dimusuhi...*” Sememangnya jika diperhatikan kepada sirah nabi-nabi terdahulu, hampir semua dikalangan mereka didustai, bahkan tidak sedikit yang dikejar dan dibunuh oleh kaum mereka sendiri.

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ ۖ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْكِتَابَ وَآيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۖ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنْفُسُكُمْ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

*Dan Sesungguhnya Kami telah mendatangkan Al-Kitab (Taurat) kepada Musa, dan Kami telah menyusulinya (berturut-turut) sesudah itu dengan rasul-rasul, dan telah Kami berikan bukti-bukti kebenaran (mukjizat) kepada Isa putera Maryam dan Kami memperkuatnya dengan Ruhul Qudus. Apakah setiap datang kepadamu seorang Rasul membawa sesuatu (pelajaran) yang tidak sesuai dengan keinginanmu lalu kamu menyombong; maka beberapa orang (diantara mereka) kamu dustakan dan beberapa orang (yang lain) kamu bunuh? (Al-Baqarah: 87)*

<sup>16</sup> Dr. Mustafā Mahmūd, *Muhammad saw. Muhawalah Li-fāhmis Sirah An-Nabawiyah*

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia, dan mereka kembali mendapat kemurkaan dari Allah dan mereka diliputi kerendahan. Yang demikian itu karena mereka kafir kepada ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa alasan yang benar. yang demikian itu disebabkan mereka durhaka dan melampaui batas. (Ali-Imran:112)

Sepanjang tiga tahun pertama ini, Rasulullah saw. telah memfokuskan kepada pembinaan generasi *anwal* yang berpotensi untuk menjadi paksi kepada perkembangan dakwah. Kriteria orang-orang yang dipilih dapat dilihat melalui para sahabat yang awal-awal memeluk Islam. Seseorang daripada mereka memiliki sifat-sifat yang memang diperlukan perluasan dakwah pada tahapan seterusnya seperti dipercayai masyarakat dan mempunyai kenalan yang ramai. Itulah hikmah tahapan taghyir Islam pada era bersembunyi, dakwah pada permulaan tidak diiklankan dan selektif sifatnya. Dikalangan mereka ada yang tua dan ada yang muda, ada yang tuan dan ada juga hamba, ada lelaki dan ada juga wanita. Pembinaan mereka terfokus kepada peneguhan aqidah yang menjadi dasar kepada Islam. Kekuatan aqidah menjamin kuatnya Islam seseorang itu. Dengan Aqidah yang mantap, maka lahirlah generasi Al-Quran yang unik, sekaligus mereka inilah generasi yang cintakan Allah melebihi cinta kepada sesiapa pun termasuk diri mereka sendiri.

Ini bukan dongengan kerana kisah ketika Bilal disiksa telah dilakarkan dengan tinta emas dalam sejarah yang kita baca hingga kini. Dia ditindih dengan batu besar di atas padang pasir yang panasnya ibarat logam yang sedang dibakar. Dia terus menerus disiksa, dengan harapan agar dia kembali menyembah Latta dan 'Uzza. Namun, bibir Bilal tidak lepas-lepas menyebut, "Ahad! Ahad!"

Sebahagian orang yang melihat pelik dan bertanya kepada Bilal, "Mengapa engkau mengucapkan: Ahad! Ahad!"

Bilal menjawab, "Seandainya aku mengetahui ada kalimat lain yang menyebabkan Umayyah marah, tentu aku akan ucapkan!"<sup>17</sup> Maksudnya pukullah sehingga Umayyah redho akan keIslaman Bilal. Inilah persaksian agung, seorang abdi Allah yang mencintai Allah melebihi dirinya sendiri.

Malik bin Nabi mengatakan: Ini bukan suara akal, tetapi adalah suara ruh. Kerana akal akan berkata kepada Bilal, 'Tipulah Umayyah bin Khalaf dan katakanlah padanya: 'Saya bersamamu, dan bila malam hari, pergilah berjumpa Rasulullah saw. dan ikrarkan dihadapannya kalimat tauhid'. Dan katakan: 'Saya tertawa dan telah menipu Umayyah!'

Terdapat juga kisah Saad bin Abi Waqqas, kisah Mus'ab, kisah Zinnirah, kisah keluarga Yasir, kisah Khabbab, kisah Suhaib ar-Rummi dan banyak lagi

<sup>17</sup> Dr. Abdullah Azzam. *Di Bawah Naungan Surat At-Taubah*.

kisah-kisah lain. Ya, inilah antara contoh generasi terbaik yang pernah dilahirkan sepanjang sejarah kehidupan manusia. Apa yang mereka ucapkan ... *"Ini bukanlah suara akal, akan tetapi adalah suara ruh!"* yang penuh sedar.

\* \* \* \* \*

## » Dakwah Terang-Terangan

Dakwah Rasulullah saw. telah bermula di kalangan orang yang dipercayai. Setelah cukup tiga tahun, turunlah perintah daripada Allah supaya Rasulullah saw. menyampaikan dakwah secara terang-terangan. Ketika itu bilangan orang yang memeluk Islam mencecah 57<sup>18</sup> orang.

فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu. (Al-Hijr: 94)

Seperti yang telah dijangkakan, saat Islam keluar berhadapan dengan kekuasaan jahiliyah terus ia akan dibantai habis-habisan. Rasulullah saw. juga tidak ketinggalan daripada menerima pelbagai perlakuan buruk kafir Quraisy. Ajakan Rasulullah saw. dipersendakan dengan pelbagai cara dilakukan untuk menyakiti Rasulullah dengan harapan agar baginda menghentikan dakwah.

Bukankah Nabi saw. adalah orang yang terpecaya dikalangan yang terpecaya? Bukankah dia lelaki yang dipanggil 'al-amin' bagi kaum Quraisy? Bukankah lelaki ini yang mereka jadikan hakim semasa perselisihan sehingga apa saja yang diperkatakan pasti menyenangkan mereka? Tetapi kenapa, apabila lelaki yang sama mengajak mereka kepada Allah yang Esa, maka mereka menolak, malah menuduh lelaki tadi gila, sesat dan pembawa bid'ah?!

Pada suatu hari, Rasul saw. diperintahkan untuk memberi amaran kepada penduduk Mekah. Maka baginda berdiri di bukit Sofa, menyeru satu persatu keluarga Quraisy. Setelah berkumpul Nabi saw. bersabda: *"Apakah pendapatmu jika aku katakan kepada kalian bahawa di sebalik gunung ini ada sepasukan tentera berkuda yang akan menyerang ke mari, percayakah kalian kepadaku?"*

Yang dipersoalkan itu sebenarnya adalah sesuatu yang mustahil, kerana tidak mungkin ada orang Arab lain yang berani menyerbu kota suci Mekah atau menyerang Quraisy. Itulah trajedi yang menimpa tentera bergajah Abrahah ketika cuba hendak menyerbu Mekah. Namun walaupun mustahil, oleh kerana yang berkata-kata itu Muhammad, maka Quraisy bersedia mempercayainya. *"Ya, kami akan percaya kerana engkau adalah orang yang kami percayai dan kami tidak pernah melihat engkau berdusta kepada kami."*

Nabi menyambung, *"Ketahuilah wahai kaumku Quraisy! Aku ini adalah pembawa peringatan kepadamu sekalian tentang adanya ancaman siksa yang berat. Wahai Bani Abdul Muttalib, wahai Bani Abdi Manaf, wahai Bani Zuhrah, wahai Bani Thay, wahai Bani Makhzum, wahai Bani Asad. Aku ini utusan Allah yang disuruh mengajak kalian kepada penyembahan Allah yang satu, Allah yang tak ada sekutu bagi-Nya."*

---

<sup>18</sup> Dr Munir. *Manhaj Haraki*.

*Kita semua yang hidup di dunia ini pasti akhirnya akan mati. Setelah itu kita akan dibangkitkan dari maut, dan akan diminta bertanggungjawab atas segala perbuatan kita. Kemudian akan berkesudahan kepada syurga yang abadi atau neraka yang abadi. Aku tidak akan dapat menolongmu kelak kecuali bila kalian beriman kepada Allah yang Maha Esa."*

Reaksi Quraisy selepas menerima ajakan ini adalah pelbagai. Ada yang ketawa, ada yang bertepuk tangan, dan bermacam-macam lagi. Kemudian Abu Lahab dengan bengis berkata, *"Binasalah engkau sepanjang hari ini! Untuk soal inilah engkau kumpulkan kami?"*<sup>19</sup>

Pelik tetapi itulah yang telah berlaku. Mereka mempercayai apa saja kata-kata Muhammad apabila yang berkata adalah Muhammad. Tetapi, apabila Muhammad yang sama menyatakan seruan tauhid, mereka malah mencaci dan memulaukan baginda. Abu Lahab sebagai bapa saudara yang sangat mengenali dan mengasihi Nabi pun akhirnya keluar untuk menentang baginda. Seterusnya bermulalah episod penyeksaan terhadap kaum muslimin. Tentangan yang paling kuat datangnya daripada golongan pemuka-pemuka Quraisy. Memeluk Islam bermakna siap menghadapi penyeksaan !

Jika hamba mereka memeluk Islam, maka mereka akan diseksa seberat-beratnya. Selain hamba pula ditendang, dipukul dan ditampar semahu mereka. Mereka menuduh Nabi saw. sebagai seorang penyair, penyihir dan sebagainya. Mereka menghasut penyair-penyair agar memburukkan baginda. Mereka juga mengupah orang-orang untuk membaling Rasulullah saw. dengan apa-apa saja. Lihat saja karenah jiran Nabi saw. iaitu isteri Abu Lahab yang membuang najis dan duri di depan rumah baginda setiap hari.

Namun, bilangan kaum Muslimin tidak menyusut malah semakin bertambah walaupun apa sahaja mehnah dan ujian dirancang ke atas mereka. Ini menaikkan lagi kemarahan pembesar-pembesar mereka hingga mereka mengambil keputusan untuk bertindak ke atas Nabi saw. dengan diplomasi mahupun pembunuhan.

Walau bagaimanapun, baginda ketika itu berada di bawah perlindungan Abu Talib. Abu Talib juga telah mengajak Bani Hasyim dan Bani Muttalib untuk turut sama melindungi Nabi saw.. Mereka menyatakan kesudian mereka kecuali Abu Lahab yang tetap mahu memusuhi anak saudaranya itu. Abu Talib yang menjadi pelindung dan pembela Muhammad didatangi pemuka Quraisy dengan penuh bengang. Mereka mengugut dan mengancam Abu Talib. Sekiranya Abu Talib masih tidak menghalang Muhammad, maka bukan sahaja Muhammad, Abu Talib juga akan mereka perangi, *"...sampai hancur salah satu dari kedua golongan kita."*

Apabila mereka pergi, Abu Talib berkata kepada Muhammad; *"Pemuka-pemuka Quraisy tadi mendatangiku, meminta agar engkau tidak lagi meneruskan dakwahmu itu. Atau mereka akan menentang dengan perang. Cubalah anakku, engkau fikirkan hal ini! Dan janganlah aku ini sampai engkau bebani lebih dari kemampuanku!"*

---

<sup>19</sup> Dr. Mustafa Mahmud , *Muhammad: Sebuah Upaya untuk Memahami Sejarah Rasulullah*, Terjemahan Ki Agus M.S. Agustjik, Media Dakwah, Mukasurat 77



Mendengar kata-kata bapa saudara kesayangannya yang sudah tua ini menjadikan Nabi saw. terpegun sejenak. Orang inilah yang mencurahkan segala kasih sayang saat baginda memerlukan. Orang inilah yang menyandang tugas sebagai ayah dan juga ibunya selepas baginda ditinggalkan datuk. Orang inilah yang teguh melindunginya saat semua orang berusaha menyakitinya.

Roda dakwah seakan-akan terhenti bersama, dan menanti keputusan Nabi saw.. Pilihan baginda akan mengakibatkan putaran roda dakwah itu sama ada berhenti sama sekali atau terus berputar sampai bila-bila. Dan sekarang, orang ini yang sejak dari awal menjadi pelindung dan pembela dakwah baginda telah memohon kepadanya, “*Janganlah aku dibebani lebih dari kemampuanku.*”

Dengan mata berkaca, Nabi saw. mengucapkan kata-katanya yang masyhur:

والله ياعم لووضعوا الشمس في يميني والقمر في يساري على أن أترك هذا الأمر حتى يظهره الله أو أهلك  
دونه ما تركته

*“Demi Allah, wahai bapa saudaraku! Kalau mereka meletakkan matahari di sebelah kananku dan bulan di sebelah kiriku supaya aku meninggalkan urusan ini, sekali-kali aku tidak akan meninggalkannya, sehinggalah Allah memenangkannya atau aku binasa kerananya.”*<sup>20</sup>

Untuk kedua kalinya Abu Talib kalah dengan air mata anak saudaranya yang satu ini. Pertama, ketika baginda ingin ikut bersama ke Syam dan ini adalah yang kedua kalinya. Abu Talib pun berkata:

*“Teruskanlah hai anakku! Apa yang kau rasakan sebagai tugasmu itu. Dan berkatalah sesuka hatimu. Demi Allah, aku takkan menyerahkanmu kepada apa-apa yang tidak kau sukai.”*

Selepas peristiwa tersebut, orang musyrik semakin hebat menyakiti Rasul saw. dan para sahabat. Sehingga ada yang mati diseksa dan ada yang dibutakan. Namun melihat keteguhan orang-orang mukmin ini, Quraisy mengambil keputusan untuk berunding dengan Rasulullah saw. sendiri. Mereka menghantar Utbah, tokoh Bani Makhzum. Bani Makhzum sememangnya terkenal dengan kekayaan mereka dan kaum wanita yang cantik-cantik. Mereka menawarkan harta benda sehingga Nabi boleh menjadi orang yang paling kaya dikalangan mereka. Mereka menawarkan kedudukan hingga Nabi boleh menjadi penghulu mereka semua. Sekiranya Nabi mahu menjadi raja, maka mereka sanggup melantik baginda sebagai raja mereka. Semua ini dengan syarat, baginda menghentikan dakwah.

Setelah Utbah selesai berbicara, baginda menjawab dengan membacakan surah As-Sajdah<sup>21</sup>. Rasulullah berhenti pada ayat as-Sajdah dan bersujud. Utbah juga turut bersujud. Lalu Utbah kembali kepada kaumnya dengan muka pucat lesi. Mereka bertanya lalu Utbah menjawab, *“Dengarlah kawan-kawan! Aku ini mengetahui syair, mengetahui mantra dukun dan tukang tenung. Apa yang aku dengar dari Muhammad bukanlah itu semua. Aku mendengar kata-kata itu bagaikan sebatang pohon yang akarnya menghunjam ke tanah, dahannya*

<sup>20</sup> Dr. Mustafa Mahmud, *Muhammad saw. Muḥawalah Liḥfāḥmis Sirah An-Nabawiyah*

<sup>21</sup> Ada juga pendapat yang mengatakan surah yang dibaca adalah surah Al-Fushshilat sehingga sampai ayat as-Sajdah

*rendang, buahnya lezat...*" Dan Quraisy memekakkan telinga sambil menuduh Utbah telah terkena sihir!

Dakwah era ini tidak mengenal erti diplomasi atau tawar menawar dalam soal Aqidah kepada kekuasaan jahiliyah.

Penyiksaan terus menerus belaku. Perhatikan kedegilan dan penyiksaan berterusan Quraisy terhadap para sahabat, Rasulullah saw. berkata kepada para sahabatnya: *"Bagaimana kalau sekiranya kamu keluar ke bumi Habsyah. Di sana ada seorang raja<sup>22</sup> yang tidak menzalimi sesiapa yang tinggal di negerinya. Kamu tinggal di sana sehinggalah Allah menjadikan untuk kamu jalan keluar kepada kesulitan kamu ini."*

Langkah ini sebenarnya merupakan satu strategi untuk memastikan kelangsungan dakwah dan Islam itu sendiri. Kewujudan para pendokong dakwah ini amat penting untuk menyambung perjuangan dan meneruskan usaha dakwah sekiranya yang tinggal di Mekah habis dilumatkan oleh kekejaman kafir Quraisy yang ketika itu sedang menggila.

Oleh itu, para sahabat berhijrah ke sana untuk kali pertama seramai 12 orang lelaki dan 4 wanita. Namun selepas menerima khabar pengislaman Umar dan kejayaan Islam, mereka pulang kembali ke Mekah. Akan tetapi, tidak lama kemudian mereka pergi semula ke Habsyah bersama orang-orang mukmin yang lain. Bilangan mereka dalam hijrah kali kedua ke Habsyah ini seramai 83 orang lelaki dan 11 orang wanita.

Selanjutnya, Quraisy mengambil keputusan untuk melaksanakan politik boikot total terhadap Rasulullah saw., serta Bani Hasyim dan Bani Muttalib yang memberikan perlindungan kepada Nabi. Ini tidak lain adalah kerana melihat umat Islam semakin kuat dengan adanya Hamzah dan Umar bersama. Tindakan boikot ini adalah dengan harapan dapat mengurangkan kekuatan itu.

Lantas kaum Quraisy mencatat keputusan ini pada piagam dengan memakai nama Allah. Piagam ini kemudiannya mereka gantung di dalam Kaabah. Orang musyrik tidak lagi berjual beli, bernikah dan bergaul dengan mereka walaupun sampai mereka mati kelaparan. Berlakulah pengasingan yang amat kejam terhadap Rasulullah saw. dan keluarganya serta pengikut-pengikut baginda. Bila ada pedagang makanan ke Kota Mekah, orang Quraisy cepat-cepat membeli semuanya dengan harga semahal-mahalnya, dengan tujuan agar Bani Hasyim dan Bani Muttalib tidak dapat membeli langsung makanan. Sampai pernah terjadi mereka ini terpaksa memakan daun pohon bidara.

Penderitaan ini turut sama ditanggung oleh Bani Hasyim dan Bani Muttalib yang belum Islam. Mereka menggabungkan diri bersama Rasulullah saw. kerana sebelum ini mereka telah bersetuju dengan Abu Talib untuk melindungi anak saudara mereka yang satu ini. Namun dalam banyak-banyak orang Quraisy yang memboikot, ada juga yang menaruh simpati. Terutamanya mereka dari kalangan sanak saudara Khadijah dan mereka yang pernah menerima bantuan Khadijah dan Muhammad saw. sebelum ini.

---

<sup>22</sup> Raja ini adalah Najasyi.

Perasaan simpati ini wujud apabila melihat keperitan orang-orang yang duhulunya melimpahi rumah sanak-saudara dan orang-orang susah dengan kebajikan dan santunan yang tidak pernah diberikan oleh hartawan mahupun dermawan lain.

Maka pada malam-malam yang sunyi dan secara sembunyi-sembunyi, orang-orang ini mengheret unta mereka yang berisi muatan makanan, ke tempat pengasingan itu ketika pengawal Quraisy leka. Peristiwa sebegini hanya berlaku sekali sekala lantaran ketatnya kawalan dari pengawal Quraisy.

Walaupun sebegitu suasananya, dakwah wajib diteruskan. Pada suatu waktu datanglah sekumpulan orang Nasrani menemui Muhammad saw. untuk berdialog. Setelah menerima keterangan dari Nabi, mereka terus beriman dan menjadi Muslim. Mengetahui perihal ini, orang Quraisy menjadi marah dan mencela kumpulan itu, *"Kalian disuruh oleh orang-orang seagama dengan kalian untuk menyelidiki keadaan orang-orang ini dan membawakan berita kepada mereka. Namun, belum sempat panas punggung kalian duduk menghadapnya (Muhammad), kalian sudah mengikutinya dan kalian tinggalkan agama kalian!"*<sup>23</sup>

Sungguh dahsyat sekali kebencian mereka kepada Muhammad dan risalah yang dibawanya. Padahal ajakan baginda adalah semata-mata untuk kebaikan dan tak pernah bermaksud untuk merebut kedudukan yang pemimpin Quraisy itu miliki. Ini terbukti dalam sejarah Islam, apabila seseorang pemuka atau pembesar itu meninggalkan jahiliyah dan masuk Islam, maka dia akan tetap dihormati sebagai pemuka.

Ini berlaku semasa Rasulullah membuka Kota Mekah dan baginda tidak pula melucutkan Abu Sufyan daripada menjadi pemuka Quraisy. Juga ketika tawaran diberikan kepada Bazan, wakil Kisra Parsi di Yaman. Bazan ditawarkan dengan Islam, dan sekiranya dia menerima Islam, dia masih lagi menjadi pemimpin di tempatnya. Maka, apakah sebenarnya sehingga menyebabkan mereka ini terlalu benci pada dakwah Nabi? Seolah-olah mempunyai dendam yang amat besar hingga tidak terampunkan.

Pemboikotan ini terus berlangsung selama tiga tahun. Namun, Nabi saw. tetap teguh dalam melaksanakan program Al-Quran dan habis-habisan dalam kerjaya dakwah yang dipikulnya. Buktinya adalah setiap kali musim haji tiba, Rasulullah saw. bersama kaum muslimin akan keluar untuk menyeru orang ramai kepada Islam.

Bersama-sama dengan Nabi saw. menanggung penyeksaan ini adalah orang-orang yang terdekat dengan baginda seperti isteri, bapa saudara dan para sahabat. Khadijah tetap teguh bersama suaminya, walaupun jika diikutkan dia tidak tergolong dalam sasaran boikot kerana dia bukan dari Bani Hasyim. Abu Talib juga berpegang dengan pendiriannya untuk terus menyokong anak saudaranya ini. Sehingga Allah mengiriskan serangga bagi memakan piagam yang tergantung di dalam Kaabah kecuali bahagian yang bertulis Allah.

---

<sup>23</sup> Dr. Mustafā Mahmūd, *Muhammad saw. Muhawalah Li-fāhmis Sirah An-Nabawiyah*

Maka berakhirlah pemboikotan yang dahsyat terhadap Muhammad saw. dan juga Bani Hasyim. Walau bagaimanapun, kesihatan Khadijah dan Abu Talib telah terjejas teruk selepas peristiwa boikot ini. Pada tahun yang sama, Rasulullah saw. kehilangan kedua-dua mereka. Mereka adalah penyokong baginda yang jujur dan setia. Kematian mereka merupakan kesedihan dan kepedihan sekaligus satu kehilangan besar kepada dakwah. Seluruh dunia pun tahu bagaimana Rasulullah saw. bertahan dan bersabar.

Tidak lama selepas mengalami kehilangan besar ini, Allah memuliakan baginda dengan cara menambah sokongan dan pertolongan. Kemudian terjadilah peristiwa Israk Mikraj sebagai pengukuh, penyokong, penghibur dan penenang hati buat kekasih Allah ini.

\* \* \* \* \*

### » Selepas Hijrah Ke Habsyah Hingga Hijrah Ke Madinah

Tahun kematian bapa saudara Nabi saw., Abu Talib dan isteri baginda, Khadijah dinamakan sebagai "*Tahun Dukacita*". Selepas kematian mereka, tipu daya dan perbuatan menyakiti Nabi dari kaum Quraisy semakin meningkat. Baginda mengambil keputusan untuk ke Taif, dengan harapan Bani Thaqif menyambut baik seruan dakwah ini.

Namun, mereka telah menolak dakwah Nabi saw. dengan kasar. Mereka menghasut kanak-kanak untuk menyakiti Nabi. Kanak-kanak mereka disuruh untuk melontar batu ke arah Rasulullah saw. hingga darah mengalir daripada kedua kaki baginda yang suci itu. Mereka menyakiti dan mengejar Nabi sehingga baginda memasuki kawasan kebun Utbah dan Syaibah. Menurut tradisi Arab, orang yang masuk ke perkarangan orang lain, dia dikira memperoleh perlindungan dari tuan punya tempat itu. Maka, terhentilah pengejaran tadi.

Semasa baginda berlindung di kebun itu, baginda telah memanjatkan doa kepada Allah dengan penuh khusyuk:

اللهم إليك أشكو ضعف قوتي وقلة حيلتي وهواني على الناس يا أرحم الراحمين أنت أرحم الراحمين أنت رب المستضعفين وأنت ربي إلى من تكلني إلى عدو يتجهمني أم إلى صديق مكنته إمرئ إن لم يكن بك غضب علي فلا أبالي ولكن عافيتك هي أوسع لي أعوذ بنور وجهك الذي أضاءت له السموات والأرض وأشرقت له الظلمات وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة أن ينزل بي غضبك أو يحل علي سخطك لك العتبى حتى ترضى ولا حول ولا قوة إلا بك

"Ya Allah, aku mengadu kepada-Mu kelemahan kekuatanku, sedikitnya kemampuanku dan hinanya aku pada pandangan manusia. Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih, Kamulah Tuhan golongan yang lemah dan Kamu juga Tuhanku. Kepada siapa Kamu serahkan aku? Kepada orang jauh yang memandangkanku dengan wajah bengis<sup>24</sup> atau kepada musuh yang menguasai urusanku? Sekiranya Kamu tidak murka kepadaku, aku tidak peduli (apa yang menimpa). Namun keselamatan daripada-Mu lebih melapangkan aku. Aku berlindung dengan cahaya wajah-Mu yang menyinari kegelapan serta memperelokkan urusan dunia dan akhirat. Aku berlindung daripada kemarahan-Mu atau kemurkaan-Mu terkena kepadaku. Kamu

<sup>24</sup> Iaitu melihat dengan pandangan benci. Ia adalah kiasan kepada permusuhan dan kebencian.

*berhak untuk mencela aku sehingga Kamu redha. Tiada kuasa dan tiada kekuatan melainkan dengan-Mu."*

Kemudian Addas, hamba kepada tuan punya kebun datang kepada Muhammad saw. dengan menghidangkan setangkai anggur seperti yang diperintahkan tuannya. Nabi saw. menerima anggur itu. Sebelum memakannya baginda membaca 'bismillah' dan didengar oleh Addas. Addas menegur perbuatan Nabi, *"Saya tidak pernah mendengar orang di sini mengucapkan kata-kata seperti itu."*

Nabi bertanya, *"Engkau berasal dari mana?", "Dari Ninewa<sup>25</sup>."*

Nabi berkata, *"Oh, dari kota orang soleh, Yunus ibnu Matta."*

Addas kehairanan dan berkata, *"Dari mana tuan mengenal Yunus? Saya meninggalkan Ninewa, dan di sana tak sampai sepuluh orangpun yang mengenali Yunus ibnu Matta."*

Jawab Nabi, *"Yunus adalah saudaraku, rakanku. Dia adalah seorang nabi dan aku juga seorang nabi."*

Mendengar ucapan itu, Addas terus menerkam dan memeluk Nabi, kemudian mencium kepala Nabi tanda penghormatan, sehingga tuannya yang sedang memerhatikan mereka dari jauh merasa hairan dengan tingkah laku hambanya itu. Addas kemudiannya memeluk Islam. Selepas itu Nabi saw. pulang dari Taif dalam keadaan dakwah baginda tidak mendapat sebarang sambutan dari Bani Thaqif. Walau bagaimanapun, ini tidak melemahkan semangat baginda untuk menyebarkan risalah mulia ini.

Kemudia berlaku mukjizat Isra' dan Mi'raj. Terdapat perselisihan berkenaan tarikh peristiwa ini berlaku. Secara pasti ia berlaku sebelum hijrah pada tahun ke-10 kenabian atau selepasnya. Pendapat sahih yang dipegang oleh jumhur ulama, Isra' dan Mi'raj berlaku pada suatu malam secara jaga melibatkan jasad dan roh Nabi saw..

Baginda diisra'kan daripada Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa. Kemudian baginda dimi'rajkan ke langit yang tinggi. Seterusnya pulang kembali ke rumah baginda di Mekah pada malam itu juga. Baginda memberitahu Quraisy tentang mukjizat itu. Mereka mempersenda dan memperlekehkan baginda.

Orang Quraisy pergi kepada Abu Bakar dan berkata, *"Sahabatmu mengaku dibawa pergi ke Baitul Maqdis dan kembali ke Makkah dalam semalaman saja."*

Jawab Abu Bakar, *"Kalau betul dia kata demikian, saya percaya. Sebab dia mengkhabarkan kepada saya bahawa dia menerima Al-Quran dari langit ke tujuh yang tiba kepadanya dalam satu saat, dan saya mempercayainya, apa lagi ini yang jauh lebih dekat."*

Pada malam Isra' dan Mi'raj tersebut, solat lima waktu difardhukan ke atas setiap orang Islam yang baligh dan berakal.

Usaha dakwah tetap diteruskan Rasul saw. walau pelbagai ancaman menimpa. Baginda memperkenalkan diri kepada kabilah-kabilah pada musim

---

<sup>25</sup> Ninewa adalah nama sebuah kota, terletak di wilayah Iraq Utara. Sehingga kini kota itu masih ada.

haji untuk menyampaikan seruan tauhid. Penolakan demi penolakan diterima oleh Nabi saw., namun sedikitpun tidak melemahkan azam baginda.

Sehingga pada suatu hari baginda bertemu dengan rombongan Khazraj seramai enam orang. Baginda saw. mengajak mereka kepada Islam dan mereka menerimanya. Mereka kemudian pulang ke Madinah dengan janji untuk menyebarkan risalah tauhid ini di sana.

Hasilnya, pada tahun berikut datang 12 orang lelaki Ansar menemui Nabi di Mekah dan berbaiah. Rasulullah saw. mengutuskan Mus'ab bin Umair untuk ke Madinah bersama rombongan 12 orang tadi. Bersama Mus'ab adalah misi yang sangat agung melihatkan potensi yang ada di Madinah. Dialah daie dan murabbi yang diharapkan untuk menyediakan Madinah sebagai tapak baru kepada tahapan dakwah seterusnya. Misi yang dibawa Mus'ab berhasil dengan jayanya.

Diceritakan pada suatu hari, Mus'ab dengan ditemani As'ad bin Zurarah mengunjungi perkampungan Bani Abdul Asyhal dengan tujuan untuk berdakwah kepada penduduk di situ. Ini menimbulkan kemarahan Sa'ad bin Muadz, pemimpin suku kaum itu. Dia meminta Usaid untuk pergi kepada Mus'ab dan menghalaunya. Dengan menyandang lembing dan berwajah bengis, Usaid mengherdik Mus'ab; *"Buat apa engkau datang ke mari? Cepat pergi dari sini!"*

Mus'ab menjawab, *"Tidakkah sebaiknya anda dengar dulu apa yang saya bawa ini. Jika berkenan di hati, terimalah. Jika tidak, tidak akan ada sesuatu paksaanpun."* *"Benar juga."* Fikir Usaid yang kemudian berkata, *"Baiklah."*

Lalu Mus'ab menyampaikan tentang Islam kepada Usaid. Setelah habis mendengar, Usaid berkata, *"Alangkah baiknya ajaran tuan ini. Bagaimanakah jika ada orang yang ingin bergabung dengan kelompokmu?"*

Jawab Mus'ab, *"Mandilah dulu supaya tubuhmu bersih."* Setelah itu Usaid mengucapkan kalimah syahadah.

Kemudian dia berkata, *"Aku mencadangkan seseorang yang sekiranya anda boleh meyakinkan dia, maka seluruh sukunya akan turut menyertai bersama."* Lalu Usaid pulang menemui Sa'ad. Melihat keadaan Usaid yang berbeza dari tadi, Sa'ad menegurnya sambil bertanya tentang misi menghalau Mus'ab.

Jawab Usaid, *"Entah, cuba engkau sendiri pergi menemuinya."*

Dengan hati yang sebal, Sa'ad pergi menemui Mus'ab. Dia memandang As'ad bin Zurarah sambil berkata, *"Jika tidak kerana hubungan kerabat kita, entah apalah yang telah aku perlakukan padamu. Berani engkau memandang rendah padaku dan datang ke sini untuk membuat huru-hara."*

Dengan lembut Mus'ab berkata, *"Tidakkah lebih baik tuan dengar dulu maksud kedatangan kami. Jika tuan suka, tuan terima, jika tidak, tiada suatu paksaan pun kepada tuan."*

Sebagai seorang yang bijak, adalah tidak wajar untuk menolak anjuran yang begitu sopan. Maka Sa'ad berkata, *"Baiklah, jelaskan kepada saya."*

Setelah dihuraikan oleh Mus'ab, Sa'd bertanya, *"Bagaimanakah caranya kalau seseorang ingin bergabung dengan ajaran ini?"* Dan Mus'ab menjelaskan

cara yang sama dengan Usaid tadi. Sa'ad kemudian menjadi muslim yang sejati. Tidak cukup sekadar itu, dia pulang ke kampungnya, kemudian mengumpulkan seluruh sukunya dan berkata, *"Siapakah aku ini?"*

*"Tuan adalah pemimpin kami dan orang yang paling bijaksana."* Sahut mereka serentak.

Kata Sa'ad, *"Kalau begitu, maka haram aku berbicara dengan kalian sebelum kalian menjadi muslim."*

Sukunya menjawab, *"Bagaimana caranya untuk kami menjadi Muslim?"*

*"Pergilah ke sana, kepada orang yang duduk bersama-sama As'ad bin Zurarah. Belajarlah kalian dengannya."* Ujar Sa'ad.

Sebelum hari petang, tiada sebuah rumah pun dalam perkampungan itu yang penghuninya tidak menjadi Muslim, atau tidak menyebut tentang Islam dan Muhammad. Inilah suatu proses pensyahadatan yang massal. Dari mereka inilah terkumpul seramai 73<sup>26</sup> orang yang mewakili umat Islam Madinah ke Mekah pada musim haji berikutnya.

Mereka ini datang dengan menyatakan taat setia yang tak berbelah bagi dan kesanggupan untuk membela dan mempertahankan dakwah seperti mempertahankan anak dan isteri sendiri. Mereka berbaiat<sup>27</sup>, dalam keadaan sedar bahawa mereka bakal bermusuhan dengan seluruh bangsa Arab atas pendirian menghapuskan segala ilah selain Allah. Ikrar mereka tetap teguh mahu menyerahkan bukan setakat harta, malah jiwa mereka untuk Islam.

Akhirnya Quraisy dapat menghidu pergerakan kaum Muslimin apabila sebahagian besar mereka sudah tiada lagi di Mekah. Ternyata khabar angin Islam telah tersebar di Madinah adalah benar, dan orang Islam Mekah telah mula berhijrah ke sana sedikit demi sedikit. Maka kaum Quraisy (kecuali Bani Hasyim dan Bani Muttalib) bermesyuarat tergempar di Dar An Nadwah. Keputusannya adalah Muhammad mesti dibunuh!

\* \* \* \* \*

## » Penentangan Terhadap Rasulullah saw.

Fasa Mekah adalah fasa permulaan dakwah Nabi saw. di mana baginda bermula dengan seorang, kemudian dibantu Khadijah, seterusnya Abu Bakar, dan seterusnya sahabat-sahabat yang lain. Sememangnya sudah menjadi sunnah, bagi sesiapa yang membawa risalah agung ini, mereka tidak akan sunyi daripada menerima penentangan. Mari kita melihat sebab penentangan Quraisy terhadap Nabi saw. agar dapat dijadikan pengajaran dan teladan.

Kepimpinan jahiliyah yang diwakili musyrikin Quraisy pada peringkat awal belum melancarkan perang brutal terhadap dakwah baru. Namun apabila tajammuk dakwah baru ini mendapat sambutan, mereka mulai gelisah dan sanggup melakukan apa sahaja dalam rangka membantai, membuat makar, melancarkan fitnah dan membuat tipu daya terhadap dakwah baru ini.

---

<sup>26</sup> Dua daripada jumlah ini adalah wanita.

<sup>27</sup> Merujuk kepada Bai'ah Aqabah kedua.

Kebencian dan penentangan Quraisy terhadap Nabi seolah-olah tiada penghujung. Padahal baginda digelar 'al-amin'. Orang kafir Quraisy tetap menjadikan baginda sebagai penyimpan amanah mereka walaupun selepas kerasulan. Namun apakah yang menyebabkan mereka begitu sukar untuk menerima dakwah Nabi saw.?

Diceritakan, pada malam-malam selepas kematian Khadijah, rumah Nabi saw. dikunjungi oleh Abu Sufyan, Abu Jahal dan Al-Akhnas Syariq secara senyap-senyap. Mereka duduk di luar rumah itu untuk mendengar bacaan al-Quran Muhammad. Apabila hendak pulang, mereka bertembung dan kemudiannya berjanji untuk tidak mengulangi perbuatan 'buruk' mereka itu lagi. Namun, seperti satu tarikan yang amat kuat hinggakan mereka merasa rindu untuk mendengar lagi bacaan Al-Quran, maka diulangi perbuatan ke rumah Muhammad saw. secara senyap-senyap.

Setiap kali ingin pulang, mereka akan bertembung dan setiap kali itulah mereka memperbaharui janji. Sehingga mereka akhirnya bertanyakan pendapat masing-masing terhadap apa yang mereka dengar. Abu Jahal berkata; *"Sebenarnya kami Bani Makhzum dan Bani Abdi Manaf, berlumba dan bersaing. Apabila mereka memberi makan, kami juga memberi makan, apabila mereka menanggung beban, kami juga demikian, mereka beri, kami beri. Ibaratnya kami tengah memacu kuda dan berada pada kedudukan yang sama, tiba-tiba Bani Manaf berkata, dalam suku kami ada orang mendapat berita dari langit. Maka, bilakah kami dapat menandingi mereka? Demi Allah, sampai bila-bilapun kami tidak dapat menyaingi mereka."*<sup>28</sup>

Bukan mereka tidak tahu mana yang hak dan batil tetapi mereka tidak sanggup untuk menanggung beban kalimat syahadah untuk menghancurkan segala jahiliyah. Dimana sekiranya mengucapkan kalimat itu, maka tiada apa lagi yang mereka kasih melebihi Allah dan Rasul. Ya, sehingga mengasihi Allah dan Rasul melebihi kasih dan kekuasaan Bani Makhzum dan Manaf !

Rasa ego, tinggi diri dan taasub perkauman telah menguasai sehingga mereka tidak mampu lagi untuk membuat pertimbangan dengan sewajarnya. Mereka berasa sakit hati apabila melihat dakwah cuba mengganggu dan meruntuhkan tuhan-tuhan jahiliyah yang menguasai nilai hidup mereka. Dan tuhan berhala itu jugalah yang menjadi sumber pendapatan mereka yang lumayan. Mana mungkin rasa kasih dan redho kepada jahiliyah mampu bersatu dengan Islam kerana kedua-duanya tidak mungkin boleh bersatu. Yang hitam itu hitam dan yang putih tetap bersih; samaada memperjuangkan jalan jahiliyah atau bergabung dengan kelompok Islam. Era ini tiada istilah Islam pada nama atau warisan kerana tiada ruang untuk kemunafikan.

\* \* \* \* \*

---

<sup>28</sup> Dr. Mustafā Mahmūd, *Muhammad saw. Muhawalah Li-fāhmis Sirah An-Nabawiyah*



## » Pembinaan Kader-Kader Dakwah Era Mekah

Era Mekah merupakan tahapan dakwah pertama yang sangat penting dalam sejarah Islam. Sepanjang 13 tahun di Mekah, dianggarkan hanya lebih kurang 300 sahaja orang yang menerima dakwah Rasulullah saw., yang mana majoritinya terdiri daripada golongan bawahan; hamba dan orang miskin.

Jika hendak dibandingkan dengan jumlah penduduk Mekah, bilangan itu adalah sangat sedikit, lebih kurang 3%. Apakah yang menyebabkan hanya sedikit yang tertarik untuk memeluk Islam? Kita akan membincangkan hal ini dengan lebih lanjut dalam fasa Madinah nanti.

### Tarbiyah Individu Muslim

Proses tarbiyah berlaku pada setiap masa dan peristiwa dengan acuan Al-Quran kepada generasi awal atau *'as-sabiqunal awwalun'*. Tarbiyah dalam erti kata menanamkan aqidah tauhid dan menghancurkan jahiliyah. Allah adalah dzat yang disembah dan diikuti, bukan berhala yang berada di sekeliling Mekah dan dihati mereka. Bermula di rumah Al-Arqam, Rasulullah saw. merangka program tarbiyah rabbani dengan berpedomankan Al-Quran dan melalui siri latihan keimanan dibawah tekanan dahsyat dari kuasa jahiliyah.

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٩﴾

*"Dialah yang telah mengutuskan di kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad saw) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah dan Hikmah dan mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata" (Al-Jumuah: 2)*

Berkata Sayyid Qutb tentang program tarbiyah Al-Quran, "Ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah itu menyelesaikan suatu persoalan besar, suatu persoalan utama dan penting, suatu persoalan asas bagi agama yang baru muncul itu iaitu persoalan aqidah, yang diterapkan di atas tapaknya yang terpenting KETUHANAN dan PENGABDIAN serta pertalian antara keduanya...

Al-Quran zaman Mekah tidak melangkaui persoalan pokok ini untuk mengemukakan persoalan-persoalan lain mengenai sistem kehidupan, melainkan setelah Allah mengetahui bahawa persoalan itu sudah diterangkan dengan secukupnya bahawa ianya telah sebatikan dan menjadi darah daging golongan umat yang terpilih itu, yang telah ditakdirkan Allah bahawa agama Islam ini akan dibangunkan melalui golongan ini, dan golongan inilah yang mengendalikan pelaksanaan sistem yang mencerminkan agama ini."<sup>29</sup>

Inilah fokus titik permulaan dakwah Islam yang mengarahkan manusia untuk meletakkan "tiada tuhan melainkan Allah" yang bererti meletakkan Allah sebagai kekuasaan menghukum dan pemerintah yang tertinggi lantas

<sup>29</sup> Sayyid Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, Bab Tabiat Program Al-Quran

mencabut penguasaan Jahiliyah yang dipegang oleh para penguasa, raja, paderi dan ketua suku dan menyerahkan segalanya kepada Allah.


Hikmah kebijakan Allah dalam mengatur sunnatullah kebangkitan Islam adalah bermula daripada merubah hati manusia untuk menerima nilai-nilai ketauhidan kepada Allah. Meskipun masyarakat Arab masih dibelenggu dengan pelbagai permasalahan moral dan akhlak, Al-Quran membimbing penyelesaian ini dengan meletakkan aqidah sebagai asas dalam membuat segala pertimbangan terhadap nilai-nilai kehidupan dan aqidah jualah yang menetapkan kuasa yang menjadi tempat tertegaknya pertimbangan dan nilai itu, dan balasan atau ganjaran yang dimiliki oleh setiap kuasa itu ke atas orang yang patuh atau melanggarnya. Apabila persoalan hakimiyyah dan nilai kehidupan itu benar-benar difahami, aqidah itu akan melahirkan sebuah kepribadian muslim yang teguh untuk menolak segala nilai selain Islam.

Sayyid Qutb menjelaskan bawah satu hal penting tentang Al-Quran di era Mekah, ia benar-benar membawa manusia menjiwai hakikat “tiada tuhan selain Allah” dengan mengulas “hal-hal iktikad sahaja tanpa menoleh kepada perincian sistem yang menjadi landasan kepadanya dan kepada masalah perundangan yang mengatur urusan mu'amalah”<sup>30</sup> Bermakna program tarbiyah ini jauh daripada perdebatan atau rincian teori walhal ia terfokus kepada penjelasan khusus Al-Quran yang senantiasa membawa Aqidah menempuh tentangan jahiliyah yang praktikal. Program ini juga melahirkan revolusi tetapi bukan dengan konfrontasi terhadap kekuasaan jahiliyah atau melihat kepada usaha-usaha pembaikan moral dan akhlak tetapi meletakkan revolusi merubah hati manusia untuk menerima Allah walau terpaksa menempuh ancaman pembunuhan.

Dan kesemua ancaman itu dihadapi dengan redho dan sabar atas ketentuan Allah kerana mereka tidak dibenarkan mengangkat senjata walau untuk menegakkan keadilan buat yang ditindas.

Aqidah untuk meruntuhkan kekuasaan jahiliyah ini akhirnya melahirkan sebuah harokah yang tampil ke hadapan untuk menidakkan kemunafikan dan mengikat kesatuan ruh-ruh baru Islam. Biarpun respon penerimaan terhadap Islam kurang, para sahabat yang *awwal* mendapat tarbiyah berterusan dalam usaha merekrut keanggotaan baru untuk menyertai saff harokah melalui sarana halaqah tarbawi yang biasanya dirahsiakan daripada sampai ke pengetahuan penguasa jahiliyah.

Rasulullah saw. membahagi beberapa halaqah di Mekah untuk tidak mencurigakan kaum musyrikin. Seperti yang dilakukan Khabbab dan Mus'ab bin Umair. Masih ingatkah Khabbab yang mengajar dan membacakan al-Quran kepada Sa'id Ibn Zaid dan isteri Sa'id, Fatimah bint Al-Khattab. Kemudian datanglah Umar yang mendengar berita adik perempuannya telah



<sup>30</sup> Ibid

mengikut ajaran Muhammad saw.. Dan seterusnya sehinggalah Umar dibukakan hati untuk memeluk Islam. Mus'ab pula dihantar Nabi saw. sebagai murabbi ke Madinah yang muntij sehingga tiada rumah di Madinah yang tidak bercerita tentang Islam dan Muhammad.

Hasilnya juga seperti Khabbab yang pada waktu itu masih lagi hamba kepada Umm Anmar yang telah menemui Rasulullah saw. dan bertanya, *"Tidakkah engkau berdoa untuk kami?"* Baginda saw. menjawab, *"Umat sebelum kalian dahulu ada yang badan mereka ditanam ke dalam tanah, kemudian diambil gergaji dan digergaji kepalanya hingga terbelah dua. Siksaan itu tidak menjadikan dia berpaling dari agamanya. Dan ada juga yang disisir dengan sisir besi hingga daging mereka terkelupas dan menampakkan tulang, akan tetapi hal itu juga tidak memalingkan dia dari agama. Sungguh demi Allah, urusan ini akan menjadi sempurna, sehinggakan ada musafir dari Sanaa' ke Hadramaut tidak merasa takut kecuali kepada Allah, atau bahaya serigala terhadap kambingnya. Akan tetapi, kalian tidak menunggu dan terburu-buru."*<sup>31</sup> (HR Bukhari)

Mendengarkan itu, Khabbab kembali bersemangat. Dia menghadapi seksaan dengan penuh kesabaran. Pernah badan Khabbab diheret di atas bara sehingga darah dan lemak yang menitis keluar dari badannya memadamkan bara tersebut. Malah Umm Anmar tidak lepas untuk menyeksa Khabbab dengan lebih dahsyat. Dia menyelar kepala Khabbab dengan besi panas yang merah membara. Yang terucap dibibir Khabbab adalah kalimah *'la ilaha ilallah'*. Inilah kalimah keyakinan dan pembebasan yang mutlak.

Selain ujian dalam bentuk penyeksaan, tidak kurang juga yang diuji dengan ahli keluarga yang mereka sayangi. Rasulullah sendiri diuji ketika Abu Talib berkata kepada baginda, *"Janganlah aku dibebani lebih daripada kemampuanku."*

Sa'ad bin Abi Waqas dan Mus'ab contohnya. Sa'ad terlalu menyayangi dan menghormati ibunya. Namun, terdapat satu permintaan ibunya yang tidak dapat ditunaikan Sa'ad iaitu kembali kepada kekufuran.

Ibu Sa'ad tahu bahawa Sa'ad amat mengasihinya, maka dia memulakan mogok lapar dengan harapan Sa'ad akan berasa kasihan dan menurut kehendaknya. Sememangnya Sa'ad kasihan melihat sang ibu yang tidak berdaya kerana tidak makan berhari-hari sehingga menjadi lembik tak bermaya.

Sa'ad membawa makanan untuk disuap kepada ibunya namun, si ibu enggan untuk makan. Kemudian Sa'ad berkata, *"Wahai ibuku yang aku sayangi, andaikata ibu punya seratus nyawa sekalipun, dan nyawa ibu keluar satu demi satu, nescaya aku tetap tidak akan meninggalkan Islam sama sekali."* Maka sedarlah ibu Sa'ad, pendirian anaknya yang satu ini adalah mustahil untuk dia robohkan.

Begitulah juga kata-kata Mus'ab kepada ibunya, sehingga dia dihalau dan hidup bersama Rasulullah dan sahabat lain yang pada waktu itu dalam keadaan dhaif. Kata-kata Rasulullah mengenai Mus'ab sering disebut-sebut oleh sahabat; *"Segala puji bagi Allah yang telah menukar dunia dengan penduduknya. Sesungguhnya dahulu aku melihat Mus'ab seorang pemuda yang*

---


<sup>31</sup> Khabab bekerja sebagai pembuat pedang di Mekah pada seorang wanita bernama Ummu Anmar

*hidup mewah di tengah-tengah ayah dan bondanya yang kaya raya. Kemudian dia meninggalkan itu semua kerana cinta kepada Allah dan Rasul-Nya."*

Inilah Mus'ab yang sama, yang mengetuk setiap pintu rumah di Madinah sebelum berlakunya hijrah. Sesungguhnya, mereka antara yang telah menjadi saksi kepada kita dalam ketegasan mempertahankan aqidah dan perjuangan yang mulia ini, sekalipun teruji antara kasih sayang kepada ibu bapa dengan keimanan.

Demikian adalah antara cebisan kisah yang diambil dari lautan kisah dan contoh teladan daripada para sahabat. Kisah kekuatan peribadi hamba Allah dalam mempertahankan kebenaran dan kesucian Islam. Kisah kader-kader dakwah yang memungkinkan untuk tertegak dan tersebar nya Islam. Kisah yang mempamerkan usaha dan pengorbanan yang tinggi semata-mata untuk menegakkan al-Haq.

\* \* \* \* \*





## **Bab 4 - Zaman Madinah - Era Daulah Islam**

### **» Hijrah Sehingga Nabi saw. Stabil Di Madinah**

**K**aum Muslimin telah mula berhijrah sedikit demi sedikit ke Madinah atas arahan Rasulullah saw.. Pelbagai ujian dan halangan perlu mereka hadapi dalam proses hijrah ke Madinah. Semua itu menuntut pengorbanan yang besar dari para sahabat, namun mereka tetap berhijrah demi cinta kepada Allah dan Rasul.

Kebanyakan mereka berhijrah secara sembunyi kecuali Umar. Umar telah mengisytiharkan penghijrahannya sambil berkata, *"Sesiapa yang mahu ibu kehilangan anaknya, esok tunggu aku di tengah wadi ini."* Namun, tiada siapa dikalangan Quraisy yang berani menghalang hijrah Umar.

Kegusaran Quraisy memuncak apabila melihat penghijrahan orang-orang Islam dari Mekah ke Madinah semakin ramai, seolah sedang mengumpulkan kekuatan di sana. Mereka dengan segera menyusun rencana di Dar an-Nadwah untuk menyekat bahkan menghapuskan kemaraan kaum Muslimin. Akhirnya mereka memutuskan untuk memilih seorang pemuda yang gagah daripada setiap kabilah untuk membunuh Muhammad saw..

Kemudian kesemua pemuda tersebut disuruh untuk membunuh Nabi dengan serentak. Perancangan ini tidak lain supaya tuntutan darah baginda akan teragih kepada setiap kabilah menyebabkan Bani Abdu Manaf (keluarga Rasulullah) tidak mampu untuk memerangi mereka semua dan terpaksa menerima bayaran diat sahaja. Pemuda-pemuda itupun berhimpun di muka pintu rumah baginda pada malam Hijrah. Mereka menunggu baginda keluar untuk membunuhnya.

Di pihak Rasulullah saw. pula, perancangan yang teliti telah dibuat. Rasulullah saw. dan Abu Bakar akan keluar berhijrah pada hari Khamis, 1 Rabiul Awal. Hanya Ali ra. dan keluarga Abu Bakar ra. yang mengetahui tentang hijrah tersebut. Ali ditugaskan menggantikan Rasulullah saw. di tempat tidur. Baginda juga memerintahkan Ali agar memulangkan barang-barang amanah yang disimpan oleh orang kafir Quraisy kepada baginda apabila baginda tiada di Mekah nanti.

Anak-anak perempuan Abu Bakar, Aishah dan Asma' berperanan untuk menyediakan bekalan makanan kepada mereka berdua. Asma' telah memotong sebahagian daripada tali ikat pinggangnya, untuk mengikat mulut karung makanan tersebut. Daripada peristiwa itu, dia digelar: *"Zat an-Nitoqain"* (Perempuan yang mempunyai dua tali ikat pinggang).

Strategi lainnya adalah mereka menghala ke arah Yaman dan bersembunyi di Gua Thur. Rasulullah saw. menggunakan khidmat Abdullah bin Uraiqit<sup>32</sup> sebagai penunjuk jalan. Abdullah bin Abu Bakar yang masih remaja pula bertugas untuk mengintip keadaan di Mekah. Mereka bersembunyi di dalam

<sup>32</sup> Seorang yang sangat tenang dan mahir dengan jalan padang pasir. Ketika ini dia masih lagi dengan agama Quraisy.

Gua Thur selama tiga malam. Abdullah turut bermalam bersama Abu Bakar dan Rasulullah saw.. Dia merupakan seorang pemuda yang berpengetahuan, mahir, peka dan cepat memahami.

Abdullah akan keluar meninggalkan mereka berdua pada waktu sahur lalu berada seharian bersama kaum Quraisy seolah-olah dia tidur di Mekah. Apa saja rancangan jahat terhadap Rasulullah dan Abu Bakar yang didengar, akan diingat sehinggalah dia menyampaikannya kepada mereka berdua pada waktu petangnya. Selama tiga hari itu juga, Amir bin Fahiirah<sup>33</sup> ditugaskan untuk membekalkan susu dan daging panggang kepada Rasulullah dan Abu Bakar.

Kiamat seolah-olah berlaku kepada Quraisy setelah Rasulullah saw. terlepas. Mereka keluar mengejar baginda mengikut jalan ke Madinah yang biasa tetapi usaha mencari gagal. Mereka kemudiannya menghala menuju jalan ke Yaman sehingga sampai di muka Gua Thur. Sebahagian daripada mereka berkata: *"Boleh jadi Muhammad dan temannya ada di dalam gua ini."*

Namun sebahagian yang lain menjawab: *"Kamu tidak nampakkah apa yang ada di muka gua ini. Bagaimana labah-labah menganyam sarangnya dan burung-burung bersarang di sini? Ini menunjukkan tiada seorangpun yang memasuki gua ini sejak sekian lama."*<sup>34</sup>

Abu Bakar ra. melihat kaki-kaki mereka ketika mereka sedang berdiri di muka gua itu. Dia menggeletar bimbangkan keselamatan Rasul saw., seraya berkata: *"Demi Allah! Wahai Rasulullah, kalau salah seorang daripada mereka melihat ke tempat letak kakinya, nescaya dia akan melihat kita."* Rasul saw. mententeramkannya dengan bersabda: *"Wahai Abu Bakar, kamu sangka kita berdua, sedangkan Allah adalah yang ketiga"*<sup>35</sup>

Apa yang menjadi kebimbangan Abu Bakar adalah keselamatan pemimpinnya, Rasulullah saw. bukan dirinya. Jika dia bimbangkan keselamatan dirinya, nescaya dia tidak akan menemani Rasulullah saw. dalam hijrah yang bahaya itu. Dia mengetahui balasan paling minima adalah bunuh jika orang musyrik dapat menangkapnya bersama Rasulullah saw.. Namun dia lebih bimbangkan keselamatan Nabi dan masa depan Islam sekiranya Rasul saw. jatuh ke genggam tangan orang musyrik.

Sehubungan dengan kehilangan Nabi, Quraisy mengiklankan tawaran lumayan kepada sesiapa saja yang berjaya menangkap Muhammad. Suraqah bin Ja'syam menyahut tawaran itu dengan penuh tekad. Namun dia gagal, kerana takdir Allah kaki-kaki kudanya terbenam ke dalam pasir dan tidak berupaya untuk berjalan setiap kali menghampiri Rasulullah saw..

Kejadian ini meyakinkan Suraqah bahawa manusia yang dihadapinya itu mempunyai penjagaan Tuhan yang tidak mampu diketahui oleh keupayaan manusia. Oleh itu, dia rela melepaskan habuan hadiah daripada Quraisy, sebaliknya memenangi janji Rasulullah saw. untuknya. Baginda menjanjikan untuknya gelang tangan yang dipakai oleh Kisra. Suraqah kemudian pulang ke

---

<sup>33</sup> Budak suruhan Abu Bakar yang bertugas memelihara kambing. Dia juga menghalau kambing-kambing jagaannya untuk menghilangkan kesan tapak kaki Rasulullah saw. dan Abu Bakar

<sup>34</sup> Kisah labah-labah dan burung ini terdapat khilaf ulama pada kebenarannya

<sup>35</sup> Mustafa Sibaie, *Sirah Nabawiyah*

Mekah dan berlakon seolah-olah dia tidak menemui sesiapa. Seterusnya, Nabi saw. berjaya hijrah ke Madinah bersama Abu Bakar.

### **Peranan Pemuda (Rijal Dakwah)**

Peranan Ali dan Abdullah dalam hijrah Nabi saw. membuktikan bahawa pemuda mempunyai pengaruh besar dalam menjayakan misi dakwah. Keberanian untuk kesanggupan mereka untuk berkorban menjadi saksi kepada kelansungan dakwah hingga hari ini. Sahabat-sahabat seperti Abdullah bin Mas'ud, Mus'ab bin Umair, Abdul Rahmah bin Auf, al-Arqam bin Abi al-Arqam, Said bin Zaid, Bilal bin Rabah, Ammar bin Yasir, Uthman bin Affan juga adalah antara mereka yang berada di kalangan generasi pemuda.

Mereka inilah pemuda yang menyerahkan hidupnya demi dakwah. Ketika disiksa itulah saat mereka diruntun bahagia dan bagi mereka cinta terhadap hidup telah sirna berganti mendapatkan cinta Ilahi. Pemuda-pemuda inilah yang menjadi saff hadapan harokah Islam dan berjuang tanpa pernah gentar terhadap musuh. Dengan jasa merekalah, Islam telah sampai kepada kita.

Aishah dan Asma pula membuktikan betapa pentingnya peranan wanita dalam perjuangan dakwah. Merekalah antara contoh daripada kelompok wanita beriman yang tidak lagi menghiraukan segala kesusahan demi untuk menyebarkan keimanan. Masa muda dihabiskan turut sama berjihad dengan segenap upaya yang ada. Mereka mendokong setia jihad suami, pendakwah yang menyeru adik-beradik dan penyuluh iman kepada anak-anak. Merekalah para wanita yang melahirkan putra-putri terbaik kepada dunia dan seisinya.

### **Bermula Fajar Baru**

Kegembiraan penduduk Yathrib yang beriman dikalangan Ansar dan juga kaum Muhajirin jelas terpancar apabila Rasulullah saw. tiba dengan selamat. Kaum lelaki meninggalkan kerja-kerja mereka, wanita dan kanak-kanak keluar dari rumah-rumah mereka untuk menyambut ketibaan Nabi saw.. Sebetulnya, sejak dari perkhabaran hijrah Nabi lagi mereka telah keluar ke pinggir Madinah untuk menanti, dan hanya pulang setelah matahari memancar terik di atas kepala.

Penantian mereka saban hari berakhir sebaik mereka melihat kelibat Rasulullah saw. dari jauh. Kanak-kanak mula mendendangkan nasyid diiringi paluan gendang;

*Bulan purnama telah terbit kepada kami,  
Dari jalan-jalan di bukit Wada,  
Wajib ke atas kami untuk bersyukur,  
terhadap seruan penyeru kepada Allah,  
Wahai utusan yang diutuskan kepada kami,  
kamu datang bersama perkara yang dipatuhi.*

## Pembentukan Mujtamak Muslim (Masyarakat Islam)

Rasulullah saw. membina mujtamak muslim yang pertama di Madinah setelah beliau berhijrah dari Mekah.<sup>36</sup> Berkata Sayyid Qutb, “Dan apabila agama ini dianut oleh sekumpulan manusia berdasarkan fahamannya yang sebenar - maka kumpulan itu yang diberi nama mujtamak muslim iaitu masyarakat yang cukup kelayakan untuk menghayati sistem Islam dalam kehidupan mereka bermasyarakat, sebab mereka telah berikrar untuk hidup di atas asas ini seluruhnya dan tidak menerima kuasa pemerintahan yang lain atas kehidupannya selain daripada kuasa dan perintah Allah.”<sup>37</sup>

Mujtamak ini sebelumnya lahir daripada sebuah harokah Islam yang di dalamnya adalah individu dan keluarga muslim yang menjiwai ruh Islam dalam segenap kehidupan mereka. Mujtamak ini tidak lahir daripada harokah yang mengumpulkan anasir-anasir yang tidak sihat perwatakan imannya melainkan berdiri di atas paksi sekumpulan manusia yakin dan tidak ragu-ragu terhadap hakimiyyah Allah. Anggotanya tidak lahir dengan sekadar mengisi borang keahlian atau sekali sekala meluangkan masa untuk dakwah tetapi telah melalui siri-siri program tarbiyah yang berupa mehnah dan ujian dan juga bai'ah membela Islam walaupun pedang di leher mereka. Mujtamak ini lahir setelah ahlinya melalui proses pembinaan akidah yang memakan masa yang panjang dengan bertahap-tahap supaya akidah itu menjelma dalam suatu gerakan yang hidup menghadapi jahiliyah.

Justru dengan kelahiran mujtamak muslim, maka barulah Al-Quran mengemukakan lagi tuntutan deen yang Rabbani untuk memenuhi realiti kehidupan mereka yang sedang berkembang.

Mari kita tinjau dengan lebih lanjut proses penyediaan mujtamak ini setibanya Rasulullah saw. ke Madinah. Terdapat tiga perkara penting yang dilakukan baginda yang perlu kita perhatikan;

1. *Pembinaan Masjid* - Baginda saw. singgah di Quba' yang terletak kira-kira dua batu dari Madinah. Disitu baginda mengasaskan masjid pertama yang dibina dalam Islam. Seterusnya ketika baginda di perkampungan Bani Salim bin 'Auf, apabila waktu solat Jumaat telah masuk, baginda membina sebuah masjid di situ. Juga di Madinah, tindakan pertama yang dilakukan Nabi ialah memilih tempat unta baginda berhenti duduk, untuk dijadikan masjid. Dinding masjid itu dibina daripada batu bata dan bumbungnya daripada pelepah-pelepah kurma yang diletakkan pada batang-batang kurma.

Tujuan utama pembinaan masjid bukanlah sekadar tempat untuk beribadah, tetapi sebenarnya lebih luas daripada itu. Ia tidak dimiliki oleh mana-mana kabilah, kumpulan atau keluarga dan ia menjadi tempat penting dalam menguruskan hal ehwal kaum Muslimin. Masjid menjadi nadi tempat pertemuan kaum Muslimin untuk mendapat tarbiyah daripada Nabi saw., bermesyuarat, berukhuwwah, memutuskan sesuatu hukum<sup>38</sup> dan menyeru orang ramai untuk berinfak dan menyahut seruan jihad di jalan Allah.

---

<sup>36</sup> Prof Dr. Ahmad Syalabi, *Masyarakat Islam*, cet. Pustaka Nasional 1966, ms. 37

<sup>37</sup> Sayyid Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, Bab Tabiat Program Al-Quran

<sup>38</sup> Prof Dr. Ahmad Syalabi, *Masyarakat Islam*, cet. Pustaka Nasional 1966, ms. 39



2. *Mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansor* – Baginda saw. menjalin persaudaraan antara Muhajirin dan Ansor, Muhajirin dengan Muhajirin dan Ansor dengan Ansor. Tindakan ini adalah untuk mengeratkan jurang kesukuan antara Aus dan Khazraj yang selalu berperang sewaktu sebelum hijrah dan mendekatkan hubungan antara kabilah-kabilah Muhajirin yang terpecah-pecah setibanya di Madinah. Ini juga bermakna Rasulullah saw. membentuk sistem kekeluargaan yang baru menggantikan keluarga-keluarga kecil yang berdiri sendiri dan terpisah daripada yang lain. Tiada lambang lain selain Islam yang boleh dikibarkan, baik lambang perkauman, kabilah mahupun daerah. Baginda menghubungkan antara setiap individu dan keluarga dan memperbaharui janji mereka untuk senantiasa berazam membela Islam.

3. *Perjanjian bertulis antara kaum Muslimin dengan non-Muslim* - Ia adalah ikatan perjanjian di antara mujtamak Muslim dengan orang-orang Yahudi serta golongan kecil lainnya yang tinggal di Madinah untuk menjaga keharmonian dan hak setiap manusia. Perjanjian ini seterusnya berkembang dengan mengambil kira kepada realiti masyarakat yang semakin dinamik dan membesar. Hingga apabila mujtamak Muslim semakin kuat, Nabi saw. dan para sahabat melangkah setapak lagi ke hadapan dengan mengemukakan perjanjian-perjanjian hak dan tanggungjawab kewarganegaraan buat seluruh manusia yang berada di Madinah di bawah penguasaan Islam.

## **Membentuk Kerajaan Islam**

Mereka yang beriman kepada Rasulullah saw. telah berhijrah dan berjihad demi untuk menegakkan sebuah daulah Islam yang berhukumkan kepada syariat Allah. Sejak dari Mekah lagi, terdapat ayat-ayat Makkiah yang membayangkan persoalan pemerintahan, kekuasaan dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah swt.. Ketika itu dakwah Nabi saw. masih lagi diperingkat permulaan. Namun, kisah-kisah kepimpinan nabi Daud, nabi Sulaiman, nabi Yusuf dan Zulqarnain yang memberikan contoh keadilan kepada kehidupan manusia telah diceritakan dalam Al-Quran.

Tidak ketinggalan juga kisah-kisah raja yang memerintah mengikut al-hawa, yang melakukan kezaliman dan akibatnya terhadap kehidupan rakyat seperti kisah Namrud, Firaun, raja-raja dalam kisah ashab al-Kahfi dan ashab al-Ukhdud. Semua kisah ini tidak lain adalah untuk menggambarkan bahawa tiada suasana rahmat dan keadilan sistem hidup kepada umat manusia melainkan di bawah kekuasaan Islam. Maka tugas Rasulullah saw. sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam tidak akan berjaya melainkan umat manusia berada di bawah kepimpinan wahyu Allah swt..

Untuk menjayakan misi ini, perlu kepada wujudnya negara yang memiliki pemerintah dan rakyat yang beriman dengan Islam, menghayati, tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah. Inilah daulah fikrah dan wahyu dimana seluruh isi negara beriman dengan fikrah Islam, menghayatinya, melaksanakannya dan memperjuangkannya.

Tetapi negara ini tidak tertegak melainkan mujtamak muslim yang terbentuk sudah cukup bersedia dengan seluruh anggotanya berhukumkan kepada syariat Allah terlebih dahulu. Formula ini sangat tegas untuk kita

hayati kerana masyarakat yang kacau dengan pelbagai permasalahan ketaatan kepada Allah akan mengganggu kestabilan dan pengukuhan negara Islam. Seperti kaedah pembinaan mujtamak muslim, paksi kepada mana-mana fasa taghyir Islam tidak akan pernah berubah individu muslim yang lahir daripada madrasah tarbiyah Ar-Rasul saw.. Merekalah yang menjadi tonggak kepada tertegaknya Negara Islam Madinah. Berawal daripada penghantaran Mus'ab bin Umair yang di tugaskan untuk menyediakan tapak kepada dakwah, Mus'ab berhasil mengumpulkan potensi manusia terbaik yang sanggup berikrar dengan darah mereka untuk menjadi saksi kepada perjuangan.

Terdapat satu prinsip yang digubal Nabi saw. di Madinah yang menandakan berdirinya Daulah Islam yang kita kenali sebagai Piagam Madinah<sup>39</sup>. Ia mengandungi prinsip-prinsip yang menjadi dasar kepada negara Islam yang pertama. Di dalamnya dinyatakan prinsip kemanusiaan, keadilan sosial, toleransi agama dan kerjasama demi kemaslahatan masyarakat. Prinsip ini semakin jelas kelihatan apabila Islam semakin berkembang ke daerah lain di tanah Arab.

\* \* \* \* \*

## » Peperangan di Madinah

Pada era Mekah, jihad para sahabat adalah bersabar dan berdakwah dengan lisan dan akhlak. Mereka diuji dengan penindasan dan kekejaman, tanpa peluang untuk mengangkat senjata dan membela diri, maka lain pula halnya di Madinah. Mereka dibenarkan Allah swt. untuk keluar berperang dengan mengangkat senjata untuk melawan siapa sahaja yang memusuhi agama Allah. Seruan ini mereka sahut dengan seluruh hati tanpa rasa gentar ibarat singa yang garang mempertahankan wilayahnya.

Tertegaknya daulah Islam bukan bererti kaum Muslimin dapat hidup senang lenang di rumah dengan anak isteri atau mula sibuk mencari harta dunia, tetapi mereka sebenarnya lebih-lebih lagi perlu mempertingkatkan persiapan keimanan untuk menghadapi ancaman yang lebih besar, yakni kebencian masyarakat jahiliyah seluruh dunia.

## Turunnya Ayat-Ayat Pedang

Nabi saw. hampir-hampir tidak sempat menetap selesa di Madinah apabila siri peperangan antara baginda dengan Quraisy dan kabilah-kabilah Arab yang menyokong jahiliyah bermula. Peperangan demi peperangan berlangsung, antara haq dan bathil. Mereka harus berjuang mati-matian untuk mempertahankan dan memastikan survival daulah Islam yang baru terbentuk.

### → Ghazwah Badar al-Kubra (17 Ramadhan tahun ke-2 hijrah)

Ia bermula dengan rancangan untuk menyekat kafilah dagang Quraisy yang pulang dari Syam ke Mekah. Kafilah ini sebenarnya membawa dagangan barangan muslimin yang telah dirampas oleh Quraisy setelah mereka berhijrah ke Madinah. Misi sekatan itu bukannya dengan tujuan peperangan.

---

<sup>39</sup> Sila rujuk lampiran untuk membaca Piagam Madinah

Walau bagaimanapun kafilah yang diketuai oleh Abu Suffian tersebut telah terselamat daripada sekatan orang Islam. Namun Abu Suffian sebelum itu telah mengutuskan utusan kepada Quraisy untuk keluar melindungi kafilahnya. Rentetan permintaan tersebut, Quraisy yang diketuai Abu Jahal telah keluar dengan bilangan kira-kira 1000 orang tentera.

Sementara itu, bilangan orang Islam pula seramai 313 atau 314 orang. Mereka membawa 70 ekor unta dan dua atau tiga ekor kuda sahaja. Mereka bergilir-gilir dalam kumpulan-kumpulan kecil menaiki unta tersebut dari satu masa ke satu masa.

Sebelum Nabi saw. memasuki pertempuran, baginda ingin mengambil pandangan para sahabatnya, khususnya kaum Ansor untuk bertempur. Kaum Ansor diwakili Saad bin Muaz, ketua Ansor, berkata kepada Baginda: *"Wahai Rasulullah, kami telah beriman dengan kamu, membenarkan risalahmu. Kami menyaksikan apa yang kamu bawa adalah benar dan kami telah berikan janji juga ikrar untuk mendengar arahan dan taat kepadamu."*

Oleh itu, teruskan wahai Rasulullah, apa yang kamu mahu. Kami tetap akan bersama kamu. Demi Tuhan yang mengutuskan kamu membawa kebenaran, kalau kamu bentangkan kepada kami laut ini, nescaya kami akan mengharunginya bersama kamu. Tiada seorang pun daripada kami yang tercicir. Kami tidak benci untuk bertemu dengan musuh kami besok. Kami kaum yang sabar ketika perang dan jujur (tidak belot) ketika bertemu musuh. Semoga Allah membuatkan sesuatu berlaku kepada kalangan kami yang menggembirakan kamu. Berangkatlah bersama kami dengan berkat Allah."

Apabila kedua-dua kumpulan (orang Islam dan orang musyrik) bersemuka, Rasul saw. meluruskan barisan orang Islam, membakar semangat mereka untuk berperang dan memotivasi mereka untuk syahid. Baginda bersabda:

والذي نفسي بيده، لا يقاتلهم اليوم رجل فيقتل صابرا محتسبا مقبلا غير مدبر إلا أدخله الله الجنة

*"Demi Tuhan yang jiwaku di dalam genggamannya, sesiapa yang memerangi mereka (tentera orang musyrik) pada hari ini, kemudian dia terbunuh dalam keadaan penuh kesabaran dan ikhlas, terus maju dan tidak lari dari medan pertempuran, pasti Allah akan memasukkannya ke dalam syurga."*

Setelah itu baginda pulang ke khemah bersama Abu Bakar dengan dikawal oleh Saad bin Muaz yang siap menghunuskan pedangnya. Rasul saw. mula berdoa. Antara doa Baginda:

اللهم اني انشدك عهدك ووعدك اللهم ان تهلك هذه العصابة من اهل الاسلام (المؤمنون المحاربون) لاتعبد في الارض

*"Ya Allah, aku menagih janji dan jaminan-Mu. Ya Allah, jika Kamu binasakan kelompok ini (pejuang-pejuang mukmin), Kamu tidak akan disembah lagi di muka bumi."*

Baginda memanjangkan sujudnya, sehingga Abu Bakar berkata: *"Cukuplah. Sesungguhnya Allah akan melaksanakan janji-Nya untukmu."*

Kemudian peperangan meletus dan berakhir dengan kemenangan berpihak kepada mukminun. Kira-kira 70 orang musyrik telah terbunuh termasuk ketua mereka, Abu Jahal. Mereka yang ditawan pula kira-kira 70

orang. Baginda saw. pulang ke Madinah dan melakukan syura dengan para sahabat Baginda tentang urusan tawanan perang.

Umar mencadangkan supaya mereka dibunuh. Abu Bakar pula mencadangkan supaya mereka menebus diri mereka. Rasul saw. menerima cadangan Abu Bakar. Oleh itu, orang musyrik telah menebus tawanan mereka dengan harta. Peristiwa Badar dirakamkan Allah di dalam Al-Quran, Surah Ali Imran: 123-127.

→ **Ghazwah Uhud** (hari Sabtu, 15 Syawal, tahun ke-3 hijrah)

Sebab berlaku ghazwah ini adalah Quraisy ingin menuntut bela terhadap kekalahan dalam Ghazwah Badar. Mereka membuat persiapan sehingga mereka benar-benar bersedia untuk memerangi Rasul saw. di Madinah. 3,000 pejuang siap termasuk bilangan tentera Ahabisy<sup>40</sup>. Untuk logistik, mereka membawa bersama 3000 ekor unta dan 200 pahlawan berkuda. Peralatan penangkis yang dibawa pula adalah sebanyak 7000 perisai. Juga, 17 orang wanita termasuk Hindun binti 'Utbah, isteri Abu Suffian yang bapanya telah terbunuh dalam Ghazwah Badar.

Rasul saw. dan beberapa orang sahabat berpendapat supaya orang Islam bertahan di dalam kota Madinah sahaja. Namun sebahagian pemuda-pemuda Islam serta sesetengah Muhajirin dan Ansor, khususnya mereka yang tidak turut serta dalam Ghazwah Badar dan tidak memperolehi kemuliaan berperang dalam ghazwah tersebut bersemangat untuk keluar dan melawan orang musyrik di tempat perhimpunan mereka. Lantaran itu, Rasulullah saw. telah beralah kepada pendapat mereka, lalu menyarung baju besi, menggalas perisai, menggantungkan pedang di leher dan memegang tombak, siap untuk keluar berperang.

Melihat itu, merekapun merasakan sedikit menyesal lalu berkata kepada Rasul saw.: *"Kami tidak seharusnya menyalahi pendapat kamu. Oleh itu, buatlah apa yang kamu mahu, atau kamu duduk di sini sekiranya kamu mahu."* Maka Rasul saw. menjawab kepada mereka, *"Tidak wajar bagi seorang nabi, apabila dia memakai baju perisainya untuk dia menanggalkannya semula, sehinggalah Allah memberikan hukuman antaranya dan musuhnya."* Kemudian Baginda bersama kira-kira 1,000 orang Islam telah berangkat keluar Madinah termasuk 100 tentera berbaju perisai dan 2 pahlawan berkuda.

Di pertengahan jalan, Abdullah bin Ubai bin Salul bersama 300 orang munafik menarik diri, maka bilangan tentera Islam hanya tinggal 700 orang untuk menghadapi 3000 tentera dari pihak musuh.

Di sini Rasulullah mengatur strategi perangnya yang benar-benar berhasil. Seramai 50 orang pemanah handalan yang diketuai oleh Abdullah bin Jubair al-Ansori ditempatkan di atas bukit, untuk melindungi bahagian belakang tentera Islam. Rasulullah berpesan: *"Lindungi belakang kami supaya mereka tidak datang menyerang kita dari arah belakang. Hujani mereka dengan anak-anak panah. Kuda tidak dapat melawan panah. Kita akan terus menang selagimana kamu tetap tidak berganjak daripada tempat kamu. Ya Allah, aku bersaksikan Engkau dalam menghadapi mereka"*.

---

<sup>40</sup> Mereka merupakan sekutu Quraisy.

Kemudian, bermulalah peperangan. Allah telah membantu orang Islam menentang musuh-musuh mereka. Orang Islam telah membunuh sebilangan mereka. Pihak musuh kemudiannya melarikan diri. Melihat tentera musuh telah berundur, ramai ahli pemanah turun dari bukit dan terhentilah hujan panah yang dasyat.

Khalid al-Walid yang menyedari hal itu, cepat-cepat menyusun pasukannya dan menyerang pos belakang tentera Islam yang sudah ditinggalkan sebahagian besar pengawalannya. Maka pasukan Khalid berjaya menyapu bersih pengawal-pengawal yang masih setia di tempat mereka, dan seterusnya menyerang pasukan Islam dari belakang. Tentera Islam sama sekali tidak menyangka mereka akan diserang dari belakang, menjadi kacau bilau. Akhirnya, kemenangan tadi telah berubah menjadi kekalahan.

Tentera Islam cuba mengumpul kembali kekuatan. Hampir 30 orang segera mendampingi Rasulullah saw.. Mereka mengatur langkah dan berundur secara tersusun ke lereng bukit. Tentera musuh tidak dapat menumbangkan kumpulan ini. Pengunduran ini kemudiannya disertai oleh kelompok-kelompok tentera Islam yang lain sehinggakan tentera musyrikin tidak berjaya menawan seorangpun daripada pasukan Islam.

Malah tiada harta rampasan perang yang berjaya mereka perolehi. Tentera musyrikin malah meninggalkan medan pertempuran lebih awal berbanding tentera Islam; satu perkara yang melanggar kebiasaan. Secara tradisinya, pihak yang menang akan bermukim di medan pertempuran selama sehari hingga tiga hari.

Langkah seterusnya diambil oleh tentera Islam. Perjuangan mesti diteruskan. Rasulullah saw. menyusun semula tentera untuk mengejar Quraisy yang dipimpin oleh Abu Sufyan. Hampir semua tentera Islam yang baru ini adalah mereka yang turut sama dalam Uhud, di mana mereka masih lagi dalam keadaan luka parah termasuk Nabi Muhammad saw. sendiri.

Berita Bergeraknya tentera Muhammad telah menggerunkan Quraisy. Mereka bimbang kemenangan yang baru saja mereka perolehi akan bertukar kepada kekalahan. Pasukan Muhammad saw. berkhemah di Hamra al-Asad selama tiga hari tiga malam, sambil menyalakan unggun api dan hal ini kian mencemaskan Abu Sufyan. Maka pasukan Quraisy mengambil keputusan untuk bergegas pulang ke Mekah.

Semasa pulang, terlintas pada fikiran orang-orang Mekah sendiri mengapa tidak diteruskan sahaja peperangan sehingga tumbangnyanya Kerajaan Islam di Madinah padahal mereka sudah sangat hampir dengannya? Mereka sudah berhasil menewaskan 70 pahlawan terbilang Muhajirin dan Ansar seperti Hamzah bin Abu Muttalib, Mus'ab bin Umair dan Sa'ad bin Arrabi'.

Ditambah lagi dengan sejumlah besar tentera Islam telah kucar-kacir sehingga yang mengawal Rasulullah saw. hanya tinggal beberapa kerat sahaja; antaranya Abu Dujanah yang melindungi Nabi sehingga kelihatan seperti landak lantaran banyaknya panah yang tertancap di belakangnya dan juga Ummu Amarah-seorang wanita. Kenapa tidak diteruskan saja peperangan ini hingga mencapai kemenangan yang gilang gemilang?

Tetapi Quraisy sendiri sangat sadar, bahawa kemenangan mereka kali ini hanyalah kerana helah Khalid yang ketika itu adalah ketua pasukan berkuda Quraisy. Mereka masih ingat bagaimana dasyatnya serangan 700 orang pasukan Islam yang telah memporak-perandakan mereka. Mereka masih ingat betapa beratnya tebasan dan pukulan yang dilancarkan tentera Islam terhadap mereka di medan Badar.

Quraisy sadar, jika tidak kerana kurangnya disiplin pasukan pemanah sehingga Khalid berjaya mengambil kesempatan, nescaya apa yang berlaku pada Badar pasti berulang kembali. Bagaimana mungkin mereka akan berjaya untuk menewaskan pasukan Muhammad yang kembali bangkit dengan keinginan untuk bertempur yang membuak-buak itu?

Lantaran peristiwa Ghazwah Uhud ini, Allah Taala telah menurunkan beberapa ayat bagi merawat kelukaan hati orang-orang mukmin dan menyedarkan mereka tentang punca-punca kekalahan yang menimpa mereka.

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٢٩﴾ إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ ۚ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ ۚ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٣٠﴾ وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾ أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخِلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ ﴿١٣٢﴾

"Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman. Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka (tercedera), maka sesungguhnya kaum (musyrik yang mencero bohi kamu) itu telah (tercedera juga dan) mendaapat luka yang sama (dalam peperangan Badar). Dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan), Kami gilirkan antara sesama manusia, (supaya menjadi pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang tetap beriman (dan yang sebaliknya), dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu orang-orang yang mati Syahid. Dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim. Dan juga supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir. Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang-orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang-orang Yang sabar (tabah dan cekal hati Dalam perjuangan)?" (Ali-Imran:139-142)

Dan juga selang beberapa ayat selepas itu,

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحُسُونَهُمْ بِإِذْنِهِ ۚ حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَّعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِمَّنْ بَعْدَ مَا أَرْسَلَكُمْ مَا تُحِبُّونَ ۚ مِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الْآخِرَةَ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ ۚ وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ ۚ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٣﴾ إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تُلَوِّتُونَ عَلَىٰ أَحَدٍ ۚ وَالرُّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أَخْرَجِكُمْ فَأَتَيْتُكُمْ غَمًّا بَغِيًّا لِكَيْلَا تَحْزَنُوا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ ۚ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣٤﴾

*"Dan demi sesungguhnya, Allah telah menepati janjinya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu (berjaya) membunuh mereka (beramai-ramai) dengan izinNya, sehingga ke masa kamu lemah (hilang semangat untuk meneruskan perjuangan) dan kamu berbalah dalam urusan (perang) itu, serta kamu pula menderhaka (melanggar perintah Rasulullah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai (kemenangan dan harta rampasan perang). Di antara kamu ada yang menghendaki keuntungan dunia semata-mata, dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu daripada menewaskan mereka untuk menguji (iman dan kesabaran) kamu; dan Sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu, (semata-mata dengan limpah kurniaNya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melimpahkan kurniaNya kepada orang-orang yang beriman. (Ingatlah) ketika kamu berundur lari dan tidak menoleh kepada sesiapa pun, sedang Rasulullah (yang masih berjuang dengan gagahnya) memanggil kamu dari kumpulan yang tinggal di belakang kamu (untuk berjuang terus tetapi kamu tidak mematuhiNya). Oleh sebab itu Allah membalas kamu (dengan peristiwa) yang mendukacitakan (kekalahan), dengan sebab perbuatan (kamu menderhaka) yang mendukacitakan (Rasulullah) itu, supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput dari kamu, dan tidak (pula bersedih) akan apa yang menimpa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan." (Ali-Imran: 152-153)*

## **Pasca Uhud**

Rentetan daripada peristiwa Uhud telah menimbulkan cemuhan dan ejekan orang-orang sekitar Mekah terhadap Islam. Keagungan dan populariti kaum Muslimin tercalar, malah tekanan dari dalam dan luar Madinah semakin bertambah. Puak Yahudi dan Arab semakin berani memusuhi Islam secara terang-terangan. Antaranya terjadi peristiwa Perutusan ar-Raji'.

Telah datang sekelompok orang Arab kepada Muhammad saw. dengan tujuan supaya dikirimkan beberapa juru dakwah untuk bersama-sama mereka dan mengajarkan Islam kepada suku mereka. Rasulullah saw. kemudian menunjukkan enam<sup>41</sup> orang dari tokoh-tokoh sahabat dan berangkatlah mereka bersama-sama.

Apabila kumpulan itu sampai di perkampungan suku Huzail, di tempat bernama ar-Raji', tiba-tiba orang Arab tadi bertindak cuba menangkap para sahabat sambil berteriak meminta pertolongan suku Huzail. Para sahabat terus menghunuskan pedang untuk mempertahankan diri, dan berkata orang-orang Huzail, *"Kami tidak bermaksud membunuh kalian, tetapi ingin membawa kalian ke Mekah, semoga kami mendapat bayaran daripada mereka."*

Maka sedarlah para sahabat tadi bahawa mereka akan dijual kepada orang Mekah untuk diperlakukan sekejam-kejamnya. Lalu terjadilah pertarungan yang dasyat, sehingga tiga orang sahabat gugur, seorang lagi dilempar batu bertubi-tubi hingga gugur, dan dua lagi diberkas dan dibelenggu. Mereka ini adalah Zaid bin ad-Dathnah dan Khubaib bin Adi.

Mereka di bawa ke Mekah, Zaid dibeli oleh Shafwan bin Umayyah dan Khubaib dibeli oleh Uqbah bin al-Haris. Khubaib dibawa ke Tan'im untuk

---

<sup>41</sup> Riwayat Ibn Ishak dan Bukhari mengatakan 10 orang

dibunuh di hadapan sejumlah pembesar Quraisy. Semasa hendak dipancung, Abu Sufyan bertanya kepada Khubaib, *"Relakah engkau andai Muhammad yang berada di tempatmu sekarang, dan engkau tenteram bersama keluargamu?"*

Dengan tegas, Khubaib menjawab *"Wallahi, aku tidak rela Muhammad saw. menggantikanku dan ditikam sebilah duri sekalipun dan aku tidak mahu menyakitinya sedangkan aku ini duduk bersama-sama keluargaku."* Zaid pula dibunuh oleh Safwan bin Umaiyah.

Kemudian berlaku pula peristiwa Bi'r Ma'unah yang lebih dahsyat dan menyayat hati. Seramai 70 orang utusan yang dihantar kepada penduduk Najdi oleh Rasulullah saw. untuk mengajarkan Islam atas permintaan Abu Bara' Amir bin Malik telah dibunuh kerana pengkhianatan.

### **Konspirasi Kaum Yahudi di Madinah**

Sejak awal lagi Rasulullah saw. telah mengadakan perjanjian dengan orang-orang Yahudi Madinah. Kemudian mereka (Yahudi) melanggar perjanjian itu satu persatu. Banu Qainuqa' telah melanggar perjanjian mereka pada tahun kedua hijrah, kemudian mereka diusir. Pada tahun ketiga hijrah, Bani Nadhir pula melanggar perjanjian. Mereka berusaha untuk membunuh Rasulullah saw. dengan mengutuskan Umar bin al-Jahasi untuk melemparkan batu besar ke kepala Rasulullah saw..

Seterusnya pada tahun kelima hijrah, giliran Bani Quraizoh pula melanggar perjanjian. Peristiwa ini berlaku sewaktu perang Khandak. Bani Quraizoh yang sepatutnya adalah sekutu Madinah telah belot dan berkomplot dengan pihak musuh menjadikan umat Islam di dalam Madinah terhimpit dan ditimpa bahaya besar.

Pada tahun ketujuh hijrah pula, Rasulullah berjaya menakluk Khaibar yang menjadi kubu kuat Yahudi dan tempat mereka merancang segala konspirasi. Ternyata Yahudi di Khaibar mempunyai kubu-kubu yang kukuh. Di dalamnya terdapat kira-kira 10,000 orang pejuang. Mereka juga mempunyai kemampuan senjata dan peralatan yang besar di samping terkenal sebagai pakar muslihat, permainan kotor dan tipu daya. Oleh itu, masalah ini perlu dibersihkan segera sebelum mereka menjadi punca kekacauan dan kebimbangan orang Islam di Madinah.

#### **→ Ghazwah al-Ahzab (Syawal, tahun ke-5 hijrah)**

Huyay bin Akhtab, ketua Bani Nadhir yang terusir telah berhasil menghasut Quraisy, Ghatfan, Bani Murrah, Bani Fazzarah, Bani Asyja', Bani Sulaim dan Bani Asad untuk memerangi kaum Muslimin di Madinah. Seramai 10,000 tentera yang lengkap bersenjata menuju ke Madinah dengan tujuan untuk melumatkan kaum Muslimin habis-habisan. Maka terjadilah perang Ahzab atau Khandak.

Kota Madinah hanya boleh didatangi dari utara atau selatan kerana barat dan timur kota itu diapit bukit-bukit hitam dan tajam, maka Salman al-Farisi telah mencadangkan agar parit digali dibahagian hadapan dari hujung bukit ke hujung bukit yang lain. Sementara bahagian belakang Kota Madinah tidak



perlu dikhuatiri kerana di sana ada suku Yahudi Bani Quraizoh yang telah mengikat perjanjian dengan umat Islam.

Perang Ahzab merupakan antara peperangan yang penuh dengan kesulitan luar biasa, baik pada saat menggali parit mahupun ketika perang kerana terbatasnya bekalan logistik. Selama lebih dua puluh malam, dalam keadaan cuaca yang dingin dan bekalan makanan yang sangat terbatas, tentera Muslim berkawal di sepanjang parit terutama pada bahagian-bahagian yang sempit. Hinggalan Rasulullah saw. sendiri tidak henti-henti berkawal di kawasan tersebut.

Dalam situasi itu tiba-tiba berita Bani Quraizoh bergabung dengan pihak musuh tersebar. Ini bermaksud, garisan belakang umat Islam telah terancam. Rasulullah saw. lantas meminta Sa'ad bin Mu'adz untuk memastikan kesahihan berita ini. Ternyata, Bani Quraizoh telah belot!

Betapa gawat dan tegangnya situasi pada ketika itu dapat kita perhatikan melalui firman Allah dalam surah al-Ahzab: 10-13;

*"(Iaitu) Ketika mereka datang kepadamu dari depan dan dari belakang, dan ketika tidak tetap lagi penglihatan(mu) dan hatimu naik menyesak sampai ke tenggorokan dan kamu menyangka terhadap Allah dengan bermacam-macam perasangka. Di situlah diuji orang-orang mukmin dan digoncangkan (hatinya) dengan goncangan yang sangat hebat sekali. Dan (ingatlah) ketika orang-orang munafik dan orang-orang yang berpenyakit dalam hatinya berkata : "Allah dan Rasul-Nya tidak menjanjikan kepada kami melainkan tipu daya". Dan (ingatlah) ketika segolongan di antara mereka berkata: "Hai penduduk Yatsrib (Madinah), tidak ada tempat bagimu, maka kembalilah kamu". Dan sebahagian dari mereka minta izin kepada Nabi (untuk kembali pulang) dengan berkata : "Sesungguhnya rumah-rumah kami terbuka (tidak ada penjaga)". Dan rumah-rumah itu sekali-kali tidak terbuka, mereka tidak lain hanya hendak lari."*

Peperangan bermula apabila beberapa pahlawan berkuda musyrik berjaya melepasi parit tersebut di salah satu bahagiannya yang sempit. Berlakulah pertempuran antara orang Islam dengan puak musyrikin dan berhenti hanya apabila malam tiba. Situasi kaum Muslimin sudah menjadi seperti sebuah pulau yang dikepong oleh musuh dari pelbagai penjuru. Yahudi dari belakang, bangsa Arab dari mana-mana, dengan jumlah mereka yang beribu-ribu orang malah lengkap bersenjata, mengepung pasukan Islam Madinah.

Pada saat ketegangan memuncak itulah bantuan dari Allah tiba. Nu'aim bin Mas'ud bin 'Amir, seorang tokoh suku Asyja' datang bertemu Rasul saw. dan memberitahu bahawa dia telah memeluk Islam, sedangkan kaumnya tidak mengetahui keislamannya. Dia juga merupakan kawan kepada Bani Quraizoh. Mereka mempercayai dan meyakinkannya. Nu'aim berkata kepada Rasul saw.: *"Arahkan aku apa yang kamu mahu."* Maka Rasul saw. bersabda kepadanya: *"Di kalangan kita, kamu hanyalah seorang sahaja. Oleh itu, sekiranya kamu dapat, lakukanlah sesuatu untuk mengalahkan musuh. Sesungguhnya perang adalah tipudaya".*

Justeru itu, Nu'aim menggunakan kelicikannya sehingga berjaya memecah belahkan pakatan Quraisy dan sekutunya dengan Bani Quraizoh. Dia

menimbulkan prasangka dalam hati setiap kumpulan terhadap kumpulan lain. Mereka saling tidak mempercayai antara satu puak dengan puak yang lain. Tindakan ini telah berjaya melemahkan semangat pihak musuh.

Bantuan Allah telah datang dalam bentuk angin kencang ke atas tentera bersekutu menjadikan keadaan amat sejuk, sehingga periuk-periuk bertaburan dan khemah-khemah mereka terkoyak. Jiwa tentera bersekutu diselubungi rasa takut, lalu mereka berangkat pulang pada malam itu juga. Apabila pagi, tidak seorang pun orang musyrik yang masih berada di situ.

#### → **Perjanjian Hudaibiyah** (Zulkaedah, tahun ke-6 hijrah)

Rasulullah saw. telah bermimpi melakukan umrah dan tawaf di Baitul Haram. Maka pada tahun keenam hijrah baginda bertolak ke Mekah bersama 1400 orang sahabat untuk berumrah. Ketika orang Quraisy mendengar berita ini, mereka segera mengumpulkan bala tentera dan bersiap untuk memerangi dan menghalau Rasulullah. Quraisy bersumpah bahawasanya Muhammad sekali-kali tidak akan dapat memasuki Mekah.

Ketika Rasulullah sampai di Hudaibiyah, unta baginda tiba-tiba berhenti. Para sahabat berusaha untuk menggerakkan unta tersebut tetapi ia tetap enggan berjalan. Mereka berkata, *"Ia telah mogok! Ia telah mogok!"*

Rasulullah saw. bersabda, *"Tidaklah ia mogok dan tidaklah ia diciptakan untuk berkeras kepala, akan tetapi ia telah dihentikan oleh Yang dahulu telah menghentikan tentera gajah (Allah)"*

Kemudian Nabi saw. menyambung, *"Tidaklah datang kepadaku orang Quraisy pada hari ini kecuali saya akan menyambutnya."*

Singkatnya, maka terjadilah perundingan antara kaum Muslimin dan Quraisy. Suatu perundingan yang meleret-leret. Seinggakan kaum Muslimin merasakan bahawa Nabi saw. telah banyak mengalah kepada Quraisy dalam perundingan. Umar menyangka kaum Muslimin telah ditindas, maka diapun mengadap Rasulullah saw. dan berkata, *"Bukankah kita dalam kebenaran?"*

Jawab Rasulullah, *"Ya!"*

*"Bukankah mereka dalam kebatilan?"*

Jawab Rasulullah, *"Ya!"*

*"Lalu mengapa kita tidak memberikan pembelaan kepada deen kita?"*

Baginda bersabda dengan penuh sabar dan lapang dada, *"Sesungguhnya Dia adalah Rabb-ku dan sekali-kali Dia tidak akan menyia-nyiakanku dan sesungguhnya ini adalah perintah Rabb-ku yang aku sekali-kali tidak akan bermaksiat kepada-Nya."*

Namun Umar masih belum puas. Dalam keadaan seperti sesak nafas Umar bertanya kepada Abu Bakar, dan Abu Bakar menjawab, *"Sesungguhnya baginda dalam kebenaran, maka Umar! Beriltizamlah!"* Sungguh, tiada manusia yang masuk Islam kecuali pasti pernah terjatuh dalam keraguan selain Abu Bakar.

Suhail bin 'Amru diutuskan daripada pihak Quraisy bagi menyempurnakan perdamaian. Di antara isi perjanjian adalah;

1) Sesiapa yang datang daripada pihak Muhammad ke Mekah, mereka tidak akan dipulangkan, sementara sesiapa yang datang kepada Muhammad dari Mekah, mereka perlu dipulangkan.

2) Siapa saja dari kabilah bebas memilih untuk bersekutu dengan Rasulullah atau Quraisy. Maka suku Khuza'ah bersekutu dengan Rasulullah dan Banu Bakar bergabung dengan Quraisy.

3) Tahun ini Rasulullah harus pulang, tidak boleh melaksanakan umrah. Tahun depan baru diperbolehkan untuk umrah dengan syarat tidak membawa senjata kecuali pedang yang disarungkan.

4) Gencatan senjata selama 10 tahun.

Sakit hati kaum Muslimin bertambah, ketika perjanjian hendak ditulis. Suhail menolak untuk menggunakan kalimat *bismillahirrahmanirrahim*. Dia berkata, "Aku tidak mengetahui kalimat itu, tulislah bismika Allahumma mengikut tradisi nenek moyang."

Ali yang ditugaskan sebagai jurutulis diminta Rasulullah saw. untuk mengikut kehendak Suhail. Kemudian Nabi saw. bersabda, "Inilah perjanjian antara Muhammad Rasulullah dan Suhail..."

Suhail terus memotong, "Kalau kami mengakui kau adalah Rasulullah, nescaya kau tidak kami perang."

Ali merasa keberatan untuk memadam kalimat 'Rasulullah' yang dia yakini betul. Lalu Rasulullah saw. bertanya, "Mana kalimat itu Ali?" Setelah ditunjukkan Ali, Rasulullah saw. memadamkan kalimat tadi dan meminta Ali menggantikan dengan Muhammad bin Abdullah.

Ketika persetujuan itu hampir tercapai dan saat kaum Muslimin terasa sangat berat untuk menerimanya, kelihatan seorang lelaki dalam keadaan lelah menuju ke arah mereka. Dia adalah Abu Jandal, anak Suhail yang dirantai supaya tidak dapat berhijrah ke Madinah. Abu Jandal memperolehi kesempatan untuk melarikan diri ketika semua orang sibuk dengan perjanjian Hudaibiyah. Belum sempat dia berehat dan bertenang, Suhail menuntut supaya Rasulullah memulangkan anaknya.

Abu Jandal berkata dengan sedih, "Apakah saya harus diserahkan kembali kepada mereka ya Rasulullah, agar mereka boleh melakukan apa saja ke atas saya?"

Rasulullah menjawab, "Abu Jandal, kita sudah mengikat perjanjian dengan mereka dan haruslah kita patuhi. Bersabarlah, semoga Allah memberimu jalan keluar."

Abu Jandal dibelasah dan diheret untuk dibawa kembali kepada kafir Quraisy hinggakan Umar segera bangkit dan berjalan sebelah menyebelah dengan Abu Jandal. Dia berkata, "Bersabar sajalah Abu Jandal, kaum musyrikin darah mereka seperti darah anjing..." sambil mendekatkan hulu pedangnya kepada Abu Jandal. Umar berharap agar Abu Jandal merampas pedangnya dan membebaskan diri, namun itu tidak berlaku. Maka termetrailah perjanjian damai Hudaibiyah.

Betapa beratnya apa yang dirasakan oleh kaum Muslimin ketika itu, melihat saudara seaqidah mereka yang sekian lama disiksa dan dinafikan

kebebasannya semata-mata kerana memilih Islam sebagai agamanya. Dan apabila berkesempatan untuk melepaskan diri, dia terpaksa diserahkan semula kepada orang Quraisy untuk disiksa semahu-mahunya. Sudahlah begitu, mereka juga tidak dapat meneruskan ibadah umrah dan membatalkan ihram.

Memang patutlah mereka merasakan syarat-syarat perjanjian ini merugikan. Jika tidak kerana disiplin yang tinggi dan ketaatan kepada Allah dan Rasul yang menebal, sudah pasti mereka memberontak. Ketika Rasulullah saw. menyuruh mereka ber'*tahalul*', menggunting atau mencukur rambut, mereka seolah-olah sudah mati rasa, seakan-akan tidak mengerti apa yang diarahkan kepada mereka.

Melihatkan para sahabat yang melambat-lambatkan malah tidak melaksanakan perintah tersebut, Rasulullah merasa sedih dan kembali ke khemah menemui Ummu Salamah, isteri baginda. Dengan tenang Ummu Salamah berkata, "*Wahai Rasulullah, bangkitlah. Sembelihlah kurban dan cukurlah rambutmu, pasti mereka akan mengikutimu.*" Rasulullah mengikut saranan Ummu Salamah. Melihat tindakan Rasulullah itu, para sahabat segera mengikuti apa yang diperbuat Nabi saw..

\* \* \*

Hudaibiyah merupakan satu kemenangan yang nyata. Apabila diteliti, terlalu banyak hikmah yang diperolehi daripada perjanjian ini.

Telah terjadi peristiwa di mana seorang yang lari dari Mekah bernama Abu Basyir ke Madinah. Maka Quraisy mengutuskan dua orang utusan untuk mengambil kembali Abu Basyir. Sesuai dengan perjanjian, Abu Basyir diserahkan untuk dibawa pulang ke Mekah. Abu Basyir berkata, "*Wahai Rasulullah, engkau kembalikan aku kepada mereka yang telah memfitnahku dari deenku?*"

Baginda saw. bersabda, "*Bersabarlah, sesungguhnya Allah menjadikan bagimu dan bagi orang yang bersamamu jalan keluar.*"

Abu Basyir kemudian dibawa pulang oleh dua utusan tadi. Tidak lama kemudian, seorang daripada utusan itu kembali semula ke Madinah dalam keadaan ketakutan dan meminta perlindungan Rasulullah saw. dari buruan Abu Basyir. Ternyata Abu Basyir telah melepaskan diri dari belenggu kedua utusan tadi. Rasulullah saw. kemudian memberi perlindungan kepada orang musyrik tadi dari terus diburu Abu Basyir dan kembali ke Mekah.

Sedang Abu Basyir pula, kerana tidak diperbolehkan tinggal di Madinah, diapun tinggal di satu tempat di pinggir pantai bernama Tesh, yang kemudian disusul pula oleh Abu Jandal. Akhirnya tempat itu menjadi perkampungan bagi orang-orang Mekah yang masuk Islam tetapi tidak dapat bergabung bersama Rasulullah saw. di Madinah. Mereka ini menahan kafilah dagang Quraisy yang melalui daerah itu dan akhirnya terputuslah jalan dari Mekah ke Syam hingga menyebabkan kerugian besar bagi pedagang Quraisy.

Akhirnya Quraisy sendiri telah datang ke Madinah untuk meminta kasihan belas Rasulullah saw. iaitu; sesiapa yang lari dari Mekah bebas untuk menyertai baginda. Rasulullah saw. kemudian mengutuskan surat kepada Abu Basyir dan orang-orang yang bersamanya agar datang dan menetap di

Madinah. Abu Basyir ketika itu dalam keadaan cedera parah akibat peperangan yang dihadapinya. Ketika surat Rasulullah sampai, dia meletakkan surat itu di atas dadanya dan kemudian meninggal dunia<sup>42</sup>. Sejak dari itu, fasal pertama perjanjian Hudaibiyah terbatal atas permintaan Quraisy sendiri.

Perjanjian Hudaibiyah juga menjadi titik tolak pengakuan Quraisy kepada Nabi Muhammad sebagai ketua negara Madinah, bukan lagi orang gila atau tukang sihir. Sekali gus adalah pengakuan terhadap negara Madinah. Ini bermaksud, Quraisy juga mengakui hak rakyat Madinah untuk melakukan haji dan umrah di Mekah, tanpa halangan. Selain itu, perjanjian Hudaibiyah menjanjikan keamanan pada wilayah selatan sehingga Madinah boleh mara dan menghadapi wilayah utaranya seperti Khaibar dan menggertak Romawi.

Perjanjian Hudaibiyah sebenarnya membuka kesempatan kepada Rasulullah saw. untuk meneruskan tugas dakwah ke luar perbatasan jazirah Arab. Baginda menyampaikan dakwah Islam kepada Herkulis Kaisar Rom, al-Maquqis raja muda Qibti di Mesir, Kisra Syahinsyah Sasani di Parsi, Najasyi raja Habsyi di Afrika Timur dan ketua-ketua negara yang lain. Maka bertebaranlah utusan-utusan yang dilantik untuk menyampaikan surat baginda yang membawa mesej dakwah.

#### → **Perwira-Perwira Ghazwah Mu'tah** (Jamadil Awal, tahun ke-8 hijrah)

Kaum Muslimin bersiap sedia untuk bertolak ke negeri Syam untuk menghadapi suku-suku Arab yang sewenang-wenangnya membunuh utusan Rasulullah saw. dalam menjalankan misi dakwah mereka. Pembunuhan utusan adalah jenayah besar dan boleh disamakan dengan pengisytiharan perang. Seramai 3000 perajurit berangkat dibawah pimpinan Zaid bin Harithah.

Pesan Rasulullah saw., sekiranya Zaid gugur, penggantinya adalah Jaafar Abi Talib. Sekiranya Jaafar pula gugur, penggantinya adalah Abdullah Rawwahah. Bersama dengan pasukan ini sebagai tentera biasa adalah Khalid al-Walid yang baru saja memeluk Islam. Rasulullah saw. mengarahkan Zaid mara ke tempat pembunuhan Al-Harith bin Umair-salah seorang utusan Rasulullah saw. (di Mu'tah) dan menyeru penduduk di sana kepada Islam. Sekiranya mereka menolak seruan tersebut, tentera Islam hendaklah memohon pertolongan Allah dan memerangi mereka. Baginda berpesan kepada mereka dengan sabdanya:

*"Aku berpesan kepada kamu supaya bertaqwa kepada Allah dan berbuat baik kepada orang Islam yang bersama kamu. Perangilah sesiapa yang kufur kepada Allah dengan nama dan demi jalan Allah. Jangan kamu belot (jika diadakan perjanjian) atau mengambil rampasan perang (sebelum diagih-agihkan). Jangan kamu membunuh kanak-kanak, wanita, orang tua yang tak berdaya dan pendita yang memencilkan diri digereja. Jangan kamu memusnahkan pokok kurma, memotong pokok atau meruntuhkan binaan."*

Rupanya berita bergeraknya pasukan ini telah sampai kepada Syurahbil bin Umar al-Ghassani - Gabenor Bandar Balqa', wakil Rom yang telah menangkap dan Al-Harith yang kemudiannya diserahkan kepada Kaisar Rom.

<sup>42</sup> Dr. Abdullah Azzam. *Di Bawah Naungan Surat At-Taubah*.

Seterusnya membawa kepada pembunuhan Al-Harith. Tanpa lengah, Syurahbil segera mengumpulkan pasukan dari suku-suku Arab: Lakhm, Juzam, Balqin, Bahra'a, Bila dan kemudiannya meminta Herkulis menghantarkan lagi bantuan bala tentera. Herkulis telah mengirimkan 100,000 orang tentera di bawah pimpinan Panglima Tazariq, adik kepada Kaisar. Ini menjadikan tentera musuh berjumlah 200,000 orang.

Sebaik saja Zaid menerima berita mengenai pasukan musuh yang dikumpulkan sedemikian ramai, dia terus mengadakan menyuarat. Ada pendapat supaya melaporkan kepada Rasulullah di Madinah dan menunggu arahan seterusnya dari sana. Hampir saja usul ini diterima jika tidak terdapat sanggahan daripada Abdullah bin Rawwahah: *"Demi Allah, peperangan yang kamu benci ini merupakan tujuan sebenar kamu keluar. Kamu mengejar mati syahid. Kita tidak memerangi manusia berdasarkan bilangan, kuantiti yang ramai mahupun kekuatan. Kita memerangi mereka hanya berbekalkan agama yang Allah muliakan kita dengannya. Sesungguhnya kesudahan perang ini hanya salah satu daripada dua kebaikan: sama ada kemenangan ataupun mati syahid."*

Akhirnya keputusan mesyuarat sepakat untuk terus mara ke Kota Balqa. Di sana pasukan Islam berkubu di desa Mu'tah dan merangka strategi. Maka meletuslah peperangan yang dasyat antara tiga 3000 orang Islam menentang 200,000 tentera Rum dan orang-orang Arab Syam. Tentera Islam dipimpin oleh Zaid, dengan memegang panji dia bertarung dengan hebat sekali sehingga gugur, dirobek lembing dan pedang musuh. Jaafar mengambil alih kepimpinan dan menyambut panji Islam daripada Zaid. Pemuda tampan ini adalah adik-beradik Ali yang baru sahaja kembali dari Habsyah bersama anak dan isterinya.

Jaafar pada mulanya berperang di atas kudanya terpaksa turun kerana dikepung dan berperang dengan berjalan kaki. Tangan kanannya telah terpotong, lantas dia memegang panji Islam dengan tangan kirinya. Kemudiannya tangan kirinya pula terpotong. Lalu dia memeluk panji itu sehingga dia gugur syahid. Tubuhnya terbelah dua dan terdapat lebih daripada 70 kesan tetakan pedang ataupun tikaman lembing, tiada satupun luka di bahagian belakangnya.

Kemudian tampil pula Abdullah Rawwahah mengambil panji tersebut dan berperang sehingga dia turut syahid. Setelah itu orang Islam bersepakat melantik Khalid al-Walid sebagai panglima tentera. Khalid dengan tabah menerima tugas yang diamanahkan kepadanya. Dia maju tanpa gentar menyerbu barisan musuh sehingga membuatkan musuh kucar-kacir. Setiap yang berada di kiri kanannya semua gugur bergelimpangan. Sehingga sembilan pedang silih berganti dipakai Khalid, satu demi satu patah. Melihatkan pasukan Muslimin tidak surut malah semakin bersemangat, telah mencemaskan pihak musuh. Malam akhirnya menjelma dan pertempuran berhenti seketika.

Malam itu Khalid menyusun pasukannya. Mereka yang berperang di depan siang tadi diletakkan di belakang dan membentuk barisan panjang manakala pasukan kiri ditukar dengan pasukan disebelah kanan. Apabila siang

tiba, pasukan ini bergerak dan bertakbir dengan kuatnya sehinggakan musuh menyangka ada bala bantuan baru yang tiba.

Melihat kepada susunan baru ini, musuh mengalami kejutan yang dahsyat sehingga mereka tidak bergerak apatah lagi menyerbu tentera Islam. Bagi mereka, dalam pertempuran semalam yang bilangannya amat kecil sahaja sudah tidak mampu mereka tangani, inikan pula apabila bilangan tentera Islam bertambah. Rasa gerun menghantui mereka, sehinggakan melihat pasukan Muslimin berundur secara teratur membuat mereka menyangka bahawa itu adalah perangkap untuk menjerat mereka. Musuh mengambil keputusan untuk bertahan di tempat mereka.

Maka dengan itu Khalid al-Walid telah berhasil menyelamatkan sisa tiga ribu tentera Muslimin dari dihancurkan terus oleh seratus ribu pihak musuh dengan cara yang cukup terhormat. 12 belas orang perajurit Islam terkorban manakala tiada catatan rasmi angka bilangan pihak musuh yang terkorban, namun anggaran kematian adalah tinggi.

Ini merupakan pertempuran pertama yang dilalui oleh orang Islam di luar semenanjung tanah Arab untuk melawan Rom. Rasulullah saw. telah menggelarkan Khalid bin al-Walid dalam peperangan ini dengan gelaran 'Saifullah' (Pedang Allah).

Rentetan daripada peristiwa ini telah menyebabkan Islam tersebar di antara suku-suku penghuni wilayah sempadan Iraq dan Syam di mana tempat Rom berkuasa. Beribu-ribu orang dari suku Asyja', Ghatfan, Abs, Zubyan, Salim dan Fazarah menyatakan diri masuk Islam.

#### → **Ghazwah al-Fath** (Ramadan, tahun ke-8 hijrah)

Ghazwah ini rentetan dari perjanjian Hudaibiyah yang terbatal apabila, Bani Bakar yang merupakan sekutu Quraisy bertindak membunuh kira-kira 20 orang lelaki daripada Bani Khuzaah yang berpihak kepada Madinah dalam perjanjian Hudaibiyah. Quraisy malah bersekongkol dalam peristiwa ini dengan membekalkan harta dan senjata kepada Bani Bakar. Apabila berita itu sampai kepada Rasul saw., baginda lantas mempersiapkan tentera Islam seramai 10,000 orang untuk memerangi Quraisy.

Dalam perjalanan beberapa kabilah Arab bergabung dengan mereka. Ketika di Marr az-Zahran, pengawal-pengawal Rasulullah saw. terserempak dengan Abu Suffian bersama dua orang temannya. Abu Suffian dibawa menghadap Rasulullah saw.. Menjelang pagi pembukaan Kota Mekah, Abu Suffian menyatakan diri masuk Islam.

Apabila tentera Islam sampai di Mekah, penyeru Rasulullah saw. mengisytiharkan: *"Sesiapa yang masuk ke rumahnya dan mengunci pintu, dia mendapat keamanan. Sesiapa yang memasuki Kaabah, dia mendapat keamanan. Sesiapa yang masuk ke dalam rumah Abu Suffian, dia juga mendapat keamanan."* Namun, terdapat 15 orang Quraisy yang melakukan jenayah besar terhadap Islam dan Rasulnya telah dikecualikan daripada jaminan keamanan tersebut.

Kemudian Rasulullah saw. memasuki Mekah dengan menaiki tunggangannya. Baginda saw. memasuki Mekah dalam keadaan tunduk, sebagai tanda bersyukur kepada Allah di atas kemenangan yang paling besar

itu. Selepas itu Rasul saw. tawaf di Baitullah dan menghapuskan berhala-berhala di sekelilingnya yang mencapai bilangan 360 buah. Rasulullah membersihkan Kaabah dari gambar – gambar yang dilukis bagi tujuan menilik nasib dan pemujaan.

Antara gambar yang terdapat dalam Kaabah ketika itu adalah kononnya gambar malaikat dan Nabi Ibrahim dalam bentuk memegang anak panah. Rasulullah bersabda: *Semoga Allah memerangi mereka.* Mereka menjadikan syekh kami (Nabi Ibrahim) tempat menilik nasib menggunakan anak panah. Apa kaitan nabi Ibrahim dengan panah-panah tilikan nasib?

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

*“Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah dia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi dia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan dia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.”* (Ali-Imran: 67)

Kemudian baginda memasuki Kaabah dan bersolat dua rakaat di dalamnya. Setelah selesai, baginda berdiri di muka pintu Kaabah, sementara Quraisy mengintai-ngintai apakah yang akan diperbuat oleh Baginda kepada mereka. Antara kata-kata baginda ketika itu ialah: *“Wahai sekalian Quraisy, apakah yang kamu sangka aku akan lakukan kepada kamu?”*

Mereka menjawab: *“Kebaikan. Kamu saudara yang mulia dan anak kepada saudara yang mulia.”*

Maka Rasulullah saw. bersabda: *“Pada hari ini, aku katakan kepada kamu sebagaimana kata-kata saudaraku, Yusuf sebelum ini:*

قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ يَغْفِرُ اللَّهُ لَكُمْ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

*“Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dia lah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.”* (Yusuf: 92).

*Pergilah kamu. Kamu semua dibebaskan.”*

Kemudian orang ramai berhimpun di sekitar bukit Sofa untuk berbaiah dengan Rasulullah saw. di atas nama Islam. Rasul saw., duduk mengadap mereka di atas bukit Sofa. Baginda mengambil baiah dengan janji untuk mendengar dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya sedaya upaya mereka. Kaum lelaki telah melakukan baiah terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh wanita.

Baginda saw. tidak berjabat tangan dengan mana-mana wanita di kalangan mereka. Di antara wanita yang berbaiah ialah Hindun, isteri Abu Suffian. Hindun tergolong di kalangan orang yang telah dihalalkan darahnya oleh baginda pada hari pembukaan Mekah. Namun, apabila baginda mengetahui Hindun turut serta dalam baiah tersebut, baginda memaafkannya disebabkan baiah yang dilakukannya itu.

→ **Ghazwah Hunain** (10 Syawal tahun ke-8 hijrah)

*Sebabnya;* apabila Allah membuka Mekah untuk Rasul-Nya, pemimpin-pemimpin Hawazin dan Thaqif menyangka Rasulullah saw. akan



menghalakan serangan kepada mereka pula. Malik bin Auf yang dilantik sebagai ketua telah memerintahkan kaumnya membawa segala harta, wanita-wanita, anak-anak dan binatang ternak bersama-sama ke medan perang. Dia mengarahkan demikian untuk lebih mendorong mereka terus berjuang. Bilangan pejuang mereka dalam pertempuran ini adalah antara 20,000 hingga 30,000 orang.

Setiba di Wadi Hunain, kaum Muslimin diserang hendap Hawazin dan sekutunya dalam kesuraman subuh. Muslimin menyerang balas dan musuh susut dan tewas. Muslimin leka seketika dengan tinggalan harta yang banyak menyebabkan mereka terpecah apabila diserang kembali dengan panahan kaum Musyrik. Penduduk Mekah dan mereka yang baru memeluk Islam lari sedangkan Rasulullah saw. tetap kekal bertahan di atas baghal baginda, seraya bersabda: *"Aku Nabi, tidak dusta. Aku keturunan Abdul Muttolib."*

Tersebar berita angin di kalangan orang Islam bahawa Nabi saw. telah terbunuh. Kebanyakan mereka mencampakkan senjata lantaran berputus asa. Namun ada sekumpulan Muhajirin dan Ansar tetap berjuang di sekeliling Baginda. Al-Abbas yang bersuara lantang menyeru orang Islam: *"Rasulullah masih hidup."* Lalu orang Islam yang lari tadi cuba berpatah balik kepada baginda.

Bilangan mereka semakin ramai sehingga mereka mencapai kemenangan untuk kali kedua. Tentera Islam mengejar tentera musyrik, membunuh dan menawan mereka. Harta rampasan musuh amat banyak. Rasul saw. terlebih dahulu membahagi-bahagikannya kepada golongan yang baru memeluk Islam, tanpa memberi apa-apa kepada Ansar berdasarkan keimanan dan kejujuran yang tidak perlu lagi kepada balasan dan habuan keduniaan terhadap pengorbanan mereka.

Pertempuran ini telah dijelaskan di dalam Surah At-Taubah, ayat 25-26.

### → Ghazwah Tabuk

Ia berlaku pada Rajab, tahun ke-9 hijrah. Waktu itu merupakan waktu amat susah dan panas. Tabuk ialah nama sebuah tempat yang terletak di antara Wadi al-Qura di bumi Hijaz dengan Syam. Maharaja Rom, Herkulis telah mengumpul angkatan tentera yang ramai di Syam termasuk daripada kabilah Lakhm, Juzam, Amilah dan Ghassan yang merupakan kaum Arab beragama Nasrani untuk menyerang Madinah.

Rasulullah saw. mengajak orang ramai untuk keluar berperang. Orang-orang mukmin yang jujur menyahut seruan, tersebut dengan rela hati. Rasul saw. juga meminta golongan berada agar membiayai keperluan ketenteraan tersebut. Sumbangan banyak diterima, Abu Bakar menyumbangkan seluruh hartanya, sejumlah 40,000 dirham. Umar pula menyumbang separuh hartanya. Sementara Uthman turut menyumbang harta yang banyak sehingga cukup untuk mempersiapkan satu pertiga keperluan tentera Islam. Selepas peristiwa itu Rasulullah saw. mendoakannya: *"Selepas hari ini, apa-apa yang dilakukan Uthman tidak akan memudaratkannya."*

Beberapa orang sahabat yang miskin datang bertemu Nabi lantaran mereka tidak mempunyai tunggangan yang boleh mereka naiki. Rasulullah

saw. bersabda: *"Aku tidak dapat menyediakan tunggangan yang boleh membawa kamu."* Oleh itu, mereka pulang dengan air mata lantaran tidak dapat ikut berperang dan tidak mempunyai apa-apa untuk disumbangkan.

Rasulullah saw. berangkat dengan tenteranya seramai 30,000 orang pejuang dan 10,000 ekor kuda. Ini merupakan angkatan tentera paling besar yang pernah dilihat oleh Arab ketika itu. Baginda meneruskan perjalanannya sehingga sampai ke Tabuk. Baginda bermukim di situ selama kira-kira 20 malam tanpa menghadapi sebarang tipu daya daripada musuh, mahupun peperangan. Peperangan ini merupakan Ghazwah terakhir yang disertai oleh Rasulullah saw..

\* \* \* \* \*

## » Wafatnya Rasulullah saw.

### Pengutusan Tentera Usamah

Usaha pembebasan terakhir Rasulullah saw. ialah mempersiapkan satu angkatan tentera ke Syam di bawah pimpinan Usamah bin Zaid yang pada waktu itu baru berusia 20 tahun. Pasukan ini dibentuk dalam rangka misi jangka panjang Rasulullah saw. untuk meluaskan pengaruh Islam ke seluruh dunia. Ia juga merupakan usaha menghalang serangan penceroboh dan tindakan proaktif untuk berhadapan dengan musuh yang menunggu-nunggu peluang menyerang negara Islam yang baru ditegakkan. Baginda memerintahkan Usamah untuk menginjakkan kaki di sempadan al-Balqa' dan ad-Darum di bumi Palestin.

Ketika angkatan tersebut berkumpul di Madinah bersedia untuk berangkat, Rasulullah saw. mula jatuh sakit. Oleh itu, bala tentera tersebut menangguhkan perjalanan mereka kerana menunggu sehingga Rasul saw. sembuh. Mereka juga ingin mendapat saranan dan petunjuk baginda saw.. Namun beberapa hari selepas itu Rasulullah saw. wafat. Allah telah memilih baginda untuk kembali ke pangkuan-Nya.

### Kewafatan Rasulullah saw.

Rasulullah saw. wafat setelah baginda mengetahui ajalnya telah hampir melalui jalan wahyu. Baginda mengucap selamat tinggal kepada orang ramai pada Hajjatul Wada'. Hati-hati para sahabat berdebar-debar, gelisah dan bimbang. Namun apabila ajal yang ditetapkan oleh Allah datang, ia tidak dapat ditangguhkan lagi.

Apabila berita kewafatan Rasul saw. tersebar, para sahabat menjadi kacau bilau seketika. Madinah bergegar hebat. Ramai sahabat besar dan mereka yang terdahulu memeluk Islam hilang kewarasan akalnya. Ada di kalangan mereka yang lidahnya kelu. Ada yang jatuh lumpuh tak berdaya bergerak. Umar menghunus pedangnya seraya melarang orang ramai mengatakan Rasulullah saw. telah wafat. Dia mendakwa baginda sekadar koma dan akan kembali semula kepada mereka.

Hanya Abu Bakar seorang sahaja yang masih teguh jiwanya. Dia masuk menziarahi Rasulullah saw. sedang baginda kaku diselubungi (selimut) di atas

katilnya. Dia lantas mencucupi baginda seraya berkata: *"Aku tebus kamu dengan bapa dan ibuku, wahai Rasulullah! Alangkah eloknya kamu ketika hidup mahupun mati! Kematian yang Allah suratkan kepadamu telah kamu rasai. Kamu tidak akan ditimpa kematian lagi selepas ini untuk selama-lamanya. Wahai Rasulullah, ingatilah kami di sisi Tuhanmu."*

Kemudian Abu Bakar keluar menemui orang ramai. Beliau berucap kepada mereka seraya berkata: *"Wahai manusia! Sesiapa yang menyembah Muhammad, Muhammad telah mati. Sesiapa yang menyembah Allah, sesungguhnya Allah Maha Hidup dan tidak mati."*

Kemudian dia membacakan firman Allah yang bermaksud: *"Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul..."* (Ali-Imran: 144)

Apabila Abu Bakar membaca ayat Al-Quran tersebut, para sahabat mulai tersedar daripada kejutan yang dahsyat itu. Mereka seolah-olah tidak pernah mendengar ayat tersebut sebelum itu. Kata Abu Hurairah: Umar berkata: *"Demi Allah, tidak terlintas firman Allah yang demikian melainkan apabila aku mendengar Abu Bakar membacanya. Lantas aku terkejut dan kebingungan sehingga aku terduduk ke bumi kerana kedua kakiku tidak berdaya menanggungku. Ketika itu aku tahu bahawa Rasulullah saw. telah mati."*

\* \* \* \* \*

## » Antara Mekah dan Madinah

Sememangnya mempunyai daulah yang menjalan syariat Allah adalah satu kewajipan. Namun, daulah Islam Madinah tidak tertegak dengan tiba-tiba atau kebetulan. Hanya selepas melalui tahapan dakwah yang penuh mehnah dan cabaran selama 13 tahun di Mekah untuk mempersiapkan pendokong yang setia, barulah Madinah dihadiahkan Allah kepada Rasulullah saw. dan para sahabat untuk melakukan proses irsyadul mujtamak (membimbing masyarakat menuju aqidah, syariah dan akhlak yang islami) ke arah pembinaan Daulah Islam Madinah.

Semasa di Mekah, seruan Rasulullah kepada Allah yang Esa menimbulkan pelbagai reaksi daripada Quraisy. Ada yang menerima, ada yang menentang dan ada juga yang mengambil sikap tunggu dan lihat. Seperti yang kita ketahui, golongan yang menerima tidak ramai. Hampir semua daripada mereka adalah daripada golongan yang lemah atau hamba. Sehingga pernah apabila Rasulullah bersama dengan golongan lemah *"al-Mustadh'afin"* ini, kaum Quraisy mengejek baginda sambil berkata, *"Itulah dia sahabat-sahabat yang dikurniakan Allah kepadanya."*

Yang bertindak menentang dan menghalang dakwah Nabi saw. juga bukanlah terdiri daripada semua kaum Quraisy di Mekah. Kebanyakan mereka adalah golongan pemuka dan bangsawan yang mempunyai kepentingan di Mekah, yang suara mereka didengar ramai orang. Mereka inilah kelompok yang berjuang habis-habisan bagi memastikan dakwah Nabi ranap dan hancur. Mereka membentuk lujnah yang anggotanya terdiri daripada 25 orang tokoh Quraisy. Mereka inilah perancang dan pelopor (menteri kabinet) kepada penentangan dakwah Nabi saw..

Selebihnya pula adalah golongan yang mengikut arus, menunggu dan melihat apa yang akan berlaku. Kadang-kala mereka ini dipergunakan oleh pemuka mereka dalam proses penentangan terhadap dakwah Islam. Jika adapun mereka melakukan sesuatu, tidak lain hanyalah atas dasar perintah dari ketua mereka atau kerana faktor asobiyah kesukuan. Kadang-kala mereka simpati terhadap kaum Muslimin, contohnya semasa peristiwa boikot selama tiga tahun. Mereka inilah yang kemudiannya berduyun-duyun masuk Islam ketika pembukaan Kota Mekah.

Persoalannya, kenapa hanya sedikit sahaja yang mahu beriman dan berjuang disamping Nabi semasa di Mekah? Perlu kita ingat bahawa pada waktu itu, beriman bererti dia akan dicela, dihina, dipulau, dimuflikan, diseksa malah ada yang dibunuh. Hanya mereka yang benar-benar kuat imannya akan sanggup menyahut seruan Islam. Tambahan pula pada ketika itu, Rasulullah saw. cuma menyampaikan dengan lisan, tiada bukti fizikal yang menunjukkan bahawa Islam itulah yang terbaik. Yang ada hanyalah janji-janji Allah di dalam Al-Quran.

Al-Quran bercerita tentang sejarah yang panjang. Tentang kisah-kisah para Nabi di zaman dahulu, tidak lain adalah untuk meneguhkan hati Rasulullah saw. dan para sahabat. Ayat-ayat Mekah juga banyak membicarakan tentang tauhid uluhiyah dan rububiyah, serta tauhid asma' dan sifat; berbicara tentang asal mula penciptaan, ke mana hala tuju hidupnya, ke mana pengakhirannya dan mengkhabarkan tentang saat kebangkitan semula sesudah mati. Cerita tentang Iblis dan Adam, tentang syurga dan neraka. Ayat-ayatnya pendek dengan intonasi yang kuat, cukup menggetarkan jiwa. Semuanya adalah untuk memantapkan aqidah kaum Muslimin untuk menolak segala ilah selain daripada Allah swt..

Ini adalah manhaj yang cukup hebat. Di Madinah, sahabat-sahabat Muhajirin inilah yang menjadi '*core group*' atau tulang belakang kepada pengasasan mujtamak muslim yang pertama. Hingga ke perang Hunain, kumpulan ini tidak pernah merubah janji mereka kepada Allah walau dihipit kekalahan mengejut pada pusingan pertama.

Selepas 10 tahun di Madinah, Allah menghadihkan janjinya kepada mereka hingga jumlah orang yang masuk Islam telah melebihi 120,000 orang (jumlah jemaah semasa khutbah wida'), satu jumlah yang beribu kali ganda berbanding 13 tahun dakwah Nabi di Mekah. Semua ini tidak akan berhasil sekiranya tiada golongan pertama tadi, yang disebutkan sebagai Qaedah Sulbah yang sanggup berbuat apa sahaja demi Islam.

### **Pembentukan Qaedah Sulbah Pertama**

Mereka adalah golongan yang akan sentiasa berjuang bersama Islam, mempertahankan Islam tidak kira apa saja harga yang perlu mereka bayar termasuk nyawa mereka sendiri. Mereka sanggup menanggung apa saja bebanan dan tetap teguh saat senang mahupun sukar. Di zaman Rasulullah saw., mereka yang digelar generasi *as-sabiquna awwalun*.

Perlu kita fahami bahawa Islam adalah agama amali, bukan teori yang diperdebatkan. Agama ini adalah agama yang membuahkan amal dan

pergerakan, yang berinteraksi dengan realiti, dengan pelbagai kemungkinan yang berbeza dihadapannya. Oleh kerana itu, Al-Quran secara umumnya diturunkan secara berperingkat sesuai dengan suasana dakwah yang dihadapi Nabi. Al-Quran membimbing Nabi yang mulanya buntu tercari-cari akan manhaj perubahan sewaktu di Gua Hira' dan seterusnya membuka jalan untuk baginda berjuang dengan didikan rabbani.

Nabi saw. seterusnya membimbing para sahabat untuk menghayati makna yang terkandung di dalam Al-Quran supaya ianya tercerna di dalam kehidupan mereka. Halaqah mereka jauh daripada perdebatan ilmiah mahupun kajian sains yang terperinci tetapi objektif, yakni dengar dan siap untuk melaksanakan. Inilah hakikat Islam yang sememangnya mudah...

Segala ujian yang mereka hadapi adalah sebagai sarana tarbiyah yang amali untuk menguji keteguhan iman dan kesanggupan mereka bekorban demi Islam. Untuk menjadikan mereka lebih cekal dan tabah, Allah swt. mewajibkan Qiamullail selama setahun sebagai bekal untuk menghadapi hari-hari mendatang yang penuh sukar. Yang akan bersama Islam hanyalah mereka yang menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah. Dan inilah sunnah susunan dan pemilihan dalam peringkat awal dakwah Rasulullah saw., yakni penyediaan Qaedah Sulbah - tulang belakang kepada dakwah.

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ حَتَّىٰ نَعْلَمَ الْمُجْتَهِدِينَ مِنْكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَتَبْلُؤُوا أَخْبَارَكُمْ ﴿٣١﴾

*"Dan demi sesungguhnya! Kami tetap menguji kamu (wahai orang-orang yang mengaku beriman) sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang dari kalangan kamu dan orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah kami); dan (sehingga) Kami dapat mengesahkan (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu."* (Muhammad: 31)

Orang yang masuk Islam ketika itu adalah orang yang mewakafkan diri kepada Allah dan sanggup menanggung azab tentangan kaum kafir Quraisy. Allah menyediakan mereka agar menjadi pasukan yang sangat mantap untuk menghadapi hari-hari kemudian yang lebih getir. Dengan suasana mereka di tekan para penguasa, dengan jumlah dan kekuatan individu yang sanggup mengikut tarbiyah yang sedikit, pada peringkat ini mereka di latih dengan kesabaran yang dahsyat.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوا أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

*"Tidakkah Engkau melihat (Wahai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: "Tahanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah solat serta berikanlah zakat..." (An-Nisa: 77)*

Allah swt. menyiapkan mereka dengan pelbagai persediaan yang perlu untuk menghadapi perjuangan yang masih panjang. Inilah hikmah era Mekah, menyediakan tonggak untuk penegakan Daulah Islam Madinah.

\* \* \* \* \*

## » Tertubuhnya Daulah Islam Pertama

Ibn Taimiyah menyatakan: *“Mendirikan negara adalah kewajipan manusia yang besar terhadap agama malah tidak dapat ditegakkan agama melainkan dengannya kerana Allah mewajibkan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan segala kewajipan berkaitan jihad, menegakkan keadilan dan melaksanakan hukum-hukum Islam tidak akan sempurna kecuali dengan adanya kekuasaan (kekuatan) dan negara.”*<sup>43</sup>

Benar seperti apa yang dikatakan Ibnu Taimiyah, kekuasaan merupakan antara faktor utama yang membezakan dakwah era Mekah dan Madinah.

1. Apabila Islam memiliki tanah yang ditabdir sendiri, Masjid berdiri sebagai pusat koordinasi semua aktiviti dakwah dan jihad. Dakwah semakin rancak dan bebas berjalan tanpa gangguan yang menghambat segala program. Dan program tarbiyah tidak lagi seperti dahulu di Mekah, sembunyi-sembunyi dan dalam keadaan takut-takut diketahui Quraisy.
2. Para sahabat mula dihantar ke luar kawasan pusat tarbiyah yakni sekitar Madinah untuk menyebarkan Islam dan meluaskan kawasan pengaruh Islam dan menambahkan sokongan terhadap Daulah. Berlaku affiliasi antara kabilah-kabilah arab sekitar Madinah dengan Daulah Islam.
3. Muslimin tidak lagi ditindas kerana ingin membela syahadahnya bahkan mendapat pembelaan sewajarnya di Daulah Islam. Ramai sebelumnya yang takut dan ragu untuk memeluk Islam menjadi muslim setelah yakin dengan melihat sendiri rahmat dan keadilan yang di bawa Daulah Islam. Mereka ini kebanyakannya merupakan simpatisan kepada perjuangan Islam era Mekah. Peperangan demi peperangan yang disusuli dengan kemenangan di pihak kaum Muslimin meneguhkan lagi kedudukan Islam di mata kaum Arab.

Tarbiyah yang rabbani telah melahirkan bentuk manusia, keluarga dan masyarakat yang menjadi cermin yang membiaskan dasar dan prinsip yang dilaungkan didalam Al-Quran. Laungan itu bukan hanya meniti di bibir atau tertancap di fikiran tetapi ianya tertonjol dengan akhlak, budaya dan nilai yang dipegang oleh generasi *awwal* Islam ini. Namun semua itu tidak cukup untuk merealisasikan maksud Islam melainkan terbentuk sebuah negara yang meletakkan hakimiyyah Allah sebagai objektif dan misi utamanya.

Al-Maududi menjelaskan lagi hal ini, “Di mana negara dan rakyatnya ditadbir dengan berlandaskan dasar yang adil, bersepadu dan bersumberkan seluruh teras agama. Malah negara Islam ini dapat dilihat melalui nilainya yang adil, dasar-dasar pembaharuannya, corak pentadbirannya, keamanan dan keharmonian yang diberikan kepada rakyatnya, langkah-langkah pemulihan yang dijalankannya, akhlak mereka yang terlibat dalam pentadbirannya, keteguhannya berpegang kepada kebenaran, kejujuran, amanah dan bersih dalam dasar yang dilaksanakan di dalam dan luar negara, dalam menentukan status aman dan perang. Semua suasana ini dapat dilihat dalam negara ini hingga menyebabkan semua lapisan masyarakat akan bersuara: “Demi sesungguhnya, agama yang dapat membentuk dan membangunkan sebuah negara seperti ini sudah tentu agama yang pasti akan membawa kebahagiaan kepada seluruh manusia dan membawa penganutnya ke arah kejayaan di

<sup>43</sup> Ibnu Taimiyyah, *Majmu' Al-Fatawa*, Juz XXVIII, ms. 107 dan 390

dunia dan di akhirat.” Apabila syahadah seperti ini digabungkan dengan syahadah dalam bentuk perkataan, sudah tentu hujah Allah mengatasi hujah manusia. Ketika itu kita tidak akan dipersoalkan lagi tentang tanggungjawab yang telah diletakkan di bahu umat Islam. Ketika itu, umat ini boleh bersuara mengikuti jejak Rasulullah s.a.w. di hadapan Allah, Pemilik yang Maha Kuasa, Maha Suci segala namaNya: “Kami telah sampaikan kepada seluruh penduduk bumi ini apa yang telah disampaikan kepada kami, tanpa mengenal erti penat lelah. Kami tidak bertanggung jawab terhadap mereka yang masih tidak mahu menerima kalimah hak dan enggan mengikut cara hidup sebenar yang diredai oleh Allah. Mereka sebenarnya menzalimi diri sendiri dan mereka menurut jalan yang sesat kerana kezaliman dan keangkuhan mereka sendiri.”<sup>44</sup>

Semasa fasa inilah, mereka yang sebelum ini tidak menerima Islam, mula membuka hati mereka untuk Islam. Mereka melihat Madinah sebagai model negara Islam dan Nabi Muhammad saw. sebagai model pemimpin Islam. Ketika pembukaan Kota Mekah, penduduk Mekah berdebar-debar menanti apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka oleh Muhammad. Ketika itu kedudukan mereka adalah sama seperti tawanan perang, dan boleh diperlakukan sesuka hati oleh pihak yang menang.

Mengenangkan kepada apa yang Quraisy telah lakukan kepada Nabi saw. dan para pengikutnya, dengan segala kezaliman dan permusuhan yang mereka berikan, keampunan adalah perkara terakhir yang mereka jangkakan, namun masih berada dalam senarai yang mereka harapkan. Ternyata Rasulullah saw. mengampunkan mereka, malah mereka tidak dihalau dan harta mereka tidak dirampas. Di Mekah Quraisy langsung tidak menghargai kemuliaan Nabi Muhammad saw. sebagai suatu kebenaran untuk mereka ikuti akan tetapi kemuliaan yang ditonjolkan dengan bentuk penguasaan berhasil apabila orang-orang Mekah yang sebelum ini tidak menerima Islam, masuk Islam dengan rela hati. Malah mereka dengan sukarela bergabung bersama pasukan mujahidin Rasulullah saw. dalam peperangan Hunain.

Ketika Kaum Muslimin dibenarkan mengangkat pedang, tiada seorang pun yang terlepas bebas untuk rehat melainkan benar-benar ada keuzuran yang syar’ie. Bukanlah memberikan keringanan untuk meninggalkan jihad adalah hak Rasulullah saw. kerana tidak ada perbezaan antara wajibnya solat, puasa dan zakat dengan jihad melainkan ia dizinkan oleh Allah. Abdullah bin Ummi Makhtum<sup>45</sup> pernah datang kepada baginda saw. untuk meminta izin kepadanya. Maka baginda saw. bersabda, “Saya tidak menemui rukhsah untukmu.” Hingga akhirnya turunlah ayat:

*“Tidak sama antara orang-orang mukmin yang tidak turut berperang yang tidak mempunyai uzur” (An-Nisa’: 95)*

Sesungguhnya hanya orang-orang munafik sahaja yang tertinggal untuk tidak pergi berjihad dan mereka sesuka hati memberi rukhsah sedangkan ia adalah hak Allah! Bukan hak manusia walaupun Nabi. Pemerintah Islam


---

<sup>44</sup> Abul A’la Al-Maududi, *Syahadatul Haq*, Topik Syahadah Perbuatan

<sup>45</sup> Beliau adalah seorang yang buta

berhak untuk menghukum sesiapa yang tidak turun berjihad kerana mereka tidak menta'ati suruhan Allah.

Allah swt. memberikan banyak kemenangan kepada kaum Muslimin untuk mengalahkan kaum musyrik. Orang-orang sekeliling Madinah mula melihat kekuatan yang berpihak kepada Islam. Jika sebelum ini mereka meyakini bahawa Tuhan berada dipihak mereka (Quraisy) semenjak peristiwa tentera Abrahah, namun selepas melihat pasukan Muhammad saw. memenangi pertempuran demi pertempuran, maka mereka mulai meyakini bahawa Tuhan yang menghentikan tentera bergajah Abrahah sebenarnya berpihak kepada Muhammad. Begitu juga selepas peperangan Muktah. Banyak suku atau kabilah Arab yang masuk Islam apabila melihat tentera Islam yang sedikit mampu untuk menggertak tentera Rom yang besar jumlahnya dan siap dengan pelbagai kelengkapan perang. Dengan kurnia Allah, akhirnya Islam menguasai seluruh kota utama semenanjung Arab, dari Tabuk hingga ke Sana'a.



Kekuasaan perlu untuk menegakkan hukum-hukum syariat seperti hukum hukuman jenayah, ekonomi, perceraian, sosial, pernikahan, warisan, hukum-hukum jihad, hukum-hukum puasa, hukum-hukum haji dan sebagainya yang disyariatkan di Madinah.

Dalam hal mencegah kemungkaran, tidak semua manusia akan tunduk kepada peraturan yang telah ditetapkan semata-mata dengan nasihat dan

tunjuk ajar atau ancaman dan galakan daripada Al-Quran dan sunnah. Kecuali mereka yang benar-benar beriman dan telah melalui sentuhan tarbiyah Ar-Rasul saw.. Maka di sini perlunya kuasa kerajaan atau pemerintah yang mempunyai autoriti ke atas rakyat agar mereka tunduk dan patuh terhadap undang-undang dan hukum syara'.

Mengenai perkara ini Saidina Uthman ra. pernah berkata;

إن الله لينزع بالسلطان ما لا ينزع بالقرآن

*"Sesungguhnya Allah menghapus dengan kekuasaan apa yang tidak dihapusNya dengan Al-Quran."*<sup>46</sup>

<sup>46</sup> Ibnu Kathir, *Kitab Bidayah wa Nihayah*, Juz 2 ms. 12



## Rajah ISK Mekah dan Madinah

Rajah ISK – Era Daulah Islam Madinah mendaki dengan exponential hingga kemuncaknya ketika jumlah kaum Muslimin melebihi 120,000 orang (bilangan jemaah semasa khutbah wida' Rasulullah saw.) berbanding kira-kira 300 orang (berdasarkan pengiraan peperangan) semasa di Mekah.


Peningkatan yang mendadak ini berlaku atas faktor-faktor yang telah diterangkan sebelum ini. Transisi daripada kuasa dan kepimpinan jahiliyah kepada Islam adalah titik noktah terpenting yang merubah suasana masyarakat Islam dan medan kepada dakwah dan tarbiyah menjadi satu lonjakan yang cukup hebat dalam sejarah. Peperangan Mu'tah telah membuka mata banyak kabilah Arab bahawa Islam yang dahulunya asing kini tampil gagah mencabar kuasa besar dunia iaitu Rom.

Selepas Mekah dibuka, maka berduyun-duyunlah orang Mekah masuk Islam apabila melihat pembuktian kebenaran Islam seolah-olah kemusyrikan sama sekali tidak akan muncul kembali setelah diruntuhkan oleh tentera Muhammad saw.. Inilah sunnatullah kebangkitan.

### Rajah ISK – Era Daulah Islam Madinah

Terbina Daulah Islam pertama

- Kemenangan dalam siri Ghazwah mengukuhkan kedudukan Islam
- Banyak kabilah bergabung dan memeluk Islam
- Islam berkuasa di Madinah dan kawasan sekitarnya





## ***Bab 5 - Khulafa' Ar-Rasyidin Tanpa Sains***

---

*Tidaklah kuda perang dan tombak,  
akan banyak bermanfaat,  
apabila kuda dan tombak itu,  
tidak dipergunakan oleh orang yang mulia.*

***Al Mutanabby***

Seterusnya adalah perkembangan Islam pada era Khulafa' Ar-Rasyidin (pengganti-pengganti Rasul saw. yang cendekiawan). Bahagian pertama merupakan kisah Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali, dan bahagian kedua adalah mengenai perihai perubahan penting yang dikecapi pada era ini.

## ☞ Bahagian 1 - Sirah Khulafa' Ar-Rasyidin

### » Abu Bakar As-Siddiq *radhiallahu 'an* (ra.) (أبو بكر الصديق)

#### *Khalifah Dunia Islam yang Pertama*

Abu Bakar bin Abu Quhafah berasal dari keturunan bani Taim bin Murah. Pada Murah, dia bertemu nasab dengan keluarga Rasulullah saw.. Ibu Abu Bakar bernama Ummul Khair Salma. Abu Bakar dilahirkan dua tahun selepas Rasulullah. Abu Bakar dan Muhammad saw. sememangnya telah lama bersahabat. Mereka mempunyai persamaan dari segi akhlak yang terpuji dan menjalani kehidupan dengan cara yang lurus.

Abu Bakar diberi gelaran as-Siddiq kerana kepercayaan dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Rasulullah saw.. Tidak pernah walaupun sekali dia terjatuh dalam keraguan baik terhadap kata-kata mahupun perbuatan Muhammad. Dia membenarkan Rasulullah saat orang-orang kafir Quraisy menuduh baginda gila selepas peristiwa Isra' Mikraj, dan dia juga tetap tidak tergugah dengan semua keputusan Rasulullah saw. semasa perjanjian Hudaibiyah tatkala yang lain merasakan seolah-olah tertindas dan berat sebelah dengan isi kandungan perjanjian tersebut.

Abu Bakar menyayangi dan mencintai Rasulullah melebihi dirinya sendiri. Pernah semasa di Mekah Abu Bakar dibelasah hingga teruk oleh kaum Musyrikin. Dia yang tidak sedarkan diri dipapah oleh orang bani Taim ke rumah ibunya. Sebaik sahaja sedar, soalan pertama yang diajukan kepada Ummul Khair Salma adalah, "*Bagaimana keadaan Rasulullah?*" Abu Bakar tidak mahu makan atau minum sehingga dia melihat dengan mata kepala sendiri bahawa Rasulullah selamat. Dia juga sanggup menemani perjalanan hijrah Rasulullah yang penuh dengan mara bahaya.

Dialah lelaki dewasa pertama yang bergabung dengan Islam tanpa sebarang keraguan. Dialah antara yang pertama yang menyumbangkan seluruh hartanya untuk Islam dan untuk keluarganya sudah cukup Allah dan Rasul. Dialah yang banyak membebaskan para sahabat yang berstatus hamba. Dialah sahabat baik dan orang kepercayaan Rasulullah saw..

### **Perlantikan Khalifah (Pengganti)**

Para sahabat sependapat bahawa menjadi kewajipan bagi mereka untuk melantik seorang pengganti setelah Rasulullah saw. wafat. Mereka amat jelas tentang kewajiban perlantikan seorang ketua bagi mentadbir urusan kaum Muslimin. Lalu mereka sepakat membeli'at Abu Bakar, kerana Rasulullah saw. sendiri percaya kepadanya dalam urusan dunia (ketika hijrah dan juga menggantikan imam solat ketika baginda sakit), apatah lagi dalam urusan memerintah umat.

Imam Muslim telah meriwayatkan dari Al-A'raj dari Abi Hurairah dari Nabi saw. bersabda yang bermaksud: "*Sesungguhnya Imam adalah laksana*

*perisai, di mana orang-orang akan berperang dibelakangnya dan menjadikannya sebagai pelindung (bagi dirinya)"*

Seluruh sahabat selama hidup mereka telah sepakat mengenai kewajiban melantik khalifah sebagai imam mereka dalam apa jua keadaan. Sejak Islam datang membebaskan mereka daripada belenggu perkauman dan kesukuan, mereka tidak pernah hidup tanpa ketua yakni Nabi saw. yang memimpin dan memisahkan segala berhalo jahiliyah asobiyah di hati mereka. Mereka tidak pernah berselisih pendapat sedikitpun mengenai wajibnya melantik seorang khalifah selepas kewafatan Nabi saw. kerana inilah prinsip yang terkandung di dalam Al-Quran dan mereka tidak ingin kembali ke lembah jahiliyah. Bahkan, jika keluar musafir bertiga, maka seorang wajib dilantik sebagai ketua (Maksud hadis).

### **Khalifah Abu Bakar *radiallahu'an***

Perlantikan khalifah selepas kewafatan Rasulullah saw. adalah urusan terpenting yang perlu diselesaikan kaum Muslimin. Ini kerana sebaik sahaja berita kewafatan Rasulullah saw. tersebar, bergeraklah orang-orang munafik yang hendak mencari keuntungan diri sendiri. Muncul golongan murtad dan nabi-nabi palsu, semuanya hendak memberontak melepaskan diri daripada khalifah yang baru tertegak akibat daripada keimanan mereka yang lemah.

Kaum-kaum yang memberontak merupakan mereka yang baru sahaja memeluk Islam. Mereka belum benar-benar memahami hakikat Islam kerana masuknya mereka ke dalam Islam hanyalah dipengaruhi oleh gerakan ramai, dan segan kepada kekuasaan Nabi saw.. Tentu saja setelah Nabi saw. wafat mereka hendak belot. Ada pula satu golongan yang mahu mendirikan solat, tetapi tidak mahu mengeluarkan zakat. Golongan ini malah bersedia untuk berperang semata-mata kerana tidak mahu membayar zakat.

Demikian besar bahaya yang sedang mengancam, sedikit pun tidak menggugah pendirian Abu Bakar hinggakan dia pernah berkata, "*Apakah agama Islam itu mundur sedangkan aku hidup?*" Cabaran demi cabaran dihadapi Abu Bakar dengan tegas dan berhikmah. Langkah pertama adalah memerangi kaum pemberontak!

Ada yang mengatakan kepadanya supaya orang-orang yang tidak sudi mengeluarkan zakat itu tak usah diperangi, kerana mereka masih mahu solat. Abu Bakar yang terkenal dengan sifat lembut dan berhemah tetap bertindak tegas dalam menghadapi hal ini: "*Demi Allah kalau mereka itu enggan menunaikan kepada ku seutas tali pengikat unta seperti yang telah ditunaikan kepada Rasulullah saw., pasti aku akan perangi mereka selagi pedang masih berada di tanganku*". Hari pertama sebagai khalifah, Abu Bakar telah menghantar sebanyak 11 batalion tentera<sup>47</sup> untuk memerangi mereka yang murtad dan enggan membayar zakat.

Walau bagaimana sibuknya Abu Bakar untuk memerangi kumpulan pemberontak itu, dia tidak membelakangkan hal penghantaran pasukan tentera di bawah pimpinan Usamah. Misi membawa Islam ke serata dunia mesti diteruskan walaupun selepas kewafatan Rasulullah. Sebelum Usamah

---

<sup>47</sup> Prof Dr. Ahmad Syalaby, Masyarakat Islam, cet. Pustaka Nasional 1966, ms. 167

bertolak, Abu Bakar telah meminta izin daripada Usamah supaya Umar<sup>48</sup> terus berada di Madinah bagi membantunya menghadapi krisis yang ada.

Tentera Usamah pun berangkat menuju Qudha'ah. Mereka mengepung Qudha'ah empat puluh hari lamanya. Pertempuran yang hebat telah berlaku dan mereka kembali dengan kemenangan. Kemenangan terhadap Qudha'ah membuka mata musuh-musuh Islam yang lain kerana semua orang maklum bahawa untuk menewaskan Qudha'ah memerlukan sebuah pasukan yang amat kuat dan kepimpinan yang mantap.

### **Penaklukan Parsi**

Setelah menyelesaikan permasalahan di atas, Abu Bakar mula mengorak langkah untuk meluaskan empayar Islam ke luar tanah Arab, iaitu menawan negeri Parsi. Pertelingkahan dengan Parsi bermula apabila tentera Islam dihantar ke sebelah Timur untuk menghapuskan pemberontakan orang Badwi. Pemberontakan ini berlaku kerana Parsi yang memusuhi orang Islam telah menghasut penduduk di sempadan sebelah Timur menentang Daulah Islam Madinah.

Bagi menyelesaikan masalah ini, Abu Bakar telah mengarahkan Panglima Al-Muthana Bin Harithah dengan bantuan Khalid Bin Al-Walid bersama-sama dengan 10,000 tentera untuk memerangi Parsi. Pasukan tentera ini akhirnya berjaya menguasai beberapa tempat di Hirah setelah menewaskan pemimpin Parsi iaitu Hurmuz. Al-Muthana kemudiannya dilantik sebagai wakil pemerintah di Hirah dan Anbat.

### **Penaklukan Syam – Perang Yarmuk**

Setelah itu Abu Bakar mengirim surat kepada penduduk Mekah, Tha'if, Yaman dan sekelian negeri Arab, sampai ke Najd dan seluruh Hijaz untuk segera bersiap mengatur bala tentera besar. Persiapan ini adalah untuk menawan negeri Syam, pusat kerajaan Romawi pada ketika itu.

Kata Ath-Thabari: *"Tiap-tiap ketua perang itu telah ditentukan tempat tinggal mereka sebelum negeri itu dimasuki, buat Abu 'Ubaidah telah ditentukan Homs, buat Yazid bin Abu Sufyan negeri Damsyik, buat Syurahbil bin Hasanah negeri Urdan (Jordan), buat Amru bin Al-Ash dan 'Alqamah bin Al-Munzir negeri Palestin, Kalau telah selesai, maka 'Alqamah akan meneruskan perjalanan ke Mesir."*

Peperangan yang paling masyhur ketika penaklukan Syam itu ialah peperangan Yarmuk, iaitu nama satu sungai besar di Jordan. Bermula daripada penaklukan Yarmuk, perajurit Islam terus membuka negeri Al-Quds, Damsyik, Homs, Humaat, Halab dan lain-lain.

Di medan Yarmuk, kaum Muslimin menghadapi 240,000 tentera Romawi yang ternyata jauh lebih besar. Abu Ubaidah lantas mengirimkan berita kepada Abu Bakar untuk menghantar bantuan lalu diarah Khalid bin Walid yang berada di Iraq, agar berangkat menuju Syam dengan membawa separuh pasukannya. Kepada Khalid bin Walid, Abu Bakar juga memerintahkan agar memimpin pasukan di Syam setibanya di negeri tersebut.

---

<sup>48</sup> Ketika itu Umar adalah salah daripada seorang tentera Usamah.

Pada peperangan ini Khalid bin Walid membawa seramai 30,000 hingga 40,000 tentera Islam. Jumlah tersebut merupakan jumlah pasukan Muslim terbesar yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam sejarah Arab. Namun, jumlah ini masih kecil berbanding dengan jumlah musuh. Hal ini sedikit pun tidak membuatkan Khalid dan pasukannya gentar.

Mereka terus berjuang melawan orang-orang kafir. Akhirnya dengan pertolongan Allah, perang yang dahsyat ini dimenangi oleh pasukan Muslim. Tazariq, saudara Herkulis yang menjadi panglima tertinggi pasukan Romawi, telah terbunuh dalam peperangan ini.

Raja Romawi, Herkulis, ketika berada di Anthakiyah bertanya kepada para pasukannya; *Apa yang menyebabkan mereka kalah perang? Padahal jumlah mereka lebih banyak berlipat kali ganda daripada jumlah pasukan kaum Muslimin.*

Maka salah seorang yang dari mereka menjawab, *"Kami kalah disebabkan mereka solat di malam hari, berpuasa di siang hari, mereka menepati janji, mengajak kepada perbuatan ma'ruf, mencegah dari perbuatan mungkar dan saling jujur sesama mereka.*

*Sementara kita gemar minum khamar, berzina, mengerjakan segala yang haram, memungkirkan janji, merampas harta, berbuat kezaliman, menyuruh kepada kemungkaran, melarang dari apa-apa yang diredhai Allah dan kita selalu berbuat kerosakan di bumi."*

Mendengar jawaban itu Herkulis<sup>49</sup> berkata, *"Engkau telah berkata benar."*

*"Allah pasti akan menolong orang-orang yang menolong agamaNya. Sebaliknya Dia pasti akan menghinakan orang-orang yang kafir terhadapNya. Sesungguhnya kalian tidak akan dikalahkan kerana jumlah kalian yang sedikit, tetapi kalian akan dikalahkan disebabkan dosa-dosa kalian..."* (Abu Bakar ash-Siddiq, dalam suratnya menjelang Perang Yarmuk)<sup>50</sup>

## **Penghimpunan Al-Quran**

Salah satu sumbangan besar semasa pemerintahan Abu Bakar adalah menghimpunkan Al-Quran. Umarlah yang pertama kali mengusulkan penghimpunan Al-Quran ini. Lalu Abu Bakar Ash-Shiddiq memerintahkan kepada Zaid bin Tsabit untuk menghimpun Al-Quran daripada pelepah kurma, kulit binatang dan daripada hafalan kaum muslimin.

Hal ini dilakukan sebagai usaha untuk menjaga kelestarian Al-Quran setelah syahidnya beberapa orang huffaz Al-Quran semasa perang Yamamah.<sup>51</sup> Sejak itulah Al-Quran dikumpulkan dalam satu mushaf.

## **Keadilan dan Rahmat Kepimpinan Abu Bakar ra.**

Diriwayatkan semasa memerintah, Abu Bakar telah melantik Umar Al-Khattab sebagai hakim di Madinah. Setelah setahun berlalu, tiada walaupun satu permasalahan yang diadukan kepada Umar. Sememangnya masyarakat Madinah waktu itu hidup aman damai dan penuh harmoni sehingga tidak

<sup>49</sup> Barat dalam filemnya menggambarkan Herkulis sebagai perwira sedangkan dialah antara maharaja Rom yang ganas dan zalim untuk menutup peradaban silam mereka yang sememangnya penuh dengan jenayah

<sup>50</sup> Ibnu Katsir, *Al-Bidayah wan-Nihayah, Masa Khulafa'ur Rasyidin* (terj.), Jakarta: Darul Haq, 2004.

<sup>51</sup> Seramai 1200 orang syahid termasuk 73 orang sahabat besar dan juga para huffaz

timbul satu masalahpun untuk dibicarakan. Maka, datanglah Umar kepada Abu Bakar sambil berkata, *"Hai Abu Bakar, ambillah kembali tugas ini dariku."*

Abu Bakar bertanya, *"Kenapa Umar?"*

Umar menjawab, *"Aku makan dari yang haram. Aku menerima gaji dari Baitul Mal tanpa bekerja."*

### **Hari akhir Abu Bakar**

Abu Bakar menghembuskan nafasnya yang terakhir pada bulan Jamadil Akhir, tahun ke-13 Hijriah, pada usia 63 tahun. Masa khalifahnyanya 2 tahun, 3 bulan, dan 3 hari. Dia dikebumikan di kamar Aisyah di samping makam sahabatnya yang mulia Rasulullah saw..

### **Wasiatnya Tentang Khalifah Umar**

Menjelang hari akhirnya, Abu Bakar meminta pendapat sejumlah sahabat generasi pertama yang tergolong sebagai ahli syura. Mereka seluruhnya sepakat untuk mewasiatkan khalifah sesudahnya kepada Umar Al-Khattab.

\* \* \* \* \*

### **» Umar bin Al-Khattab radhiallahu ‘an (عمر بن الخطاب)**

*Khalifah Kedua, Pintar Membezakan Antara Haq dan Bathil*

Nama penuhnya ialah Umar b. Al-Khattab b. Naufal b. Abdul Uzza b. Rabah b. Abdullah b. Qarth b. Razah b. Adiy b. Kaab. Dia dilahirkan pada tahun 583 M. Umar berketurunan Bani Adi iaitu salah satu bani dalam kabilah Quraisy yang dipandang mulia, megah, dan berkedudukan tinggi. Dia pernah mengembala kambing semasa kecil dan semasa dewasanya, dia berniaga dengan berulang-alik ke Syam membawa barang dagangan.

Semasa jahiliyah, dia pernah menjadi pendamai apabila berlaku pertelingkahan hebat antara kaum keluarganya. Dia merupakan seorang yang berani, tegas dalam kira bicara, berterus terang dalam menyatakan fikiran dan pandangannya dalam menghadapi satu-satu masalah. Dijelaskan bahawa Umar adalah seorang yang adil, wajahnya yang kemerah-merahan, tinggi besar, cepat bergerak, pejuang yang handal dan penunggang kuda yang cekap. Umar juga terkenal sebagai pemicato dan orang yang pandai membaca.

Khalifah kedua selepas Abu Bakar ini juga terkenal sebagai seorang yang garang dan pemberani. Pernah semasa Abu Sufyan ke Madinah, selepas tidak berjaya berbincang melalui anaknya Ummu Habibah, Abu Sufyan menemui Abu Bakar dan tidak berjaya. Seterusnya, Abu Sufyan terfikir mungkin Umar dapat membantunya. Dia meminta supaya Umar mencegah Nabi saw. dari meneruskan niat menakluk kota Mekah selepas pengkhianatan Quraisy terhadap perjanjian Hudaibiyah. Umar berkata; *"Kau minta aku untuk jadi pencegah? Sungguh, demi Allah! Andai yang ada denganku hanyalah semut, dengan semutpun aku akan lawan kalian!"*

Namun di sebalik sifatnya yang tegas dan garang, Umar merupakan antara Khalifah yang amat menyayangi dan disayangi kaum Muslimin.

## Memeluk Islam

Saidina Umar memeluk Islam pada pertengahan tahun keempat atau tahun kelima selepas kerasulan Nabi, yakni semasa dia berumur 33 tahun. Dia telah tertarik dengan ayat-ayat Al-Quran (Surah Thaha) yang dibaca oleh adiknya Fatimah<sup>52</sup>.

Nabi Muhammad saw. pernah berdoa: *“Ya Allah, Engkau Islamkan antara dua Umar.”* Maksud antara dua Umar itu ialah Umar ibnu Al-Khattab dan Abu Lahab, kedua-duanya berwatak keras, tegas dan berpengaruh. Allah telah memilih Umar ibnu Al-Khattab untuk jatuh cinta pada Islam. Islamnya Umar turut memberikan kekuatan kepada umat Islam secara keseluruhannya. Kata Abdullah ibn Mas’ud, *“Kami senantiasa berada dalam kejayaan semenjak Umar masuk Islam.”*<sup>53</sup>

## Umar - Si ‘Al-Faruq’

Diberi gelar ‘Al-Faruq’ yang bermaksud ‘orang yang dapat membezakan hak dengan yang bathil’. Gelaran ini diberikan oleh Rasulullah saw. semasa Umar membawa sekumpulan umat Islam untuk bersolat di hadapan Kaabah secara terbuka untuk pertama kalinya dalam sejarah Islam. Umar sendiri yang menjaganya daripada gangguan orang-orang Quraisy. Nabi Muhammad saw. juga mengenalinya sebagai ‘Abu Hafs’ kerana kegagahannya. Umar telah keluar untuk berhijrah secara terang-terangan dengan pedang di tangannya sedia terhunus kepada sesiapa sahaja yang cuba menghalangnya.

## Perluasan Dakwah Islam

Semasa Umar memerintah, keadaan telah pulih daripada masalah-masalah dalaman hasil daripada usaha khalifah terdahulu, Abu Bakar. Jadi Umar boleh memberikan fokus kepada tugas kekhalifahan yang lain. Umar Al-Khattab meneruskan perjuangan yang dirintis Abu Bakar ra.. Ibu kota Syria, Damaskus, Ardan dan Homs berjaya dibuka pada tahun 636M. Seluruh daerah Syria berada dibawah kekuasaan pemerintahan Islam semasa Umar memerintah. Ini berlaku hanya dalam tempoh setahun selepas tentera Rom dikalahkan dalam pertempuran Yarmuk.

Mesir adalah tempat yang seterusnya dibuka, diletakkan dibawah pimpinan Amru Al-Ash. Iraq pula berjaya dikuasai oleh tentera dibawah komandan Saad bin Abi Waqqas. Pada tahun 641M, secara rasmi kedua-dua wilayah tersebut menjadi wilayah Islam. Perang Qadissiyah membuka lembaran baru untuk dakwah, di mana kota Hirah dekat Iraq di buka pada tahun 637M. Dari kota ini serangan terus di lancarkan terhadap Parsi dan akhirnya kota Al-Madain jatuh ke tangan Islam pada tahun yang sama. Mosul, Iraq di buka pada tahun 641M menandakan kejayaan Islam menguasai seluruh benua baru Arab.

## Kisah Pembebasan Al-Quds

---

<sup>52</sup> Terdapat beberapa peristiwa yang telah menggoncang hati Umar untuk menerima kebenaran Islam, dan kemuncaknya adalah di rumah Fatimah. Antara peristiwa tersebut adalah; Umar mendengar bacaan Al-Quran Rasulullah Surah Al – Haqqah ayat 40 - 42, penghijrahan Ummu Abdullah ke Habsyah.

<sup>53</sup> Ibnu Hajar dalam Fath Al-Bari VII/48, Bukhari No. 3684



Amru bin Al-Ash ra. bersama pasukannya telah mengepung kota Ilia'. Pasukannya menghadapi kesukaran untuk menawan kota ini kerana sistem pertahanan kota ini begitu sukar ditembusi. Pada hari kesebelas selepas pengepungan dilakukan, tentera Muslimin yang diketuai oleh Abu Ubaidah Al-Jarrah bersama pasukan Khalid al Walid, Syarahbil, Yazid tiba di Ilia'.

Kedatangan mereka disambut dengan laungan takbir yang lantang. Pihak Rom yang belum pernah mendengar laungan takbir sekuat itu bertambah gementar dan gerun kepada tentera Muslimin. Mereka yakin Amirul Mukminin Umar ra. telah datang untuk membuka Al-Quds sebagaimana yang telah dikhabarkan oleh paderi mereka.

Menurut ilmu paderi mereka, dunia ini akan dibuka; yang diantaranya adalah Palestin, oleh seorang lelaki yang berbadan tinggi, berkulit cerah dan bermata hitam yang amat hitam dan mata putih yang amat putih. Sekiranya dia datang, tiada gunanya lagi untuk melawan melainkan berserah diri. Sifat yang disebutkan tersebut, adalah sifat-sifat Saidina Umar ra..

Lalu si paderi tampil menemui tentera Muslimin untuk memperkenalkan dirinya dan untuk berkenalan dengan ketua tentera Muslimin masa itu. Apabila mengetahui ketua tentera Muslimin ketika itu bukanlah Saidina Umar ra., si paderi terus mengarahkan supaya tenteranya meneruskan serangan. Cuaca yang sejuk ditambah pula dengan salji dan hujan yang turun tidak mematahkan semangat kaum Muslimin untuk terus mengepung kota tersebut sehingga genap empat puluh hari.

Tentera Muslimin telah memutuskan sumber-sumber bekalan Rom sehingga menyukarkan keadaan mereka. Setelah menghadapi tekanan yang amat hebat, si paderi meminta tentera Muslimin untuk menyifatkan ketua Muslimin yang berada di Madinah. Apabila diberitahu oleh utusannya tentang sifat Saidina Umar ra. yang sama dengan apa yang disebutkan dalam kitab mereka, si paderi meminta agar genjatan senjata dilakukan.

Maka Abu Ubaidah Al-Jarrah pergi menemui paderi tersebut. Paderi bertanya; *"Mengapakah kamu mahu membuka negeri yang suci ini? Sesungguhnya orang yang berkehendakkannya akan dimurkai Allah Taala dan dibinasakan oleh-Nya."*

Abu Ubaidah Al-Jarrah lalu menjawab, *"Sesungguhnya ia adalah negeri yang mulia, di situlah Nabi kami dimi'raikan ke langit. Ia adalah tempat para anbiya. Dan di situlah kubur-kubur mereka. Kami lebih berhak daripada kamu untuk memilikinya dan kami akan sentiasa berjuang untuk memilikinya, sehinggalah Allah Taala memilikkannya kepada kami sebagaimana kami memiliki tempat yang lain."*

Si paderi berkata lagi *"Maka apakah yang kamu mahu dari kami?"*

Kata Abu Ubaidah Al-Jarrah, *"Sama ada Islam, atau jizyah atau perdamaian."* Si paderi memilih untuk berdamai dan mensyaratkan supaya kota Al-Quds tidak dimasuki oleh sesiapaupun sebelum Saidina Umar ra..

Apabila membaca surat yang diutuskan oleh Abu Ubaidah al Jarrah, Saidina Umar ra. dengan pakaian biasanya yang compang-camping bersama seorang budak bersegera menuju Al-Quds dengan bergilir-gilir menaiki unta. Tatkala sampai di Al-Quds, masa itu giliran si budak menaiki unta

dan Saidina Umar ra. berjalan kaki setelah Saidina Umar selesai tilawahnya. Si budak mengesyorkan supaya Saidina Umar ra. menunggang unta namun dia menolak. Mereka berdua memasuki Al-Quds dalam keadaan tersebut.

Apabila kaum muslimin melihat kedatangan Amirul Mukminin, mereka pun bertakbir dan bertahmid. Orang-orang Nasrani begitu takjub dengan situasi ini dan mereka berfikir adakah betul orang yang dilihat itu adalah Amirul Mukminin.

Apabila Saidina Umar ra. sampai di kawasan yang becak, si budak sekali lagi menawarkan kepada Khalifah supaya menaiki unta, tapi Saidina Umar ra. sekali lagi menolak, maka Khalifah terus membuka kedua seliparnya mengharungi becak sehingga basahlah bajunya. Orang ramai sekali lagi takjub dengan situasi ini.

Apabila si paderi melihat situasi ini, dia merasa gerun dan gementar lalu berkata kepada kaumnya: *"Tiada seorangpun yang mampu untuk berdepan dengan mereka ini, oleh itu menyerahlah kamu nescaya kamu selamat"*.<sup>54</sup>

Kemudian selepas itu, termetrailah perjanjian Umariah yang terkenal dan Khalifah menjamin keamanan untuk kaum Nasrani dan tempat ibadah serta tempat suci mereka. Hari yang sama juga Umar mengistiharkan Palestin adalah tanah waqaf dan hak milik umat Islam sehingga ke generasi terkemudian. Dengan pembukaan Al-Quds, boleh dikatakan bahawa operasi untuk membuka Syam telah sempurna dan cahaya Islam telah menyinari keseluruhan bumi Syam.

### **Semasa Pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab**

Umar pernah menyamar sebagai rakyat biasa untuk melihat sendiri keadaan rakyatnya. Pada suatu malam, dia terjumpa seorang kanak-kanak yang sedang menangis kelaparan. Terus dia mengambil gandum, memasak dan menyuapkan sendiri ke mulut kanak-kanak tersebut.

Umar adalah contoh pemimpin yang bersedia ditegur dan menerima pendapat orang lain walaupun datang daripada seorang rakyat biasa. Umar menerima cadangan seorang perempuan supaya setiap orang boleh meletakkan maskahwin mengikut kemahuan sendiri, asalkan tidak membebankan kaum lelaki.

Umar juga tidak pernah teragak-agak dalam menegakkan keadilan kepada sesiapaupun walaupun orang itu adalah orang kanan kerajaannya. Dia pernah menjatuhkan hukuman ke atas anak Amru<sup>55</sup>, yang telah memukul seorang Qibti kerana kalah dalam perlumbaan kuda.

Ketika terjadi musim kemarau yang amat teruk di Madinah, Umar mengirimkan surat kepada Amru Al-Ash agar mengirimkan bantuan gandum dari Mesir. Amru menjawab surat Umar, *"Baiklah ya Amirul Mukminin. Sungguh akanku kirimkan kepadamu satu kafilah yang hujung depannya ada di hadapanmu sedangkan yang terakhir berada di hadapanku."*

---

<sup>54</sup> Dr. Toriq as Suwaidan. *Tarikh al Musowwar*, Falestin

<sup>55</sup> Pada waktu itu Amru bin Al-Ash merupakan Gabenor Mesir

Bantuan yang paling depan berada di Madinah Al-Munawarah sedangkan yang terakhir berada di Kairo!

Ketika Mu'adz bin Jabbal diutuskan oleh Umar Al-Khattab ke Yaman, pada tahun pertama dia mengirimkan sepertiga zakat penduduk Yaman. Maka Umar menulis surat kepadanya, *"Aku mengutuskanmu bukan untuk memungut harta benda rakyat kemudian engkau kirimkan kepadaku. Tetapi aku hanya mengirimmu untuk memungut zakat (dari orang-orang kaya), kemudian engkau berikan kepada orang-orang miskin di antara mereka. Maka janganlah engkau mengirimkan apapun sebelum seluruh orang miskin di negerimu itu berkecukupan."*

Maka Mu'adz membalas surat Umar, *"Apakah engkau mengira bahawa aku telah mengirimkan sesuatu kepadamu sebelum memenuhi keperluan orang-orang fakir di seluruh negeri?"*

Pada tahun yang kedua, Mu'adz mengirimkan separuh hasil zakat, disusuli tahun ketiga dan seterusnya dia mengirimkan seluruh hasil zakat, kerana tidak terdapat lagi orang miskin di Yaman. Islam telah membuat mereka berkecukupan.

### Kepimpinan Khalifah Umar Al-Khattab

<b>Pembaharuan Dalam Bidang Pentadbiran</b>  * Bermula penggunaan Kalendar Hijriah	Membentuk Majlis Syura	Merupakan lembaga atau majlis perunding yang tertinggi. Ianya terbahagi kepada dua iaitu Majlis Syura Tertinggi dan Majlis Syura Am.
	Membahagikan wilayah-wilayah Islam	Kawasan dibahagikan mengikut wilayah demi menjaga kelicinan pentadbiran Islam. Pegawai pentadbiran dilantik. Pertemuan di Mekah pada setiap tahun selepas menunaikan haji untuk membuat laporan.
	Memperbaharui undang-undang pentadbiran tanah	Tanah-tanah awam milik kerajaan tempatan dan segala hasil dari tanah tersebut akan digunakan untuk membiayai kemudahan-kemudahan awam negara itu juga. Rumah-rumah rehat (R&R) didirikan sepanjang perjalanan.
	Jabatan baru	Penubuhan Jabatan Polis, Tentera, Kehakiman, Sistem Penjara dan Hasil Dalam Negara.
<b>Pembaharuan dalam bidang ekonomi</b>	Sistem cukai	Cukai mengikut jenis tanaman. Syarat-syarat yang menyusahkan rakyat dan tidak adil dihapuskan. Cukai tanah diperkenalkan
	Sistem pertanian	Membuka tanah-tanah baru dan juga mengadakan projek pengairan, di Mesir dan Iraq → Hasil pertanian bertambah
<b>Pembaharuan dalam bidang</b>	Melakukan polisi baru	Dikenakaan cukai tanah dan juga jizyah yang tidak membebankan. Taraf dan hak

<b>sosial</b>	untuk golongan Dzimmi	awam di berikan sama rata seperti apa yang dinikmati oleh orang Islam. Golongan Dzimmi yang masih menentang Islam akan dibuang atau dihalau keluar negara.
	Memperbaharui taraf kedudukan hamba	Keadilan yang sama. Hidup bebas seperti orang-orang biasa, kecualilah bagi orang-orang yang menentang Islam dalam peperangan. Hamba perempuan yang menjadi ibu tidak boleh dijual sewenang-wenangnya. Hamba yang berkeluarga tidak boleh dipisahkan.
	Mengalakkan kegiatan keilmuan dan pelajaran	Guru-guru digaji. Sekolah-sekolah banyak ditubuhkan. Imam dan Muazzin digaji. Para sahabat yang dihantar ke wilayah-wilayah Islam menjadi murobbi dan pentadbir

### **Akhir Hayat Khalifah Umar Al-Khattab ra.**

Selepas memerintah negara Islam selama 10 tahun 6 bulan dan 4 hari, Umar menghembuskan nafas terakhir pada malam Rabu di akhir bulan Zulhijjah tahun 23 Hijrah, sewaktu berumur 63 tahun. Dia ditikam oleh Abu Lu'luah, seorang Majusi berbangsa Parsi. Ketika diberitahukan siapa pembunuhnya, Umar berkata, *"Segala puji bagi Allah yang tidak menjadikan kematianku di tangan orang yang mengaku Muslim."*

Umar kemudian berwasiat kepada puteranya, *"Wahai Abdullah, periksalah hutang-hutangku!"*

Setelah dihitung, ternyata Umar mempunyai hutang sejumlah 86,000 dirham. Umar lalu berkata, *"Jika harta keluarga Umar sudah mencukupi, bayarlah dari harta mereka. Jika tidak mencukupi, pintalah kepada bani Adi. Jika harta mereka juga belum mencukupi, mintalah kepada Quraisy."*

Selanjutnya Umar berkata kepada anaknya, *"Pergilah menemui Ummul Mu'minin Aisyah! Katakan bahawa Umar meminta izin untuk dikubur berdampingan dengan kedua sahabatnya (maksudnya Nabi saw. dan Abu Bakar)."*

Umar dimakamkan bersebelahan dengan makam Rasulullah dan Abu Bakar di Madinah. Pentadbiran khalifah selepasnya disambung oleh Saidina Uthman bin Affan ra.

\* \* \* \* \*

## » Uthman bin ‘Affan radhiallahu ‘an (عثمان)

*Khalifah Ketiga, Malaikat Berasa Malu Kepadanya*

‘Aishah menceritakan: Nabi sedang duduk di bawah rumahnya dengan betisnya terdedah. Abu Bakar meminta izin untuk masuk ke rumah dan telah diizinkan sedangkan Nabi masih duduk demikian. Abu Bakar datang berbicara dengan nabi. Kemudian Umar meminta izin untuk masuk. Dia telah diberikan izin dan datang berbicara dengan Nabi yang masih dalam posisi tadi. Kemudian Uthman bin Affan meminta izin dan Nabi bangun membetulkan pakaiannya. Barulah dia kemudian diizinkan dan datang berbicara dengan Nabi.

Setelah dia pergi, ‘Aishah berkata, *“Abu Bakar masuk dan anda tidak membetulkan pakaian untuk dia atau khawatir padanya dan Umar datang dan anda tidak membetulkan pakaian untuk dia dan tidak khawatir padanya tetapi bila mana Uthman bin Affan datang, anda luruskan pakaian anda!”* Nabi berkata, *“Patutkah saya tidak segan dengan seorang lelaki yang malaikat pun sangat malu dengannya?”* (HR Muslim).

### **Kisah Uthman**

Khalifah Uthman merupakan khalifah Islam yang ketiga selepas Abu Bakar dan Umar. Dia dilantik menjadi khalifah melalui syura. Nama sebenarnya ialah Uthman bin ‘Affan bin Abul-As. Dia dilahirkan ketika Nabi Muhammad saw. berumur 5 tahun. Uthman merupakan seorang bangsawan daripada golongan Quraisy daripada Bani Umayyah.

Berada dalam kelompok bangsawan tidak menjadikan dia terlepas daripada seksaan golongan Musyrikin. Dia pernah diseksa oleh bapa saudaranya dengan digulungkan di dalam tikar, kemudian melayurkannya dengan asap dari bawah. Namun Uthman tetap utuh mempertahankan keislamannya.

Selain terkenal sebagai seorang yang lemah lembut, pemurah dan baik hati, Uthman juga merupakan salah seorang dari saudagar yang terkaya di Tanah Arab, sehingga dia digelar dengan gelaran *“Al-Ghani”*. Telah banyak hartanya didermakan ke arah kepentingan Islam, sebagai contohnya dalam peperangan Tabuk, Uthman mendermakan sebanyak 950 ekor unta, 50 ekor kuda dan 1,000 dinar. Melihat kedermawanan Uthman bin Affan, Nabi saw. pernah berkata: *“Dari pada hari ini, tidak akan ada apa yang akan membahayakan Uthman bin Affan walaupun apa yang dilakukannya.”*

Ketika peristiwa hijrah ke Madinah, umat Islam menghadapi masalah untuk mendapatkan air minuman. Uthman telah membeli telaga Rom dari seorang Yahudi dengan harga 20,000 dirham untuk digunakan oleh umat Islam dengan percuma.

Saidina Uthman bin Affan ra. adalah seorang yang bertaqwa dan bersikap wara’. Tengah malamnya tidak pernah disia-siakan. Waktu itu dimanfaatkan untuk mengaji Al-Quran dan setiap tahun dia menunaikan ibadah haji. Bila sedang berzikir dari matanya mengalir air mata keharuan. Dia selalu bersegera dalam segala amal kebajikan dan kepentingan umat, dermawan dan penuh belas kasihan.

Uthman telah berhijrah sebanyak dua kali, pertama ke Habsyah, dan yang kedua ke Madinah. Uthman digelar sebagai “*Zunnurain*” yang bermaksud dua cahaya kerana menikahi dua orang puteri Rasulullah iaitu Ruqayyah dan kemudiannya Ummi Kalthum selepas kematian Ruqayyah semasa terletusnya peperangan Badar.

### Perjalanan kepada Islam

Satu hari ketika Uthman bin Affan kembali ke Mekah setelah selesai berdagang, dan ketika itu orang ramai berbicara tentang Muhammad bin Abdullah. Seluruh kota nampaknya berada dalam kekacauan kerana Muhammad memperkenalkan dirinya sebagai Rasulullah. Dia langsung mengunjungi Abu Bakar, teman baiknya, untuk mengetahui tentang kepercayaan baru ini. Dia tahu bahawa Abu Bakar telah menerima Islam dan sangat rapat dengan Muhammad. Abu Bakar menjelaskan tentang Islam dan Uthman segera masuk Islam atas undangan Abu Bakar.

### Kepimpinan Dan Sejarah Pentadbiran

Ahli sejarah telah membahagikan tempoh pemerintahan Khalifah Uthman selama 12 tahun kepada dua bahagian iaitu pertamanya zaman keamanan dan keagungan Islam, manakala yang keduanya pula ialah zaman “*Fitnatul-Kubra*” iaitu zaman fitnah.

### Zaman Keamanan Dan Keagungan Islam

Banyak jasa dan juga kejayaan yang telah dicapai sewaktu era pemerintahan Khalifah Uthman dalam menyebarkan dan memperkembangluaskan Islam. Ini termasuklah kejayaannya dalam:

<b>Perluasan Islam</b>	Keluasan empayar Islam yang dapat mengatasi keluasan empayar Rom Timur dan juga empayar Parsi → Cyprus, Afganistan, Samarkand, Libya, Algeria, Tunisia, Morocco dan beberapa buah negara lagi. Dia juga bertanggungjawab dalam menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi menjamin keselamatan dan melakukan perluasan kuasa. Pemimpin tentera laut pertama adalah Muawiyah. Banyak negara-negara yang telah dibuka melalui angkatan tentera ini.
<b>Pembukuan Al-Quran</b>	Satu naskhah Al-Quran yang digunakan secara rasmi diterbitkan. Langkah-langkah ini bertujuan untuk menjamin kesucian Al-Quran apabila wilayah Islam semakin luas dan ramai dikalangan bangsa bukan Arab memeluk Islam.
<b>Pembesaran Masjid Nabawi</b>	Masjid Nabawi telah menjadi padat kerana dipenuhi dengan jemaah yang semakin ramai. Masjid tersebut telah diluaskan pada tahun 29 Hijrah.
<b>Menyebarkan Dakwah Islam</b>	Dakwah diperhebat kepada segenap lapisan. Khalifah sendiri menjadi qudwah dan daie kepada kaum Muslimun. Ramai pendakwah telah dihantar ke serata negeri bagi memperluaskan ajaran Islam, terutama sekali di kawasan yang baru dibuka untuk melaksanakan proses tarbiyah.

## **Al-Fitnah Al-Kubra (Zaman Fitnah)**

Pada akhir tahun 34 Hijrah, pemerintahan Islam dilanda fitnah. Sasaran fitnah tersebut adalah Saidina Uthman ra. sendiri hingga mengakibatkan dia terbunuh pada tahun berikutnya. Fitnah ini datang daripada Abdullah bin Saba', seorang Yahudi dari San'a, Yaman yang mengaku dirinya Islam di zaman Uthman bin Affan.

Dia telah pergi ke Iraq, lalu menulis kepada penduduk Syam bahawa inflasi, kerosakan, dan musibah telah menimpa Iraq. Para penduduk menyangka, Iraq telah hancur. Kemudian dia pergi ke Syam dan menyatakan kepada pengikut–pengikutnya bahawa kerosakan telah terjadi di Syam.

Maka, orang menyangka bahawa seluruh negara berada dalam kehancuran, bahawa bencana, inflasi dan penyakit telah menimpa seluruh jazirah dan negeri Islam. Mereka terus bergerak, akhirnya keluar sekelompok dari Iraq dan Mesir yang diatur oleh si Yahudi Abdullah bin Saba'. Mereka termakan api fitnah pengkhinat ini untuk merosakkan kerajaan Islam.

Mereka mendatangi dan mengepung Uthman di rumahnya dan membunuhnya pada bulan Haram, iaitu pada tanggal 17 Zulhijjah. Darahnya tumpah ke atas mushaf yang sedang dibacanya.<sup>56</sup> Uthman akhirnya syahid. Peristiwa inilah yang disebut dengan “Al-Fitnah Al-Kubra” yang pertama, sehingga merobek persatuan umat Islam.

Anas bin Malik meriwayatkan hadis berikut:

*“Nabi pernah naik gunung Uhud dengan Abu Bakr, Umar, dan Uthman bin Affan. Gunung menggocangkan mereka. Nabi berkata (kepada gunung), Teguhlah wahai Uhud! Di atas kamu ada seorang Nabi, seorang Siddiq, dan dua orang syahid.”* (HR Bukhari)

Pemerintahan Uthman memakan masa selama 12 tahun, yang mana ianya merupakan pemerintah yang paling lama dalam pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin.

\* \* \* \* \*

### **» Ali bin Abu Talib ra. (علي بن أبي طالب)**

*Khalifah Keempat, Singa Allah Yang Dimuliakan Wajahnya Oleh Allah*

Setelah Uthman bin Affan ra. meninggal dunia, warga Madinah, Mesir, Basrah dan Kufah bersepakat memilih Ali bin Abu Talib sebagai khalifah baru.

Nama penuhnya Ali bin Abi Talib bin Abdul Mutalib bin Hasyim bin Abdul Manaf. Dilahirkan pada tahun 602M atau 8 tahun sebelum era dakwah Islam menjadikan Ali lebih muda 32 tahun daripada Rasulullah saw.. Dia adalah orang pertama yang memeluk Islam dari kalangan kanak-kanak apabila menerima Islam ketika dia berusia lapan<sup>57</sup> tahun, dan daripada Ibnu Abbas mengatakan bahawa Ali adalah lelaki Muslim pertama setelah Nabi. Dia telah

<sup>56</sup> Dr. Abdullah Azzam, *Di Bawah Naungan Surah At-Taubah*, cet. Pustaka Al-Alaq, ms. 125

<sup>57</sup> atau sembilan, atau empat belas tahun, bergantung kepada riwayat

dididik di rumah Rasulullah saw. sendiri dan ini menyebabkan dia mempunyai jiwa yang bersih dan tidak dikotori dengan naluri Jahiliyah.

## **Remaja yang membela Islam**

Ali bin Abi Talib sejak remaja lagi telah menunjukkan keyakinan dan semangat juangnya yang tinggi untuk membela Islam. Ketika ditanya kenapa memeluk Islam tanpa lebih dahulu mendapat izin ayahnya, Ali ra. menjawab dengan penuh yakin, *"Kenapa aku perlu meminta izin dari ayahku untuk mengabdikan diri kepada Allah sedangkan semasa Allah mahu menciptakanku Dia tidak meminta izinpun dari Ayahku!"*

Kecerdasan dan keberanian Ali jelas terserlah apabila dia menyambut seruan Muhammad saw. untuk membelanya dikala Quraisy mentertawakan Nabi. Peristiwa ini berlaku semasa suatu kenduri yang mana jemputannya adalah Bani Hasyim. Di akhir jamuan, Nabi menyampaikan mesej kerasulan dan diakhir ucapan Baginda, Nabi bertanya, *"Siapa di antara kalian yang akan membantu saya dalam tugas ini?"* Semua tetamu diam membisu. Tiada siapapun yang berkata apa-apa, lantas Ali bangkit dan bersuara, *"Wahai Muhammad, saya akan membantu anda!"*

Demikian juga apa yang berlaku semasa peristiwa hijrah ke Madinah. Ali ra. mengenakan selimut Rasulullah saw. untuk mengganti Rasulullah saw. di tempat tidur baginda semasa komplot pembunuhan hendap daripada kaum Quraisy walaupun dia mengetahui mungkin dia yang akan dibunuh.

## **Menjawab Sebagai Khalifah**

Apabila Amirul Mukminin Uthman ibn Affan ra. dibunuh, Ali bin Abi Talib ra. diangkat menjadi khalifah. Dia dibai'ah oleh sebahagian umat Islam. Walau bagaimanapun wujud pihak yang tidak berbai'at kepada Ali ra. kerana perbezaan ijthad. Contohnya Muawiyah bin Abu Sufian.

Al-Imam Ibn Hazm rahimahullah menerangkan hakikat ini:

*"Dan tidaklah Muawiyah mengingkari sedikitpun akan keutamaan Ali dan haknya untuk menjadi khalifah. Akan tetapi pada ijthad Muawiyah, perlu didahulukan penangkapan ke atas para pembakar api fitnah daripada kalangan para pembunuh Uthman radhiallahu'anh daripada urusan bai'ah. Dan dia juga berpendapat dirinya paling berhak untuk menuntut darah Uthman."*<sup>58</sup>

Gabenor dari kawasan lain juga menuntut Ali untuk mengadili pembunuh Khalifah Uthman. Begitu juga dengan Saidatina Aisyah rha., Zubair dan Thalhah – dua orang awal yang masuk Islam seperti Ali.

Di sisi Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib ra., bukan sengaja dibiarkan para pembunuh Uthman berkeliaran secara bebas. Malah dia mengetahui bahawa mereka itu menyamar dan berselindung di kalangan umat Islam serta berpura-pura membai'ahnya. Akan tetapi dalam suasana umat Islam yang masih berpecah belah, adalah sukar untuk mengambil apa-apa tindakan. Sebaliknya jika umat Islam bersatu, mudah baginya untuk mengambil tindakan ke atas para pembunuh Uthman.

---

<sup>58</sup> Ibn Hazm, *Al-Fishal fi Al-Milal wa Al-Ahwa' wa Al-Nihal*, cet. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah, Beirut, 1996, Jilid 3, ms. 85



## Perang Jamal

Ibn Hazm rahimahullah (456H) menerangkan:

*“Dan adapun (pemergian) Ummul Mukminin (Aisyah), Al-Zubair dan Thalhah radhiallahu‘anhum berserta orang-orang yang bersama mereka (ke Basrah), tidaklah bertujuan membatalkan kekhalifahan Ali, mereka tidak mencabar jawatan tersebut, mereka tidak menyebut apa-apa kecacatan yang merendahkan Ali daripada jawatan tersebut, mereka tidak bertujuan mengangkat khalifah baru yang lain dan mereka tidak memperbaharui bai’ah kepada sesiapa yang lain.*

*Ini adalah sesuatu yang tidak dapat diingkari oleh sesiapa jua dengan apa cara jua. Kebenaran yang sebenar yang tiada apa-apa permasalahan padanya adalah, mereka tidak pergi ke Basrah untuk memerangi Ali atau menentanginya atau mencabut bai’ah daripadanya... yang sebenarnya mereka berangkat ke Basrah tidak lain untuk menutup (daripada berlakunya) perpecahan yang baru dalam Islam disebabkan peristiwa pembunuhan yang zalim ke atas Amirul Mukminin Uthman ra.”<sup>59</sup>*

Syaikh Al-Islam Ibn Taimiyyah rahimahullah (728H) meringkaskan detik-detik ini dalam satu perenggan:

*“Mereka (para pembunuh Uthman) menyerang khemah Thalhah dan Al-Zubair. Lalu Thalhah dan Al-Zubair menyangka bahawa Ali telah menyerang mereka, maka mereka menyerang kembali untuk mempertahankan diri. Seterusnya Ali pula menyangka bahawa mereka (Thalhah dan Al-Zubair) menyerangnya, maka Ali menyerang kembali untuk mempertahankan diri. Maka berlakulah fitnah (peperangan) tanpa ia menjadi pilihan mereka (kedua-dua pihak). Manakala Aisyah radhiallahu‘anha hanya berada di atas pelana untanya, dia tidak menyerang dan tidak memerintahkan serangan. Demikianlah yang diterangkan oleh lebih seorang daripada para ilmuan dalam bidang sejarah (Ahl Al-Ma’rifat bi Al-Akhbar).”<sup>60</sup>*

Syaikh Al-Islam Ibn Taimiyyah menjelaskan lagi:

*“Sesungguhnya Aisyah tidak diperangi dan tidak pergi untuk berperang. Sesungguhnya dia pergi hanya untuk kebaikan umat Islam. Dia menjangkakan pada pemergiannya terdapat kemaslahatan kepada umat Islam. Kemudian sesudah itu jelas baginya bahawa tidak meneruskan pemergian tersebut adalah lebih tepat. Maka setelah itu apabila sahaja dia mengingat kembali pemergiannya itu, dia menangis sehingga membasahi kain tudungnya.”<sup>61</sup>*

---

<sup>59</sup> Ibid, ms. 83

<sup>60</sup> *Minhaj Al-Sunnah Al-Nabawiyah fi Naqd Kalam Al-Syi’ah wa Al-Qadariyyah*, Jilid 4, ms. 317

<sup>61</sup> Ibid

## Perang Siffin

Setelah Perang Jamal berakhir yakni setelah Saidina Ali berjaya mengadakan perdamaian dengan 'Thalhah, Zubair dan Aisyah, fitnah baru pula melanda. Pengikut Abdullah bin Saba' membawa pakaian Uthman dan menggantungkannya di dalam masjid. Melihat kepada itu, 6000 orang Syam menangis disekitar pakaian tersebut. Mereka kemudian dihasut dengan fitnah yang mengatakan bahawa Ali tidak mahu membalas atas kematian Uthman, seterusnya membawa kepada penentangan terhadap Ali. Maka, terjadilah pertempuran Siffin.<sup>62</sup>

Para pengkaji berbeza pendapat terhadap peristiwa peperangan Siffin ini. Persoalan ini memerlukan penelitian yang mendalam dengan mengambil kira faktor-faktor luaran dan dalaman yang wujud pada ketika itu.

Amirul Mukminin Ali tidak akan mengambil apa-apa tindakan melainkan ia adalah untuk kemaslahatan umat Islam seluruhnya. Hal ini mengingatkan sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang meramalkan berlakunya Perang Siffin:

*"Tidak akan datang Hari Kiamat sehingga dua kumpulan yang besar saling berperang. Berlaku antara kedua-duanya pembunuhan yang dahsyat padahal seruan kedua-dua kumpulan tersebut adalah satu (yakni kebaikan Islam dan umatnya)." (HR Muslim)*

Laa Haula walaa Quwwata Illa Billah...

## Penghujung Hayat Saidina Ali Karamallahu Wajhah

Allah swt. rupanya telah mentakdirkan bahawa Ali ra. akan menghembuskan nafasnya yang terakhir dengan pembunuhan yang berlaku pada waktu subuh tanggal 17 Ramadhan, tahun 40 Hijriyah. Ketika Ali ra. sedang menuju ke masjid, sesudah mengambil wudhuk untuk melakukan solat subuh, tiba-tiba muncul Abdurrahman bin Muljam dengan pedang terhunus. Ali ra. tidak sempat mengelak.

Pedang yang ditebaskan Abdurrahman tepat mengenai kepalanya. Luka berat merobohkannya ke tanah. Ali ra. segera diusung kembali ke rumah. Dua hari kemudian dia pun meninggal dunia. Peristiwa itu terjadi pada bulan Ramadhan 40 Hijrah bersamaan 661 Masihi.

\* \* \* \* \*

## ❧ Bahagian 2 – Analisa Era Khulafa'

### Kebangkitan Islam selepas wafatnya Nabi saw.

Penyebaran Islam tidak terhenti dengan wafatnya Nabi saw. kerana para sahabat mengerti bahawa *maqasid syarak* Islam sebagai '*rahmatat lil alamin*'

---


<sup>62</sup> Dr. Abdullah Azzam, *Di Bawah Naungan Surah At Taubah*, Pustaka Al Alaq, Terjemahan 'Ibadurrahman, ms. 126

belum tercapai dan wajib untuk terus berjihad menyempurnakan misi mulia ini. Jihad dikobarkan dengan segenap upaya sehingga tiada lagi tempat yang belum terkena simbahan cahaya Islam.

Pada era Khulafa' Ar-Rasyidin, Islam boleh dikatakan telah menjadi kuasa besar baru dunia yang muncul setelah berjaya menewaskan Rom dan Parsi yang selama ini megah dengan kezaliman dan kekuasaan yang mereka kecapai. Akhirnya mereka tersungkur di bawah panji rahmat dan keadilan yang dibawa Islam. Pembukaan Al-Quds (638M) secara jelas menandakan proses peralihan kuasa dan kemenangan kepada Islam dalam memegang tampuk pemerintahan dunia, mengalahkan kerajaan-kerajaan yang sebelum ini dikatakan hebat dan maju dalam ketamadunan mereka.

Islam hanya mengambil masa kira-kira **28 tahun** semenjak dakwah pertama berkumandang di Mekah (610M), yang pada awalnya bermula penuh dengan keterasingan. Rajah ISK – Era Khulafa' Ar-Rasyidin menunjukkan wilayah Islam yang semakin luas, percambahan populasi kaum Muslimin dan penguasaan Islam terhadap dunia yang semakin stabil mendaki dan mantap.

### Rajah ISK – Era Khulafa' Ar-Rasyidin




Apakah yang menjadikan para sahabat tegar mahu mengembangkan Islam hingga sanggup bekorban apa saja? Ini tidak lain adalah kerana persaksian

mereka bahawa tiada Ilah yang layak disembah selain Allah, dan Muhammad adalah utusan Allah yang terakhir. Antara intipati utama ikrar ini ialah berjihad untuk membebaskan seluruh manusia daripada menyembah selain Allah, dan menjadikan Muhammad saw. rasul ikutan.

Kisah para sahabat Rasulullah ini kami kira cukup untuk menerangkan motif dan sumber kekuatan perjuangan mereka. Sebelum perang Qadisiyah meletus, Panglima Tentera Parsi, Rustum telah bertanya kepada Rabi' bin Amir, Hudzaifah bin Mishan dan Mughirah bin Syu'bah. Walaupun dipandang kerdil, namun jiwa mereka tinggi dengan jawapan yang satu;

فقال: ما جاء بكم؟ قال: الله ابتعثنا، والله جاء بنا لنخرج من شاء من عباده العباداة إلى عبادة الله، ومن ضيق الدنيا إلى سعتها، ومن جور الأديان إلى عدل الإسلام

*“Sesungguhnya Allah telah mengutuskan kami untuk memerdekakan (siapa yang mahu) daripada perhambaan manusia terhadap manusia kepada perhambaan manusia kepada Allah yang Esa, daripada kesempitan dunia kepada keluasannya, dan daripada penyimpangan semua agama kepada keadilan Islam.”*<sup>63</sup>



Peta perluasan Islam era Khulafa' Ar-Rasyidin

**Adakah perkembangan Islam sama seperti kebangkitan kerajaan Rom dan Parsi sebelumnya?**

Tentu sekali TIDAK! Terdapat dua perbezaan utama yang boleh kita bincangkan. Yang pertama, perbezaan daripada segi prinsip dan yang kedua adalah perbezaan dalam sudut perlaksanaan.

<sup>63</sup> At-Tabari, *Tarikh Al-Rusul Wal Muluk*, Jilid 2, ms. 268

Dalam pembinaan peradaban, Islam mendirikan sebuah bangunan berasaskan akidah. Dan bangunan Islam itu bukan daripada batu bata dan besi waja, tetapi mempunyai asas yang lebih kuat iaitu rohani. Islam tidak memandang manusia hanya sekadar aspek jasmani, atau memandangnya seperti pandangan Freud yang mengatakan bahawa manusia adalah kumpulan beberapa instrinsik yang bergerak, atau seperti pandangan Darwin yang teori evolusinya yang menyimpulkan manusia berasal dari kera. Peradaban Islam dimulai dengan manusia, yang mempunyai akal, dan juga hati yang tunduk kepada Allah. Tempat asas pembinaan peradaban Islam adalah hati manusia.

Sabda Nabi saw.; *"Ketahuilah! Bahawa di dalam tubuh ini ada sekeping daging. Jika baik, baiklah seluruh tubuh ini, dan jika rosak, maka rosaklah seluruh tubuh ini. Ia adalah hati."* (HR Bukhari, Muslim dan Ibn Majah)

Mari kita perhatikan peradaban ciptaan manusia. Peradaban-peradaban yang tercipta tidak lain hanyalah mampu mengenyangkan syahwat semata. Kerana itu manusia selalu berada dalam kesengsaraan. Lihat saja Rom dan Parsi membina kekuasaan dengan menjajah, merampas, membakar, membunuh dan menyiksa sesiapa sahaja yang menghalangi cita-cita mereka.

Maharaja Augustus memerintah dengan kezaliman yang sangat dahsyat sewaktu menawan wilayah lain. Mereka berkembang dengan cita-cita untuk memegang kekuasaan yang didorong oleh syahwat, perempuan, pujian, pangkat dan takhta. Anak-anak pula dididik untuk menjadi penerus syahwat sang Raja. Raja dan pendeta mengekalkan kekuasaan dengan pelbagai penyelewengan termasuk terhadap agama yang mereka ubah sesuka hati.

Inilah yang menjadi induk peradaban jahiliyah Amerika dan Eropah kini. Kerana itu filem-filem kanibal adalah antara filem yang paling disukai oleh mereka kerana jiwa mereka terhibur dengan keganasan ke atas manusia. Mereka warisi peradaban Rom yang suka menikmati tontonan singa yang merobek tubuh tawanan. Bagi mereka, syahwat merupakan petanda kehidupan. Inilah jahiliyah yang sering ditonton, dibaca dan diagungkan anak-anak muda Muslim pada hari ini. Sangat pelik!

Peradaban ciptaan manusia telah meletakkan manusia pada tempat yang tidak sepatutnya. Manusia kini bagai hilang punca dan matlamat hidup yang jelas. Tidak tahu apakah fungsi keberadaannya di muka bumi. Lebih parah dan menyedihkan, apabila mereka merasakan kewujudan mereka di sini hanyalah sebagai satu kebetulan, untuk melengkapkan kitaran alam.

Namun, Rasulullah saw. telah mengajarkan bahawa, manusia yang 'muslim' dibangunkan untuk menjadi manusia yang utuh, membuang segala macam jahiliyah dan digantikan dengan kemuliaan oleh Allah. Dirinya kemudian disalurkan pada posisi yang sewajarnya, sehingga manusia tidak menjadi haiwan yang hanya berjalan mengikut hawanya sahaja. Akal dan segala kapasitinya menjadi terarah sehingga tidak lagi terjerumus ke dalam alam khayal yang menjadikannya hamba kepada syaitan dan pemuja syaitan.

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾

*"Sesungguhnya binatang (makhluk) yang seburuk-buruknya pada sisi Allah ialah; orang-orang yang pekak dan tuli yang tidak mengerti apa-apapun."* (Al-Anfal: 22)

## Islam berkembang dengan PEDANG ?

Gerakan orientalis nampaknya sangat berjaya menipu ramai penduduk dunia dengan persoalan di atas. Islam digambarkan sebagai ajaran pedang dan jihad yang ganas hingga kaum Muslimin sendiri fobia dengan kalimah jihad.

Tidak cukupkah kata-kata Rabi' bin Amir tadi untuk menjelaskan hal ini? Rabi' meletakkan dakwah dan jihad sebagai satu kemuliaan! Mari kita baca pesanan Abu Bakar ketika melepaskan tentera Usamah ke Qudha'ah;

*"Jangan khianat, jangan mungkiri janji, jangan dianiaya bangkai musuh yang telah mati, jangan dibunuh anak-anak, orang tua dan perempuan. Jangan dipotong batang kurma, jangan dibakar dan jangan ditumbangkan pokok-pokok yang berbuah, jangan disembelih kambing, sapi dan unta, kecuali sekadar akan dimakan. Kalau kamu bertemu dengan suatu kaum yang telah menyisihkan dirinya di dalam gereja-gereja hendaklah dibiarkan saja..."*

Memang Islam agama pedang dan jihad! Namun pedang dan jihad itu adalah untuk membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia, menegakkan keadilan supaya yang kuat tidak menindas dan memperdaya yang lemah, membina keamanan dan membawa rahmat dan kasih sayang.

Apabila para pejuang Islam ingin membuka wilayah baru, mereka bertemu dengan pemimpin di tempat itu lalu diberikan tiga pilihan, pertama memeluk Islam, kedua tunduk kepada kekuasaan Islam dengan memberikan jizyah untuk menghakis kezaliman raja atau penguasa, atau yang ketiga, pedang untuk menghapuskan penindasan. Perhatikan, pedang adalah pilihan terakhir!

Ketika Abu Ubaidah telah menguasai kota Homs yang para penduduknya pada waktu itu adalah Nasrani, maka dia telah memungut jizyah dari penduduk di situ. Kemudian ketika perang Yarmuk, Khalid al Walid telah memanggil seluruh komandan perang untuk bergabung dengannya di Yarmuk. Maka pergilah Abu Ubaidah beserta pasukannya meninggalkan Homs.

Sebelum pergi, Abu Ubaidah mengembalikan seluruh jizyah kepada penduduk Homs sehingga mereka hairan dan tertanya – tanya. Abu Ubaidah berkata, *"Kami mengambil jizyah dari kalian untuk memberi perlindungan kepada kalian. Sekarang kami perlu pergi meninggalkan kalian sehingga tidak mampu bagi kami memberi perlindungan kepada kalian lagi, oleh kerana itu, jizyah kalian kami kembalikan."*

Penduduk Homs berkata, *"Demi Allah! Sesungguhnya keadilanmu lebih kami senangi daripada kezaliman pemerintah kami walaupun engkau berlainan agama dengan kami."*

Inilah Islam! Datang untuk membawa keadilan di muka bumi. Inilah Islam! Diturunkan untuk menjaga keadilan dan keseimbangan.

Allah telah berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

*"Sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka Al-kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan."* (Al-Hadid: 25)

## » Khulafa' Ar-Rasyidin tanpa Sains!

Kaum Muslimin telah dilahirkan dan memimpin masyarakat dunia dengan petunjuk Al-Quran dan satu bentuk Program yang diatur Allah swt.. Mereka dikeluarkan daripada lubuk jahiliyah yang merosakkan seterusnya diwarnai dengan aqidah yang bersumberkan daripada Al-Quran. Inilah program pertama yang diselesaikan manhaj Al-Quran, adalah membentuk sekelompok manusia yang suci bersih daripada kekotoran jahiliyah dan kemudian mereka bersatu bergerak untuk meruntuhkan kepemimpinan jahiliyah.

*"Kamu (umat Islam) adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, iaitu kamu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan kamu beriman kepada Allah."* (Ali-Imran: 110)

## Adakah Sains dan teknologi yang membawa Muslimin ke hadapan?

Tidak ! Persoalan ini bukanlah sekadar gurauan kerana kepemimpinan tamadun barat telah merubah keyakinan ramai daripada kita terhadap program tarbiyah Al-Quran yang merupakan syarat kepada kelahiran semula kepemimpinan umat Islam. Ditambah lagi dengan jurang kemajuan ciptaan sains dan teknologi yang dipelopori barat yang jauh mendahului kita menyebabkan ada yang putus asa dengan program Al-Quran, lantas mengambil jalan mudah yang kononnya revolusi atau tunduk dan takut terhadap kehebatan mereka atau tertipu untuk bertanding dengan mereka melalui ciptaan benda.

Tetapi perkiraan itu sebenarnya salah. Sejarah telah membuktikan bahawa dalam masa 28 tahun, Islam berjaya memimpin dunia tanpa sebarang sains dan teknologi! Semenjak zaman Rasulullah saw., tidak pernah ada para sahabat yang ditaja ke Rom dan Parsi untuk mempelajari hal-hal ketamadunan daripada mereka kerana Ar-Rasul saw. mengetahui apa yang mereka miliki hanyalah peradaban yang bersifat material, tanpa ruh. Pembangunan kota dan perluasan wilayah yang pesat akhirnya diisi dengan manusia yang berjiwa kosong yang akhirnya memusnahkan apa yang mereka bina dengan tangan mereka sendiri.

Baginda saw. mengetahui bahawa asas kepada perubahan masyarakat ialah manusia itu sendiri, bukan semata-mata bangunan pencakar langit, alatan yang canggih atau harta yang banyak. Manhaj Al-Quran mengajarkan Rasulullah saw. untuk mentarbiyah yakni mendidik, mengasuh dan membersihkan jiwa manusia terlebih dahulu sebelum meluaskan wilayah dan membina bangunan. Inilah sains dan teknologi Al-Quran yang akhirnya menewaskan segala kemajuan kebendaan Rom dan Parsi. Inilah sunnatullah perubahan yang perlu kita fahami !

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sehingga mereka mengubah apa yang ada di dalam diri mereka. (Ar-Rad:11)*

أَلَا وَإِنَّ فِيْكُمْ لَفِئَةً يَنْفِرُ فِيْهَا يَوْمَئِذٍ يَصْلَحُ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

*Ketahuilah, sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul darah. Apabila ia baik, maka akan baiklah seluruh jasad. Apabila ianya rosak, maka akan rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah.. ia adalah hati. (HR Bukhari)*

Program revolusi Al-Quran ini langsung tidak terkesan dengan kemajuan peradaban Rom atau Parsi atau kesibukan mengumpulkan kebendaan yang berupa harta atau kemajuan sains melainkan terarah kepada mengeluarkan potensi fitrah manusia yang diciptakan Allah supaya meletakkan Allah sebagai Ilah dan Rab yang sebenarnya. Itulah program tarbiyah rabbani yang memakan masa 13 tahun yang diisi dengan aqidah tauhid dan kesabaran tanpa mengangkat pedang, dan 10 tahun seterusnya melahirkan masyarakat yang memperjuangkan nilai-nilai deen Islam yang akhirnya berjaya dalam masa 5 tahun meruntuhkan segala berhala jahiliyah hingga ke Rom dan Parsi.

Sayyid Qutb menjelaskan lagi akan hal ini,

“Ini tidaklah bererti bahawa kita mesti melupakan dan mesti memandang enteng kepada soal “penghasilan benda” dan “rekaan sains”, sebab menjadi kewajipan kita juga untuk berusaha mendapatkannya, tapi bukanlah dengan anggapan bahawa ia merupakan “syarat kelayakan” asasi yang mesti kita gunakan di dalam memegang pimpinan umat manusia dalam tempoh sekarang ini. Cuma ia diperlukan sekadar untuk menjaga hidup kita dari ancaman dan penindasan dan juga kerana konsep Islam sendiri yang mengajarkan bahawa ciptaan sains adalah mustahak sebagai syarat menjadi khalifah Allah di muka bumi ini.

Oleh kerana itulah maka mustahaklah ada suatu syarat kelayakan lain, bukan ciptaan sains dan penghasilan benda, dan sudah pastilah syarat kelayakan itu tidak lain daripada “akidah” dan “Program” yang membolehkan manusia itu memelihara dan mengawal hasil ciptaan sains, di bawah pengawrahan suatu konsep lain yang dapat memenuhi hajat fitrah seperti yang telah diperolehi oleh kemajuan sains itu, dan supaya akidah dan program itu menjelma di dalam sebuah perkumpulan manusia, iaitu sebuah masyarakat Islam.”<sup>64</sup>

---

<sup>64</sup> Sayyid Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, Bab Petunjuk Sepanjang Jalan



## **Bab 6 - Era Bani Umayyah**

### » **Bani Umayyah (بنو أمية)**

Selepas pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin, Bani Umayyah pula memegang tampuk khalifah Islam. Dimulai dibawah pimpinan Muawiyah bin Abi Sufyan dan diakhiri oleh Marwan bin Muhammad. Pusat pemerintahan Bani Umayyah yang pertama adalah di Damaskus dari tahun 661M hingga 750M. Selepas kejatuhan Bani Umayyah, tugas kekhalifahan diambil alih oleh Bani Abbas, saki baki keluarga Bani Umayyah berpindah ke Kordova, Sepanyol dan memerintah di sana dari 756M hingga 1492M. Dinasti Umayyah berkuasa hampir satu abad, dengan 14 Khalifah. Banyak kemajuan, perkembangan dan perluasan daerah yang telah dicapai.

### **Sistem Monarki**

Sewaktu era Khulafa' Ar-Rasyidin, khalifah dilantik melalui sistem syura. Pada era Umayyah, kekhalifahan dilanjutkan dengan bentuk pemerintahan kerajaan (Dinasti), yakni kerajaan Bani Umayyah (Dinasti Umayyah).

Hal ini berlaku apabila Muawiyah melantik puteranya, Yazid sebagai pengganti. Muawiyah bersikap lebih menyokong puteranya Yazid berbanding dengan bakal penggantinya yang lain kerana ketika itu Muawiyah menitikberatkan kepentingan umum yang menghendaki adanya perpaduan dan harmoni di kalangan masyarakat. Yazid dipilih tidak lain kerana ketika itu dialah orang yang dirasakan paling layak untuk menyandang tugas khalifah.

Keputusan ini bukanlah keputusan individu melainkan selepas dibincangkan dengan para sahabat ketika itu. Kebanyakan yang menerajui kuasa eksekutif, iaitu Bani Umayyah juga bersetuju melantik Yazid, bahkan persetujuan rakyat diambil kira dalam tindakan perlantikan ini. Ditambah pula dengan peristiwa pedih yang menimpa ketika zaman fitnah menyebabkan para sahabat lebih berhati-hati untuk membuat keputusan demi masalah umum.

Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa, *"Tidak ada motif yang lainnya daripada Muawiyah. Hemahnya yang tinggi dan hakikat bahawa dia merupakan salah seorang daripada sahabat-sahabat Nabi mencegah keterangan yang lain-lainnya. Fakta bahawa dia sering datang kepada para sahabat terkemuka, untuk meminta nasihat, dan kenyataan bahawa mereka tidak memberikan pendapat (yang bertentangan) merupakan bukti tidak adanya kecurigaan atas dirinya.*

*Mereka (para sahabat) tidak termasuk orang gegabah yang mengambil keputusan dalam masalah kebenaran, dan demikian pula Muawiyah tidak mudah seenaknya menolak kebenaran. Mereka mempunyai peranan masing-masing dalam masalah ini, dan keadilan mereka menahan diri mereka untuk bertindak sewenang-wenangnya."*<sup>65</sup>

<sup>65</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, Edisi terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, ms. 229-230

## » Perkembangan Islam Era Umayyah

Perluasan Islam yang perlahan seketika pada penghujung era Khalifah Uthman Ibn Affan dan juga pada masa Khalifah Ali bin Abi Talib disambung kembali pada era ini. Semasa pemerintahan Muawiyah sendiri, Tunisia telah berjaya dibuka. Kemudian, di sebelah timur pula, Muawiyah dapat menguasai pula daerah Khurasan sampai ke sungai Oxus dan Afganistan sampai ke Kabul.

Sebenarnya, usaha untuk membuka Kabul ini telah bermula sejak dari zaman Uthman lagi. Namun ketika itu, tentera kita mendapat tentangan yang sangat hebat daripada penduduknya sehingga kita perlu berundur buat sementara waktu. Percubaan demi percubaan dilakukan, dan akhirnya Kabul menerima Islam pada zaman Muawiyah.

Tidak terhenti setakat itu, angkatan laut Muawiyah juga memainkan peranan dengan melakukan serangan ke atas ibu kota Byzantin, Konstantinopel. Bagaimanapun, percubaan untuk membuka kota yang pernah dijanjikan oleh Rasulullah saw. pada kali ini tidak berjaya.

Perluasan ke timur yang dilakukan Muawiyah kemudiannya diteruskan oleh Khalifah Abd Malik Bin Marwan. Dia mengirinkan tentera untuk menyeberangi sungai Oxus dan berhasil menundukkan Balkh, Bukhara, Khawarizm, Ferghana dan Samarkand. Tentera Islam bahkan berjaya memasuki India dan dapat menguasai Balukhistan, Sind dan daerah Punjab sampai ke Malan.

## Misi Andalus

Perluasan ke barat secara besar-besaran dilanjutkan di zaman Al-Walid ibn Abdul Malik Rahimahullah (705-715M). Pada masa pemerintahannya yang berjalan kurang lebih sepuluh tahun itu tercatat suatu ekspedisi ketenteraan dari Afrika Utara menuju ke benua Eropah. Islam mula masuk ke Sepanyol pada 92H di bawah pimpinan panglima Musa bin Nusair, Tariq bin Ziyad, dan Abdul Aziz bin Musa.

### → Eropah Sebelum Pembebasan

Ketika itu Sepanyol diperintah oleh Raja Gotik yang sangat zalim. Semua penduduk tidak terlepas daripada kesengsaraan. Para wanita, baik anak gadis mahupun yang sudah bergelar isteri sering terancam kesucian mereka. Para petani pula dibebankan dengan cukai atau pajakan tanah yang tinggi. Mereka yang berkuasa dan kaya semakin kaya dan menindas golongan bawahan yang lemah. Malah tiada kebebasan beragama bagi penduduk di sini apabila semua mereka dipaksa untuk memeluk agama Kristian.

Yang paling menerima kesan adalah penganut agama Yahudi. Mereka yang menolak akan diseksa malah banyak yang dibunuh secara kejam. Semua ini menimbulkan kebencian rakyat kepada pemerintah. Oleh kerana itu, sebahagian besar penduduk tidak kira yang beragama Kristian mahupun Yahudi, telah berpindah ke Afrika. Ketika itu Afrika berada dibawah naungan Islam. Keadaan Afrika yang makmur dan mempunyai toleransi yang tinggi menjadikannya tempat untuk berhijrah dan mendapat perlindungan.

## → Membuka Sepanyol

Tariq bin Ziyad (طارق بن زياد) telah ditugaskan untuk mengepalai pasukan tentera ke Sepanyol bagi membebaskan penduduknya dari terus berada dibawah cengkaman raja yang zalim itu sekaligus membawa keadilan Islam ke sana. Mengikut cerita yang kami terima, Tariq adalah seorang Barbar yang memeluk Islam ketika Afrika Utara dibuka tentera Islam. Daripada tentera Islam yang datang itulah dia ditarbiyah dan akhirnya menjadi seorang perwira Islam yang hebat. Daripada seorang manusia biasa menjadi seorang yang sangat-sangat berjasa kepada dunia.

Maka pada tahun 711M, Tariq dengan membawa pasukan yang terdiri daripada ribuan tentera yang terpilih telah belayar merentasi Selat Gibraltar. Misi mereka tidak lain adalah untuk menyebarkan rahmat dan keadilan Islam ke tempat yang mereka tuju. Sesungguhnya, mereka mengimani bahawa tiada suasana rahmat kecuali dibawah pimpinan wahyu Ilahi.

Pertembungan antara pasukan Islam dan Nasrani yang diketuai oleh Raja Roderick berlaku pada tanggal 19 Julai tahun 711 Masehi. Peperangan yang berlaku berhampiran muara sungai Barbate menyaksikan pertembungan antara pasukan Gotik yang jauh lebih ramai berbanding pasukan Tariq. Dalam pertempuran ini, Tariq dan pasukannya berhasil melumpuhkan pasukan Gotik, sehingga Raja Roderick mati tenggelam di sungai itu. Kemenangan Tariq yang luar biasa ini, menjatuhkan moral dan semangat tentera Sepanyol dan semenjak itu mereka tidak berani lagi menghadapi tentera Islam secara terbuka.

Setelah itu, Tariq membahagikan pasukannya menjadi empat kelompok. Pasukan-pasukan itu kemudiannya diarahkan untuk menuju ke Kordova, Malaga, dan Granada. Pasukan utama yang dipimpin Tariq sendiri dibawa menuju ke Toledo, ibukota Sepanyol. Tiada perlawanan daripada semua kota itu. Mereka malah menyerah dengan senang hati kepada tentera Islam yang terkenal dengan keadilan dan kebaikan mereka. Dengan pergerakan yang cepat, strategi dan kehebatan pasukan-pasukan Tariq, mereka telah berjaya melumpuhkan tentera Gotik daripada menyerang balas.

Selain itu, bantuan daripada penduduk setempat yang menanti-nanti untuk dibebaskan daripada penderitaan mereka selama ini turut memainkan peranan. Setelah sekian lama dibelenggu dibawah pemerintahan yang zalim, kedatangan tentera Islam ibarat satu sinar cahaya dan harapan bagi mereka. Apatah lagi setelah melihat sendiri akhlak Tariq dan tentera-tentera Islam yang begitu mulia, menyebabkan hati mereka semakin tertampan semakin yakin untuk bernaung dibawah Islam. Hasilnya ramai yang memilih Islam hinggakan pasukan Islam dibahagi-bahagikan untuk duduk bersama penduduk Sepanyol untuk mentarbiyah mereka manakala sebahagian yang lain terus maju untuk membebaskan Sepanyol.

Berita tersebar dengan cepatnya, sehingga kesemua bangsa menyayangi Tariq dan pasukan Islam, malah dialu-alukan untuk masuk dan menakluk wilayah mereka. Bagi mereka, ini adalah pembebasan dan kemerdekaan daripada kekejaman yang dilakukan oleh kaum mereka sendiri.

Akhirnya, dengan mengambil masa kurang dari dua tahun, seluruh dataran Sepanyol telah berada di bawah kekuasaan Islam. Beberapa tahun kemudian, kita berjaya pula membawa Islam ke Portugal dan Perancis.

\* \* \* \* \*

### » Umar bin Abdul Aziz (عمر بن عبد العزيز) memperbaiki Umayyah

Dalam pada itu, kemewahan dan dunia mula menyerap masuk ke dalam masyarakat dan pemerintah terutamanya di pusat pemerintahan pada waktu itu. Perlahan-lahan, keindahan material dan kekuasaan mulai meruntuhkan kezaman untuk berdakwah dan berjihad, kalah dengan pujukan al-hawa.

Padahal mereka sepatutnya meneruskan dakwah dan jihad untuk menghapuskan saki baki taghut yang masih ada. Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan zaman para sahabat, di mana kefahaman mereka terhadap dakwah dan jihad akan membuahkan 'amal yang selalu terfokus kepada bagaimana untuk menyebar luaskan Islam ke seluruh penjuru dunia.

Ketika kecenderungan dakwah dan jihad umat Islam melemah dan maksiat mulai berleluasa inilah, Allah menguatkan kembali umat ini dengan Umar bin Abdul Aziz. Semasa baru menerima tanggungjawab sebagai khalifah, Umar mendapati bahawa ada dikalangan rakyatnya yang sudah mulai melemah dari segi kefahaman dan amalan Islam mereka. Hingga ke tahap ada yang tidak tahu bahawa arak itu haram.

Allah telah mengurniakan Umar dengan jiwa yang tinggi. Penyelewengan dan berlengah dari dakwah dan jihad dilihatnya sebagai tanda awal tersasarnya umat Islam dari kebenaran. Baginya, ini adalah satu penyakit yang amat parah yang perlu kepada rawatan segera dan terbaik. Dia mulai merawat dan memperkasakan kembali umat Islam yang berada di bawah pemerintahannya. Usaha ini mulai menampakkan hasil apabila semasa dia memerintah, tersebar kembali kebaikan dan umat berhukum dengan syariat Allah secara umumnya.

Bagi Umar, lemahnya semangat juang dikalangan umat jihad ini adalah satu masalah yang besar. Umar berkata dengan sedih; *"Sesungguhnya aku sedang merawat satu urusan yang tiada siapa dapat menolongnya kecuali Allah. Sesungguhnya di atasnya telah mati orang tua, orang yang kecil telah membesar, orang Ajam<sup>66</sup> telah mahir berbahasa Arab dan Arab Badwi telah berhijrah sehingga mereka memandang sesuatu yang bukan agama sebagai agama. Mereka tidak melihat kebenaran selain daripada itu."*<sup>67</sup>

Kalimah itu diucapkan Umar dalam keadaan dukacita sedangkan pada ketika itu dia adalah pemimpin umat yang mengusai seluruh bangsa sekitarnya dan menyebarkan kebaikan. Dia tidak cepat merasa puas hati hinggakan sekecil-kecil penyelewengan mesti diperbetulkan sebaiknya.

Dia merasa gusar dengan dosa-dosa kecil, dengan bid'ah walaupun sedikit, dengan kezaliman yang ringan dan dengan wujudnya petanda hidup mewah. Dia merasakan tidak sanggup untuk hanya memejamkan mata terhadap apa yang berlaku. Dibimbangi, dengan perkara-perkara kecil inilah yang akan

<sup>66</sup> Selain dari bangsa Arab.

<sup>67</sup> Ibnu Abdul Hakim, *Sirah Umar Abdul Aziz*, ms. 37

menjatuhkan sekali gus menghancurkan kerajaan Islam.

Kerisauan itu ditambah lagi dengan struktur masyarakat Islam yang kian berkembang dengan pelbagai jalur bangsa dan berkembangannya fahaman-fahaman yang menyimpang yang mengganggu kestabilan masyarakat. Orang-orang yang baru memeluk Islam berasa selesa dan bermudah-mudah dalam hal beragama dan cepat berhukumkan kepada sesuatu berdasarkan kefahaman mereka terhadap Islam yang masih dangkal dan meyakinkannya.

### **Berdiam Diri Terhadap Kemungkaran Adalah Jenayah**

Umar melihat permasalahan yang dihadapi di depannya dengan sangat serius. Rawatan yang merupakan terapi dengan manhaj yang digariskan Al-Quran dan sunnah perlu dilaksanakan segera tanpa lengah. Kerana jiwa yang sedar akan nampak benih-benih keruntuhan sesebuah empayar yang akan terjadi apabila umatnya mulai leka, bersenang dengan dunia dan jauh dari hidayah Allah. Lalu Umar bangkit untuk membersihkan umat daripada jahiliyah dan membimbing mereka untuk berjihad.

Nabi pernah bersabda, *"Sesungguhnya Allah akan mengutus pada umat ini pada setiap satu abad orang yang memperbaharui urusan agamanya"*<sup>68</sup> dan Umarlah salah seorang daripadanya.

Umar memulakan semula program tarbiyah seperti mana pembinaan generasi *awwal*, bermula dengan dirinya, keluarganya, Bani Umayyah dan seluruh kaum Muslimin dengan membersihkan mereka daripada kecintaan dan ketamakan kepada dunia.

Diceritakan ada sekelompok orang yang sedang meminum arak, sementara bersama mereka ada seorang yang berpuasa. Mereka ditangkap untuk diadili. Saat diadili juri bertanya kepada Umar, *"Wahai Amirul Mukminin, si fulan ini tidak ikut minum bersama mereka; dia sedang berpuasa."*

Umar bin Abdul Aziz tegas berkata, *"Hadirkan dia dan sebatlah!"*<sup>69</sup> Walaupun dia yang berpuasa, tetapi dia tidak menegakkan kebenaran! Inilah hal yang tidak boleh dipandang ringan bagi Umar. Dia memahami bahawa ini adalah kesan yang lahir daripada kemunduran dakwah dan jihad.

Akhirnya Bani Umayyah bangkit semula dengan pelbagai rencana jihad setelah saff hadapan kaum Muslimin dibersihkan daripada jahiliyah.

### **Gelombang Perluasan Islam Era Umar Abd Aziz**

Semasa pemerintahan Khalifah Umar ibn Abd al-Aziz (99 H/717 M), gelombang perluasan wilayah Islam berikutnya muncul kembali. Kali ini sasaran ditujukan untuk membuka daerah sekitar pergunungan Pyrenia dan Perancis Selatan. Khalifah Umar telah mengutuskan pasukan tentera dibawah pimpinan Al-Samah. Semasa peperangan meletus pada tahun 102H, Al-Samah telah syahid. Kepimpinan pasukan itu diambil alih pula oleh Abdurrahman ibn Abdullah Al-Ghafiqi.

---

<sup>68</sup> HR Abu Dawud, Al-Hakim dan Al-Baihaqi

<sup>69</sup> Al-Qaradhawi, *Al-Halal wa al-Haram*, ms. 73

Mereka terus mara untuk membuka wilayah-wilayah baru Islam. Bermula dengan menuju ke arah Bordeaux dan Poitiers. Kemudian, dari sana mereka ke Tours. Akhirnya, Kota Carcassone, Nimes, Bordeaux, Lyon, Poitiers, Tours dan sebagainya berjaya dibuka dan berada dibawah naungan Islam. Sewaktu peperangan di luar Kota Tours, Al-Ghafiqi telah terbunuh dan tentera Islam berundur semula ke Sepanyol untuk seketika.

Kemudian selepas itu, *alhamdulillah*, Islam berjaya membuka wilayah baru hingga ke Perancis dan juga pulau-pulau disekitarnya seperti Majorca, Corsia, Sardinia, Creta, Rhodes, Cyprus dan sebahagian daripada Sicili.

Waktu itu, Islam telah menerangi bumi Sepanyol dengan kesyumulannya. Sikap penguasa Islam yang sangat baik dan rendah hati membuatkan rakyat Sepanyol terpicat dan memeluk Islam dengan kemahuan sendiri. Neraca keadilan yang mereka gunakan adalah neraca yang diajarkan Al-Quran. Keadaan seperti itu berlangsung selama hampir enam abad lamanya. Enam abad bukanlah satu tempoh yang pendek, jika tidak kerana kefahaman mereka terhadap apa yang mereka anuti beserta dengan keyakinan mereka yang mantap, tidak mungkin mereka mampu bertahan selama itu.

### **Kepimpinan Umar bin Abdul Aziz**

Terdapat banyak riwayat dan athar para sahabat yang menceritakan tentang kepimpinan beliau. Di antaranya ialah :

- 1) At-Tirmizi meriwayatkan bahawa Umar Al-Khatib telah berkata: *"Dari anakku (zuriatku) akan lahir seorang lelaki yang menyerupainya dari segi keberaniannya dan akan memenuhi dunia dengan keadilan"*
- 2) Dari Zaid bin Aslam bahawa Anas bin Malik telah berkata: *"Aku tidak pernah menjadi makmum di belakang imam selepas wafatnya Rasulullah saw. yang mana solat imam tersebut menyamai solat Rasulullah saw. melainkan daripada Umar bin Abdul Aziz dan beliau pada masa itu adalah Gabenor Madinah"*
- 3) Hassan al-Qishab telah berkata: *"Aku melihat serigala ditenak bersama dengan sekumpulan kambing di zaman Khalifah Umar Ibnu Aziz"*
- 4) 'Atha' telah berkata: *"Umar Abdul Aziz mengumpulkan para fuqaha' setiap malam. Mereka saling ingat memperingati di antara satu sama lain tentang mati dan hari qiamat, kemudian mereka sama-sama menangis kerana takut kepada azab Allah seolah-olah ada jenayah di antara mereka."*

Ada suatu kisah di mana suatu hari Ady bin Hatim sedang duduk bersama Rasulullah saw., datang seseorang mengadu tentang kefakirannya. Selepas itu datang pula orang lain dan mengadu dia baru saja dirompak diperjalanan. Maka dada Ady terasa sempit, sehingga dia terfikir, *"Agama apakah yang telah saya masuki ini? Mereka semua fakir, mereka tidak mampu menjamin keamanan di Madinah. Sedangkan pemimpin lain suka kepada penampilan, suka kepada keamanan, suka kepada kesenangan hidup, gaji yang besar dan jawatan yang tinggi."*

Maka Rasulullah memandang Ady. Seakan-akan tahu apa yang bermain di fikiran Ady, Rasulullah saw. pun bertanya, *"Hai Ady, tahukah engkau daerah Hairah?"* Ady menjawab, *"Saya pernah dengar tetapi belum pernah ke sana."*

Kemudian Nabi bersabda, *"Bila engkau nanti berumur panjang, sungguh engkau akan menyaksikan seorang wanita datang dari Hairah bertawaf di Baitullah tanpa merasa takut kecuali kepada Allah."*

Ady bercerita, *"Saya berkata dalam hati, 'Apakah tiada penjahat?' Rasulallah menyambung, 'Bila engkau berumur panjang, sungguh engkau akan menaklukkan perbendaharaan Kisra.'" Saya bertanya, "Kisra bin Hurmuz ya, Rasulallah?" Baginda menjawab, "Ya, Kisra bin Hurmuz! Engkau akan menaklukkan perbendaharaannya dan menginfakkannya ke jalan Allah. Dan jika engkau berumur panjang, sungguh kau akan menyaksikan seseorang yang akan mengambil emas dan perak sepenuh genggamannya tangannya kemudian dia berseru kepada manusia, "Siapakah yang akan mengambil harta ini?" Namun tidak ada seorang pun yang datang mengambilnya."*

Adi bercerita lagi, *"Sungguh aku telah menyaksikan seorang wanita yang datang dari Hairah, bertawaf di Baitullah tanpa rasa takut kecuali kepada Allah. Dan aku termasuk salah seorang yang ikut menakluk perbendaharaan Kisra."*

Adi menyambung, *"Dan apabila kalian berumur panjang, nescaya kalian akan menyaksikan yang telah dikhabarkan oleh Abul Qasim kepada kalian."*

Maka datanglah masa pemerintahan Umar Abdul Aziz. Dia mengutuskan seorang wali bernama Yahya bin Sa'id ke Afrika untuk mengumpulkan sedekah. Yahya mengumpulkan sedekah-sedekah orang Afrika dan selama satu bulan dia menyeru kepada masyarakat di situ, *"Barang siapa yang memerlukan harta ini hendaklah datang kepada kami."*


Tetapi tiada seorangpun datang kepadanya dari seluruh benua itu. Akhirnya Umar mengirimkan surat kepada Yahya, *"Belilah hamba dengan harta itu dan merdekakanlah mereka. Belanjakan harta itu di negeri mana mengikut di mana kau kumpulkannya."*

Dikisahkan juga semasa pemerintahan Umar Abd Aziz, Qutaibah bin Muslim Al-Bahili telah menyerbu Samarqand tanpa memberi peringatan terlebih dahulu kepada penduduknya. Penduduk Samarqand mengetahui bahawasanya Islam memberikan pilihan sebelum memerangi suatu negeri yakni; masuk Islam, atau membayar jizyah atau diperangi, maka mereka mengirimkan utusan kepada khalifah Umar Abdul Aziz untuk memprotes tindakan Qutaibah.

Khalifah melantik Jumi' Al-Baji sebagai hakim untuk mengadili perkara ini. Setelah mendengar hujah dari kedua-dua pihak, hakim telah memutuskan bahawa tentera Muslim harus keluar (ditarik balik) dari Samarqand. Semasa tentera Islam mulai meninggalkan Samarqand, maka penduduknya berbondong-bondong keluar dari rumah mereka sambil mengucapkan syahadat (masuk Islam).

## » Kegemilangan Damsyik

Baik di timur mahupun barat, wilayah kekuasaan Islam pada masa Bani Umayyah terbentang luas. Daerah-daerah itu menjangkau seluruh Sepanyol dan melebar jauh menjangkau Perancis Tengah dan bagian-bagian penting dari Itali, Afrika Utara, Syria, Palestina, Jazirah Arab, Irak, sebagian Asia Kecil, Parsi, Afganistan, Pakistan, Turkeministan, Uzbek, dan Kirgis di Asia Tengah. Bani Umayyah telah berjaya menyambung usaha kebangkitan Islam yang diwarisi daripada Khulafa' Ar-Rasyidin.



Perluasan kuasa dan penguasaan Islam yang semakin kukuh menjadi indikasi kepada perkembangan Islam yang semakin mantap dengan empayar yang luas dan kukuh. Rajah ISK terus mendaki dengan mantap, tak terkalahkan dan terus gemilang daulah Islam yang memimpin manusia kepada keadilan Islam dan rahmat Allah yang maha luas.

Selain daripada perluasan kuasa, para khalifah juga tidak ketinggalan dalam melakukan pembaikan terhadap sistem pentadbiran, antaranya;

<b>Muawiyah bin Abu Sufian</b>	Mendirikan sistem pos dan pada tempat-tempat tertentu disediakan kuda yang lengkap dengan peralatannya untuk kegunaan di sepanjang jalan. Memperbaiki sistem angkatan bersenjata dan mencetak mata wang. Jawatan qadhi (pakar dalam bidang tertentu) mulai berkembang secara professional seperti hakim, doktor, guru dan pelbagai lagi.
<b>Abd al-Malik Ibn Marwan</b>	Mengubah mata wang Byzantin dan Parsi dengan mencetak wang tersendiri pada tahun 659M dengan memakai kata-kata dan tulisan Arab. Pembaharuan dilakukan dalam bidang pengurusan pemerintahan dan menjadikan bahasa Arab sebagai



	bahasa rasmi pemerintahan.
<b>Al-Walid ibn Abd al-Malik</b>	Membangun pusat rawatan untuk orang cacat. Pekerja am digaji oleh negara secara tetap. Jalan-jalan raya yang menghubungkan suatu daerah dengan daerah lainnya, pusat pakaian, gedung-gedung pemerintahan dan masjid-masjid yang megah didirikan.

\* \* \* \* \*

## » Kejatuhan Damsyik

Permasalahan serius yang ditakuti Umar Abd Aziz *rahimahullah* kembali menular dikalangan masyarakat Islam. Hal ini mengakibatkan kerajaan Bani Umayyah kembali bergolak dengan pelbagai isu yang bertitik tolak daripada kelemahan iman. Wilayah Islam terbentang luas dan harta kekayaan yang melimpah ruah tidak menjamin keutuhan empayar ini apabila spirit dakwah dan jihad mulai melemah. Wabak cintakan dunia dan takut mati yang dikhuatiri oleh Umar sebelum ini ternyata kembali menular dan menyerang kestabilan struktur masyarakat Islam dan pemerintahan khalifah.

### Kejatuhan Bani Umayyah di Damsyik

Jika sewaktu pemerintahan Umar, sedikit kelengahan terhadap dakwah dan jihad sudah dianggap maksiat. Namun, jejak langkah ini tidak disambung oleh para khalifah seterusnya. Mereka tidak meneruskan usaha islah yang ditunjukkan dan dilaksanakan oleh Umar. Program tarbiyah yang direncanakan mencontohi generasi sahabat akhirnya lebur kerana ada sesetengah penguasa yang terlalu cenderung kepada kemewahan dan kurang memperhatikan kehidupan rakyat.

Masyarakat yang sebelumnya hidup dalam suasana Al-Quran yang penuh dengan ketenteraman dan kedamaian, berubah menjadi kacau.

### Pemberontakan Menentang Daulah


Latar belakang terbentuknya dinasti Bani Umayyah tidak dapat dipisahkan daripada konflik-konflik politik yang terjadi pada era awalnya. Sisa-sisa Syi'ah (para pengikut Abdullah bin Saba' al-Yahudi laknatullah) dan Khawarij terus menjadi gerakan pembangkang, baik secara terbuka seperti di masa awal dan akhir mahupun secara tersembunyi seperti di masa pertengahan kekuasaan Bani Umayyah. Usaha untuk menumpaskan gerakan-gerakan ini banyak menggunakan kekuatan dan masa pemerintah.

Semasa era Umar Abdul Aziz, beliau berjaya meredakan gangguan daripada golongan Syiah dan Khawarij. Namun pada era selepasnya, mereka mengambil kesempatan di atas ketidakstabilan dan kelemahan kerajaan untuk bangkit.

Tambahan lagi, penyebab langsung tergulingnya kekuasaan dinasti Bani Umayyah adalah munculnya kekuatan baru yang dipelopori oleh keturunan al-Abbas ibn Abd al-Mu'Talib. Gerakan ini mendapat dukungan penuh dari Bani Hasyim dan kaum mawali (bukan arab) yang merasa wujudnya pilih kasih dalam pemerintahan Bani Umayyah.

Rusuhan terus berlanjut, Khalifah Hisyam ibn Abdul-Malik *rahimahullah* (724-743 M), salah seorang khalifah yang kuat dan terkehadapan cuba untuk membaiki keadaan namun kerana gerakan penentangan yang terlalu kuat, khalifah tidak berdaya mematahkannya.

Sepeninggal Hisyam ibn Abd al-Malik *rahimahullah*, khalifah-khalifah Bani Umayyah yang tampil bukan saja lemah tetapi juga memiliki akhlak yang rendah. Hal ini makin memperkuat lagi golongan yang menentang. Akhirnya, pada tahun 750M, kerajaan Bani Umayyah digulingkan oleh Bani Abbas yang bersekutu dengan Abu Muslim al-Khurasani.



## Bab 7 - Era Abbasiyyah

### » Bani Abbas (العبّاسيين)

#### Bermulanya Era Bani Abbas

Selepas kejatuhan Bani Umayyah, Bani Abbas memegang tampuk kekhalifahan setelah menyatukan kembali dunia Islam dan menyusun semula kepimpinannya. Kekuasaan Bani Abbas berlangsung dari tahun 750 hingga 1258M iaitu selama lima abad dan berpusat di Baghdad. Pemerintahan Bani Abbas merupakan dinasti yang paling panjang usianya dalam sejarah Islam.

Kebangkitan Bani Abbas berlaku pada tempat dan waktu yang tepat. Gerakan Bani Abbas dirancang dengan strategi yang menampakkan betapa cerdik dan berpengalaman mereka mengenai politik, sosial, dan jiwa manusia. Pengasasnya, Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas telah bijak membuat keputusan dalam memilih masa, tempat dan juga individu tertentu bagi menjayakan rancangannya. Khurasan telah dijadikan pusat atas beberapa sebab seperti yang dikatakan oleh Muhammad Abduh;

*"Syam tidak sesuai kerana penduduknya sangat ta'asub dengan Abu Sufian. Sementara Basrah adalah kubu kuat penyokong Uthman bin Affan yang rata-ratanya mahu supaya pembunuhan dan peperangan dihentikan, sehingga mereka berkata; Jadilah kamu Abdullah (hamba Allah) yang dibunuh dan jangan jadi Abdullah yang membunuh. Kufah pula adalah kubu kuat Syiah. Sementara Jazirah (kawasan yang terletak antara Sungai Dajlah dan Furat) adalah kubu puak Khawarij. Penduduk Mekah dan Madinah pula masih digamit memori Abu Bakar dan Umar. Adapun Khurasan penduduknya agak ramai, bersifat berani, mudah berlapang dada dan belum diresapi oleh hawa nafsu. Ditambah pula dengan kedudukannya yang agak jauh dari Damsyik (pusat pemerintahan Bani Umaiyyyah ketika itu)."*<sup>70</sup>

Majoriti penduduk Khurasan adalah Syiah. Namun ini bukanlah satu masalah kepada gerakan ini kerana mereka menjulang slogan umum yang boleh diterima oleh Syiah mahupun Ahli Sunnah, *"Pemilihan khalifah adalah daripada mereka yang benar-benar diterima daripada keturunan Muhammad saw."* – tanpa menyebut secara spesifik sama ada daripada kerabat Abbas atau Ali.

Gerakan ini bermula sejak tahun 99H lagi. Mereka berkumpul di Hamimah pada setiap tahun untuk bertemu Muhammad bin Ali. Gabenor Khurasan telah banyak kali mengingatkan bahaya gerakan ini kepada pemerintah di Damsyik, namun dipandang sepi. Setelah beroperasi selama 32 tahun, mereka akhirnya berjaya membentuk satu kekuatan tentera yang besar.

Gerakan mereka telah beroperasi pada masa yang sesuai kerana pada waktu yang sama, pemerintahan Bani Umayyah mulai lemah selepas zaman


<sup>70</sup> Muhammad Abduh, *Gerakan jiwa yang murni dan bagaimana kita mengambil manfaat daripada kesilapan-kesilapan lalu*. Cetakan kedua 1406 H / 1986 Pustaka Darul Arqam – Kuwait

pemerintahan Hisham bin Abdul Malik. Waktu itu berlaku perpecahan di kalangan keluarga Umayyah dan umat disibukkan dengan perdebatan-perdebatan rasional terhadap akidah dan muncul pelbagai bid'ah dalam Islam di mana telah menimbulkan kesulitan kepada ulama' Ahli Sunnah wal Jama'ah. Dalam masa yang sama juga, terdapat gerakan pemberontakan di bawah pimpinan Zaid bin Ali dan Abdullah bin Muawiyah.

Ketika inilah gerakan Bani Abbas mengambil peluang untuk menggerakkan tentera mereka dari arah timur menuju ke Damsyik. Akhirnya mereka berjaya mengalahkan Bani Umayyah dalam satu pertempuran sengit di sungai Zab. Maka bermulalah era pemerintahan Bani Abbas selepas kejatuhan Bani Umayyah akibat daripada kelemahan dalaman mereka dan kelebihan yang dimiliki oleh Bani Abbas sendiri.

Abu al-Abbas al-Saffah kemudian dilantik sebagai khalifah untuk menerajui dunia Islam. Tumpuan seterusnya diberikan untuk mengamankan dan mempertahankan daulah daripada kemungkinan adanya gangguan atau timbulnya pemberontakan. Sesudah itu, apabila daulah semakin stabil, fokus dipusatkan pula kepada perkembangan ilmu.

## Fasa-Fasa Pemerintahan



## Perkembangan Era Abbasiyah

Empayar Islam yang diwarisi daripada Bani Umayyah adalah tersangat luas. Sama ada dari segi kawasan mahupun rakyat yang berada dibawah naungan pemerintahan Islam. Hampir tiada lagi kawasan yang tidak menerima cahaya Islam di dunia ini. Oleh kerana itu, maka para khalifah Bani Abbas mengambil inisiatif untuk meletakkan dasar-dasar baru dalam usaha untuk mengukuhkan lagi pentadbiran negara. Sekaligus merealisasikan Islam sebagai rahmat ke seluruh alam.



Maka, bermula dengan Abul-Abbas dan Abu Ja'far Al-Mansur, dasar-dasar yang diletakkan kemudiannya diikuti pula oleh tujuh khalifah selepas itu iaitu al-Mahdi, al-Hadi, Harun al-Rasyid, al-Ma'mun, al-Mu'tashim, al-Watsiq dan al-Mutawakkil. Berikut adalah antara sumbangan yang diberikan oleh beberapa orang daripada mereka.

<b>Khalifah</b>	<b>Perkembangan</b>
Al-Mahdi	Sektor pertanian – Sistem saluran yang baik Sektor perlombongan – Emas, perak, tembaga, besi Sektor perdagangan – Menguasai jalan perdagangan Timur dan Barat, Bashrah menjadi pusat pelabuhan penting.
Harun Al-Rasyid	Membangunkan keperluan sosial, kesihatan (rumah sakit, lembaga pendidikan doktor dan farmasi), pendidikan dan perkembangan ilmu, kebudayaan dan kesusasteraan. Kerana kestabilan daulah dari segi kekuatan sumber manusia dan material menyebabkan khalifah menekankan pembinaan peradaban dan kebudayaan Islam daripada perluasan wilayah yang sememangnya sudah luas.
Al- Ma'mun	Meneruskan usaha-usaha ayahnya Harun Al-Rasyid. Sangat mencintai ilmu. Penterjemahan buku-buku asing berlaku dalam jumlah yang sangat besar. Pembangunan Bait Al-Hikmah; pusat penterjemahan yang berfungsi sebagai tempat pengajian tinggi, memiliki perpustakaan yang sangat besar. Baghdad menjadi pusat kebudayaan dan ilmu pengetahuan yang menjadi rujukan dunia.

Mereka telah menggunakan ruang dan peluang yang disediakan oleh generasi lepas dengan sebaik mungkin. Penyebaran Islam terus berlaku namun dalam bentuk yang berbeza iaitu melalui budaya, sains dan teknologi.

Para khalifah memahami bahawa mencintai ilmu adalah salah satu daripada seruan Islam. Mereka ini rata-rata mendapat pendidikan daripada tutor peribadi yang terdiri daripada ulama'. Pada waktu itu, telah menjadi seperti satu kewajipan untuk setiap khalifah menggaji para ulama' bagi mendidik anak-anak mereka dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan yang penting.

Sememangnya Islam mendorong umatnya untuk mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Pada zaman Abbasiyyah, sandaran kepada ilmu adalah tauhid. Maka, kebebasan berfikir dan mengkaji adalah dalam lingkungan batas tabie akal itu sendiri. Ini sangat penting agar akal dan khayal tidak bercampur-baur. Supaya yang haq itu tetap haq, dan yang batil itu tetap terus batil, tidak berkecamuk.

Melalui ilmu, Islam membebaskan akal manusia daripada segala bentuk pengabdian dan perhambaan kepada apa saja yang selain daripada Allah. Maka, akal telah terbebas daripada belenggu kebatilan dan ketaksuban kepada makhluk, material atau sebarang ideologi aneh ciptaan manusia.

Islam juga menggalakkan umatnya berfikir dan merenung kejadian alam. Al-Quran memuji dan memberikan sanjungan kepada mereka yang berfikir dan memerhatikan kejadian langit dan bumi. Kerana dengan berfikir dan

memerhati kejadian alam akan menambahkan kekuatan iman dan pengetahuan mereka tentang kekuasaan Allah.

Islam menjunjung tinggi kedudukan ilmu dan ulama. Islam juga menggalakan sesuatu yang baik dan bermanfaat. Dengan kata lain, Islam tidak melarang mempelajari sesuatu yang memberi manfaat kepada manusia seperti rekaan-rekaan moden, pelbagai sektor industri perusahaan, ilmu perubatan, fizik dan kimia.

Malah mengkaji dan mempelajari ilmu-ilmu tersebut menjadi fardhu kifayah kepada umat Islam memandangkan mereka memerlukan ilmu-ilmu itu. Apatah lagi ilmu-ilmu ini menjadi antara faktor-faktor kekuatan. Manakala berusaha menyediakan kekuatan adalah wajib bagi umat Islam.

Lantaran itu dapat kita lihat pada era awal pemerintahan Abbasiyyah lagi, lahir empat Imam Madzhab yang ulung, mereka adalah Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Seterusnya berlaku pula perkembangan ilmu hadith, ilmu sains dan teknologi, dan bidang ilmu yang lain. Ini sekaligus membuka lembaran baru kepada peradaban dunia.

Kaum Muslimin terus menerajui kepimpinan masyarakat dunia, menjadi simbol kekuatan dan rujukan di mana-mana sahaja. Kiblat ilmu, kemajuan, kemodenan, dan keadilan mengarah kepada kita. Apa saja yang kita miliki dikagumi dan menjadi inspirasi perkembangan wilayah-wilayah lain terutamanya Eropah yang ketika itu masih di dalam belenggu sistem fuedal dan penipuan gereja yang menyesatkan !

\* \* \* \* \*

### » Islam Menjadikan Mereka Hebat !

Pendidikan yang diterapkan semasa pemerintahan Islam telah dijalankan dengan sistematik sejak dari zaman Khulafa' Ar-Rasyidin lagi. Sistem pengajian ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu kuttab, menengah dan tinggi. Peringkat menengah dan tinggi dijalankan di masjid-masjid manakala pelajaran yang diajarkan para peringkat kuttab adalah seperti berikut:

1. Belajar membaca dan menulis
2. Membaca al-quran dan menghafaznya
3. Belajar asas islam seperti berwudhuk, puasa dan sebagainya
4. Tafsir, hadis, fiqh dan bahasa.

Setelah tamat belajar di kuttab, mereka belajar di peringkat menengah di masjid dengan guru manakala bagi peringkat tinggi pula, gurunya adalah terdiri di kalangan ulama' besar.

Semasa era Abbasiyyah pula, sistem pendidikan bertambah canggih dengan adanya kolej-kolej dan universiti yang didirikan secara meluas untuk pelajaran tahap menengah dan tinggi. Mata pelajaran yang diajarkan pula lebih tersusun. Berhijrah ke merata tempat untuk menuntut ilmu adalah perkara biasa ketika itu.

Ibnu Sina contohnya, dia menghafaz Al-Quran pada usia 10 tahun beserta dengan syair-syair. Mula mempelajari ilmu kedokteran pada usia 16 tahun dan mula menemukan pelbagai penyakit dan cara mengubatnya. Pada usia 18 tahun, Ibnu Sina diiktiraf sebagai ahli perubatan dan seterusnya menjadi doktor diraja. Bukan sekadar menguasai ilmu perubatan sahaja, bahkan dia pakar dalam bidang matematik dan metafizik.

Perkembangan ilmu ini menjadi satu kelebihan dalam jihad dan dakwah Islam. Bahasa Arab yang menjadi bahasa Ilmu ketika itu tersebar luas ke serata dunia. Semua orang berlumba-lumba untuk mempelajari bahasa Arab. Islam dipandang sebagai agama yang membawa kemajuan kepada penganutnya sehinggakan apa yang dibawa Islam mahu ditiru oleh semua orang. Islam dan umatnya menjadi role model dalam apa saja hal!

## Perkembangan Sains dan Teknologi

Dengan sistem pendidikan yang sistematik dan teratur, berlakulah banyak penemuan-penemuan yang hebat pada zaman ini. Seperti yang dikatakan oleh Robert Briffault tentang Islam pada era ini; *"Adalah sangat jelas bahawa tanpa Arab (Islam) tamadun moden Eropah tidak akan dapat wujud sama sekali."*<sup>71</sup>

Di sini kami senaraikan sebahagian dari lautan pencapaian Muslimin era Abbasi.

→ Sistem pendidikan

- Wujud sistem pelajaran yang teratur yang meliputi menengah rendah dan tinggi.
- Sekolah/Kolej ditubuhkan kerajaan atau persendirian. Baghdad memiliki 30 buah sekolah dan Mosul enam buah. Kuttab, sebagai tempat belajar pendidikan rendah. Masjid, biasanya dipakai untuk pendidikan tinggi dan takhassus.
- Bait Al-Hikmah menjadi pusat penterjemahan dan penyelidikan di zaman Khalifah Al-Ma'mun. Proses penterjemahan dilakukan secara sistematik terutamanya karya-karya Yunani. Penterjemah dan penulis buku digaji oleh Khalifah bahkan menjadi profession yang terkaya di Baghdad. Diceritakan, upah untuk terjemahan adalah emas seberat hasil yang diterjemahkan.
- Pada tahun 1065M Universiti Nizamiyah didirikan di Baghdad dan pada 1234M Universiti al-Mustansiriyah pula ditubuhkan.
- Majlis Muhadharah menjadi rasmi, iaitu tempat pertemuan para ulama, sarjana, ahli fikir dan pujangga untuk membahas masalah-masalah ilmiah.

→ Perkembangan ilmu-ilmu yang bermula daripada hasil ijtihad dan semangat ingin tahu menjadikan para ulama Islam berjaya mempelopori pelbagai bidang.

- **Ilmu Matematik** – Penemuan teori al-gebra, trigonometri, statistik dan pelbagai lagi. Antara tokoh terkenal ialah *Al-Khawarizmi*. Antara bukunya yang terkenal ialah *Hisb al-Jabr wal-Muqabalah* digunakan sebagai buku teks

---

<sup>71</sup> Robert Briffault, *Making of Humanity*



utama di Eropah sehingga abad ke 16. Beliau jugalah yang memperkenalkan teori angka 0 yang banyak merubah sistem matematik.

*Abu Abdullah Muhammad Ibn Isa al-Mahani* pula terkenal dengan bukunya *A Summary of Mathematic*.


- **Ilmu Kimia** – Sarjana Islam merintis sistem eksperimen yang diguna pakai hingga kini. Mereka telah menemui afiniti kimia dalam pelbagai logam seperti raksa, plumbum, perak, emas dan selainnya. Teori pengoksidaan diperkenalkan *Jabir ibn Hayyan* (Bapa Kimia - meninggal 778 M). Begitu juga teknik pengewapan, penyulingan, pencairan bahan, penghabluran dan banyak lagi.

- **Perubatan** – *Muhammad Zakariyya al-Razi* (809-873M) menulis 200 buah buku dan  $\frac{1}{2}$  daripadanya menyentuh tentang perubatan. *Kitabul-Mansuri* diterjemah ke dalam bahasa Jerman dan Perancis. Monografinya, *al-Judari wal-Hisbah* menyentuh tentang penyakit cacar dan campak telah diterjemahkan ke beberapa bahasa pada tahun 1365 M, dan diulang cetak lebih 40 kali antara tahun 1498-1866 M. Bukunya *al-Hawi* dianggap sebagai ensiklopedia perubatan.

*Ibn Sina* pula (Avicenna), dengan bukunya *Qanun Fib Tib* dan *Kitab As-Syifa'* diterjemah pada kurun ke 12 M dan menjadi teks utama kolej-kolej di Eropah. *Ibn al-Haitham* (Alhazen) pula cemerlang dalam bidang penyakit mata, yang mempengaruhi Roger Bacon, Pole Witelo, Leonardo da Vinci, Johann Kepler dan ramai lagi.

- **Astronomi** – Al-Biruni berjaya menghitung teori peredaran bumi dan juga garis bujur dan lintang bumi, dalam bukunya *Al-Qanun al-Masu'di fin-Najum* dan *al-Athar al-Baqiyah* yang menjadi rujukan utama kajian astronomi barat. Dan ramai lagi ahli bidang ini seperti *al-Battani* (Albategnius), *Al-Farazi*, yang mencipta Astrolab. *Al-Idrisi* (Pakar geografi Islam - 1099-1166M), lahir di Ceuta Sepanyol melakarkan peta Asia, Afrika dan Eropah dengan catatan geografi, demografi yang lengkap, juga menggunakan garis lintang dan bujur. Karangannya inilah yang digunakan oleh Columbus untuk belayar.

- **Falsafah** – *Al-Ghazali* (1085-1101M), dikenali sebagai *Hujjatul Islam*, karangannya: *Al-Munqizh Minadl-Dlalal*, *Tahafutul Falasifah*, *Mizanul Amal*, *Ihya Ulumuddin* dan lain-lain. *Ibnu Rusd* (1126-1198 M), dengan karangannya: *Kulliyat*, *Tafsir Urjuza*, *Kasful Afillah* dan lain-lain. *Al-Kindi* (809-873 M) pula dengan buku karangannya sebanyak 236 judul berjaya mengharmonikan falsafah Yunani dan Islam. *Ibn Sina* dalam bidang ini dengan tulisannya *al-Majmu'* mengandungi pelbagai kajian falsafah dan psikologi.



- **Ilmu Naqli**

1. Ilmu Tafsir; para mufasssirin yang termasyur, *Ibnu Jarir ath Tabary, Ibnu Athiyah al-Andalusy* (meninggal 147 H), *As-Suda, Mupatil bin Sulaiman* (meninggal 150 H), *Muhammad bin Ishak* dan lain-lain
2. Ilmu Kalam; antara tokoh, *Wasil bin Atha', Abu Huzail al-Allaf, Adh Dhaam, Abu Hasan Asy'ary, Hujjatul Islam Imam Ghazali*
3. Ilmu Tasawuf; ahli-ahli dan ulama-ulamanya adalah, *Al-Qusyairy* (meninggal 465 H), karangannya: *ar-Risalatul Qusyairiyah*. Syahabuddin (meninggal 632 H), karangannya: *Awariful Ma'arif*, Imam Ghazali: karangannya *al-Bashut, al-Wajiz* dan lain-lain.

- Dan pelbagai lagi pengembangan ilmu-ilmu dan ciptaan sains dan teknologi lain yang tidak sempat untuk dimuatkan di dalam risalah kecil ini.

### **Perbezaan Sistem Pendidikan Dahulu dan Kini**

Ada beberapa aspek utama yang membezakan sistem pendidikan kaum Muslimin terdahulu berbanding kita sekarang yang akhirnya melahirkan jurang yang jauh berbeza daripada sudut keimanan, penguasaan pelbagai bidang dan pencapaian terhadap aneka inovasi. Aspek paling utama adalah penekanan terhadap tarbiyah imaniyyah yang terarah kepada pemahaman terhadap Al-Quran dan Sunnah seawal usia lagi.

Natijahnya sangat besar dalam kehidupan kerana anak-anak mulai dilatih untuk meletakkan nilai-nilai Islam sebagai neraca dalam memandang sesuatu perkara. Perkembangan kepribadian dan pemikiran diasuh supaya selari dengan kehendak syariat. Tambahan lagi dengan suasana masyarakat yang dipimpin oleh kaum Muslimin dan ramainya orang-orang yang soleh menjadikan bi'ah pembesaran anak-anak subur untuk disemai dengan nilai-nilai akhlak Islam.

Kepincangan dalam tarbiyah berlaku apabila asas-asas terhadap Islam tidak dijadikan modal utama pembentukan pribadi, seperti sekarang. Ditambah pula dengan suasana yang dikuasai oleh jahiliyah, jika anak-anak tidak ditanam dengan nilai-nilai Islam untuk menilai setiap perkara tentu mereka tidak akan mampu untuk menapis serangan fahaman atau ideologi jahiliyah. Akhirnya berlaku kekeliruan dan salah faham terhadap Islam natijah daripada ketiadaan atau lemahnya neraca untuk menilai arus jahiliyah yang dipimpin barat.

Berikut adalah ringkasan perbezaan antara sistem pengajian dahulu dan sekarang untuk kita ambil iktibar.

<b>Peringkat</b>	<b>Dahulu</b>	<b>Kini</b>
Rendah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fokus kepada pembentukan asas-asas Islam yakni Aqidah</li> <li>2. Mula hafaz Al-Quran dan Hadis</li> <li>3. Didedahkan dengan sirah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengenalan terhadap Islam yang sangat minimal</li> <li>2. Serangan media mulai menguasai pemikiran dan budaya hidup anak-anak</li> </ol>

	perjuangan generasi lepas	
Menengah	Lanjutan pelajaran tafsir, hadis dan fikih Islam.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mulai fokus kepada pencapaian dan impian terhadap material</li> <li>2. Pendidikan Islam sekadar cukup syarat</li> </ol>
Tinggi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mulai pengkhususan dalam cabang-cabang Ilmu yang pelbagai</li> <li>2. Point penting – Setiap cabang ilmu tidak terpisah daripada ketuhanan</li> <li>3. Lahir pakar yang menguasai pelbagai bidang</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Secara umumnya tiada bentuk pendidikan Islam yang khusus</li> <li>2. Lahir generasi remaja yang lemah kefahaman terhadap Islam dan ada syubhat dalam menilai antara Islam dan Jahiliyah</li> </ol>

### Jadual Perbandingan Sistem Pendidikan Islam ‘Dahulu dan Kini’

Maka tidak peliklah jika kita melihat orang dahulu hebat sedangkan ramai dikalangan anak-anak yang beragama Islam kini tidak mengerti dan sedar akan tanggungjawab kewujudan mereka di muka bumi ini. Mereka ini juga tidak memiliki *izzah* yang tinggi terhadap Islam. Ini bukanlah senario yang baru setahun dua berlaku. Perbincangan mengenai perkara ini akan disentuh lebih lanjut di dalam bab-bab akhir risalah kecil ini.

### Perekonomian Daulah Bani Abbas

Selain bidang ilmu, era Abbasiyyah juga gemilang dalam bidang ekonomi. Sejak awal kepimpinan Bani Abbas, perbendaharaan negara sentiasa penuh dan wang melimpah masuk lebih banyak daripada pengeluaran. Antara faktor kejayaan adalah:

1. Pertanian: Nasib petani dibela, pajak yang komprehensif dan pelbagai penemuan baru merancakkan lagi sektor pertanian
2. Perindustrian: Wujud kawasan-kawasan industri khusus.
3. Perdagangan: Terdapat beberapa inovasi dalam mengembangkan perdagangan pada waktu ini antaranya;
  - a. Membangunkan sumur dan tempat istirahat di jalan-jalan yang dilewati kafilah dagang.
  - b. Membangunkan armada-armada dagang.
  - c. Membangunkan armada laut untuk melindungi perairan negara dari serangan lanun. Akhirnya, tujuh lautan dunia dilalui dan dikuasai oleh pedagang-pedagang Islam!

Kita juga turut memberikan perlindungan kepada negara-negara atau wilayah lain yang membayar jizyah. Mereka berlindung di bawah kerajaan Islam daripada ancaman musuh-musuh yang sentiasa mengintai peluang untuk mengambil kesempatan dan menindas mereka.

\* \* \* \* \*

## Andalusia (756 – 1492 M)

Selepas jatuhnya kerajaan Bani Umayyah, saki baki keluarga Umayyah telah ke Andalus. Mereka membentuk pemerintahan di sana dengan sokongan penduduk tempatan. Oleh kerana tidak boleh adanya dua khalifah Islam dalam satu masa, maka mereka memerintah dengan gelaran Sultan atau Amir.

### Faktor-faktor Pendukung Perkembangan Islam di Sepanyol

Banyak perubahan yang telah dilakukan oleh Bani Umayyah semasa memerintah di Andalusia. Kesilapan lalu mengajar mereka untuk kembali kepada aturan yang ditetapkan Allah. Mereka kembali menegakkan keadilan yang dibawa Islam terhadap seluruh rakyat hingga akhirnya kepemimpinan Bani Umayyah mendapat dokongan daripada seluruh lapisan masyarakat Sepanyol. Setelah daulah stabil, kepemimpinan Bani Umayyah lantas mengorak langkah untuk membina peradaban yang setanding dengan pencapaian Baghdad.

Universiti Kordova adalah antara perpustakaan yang didirikan semasa zaman Abdurrahman al-Nashir. Perpustakaananya memiliki koleksi ratusan bahkan ribuan buku. Sultan Hakam II juga mengumpul koleksi buku dan mendirikan banyak perpustakaan. Pada masa ini, pembangunan material berlangsung dengan sangat cepat dan rakyat hidup dengan sejahtera.

Seorang penulis Kristian terkenal pernah menulis mengenai keadaan masa itu: *"Muslim-muslim Arab itu mentadbir kerajaan Kordova dengan baik dan ia merupakan sebuah keajaiban abad pertengahan, mereka mengenalkan obor pengetahuan dan peradaban, kecemerlangan dan keistimewaan kepada dunia Barat. Sedangkan saat itu bangsa Eropah sedang dalam situasi pergolakan dan kebodohan yang biadab."*

### Sumbangan Andalusia semasa Era Bani Abbas

Dalam masa lebih dari tujuh abad kekuasaan Islam di Sepanyol, telah berlaku banyak perkembangan terutama dalam bidang keilmuan dan pembangunan. Berikut adalah sumbangan Andalusia semasa era Bani Abbas;

Kemajuan Intelektual	<i>Falsafah</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dipelopori Muhammad ibn Abdurrahman (832-886 M) pada abad ke-9 M selama pemerintahannya</li><li>• Al-Hakam (961-976 M) mengimport karya dari Timur hinggakan perpustakaan di Kordova setara dengan perpustakaan di Baghdad</li><li>• Lahir Ibn Bajjah (1138 M, Saragossa), Al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Rusyd (1126-1198 M Kordova)</li></ul>
	<i>Sains</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ilmu-ilmu kedokteran, muzik, matematik, astronomi, kimia dan lain-lain berkembang dengan pesat</li><li>• Abbas ibn Famas termasyhur dalam ilmu kimia dan astronomi. Juga orang pertama yang menemukan pembuatan kaca dari batu.</li></ul>


		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibrahim ibn Yahya al-Naqqash terkenal dalam ilmu astronomi. Dia dapat menentukan waktu terjadinya gerhana matahari dan menentukan tempohnya. Dia juga berjaya membuat teropong moden yang dapat menentukan jarak antara tata suria dan bintang-bintang.</li> <li>• Ahmad ibn Ibas dari Kordova adalah pakar perubatan. Ummul Hasan binti Abi Ja'far antara doktor wanita yang mahsyur</li> </ul>
	<i>Sejarah dan Geografi</i>	Ibn Jubair dari Valencia (1145-1228 M) menulis dan melakar peta tentang negeri-negeri Islam Mediteranian dan Sicili. Ibn Batuthah dari Tangier (1304-1377 M) mengjangkau Samudera Pasai dan China. Ibnul Khatib (1317-1374 M) menyusun riwayat Granada, sedangkan Ibn Khaldun dari Tunisia merumus dan mengkritik banyak fakta sejarah.
	<i>Fiqh</i>	Sepanyol Islam dikenal sebagai penganut madzhab Maliki. Banyak ahli-ahli Fiqh yang lahir antaranya adalah Abu Bakr ibn al-Quthiyah, Munzir Ibn Sa'id al-Baluthi dan Ibn Hazm
	<i>Muzik dan Kesenian</i>	Al-Hasan Ibn Nafi' yang dijuluki Zaryab. Setiap kali diselenggarakan pertemuan dan jamuan, Zaryab selalu tampil mempertunjukkan kebolehannya. Dia juga terkenal sebagai penggubah lagu.
	<i>Bahasa dan Sastera</i>	Bahasa Arab adalah bahasa pemerintahan dan interaksi. Banyak karya sastera lahir, seperti <i>Al-'Iqd al-Farid</i> karya Ibn Abd Rabbih, <i>al-Dzakhirahji Mahasin Ahl al-Jazirah</i> oleh Ibn Bassam, <i>Kitab al-Qalaid</i> karya al-Fath ibn Khaqan
Pembangunan Fizikal	<i>Pertanian</i>	Sistem hidrolik diperkenalkan untuk tujuan saliran. Dam, saluran bawah tanah, saluran sekunder dan tertier dibina. Waduk (kolam) dibuat untuk penyimpanan air.
	<i>Industri</i>	Wujud perusahaan tekstil, kayu, kulit, logam, dan industri barang-barang tembikar.
	<i>Perdagangan</i>	Jalan-jalan dan pasar-pasar dibangun
	<i>Banggunan</i>	Masjid Kordova, Kota al-Zahra, Istana Ja'fariyah di Saragosa, tembok Toledo, Istana al-Makmun, Masjid Seville, dan Istana al-Hamra di Granada.

## » Ustaziatul Alam

Saat ini kaum Muslimin berada di puncak, sebagai penguasa kepada dunia dan mahaguru dalam segala hal. Kebenaran Islam tersebar ke mana-mana, dan kitalah yang mencorakkan budaya dan peradaban seluruh bangsa. Dengan kekuasaan kita memberikan perlindungan kepada sesiapa yang memerlukan, baik daripada kezaliman pemerintah, monopoli perniagaan dan sebagainya. Bahasa Arab menjadi bahasa antarabangsa yang diguna pakai untuk perdagangan dan ilmu.

Dakwah berkembang melalui apa saja yang kita lakukan, baik cara hidup, undang-undang, muamalah dan melalui pencapaian sains dan teknologi. Tidak kira di Baghdad atau Andalus, kita menjadi model kepada kehebatan dan keunggulan yang tiada lawannya. Inilah fasa Ustaziatul Alam, di mana rahmat Allah menyebar dan membahagiakan siapa sahaja yang terkena pancarannya. Boleh dikatakan pada ketika ini kita seolah-olah berada di kemuncak kecemerlangan ! Rajah ISK kita terus mendaki semahunya kerana tiada yang dapat menandingi umat pilihan Allah.

Sedangkan Barat masih terperosok dalam dunia kejahiliyahan yang hitam pekat manakala Islam telah lama menghancurkan segala berhala jahiliyah sejak 600 tahun lalu dan terus cemerlang memimpin dunia.



## » Bibit-bibit Kejatuhan Empayar Islam

### Bermulanya Perang Salib

Perang Salib bermula daripada perasaan dengki orang-orang Kristian terhadap Islam dan umatnya. Kejayaan umat Islam menguasai tempat-tempat yang strategik terutamanya tempat-tempat yang pernah mereka kuasai sebelum ini membiakkan dendam yang mendalam. Mereka menanti-nanti peluang untuk merampas kembali apa yang mereka rasakan milik mereka, dan sekaligus menghancurkan lumatkan Islam.

Peluang muncul apabila umat Islam semakin mengabaikan jihad dan dakwah. Para paderi Kristian bangkit melaungkan semangat salib, dan menyeru kepada peperangan suci. Mereka mahu mengambil semula Palestin dan membersihkannya daripada tangan kaum Muslimin. Jika mereka berjaya menguasai Palestin, maka tempat-tempat lain adalah lebih mudah untuk mereka dapatkan. Bermulalah perang salib dengan dianggotai oleh tentera-tentera Kristian yang menjadikan salib sebagai simbol suci yang digantungkan di bahu-bahu mereka.



### Perang Salib-Menjatuhkan Al-Quds

Gereja Besar Rom telah mengumumkan perang secara rasmi terhadap kaum Muslimin pada tahun 1096. Semua golongan diseru untuk mengambil bahagian dalam peperangan ini. Mereka yang ingin berperang dijanjikan dengan kejayaan, emas, tanah di Palestin dan syurga.

Angkatan tentera dengan jumlah yang amat besar berjaya dikumpulkan. Maka, bertolaklah mereka menuju ke Al-Quds. Kumpulan orang-orang miskin dan petani yang dipimpin oleh Peter The Hermit dan Walter dikalahkan oleh Pasukan Turki Saljuk di medan pertempuran Anatolia. Bagaimanapun, kumpulan utama tentera salib yang berasal dari Perancis, Jerman, dan Normand (Perancis Selatan) diketuai oleh Godfrey dan Raymond (dari Perancis), Bohemond dan Tancred (dari Normand), dan Robert Baldwin dari Flanders (Belgium) beroleh kejayaan dalam pertempuran dengan tentera Islam. Mereka ini mengalahkan kaum Muslimin di medan Antakiah (Syiria) pada 3 Jun 1098.

Tentera salib mengambil kesempatan di atas kelemahan pemerintahan Turki Saljuk yang berpecah pada waktu itu akibat masalah pertikaian dalaman dan juga kegagalan mereka untuk menegakkan keadilan terhadap kaum Kristian. Ini akhirnya menyemarakkan lagi kebencian dan semangat mereka untuk memberontak melawan kaum Muslimin.<sup>72</sup>

<sup>72</sup> Muhammad Sayyid Al-Wakil (1989), *Wajah Dunia Islam dari Dinasti Umayyah hingga Imperialisme Modern*. Jakarta, cet. Pustaka Al-Kautsar, 1998.





Gambaran pembantaian kaum Muslimin

Rombongan besar ini sampai di Baitul Maqdis pada tahun 1099M. Mereka berjaya merebut Baitul Maqdis dan sebahagian besar daerah Syria dan Palestin daripada tangan kaum Muslimin.

Beberapa kabilah di pesisir pantai seperti Genoa dan Venezia masuk ke agama Kristian, dan ini memudahkan jalan antara Eropah dan negara-negara Timur bagi tentera salib meneruskan misinya. Perang Salib seterusnya mengakibatkan wilayah-wilayah Islam di sepanjang pantai laut tengah dikuasai dengan mudah oleh kaum Kristian.

Berikut adalah beberapa ungkapan tentang perang salib dari para penulis Muslim dan juga Kristian;

Sejarawan Ibnu 'Atsir mengatakan di dalam bukunya, jilid ke-10 halaman 283; *"Tentera Salib datang dan menyerang kaum Muslimin. Mereka membunuh 70,000 di dalam Masjidil Aqsa dan menawan sejumlah itu. Di antara mereka terdapat imam dan ulama kaum Muslimin, juga pada ahli ibadah dan orang-orang yang zuhud. Mereka juga membunuh orang-orang tua dan orang-orang yang lemah, serta menawan para wanita. Mereka terus berada di dalam negeri membantai kaum Muslimin."*

William Storey, seorang Nasrani, mengatakan bahawa darah dari mayat-mayat itu mencapai kedua-dua lututnya.

Anse Conamen bin Qaisar Ar-Rum menceritakan bahawa perkara yang paling disukai oleh tentera salib adalah membunuh anak-anak yang mereka jumpai, lalu memotong mereka kecil-kecil, kemudian membakar mereka di atas api.

Pendeta Robert berkata, *"Darah mengalir seperti sungai di jalan-jalan yang ditutupi oleh mayat-mayat."*

Courine Loumande Pachel mengatakan, *"Bangsa kita telah bertindak berlebih-lebihan dalam menumpahkan darah di Haikal Sulaiman. Mayat-mayat orang yang terbunuh memenuhi halaman di sana-sini. Tangan-tangan dan lengan-lengan yang terpotong seakan-akan berenang hendak mencari mayat yang malang. Tentera-tentera yang terlibat dalam pembantaian itu tidak mampu untuk menghirup bau hanyir yang berasal dari mayat-mayat itu."*

John Stuart Mill ahli sejarah Inggeris yang terkenal, menulis: *"Keluruhan usia lanjut, ketidakberdayaan anak-anak dan kelemahan kaum wanita tidak dihiraukan sama sekali oleh tentara Latin yang fanatik itu. Rumah kediaman tidak diakui sebagai tempat berlindung dan pandangan sebuah masjid merupakan pembangkit nafsu angkara untuk melakukan kekejaman. Tentara Salib menghancurkan leburkan kota-kota Syria, membunuh penduduknya tanpa peri kemanusiaan, dan membakar habis perbendaharaan kesenian dan ilmu pengetahuan yang sangat*



*berharga, termasuk "Kutub Khanah" (Perpustakaan) Tripolis yang termasyhur itu. Jalan raya penuh aliran darah, sehingga keganasan itu kehabisan tenaga."*

Kata Stuart Mill lagi, mereka yang cantik rupawan disisihkan untuk di jual di pasar hamba di Antakiah. Tetapi yang tua dan yang lemah dijadikan korban di atas panggung pembunuhan.

\* \* \* \* \*

### » Muncul Wira Pembebas Palestin-Salahuddin Ayyubi (صلاح الدين الأيوبي)

Muncul seorang pejuang daripada suku Kurdis untuk membela nasib umat ini yang sedang diuji akibat kelalaian dan kelekaan mereka sendiri. Ditakdirkan Allah, dia menjadi pemimpin kepada orang-orang yang beriman untuk berjuang dan berjihad bagi mendapatkan kembali bumi Islam yang dijajah. Salahuddin adalah salah seorang daripada panglima tentera Al-Malik Nuruddin<sup>73</sup>, yang diperintahkan untuk mara ke Mesir<sup>74</sup>. Dia akhirnya berjaya menguasai Mesir kembali dan kemudiannya diangkat menjadi pemerintah di situ.

Salahuddin memahami adalah menjadi kewajiban bagi setiap muslim membebaskan kembali tanah umat Islam yang dirampas. Setiap masa, tenaga dan seluruh fikirannya ditumpukan untuk jihad di jalan Allah. Salahuddin perlu menyusun dan membimbing pasukannya dengan meluruskan aqidah dan menanamkan semula benih jihad yang hilang ke dalam jiwa mereka.

Selain itu, Salahuddin juga mengamalkan syura di mana tiada suara yang lebih hebat berbanding majlis syura yang dilantik untuk menguruskan umat. Jauh sekali daripada sifat kroni dan diktator dalam mengatur harokahnya.

### Perjalanan Menawan Kembali Baitul Maqdis

Kadi Bahauddin<sup>75</sup> telah mencatatkan bahawa Salahuddin sangat-sangat berhajat untuk menawan Al-Quds kembali sehinggakan bukitpun akan mengecut apabila merasai bebanan yang dibawa di dalam hatinya. Banyak yang perlu dilalui oleh Salahuddin dan tenteranya sebelum berjaya membuka kembali Palestin. Serangan-serang pihak musuh yang pelbagai tidak melemahkan semangat mereka.

Terdapat peristiwa dimana sekumpulan jemaah haji yang dalam perjalanan menuju ke tanah suci ditahan dan diseksa dengan dahsyat sekali oleh Reginald, adik Raja Kristian yang memerintah Palestin pada ketika itu. Ada di antara tawanan yang merayu supaya mereka dikasihani, namun dengan angkuh Reginald berkata, *"Mintalah kepada nabi kamu; Muhammad, untuk menyelamatkan kamu!"*.

Berita yang menyedihkan ini sampai kepada Salahuddin. Dia terus berjanji akan membunuh Reginald dengan tangannya sendiri apabila dia dapat menangkapnya untuk membalas kebiadaban Reginald terhadap Islam dan Nabi Muhammad.

---

<sup>73</sup> Sultan Aleppo

<sup>74</sup> Pada waktu itu diambil oleh kerajaan Fatimiyah (Syiah) yang membebaskan diri daripada Khalifah sewaktu pemerintahan Khalifah melemah.

<sup>75</sup> Kadi Bahauddin bin Shaddad (1234M, 632H), *Al-Nawadir-I-Sultania: Sirat Salahuddin*

## **Belakunya Peperangan Hittin – Membuka laluan ke Palestin**

Peperangan sengit antara tentera Salahuddin dan tentera Salib telah berlaku di kawasan Tiberias, di kaki bukit Hittin. Di sini, tentera salib kalah teruk. Dalam peperangan ini, dianggarkan 30,000 tentera Kristian terbunuh dan selebihnya ditawan. Reginald dan abangnya adalah antara mereka yang turut ditawan.

Reginald dan abangnya dibawa menghadap Salahuddin. Mereka dipersilakan untuk duduk. Kemudian Salahuddin bangun pergi kepada Reginald lalu berkata, *“Dua kali aku telah bersumpah untuk membunuhnya. Pertama ketika dia bersumpah akan melanggar dua kota suci dan kedua ketika dia menyerang jamaah haji. Ketahuilah aku akan menuntut bela Muhammad atasnya”*.

Lalu dia menghunuskan pedangnya dan memenggal kepala Reginald. Mayatnya kemudian dibawa keluar oleh pengawal dari khemah.

Raja Palestin apabila melihat adiknya dipancung, mengeletar kerana menyangka gilirannya akan tiba. Tetapi Salahuddin menjamin tidak akan mengapa-apakannya sambil berkata, *“Bukanlah kelaziman seorang raja membunuh raja yang lain, tetapi orang itu telah melanggar segala batas-batas, jadi terjadilah apa yang telah terjadi”*.

## **Baitul Maqdis Sekali lagi Menjadi Milik Kita**

Kekalahan teruk pihak Kristian dalam peperangan Hittin telah membuka jalan mudah kepada Salahuddin untuk menawan kembali Al-Quds.

Semasa mengepung Bandar Acre, Bahauddin mencatatkan bahawa Salahuddin mengidap sakit kuat yang menyebabkan dia sangat susah untuk bangun. Meskipun demikian, Salahuddin tetap keluar menunggang kudanya untuk memeriksa angkatan tentera. Bahauddin bertanya, bagaimana dia boleh menahan sakitnya? Maka Salahuddin menjawab, *“Penyakit akan meninggalkanku apabila aku menunggang kuda”*.

Dalam ketika yang lain dia sebenarnya dalam keadaan yang lemah akibat sakit tetapi tetap keluar untuk memburu musuh. *“Apabila dia sakit”,* kata Bahauddin, *“Aku dan doktor akan bersamanya sepanjang malam. Dia tidak dapat tidur akibat menahan sakit, tetapi apabila pagi menjelang, dia akan menunggang kuda untuk melawan musuh”*.

*Dia menghantar anak-anaknya ke medan perang sebelum memerintahkan orang lain berbuat demikian. Aku dan dokternya bersamanya sepanjang hari menunggang kuda sehinggalah musuh berundur apabila senja menjelang. Dia hanya akan kembali ke khemah selepas memberikan arahan untuk kawalan keselamatan pada waktu malam”*.

Salahuddin juga tidak makan dan minum sepanjang pengepungan kerana dia bimbang akan menjejaskan fokusnya kepada peperangan. Setelah dipaksa doktor, barulah dia minum tapi tetap tidak mahu makan. Salahuddin bahkan diceritakan hanya makan beberapa suap makanan semenjak hari Jumaat hingga Isnin sewaktu di medan perang.<sup>76</sup>

---

<sup>76</sup> Ibid

Akhirnya pada hari Jumaat, 27 Rajab, 583H, iaitu pada hari Isra' Mi'raj, Salahuddin telah memasuki bandar suci tempat Rasulullah saw. naik ke langit. Dalam catatan Kadi Bahauddin, dia menyatakan inilah kemenangan atas kemenangan. Ramai orang yang terdiri dari ulama, pembesar-pembesar, peniaga dan orang-orang biasa datang meraikan gembira kemenangan ini dan mengucapkan tahniah kepada Salahuddin.

Laungan "*Allahhu Akbar*" dan "*Tiada tuhan melainkan Allah*" telah memenuhi ruang angkasa. Selepas 90 tahun, kini solat Jumaat telah diadakan semula di Al-Quds. Salib yang terpampang di '*Dome of Rock*' diturunkan. Inilah kemenangan kepada pemimpin dan para mujahid yang beriman kepada Allah.

Berbeza sekali dengan tingkahlaku tentera Kristian sewaktu menawan Palestin, Salahuddin menjaga setiap etika peperangan yang diajarkan Rasulullah saw.. Tiada pembalasan dendam sepertimana yang dilakukan oleh tentera Kristian dulu terhadap orang Islam yang tidak bersenjata. Mereka malah dibenarkan keluar dengan aman dari Palestin.

## **Pemimpin Pilihan**

Salahuddin merupakan seorang pemimpin Islam yang wara' dan hidup dalam kesederhanaan. Walaupun sakit, Salahuddin akan memaksa dirinya berdiri di belakang imam. Dia tidak terlepas untuk menunaikan ibadah malam, apatah lagi solat fardhu kecuali tiga hari terakhir hidupnya di mana dia tersangat lemah dan selalu pengsan.

Dia tidak pernah membayar zakat kerana tidak mempunyai harta yang cukup nisab hinggakan ketika kematiannya, dia hanya memiliki 47 dirham wang perak dan satu dinar wang emas. Bahkan kain kafan pun diberikan oleh salah seorang menterinya. Bahauddin berkata, "*Salahuddin pernah berkata bahawa terdapat orang yang baginya wang dan debu itu sama sahaja.*"

Salahuddin juga mengimpikan untuk menunaikan haji ke Mekah tetapi dia tidak pernah berkesempatan kerana pada waktu itu, jihad membebaskan kaum Muslimin dan Al-Quds lebih utama dari haji!

Dia sangat gemar mendengar bacaan Al-Quran. Semasa di medan peperangan, dia sering duduk mendengar bacaan Al-Quran para pengawal yang ditemuinya sehingga 3 atau 4 juzu' satu malam. Dia mendengar dengan sepenuh hati sehingga air mata membasahi dagunya. Keyakinannya terhadap pertolongan Allah sangat kuat hinggakan sewaktu kaum Muslimin bertahan di Al-Quds, dia menghabiskan malamnya dengan bersolat dan munajat.

## **Sunnatullah**

Islam adalah satu sistem hidup yang berdiri atas dasar keadilan kepada semua manusia. Apabila bumi ini dipimpin dengan kezaliman, Allah memberi jaminan akan menukar pimpinan tersebut dengan masyarakat yang akan membawa keadilan dan kesejahteraan kepada umat manusia. Itulah yang berlaku ketika Palestin dirampas oleh puak jahiliyah selama 90 tahun disebabkan oleh kelalaian kaum Muslimin. Ia telah dibebaskan kembali oleh Salahuddin Al Ayubi daripada cengkaman kaum Kristian yang zalim.

Salahuddin Al-Ayyubi yang berjaya menghancurkan kezaliman di bumi Palestin adalah seorang yang wara' dan memahami deen ini seperti orang-orang yang terdahulu. Bersamanya juga adalah tentera-tentera yang ditarbiyah dengan cahaya Al-Quran. Allah telah meneguhkan hati-hati mereka untuk sama-sama berjihad, tidak gentar berhadapan dengan musuh-musuh Islam. Kemenangan akhirnya berpihak kepada kaum yang lebih adil dan rahmat Allah tersebar ke seluruh alam.

Kaum Muslimin bangkit kembali dengan pelbagai catatan kegemilangan seperti yang kita bincangkan pada tajuk sebelum ini. Tetapi malang, umat ini kembali berselisih sesama mereka dan mengutamakan material melebihi jihad. Justru, Allah menghukum mereka dengan serangan tentera Monggol, yang berakhir dengan pelbagai episod pedih dalam sejarah kita.

\* \* \* \* \*

### » Serangan Monggol (656 H/1258 M)

Ratusan ribu mayat tanpa kepala berselerakan memenuhi jalan-jalan, longkang-longkang dan padang-padang. Bangunan-bangunan megah dan indah disekitar telah bertukar menjadi penempatan kosong tak berpenghuni. Asap berkepul keluar dari bangunan-bangunan yang dibakar. Tentera dari serendah-rendah pangkat hingga ke yang paling tinggi sibuk memenggal kepala ribuan manusia.

Kemudian kepala-kepala yang terpisah dari tubuh tadi dikelaskan mengikut kelompok; kepala wanita, anak-anak, orang tua. Air Sungai Dajlah atau Tigris yang mengalir berubah menjadi hitam disebabkan dakwat ribuan manuskrip yang dilempar ke dalamnya. Perpustakaan, hospital, masjid, madrasah, tempat mandi awam dan rumah para bangsawan, kedai dan restoran - semuanya dihancurkan.

Demikianlah kota yang selama beberapa abad menjadi pusat terbesar peradaban Islam musnah dalam sekelip mata. Setelah puas, pasukan penakluk itupun bersiap-siap pergi tanpa ada walau sedikit penyesalan. Mereka sibuk mengumpulkan barang-barang rampasan yang berharga: timbunan perhiasan yang tak ternilai harganya, berkilo-kilo tongkol emas dan wang dinar, batu permata, intan berlian - semua dimasukkan ke dalam ratusan karung dan kemudian diangkut dalam gerabak dan kereta yang sangat panjang.

Kitab-kitab Al-Quran yang tidak ternilai harganya dilempar dan diinjak-injak. Juwayni, seorang sejarawan abad ke-13, yang berhasil melarikan diri dari Bukhara ketika kota itu diserang beberapa tahun sebelumnya, melihat bagaimana kota kelahiran Imam Bukhari, ahli hadis yang masyhur itu diratakan sama tinggi dengan tanah. Tulis Juwayni: *"Mereka datang, merosak, menghancurkan, membunuh, memperkosa wanita muda dan tua, merampas harta, dan akhirnya pergi dengan tenang dan puas hati."*

Inilah tentera Monggol yang ditakdirkan Allah muncul pada abad ke-13 dan tiba-tiba menjadi kekuatan yang menggemparkan dunia Islam yang pada waktu itu lengkap dengan segala kemewahan material. Monggol datang hingga dapat menakluk wilayah yang sangat luas. Dari hujung timur negeri

China sampai hujung barat Poland, dari batas utara Rusia hingga batas selatan teluk Parsi - semuanya ditundukkan.

Tokoh utama bangsa Monggol pada abad ke-13 M adalah Genghis Khan serta anak cucunya seperti Ogotai, Batu, Hulagu dan Kublai Khan. Mereka adalah manusia yang langsung tidak mempunyai ketamadunan, hidup dengan bermandi darah dan al-hawa. Genghis Khan, pengasas dinasti Monggol ialah seorang yang bengis dan kejam semasa menjatuhkan lawan-lawan politik yang dikalahkannya. Apabila pihak lawan telah ditundukkan, para pemimpinnya lantas ditangkap dan kemudian direbus hidup-hidup dalam air panas yang sedang mendidih didalam belanga besar.

Genghis pernah bertanya kepada seorang jeneralnya; *"Apakah kebahagiaan terbesar dalam hidup ini, menurut pendapatmu?"*

Jeneralnya menjawab: *"Beburu dimusim luruh dengan menunggang seekor kuda yang tangkas dan bagus!"*

*"Bukan!"* jawab Genghis Khan.

*"Kebahagiaan terbesar ialah menaklukkan musuh, mengejar mereka sampai tertangkap, kemudian merampas harta milik mereka, menyaksikan kaum kerabat mereka meratap dan menjerit-jerit, menunggangi kuda-kuda mereka, memeluk isteri dan anak-anak gadis mereka serta memperkosa mereka."*

Amir Khusraw, penyair Parsi abad ke-13 yang melarikan diri dan tinggal di India, memberi gambaran seperti berikut tentang orang-orang Mongol itu: *"Mereka menunggang unta dan kuda dengan tangkas, tubuh mereka bagaikan besi, wajah membara, tatapan muka garang, leher pendek, telinga lebar berbulu dan memakai anting-anting, kulit kasar penuh kutu dan baunya amat busuk."*

Penulis lain mengatakan bahwa, *"Mereka seperti keturunan anjing saja, wajah rajanya seperti binatang buas dan berkata bahawa tuhan mencipta mereka dari api neraka."* Ibnu 'Athir melaporkan ketika Bukhara diserbu, 30,000 tentera kerajaan Khawarizmi tidak terlawan menghadapi keganasan dan kebengisan mereka.

## **Bermulanya Peperangan dengan Wilayah-Wilayah Islam**

Permusuhan dan peperangan dengan negeri-negeri Islam bermula dengan peristiwa pada tahun 1212 M. Pada suatu hari tiga orang saudagar Bukhara bersama puluhan rombongannya tiba di wilayah Monggol dan menuju ke ibu kota Karakorum. Orang-orang Monggol menangkap dan kemudian menyiksa semua ahli rombongan itu. Barangan dagangan mereka turut dirampas.

Tidak lama setelah peristiwa itu Genghis Khan mengirim 50 orang saudagar Monggol untuk membeli barang dagangan di Bukhara. Atas perintah amir Bukhara Gayur Khan, mereka ditangkap dan dihukum mati. Genghis sangat marah dan merancang menyerbu kerajaan Khawarizmi dan negeri lain di Asia tengah. Serangan pertama itu terlaksana pada tahun 1219, hanya selang tiga tahun setelah tentera Monggol menakluki seluruh wilayah China.

Pada tahun 1227 Genghis Khan meninggal dunia, setelah seluruh wilayah Khawarizmi dan Asia tengah, termasuk Afghanistan dan India utara, berhasil ditakluknya. Serangan kedua Tatar ke atas umat Islam sebagai menyambung

serangan yang pertama di zaman Genghis Khan bermula 628 H, diketuai oleh Ogatai, pengganti Genghis Khan. Serangan pada kali ini ditumpukan di sekitar bumi Rusia dan Eropah.

Suasana bertambah buruk pada serangan kedua ini kerana pimpinan Islam pada masa itu berada dalam keadaan berpecah belah. Manakala sebahagian umat pula telah mula menunjukkan sikap pengecutnya dan tidak berani untuk melancarkan jihad. Ibnu 'Athir di dalam kitabnya Al-Kamil meriwayatkan beberapa cerita yang didengarinya daripada sebahagian umat Islam yang berjaya melepaskan diri dari serangan kedua ini. Di antaranya:

1. Seorang tentera Tatar masuk ke dalam sebuah perkampungan seorang diri. Kemudian dia membunuh penduduk kampung tersebut seorang demi seorang tanpa mendapat tentangan dari sesiapa pun.

2. Seorang tentera Tatar menangkap seorang muslim. Oleh kerana tentera Tatar tersebut tidak bersenjata, dia telah mengarahkan pemuda muslim tadi agar melepaskan mukanya ke tanah dan tidak bergerak. Tentera Tatar tersebut pulang mengambil senjata dan kemudian datang kembali lalu membunuh pemuda tersebut.

3. Tentera Tatar memasuki bandar Badlis (sekarang berada di selatan Turki). Laluan ke bandar tersebut adalah laluan di celah-celah bukit yang sungguh sempit. Tidak ada seorang pun tentera Islam yang berjaya melepaskan diri dari serangan Tatar di bandar tersebut. Penduduk bandar tersebut pula melarikan diri ke atas bukit dan membiarkan Tatar membakar keseluruhan bandar tersebut.

Siri serangan Monggol berterusan diketuai Hulago pada 656H yang berakhir dengan kejatuhan Baghdad seperti yang diceritakan sebelum ini.

Catatan yang cukup menyedihkan tentang kekalahan tentera Islam di Baghdad itu terdapat dalam buku Tarikh al-Islam (hlm. 206-207) karangan sejarawan terkenal abad ke-13M Muhyiddin Al-Khayyat:

*Sejak bertahun-tahun lamanya telah timbul pergeseran yang dasyat antara pengikut Sunah dan Syi'ah, juga antara pengikut mazhab Syafi'i dan Hanafi. Pertumpahan darah sering terjadi dalam setiap pertikaian yang timbul diantara golongan-golongan yang saling bertentangan itu. Pada saat itu khalifah yang berkuasa ialah Al-Mu'tasim, sedangkan wazirnya Muayyad Al-Din Al-Qami, seorang tokoh Syi'ah terkemuka. Amir Abu Bakar, putera khalifah, dan panglima Rukhnuddin Al-Daudar sudah lama menaruh dendam kepada wazir Al-Qami.*

*Pada suatu hari Amir Abu Bakar memerintahkan tentera menghancurkan tempat tinggal puak Syi'ah. Peristiwa ini dirasakan oleh wazir sebagai pukulan yang hebat terhadap dirinya. Diam-diam dia berutusan dengan Hulagu dan mendorong panglima Mongol dari Transoxiana itu segera berangkat merebut ibukota Baghdad.*

*Hulagu pun datang dengan ribuan tenteranya pada bulan Safar 656H dan mengepung Baghdad. Dengan persetujuan khalifah, panglima Al-Daudar membawa pasukan tentera Baghdad untuk mengusir tentera Mongol. Tetapi malang tidak dapat dielakkan. Pasukannya kalah teruk dan dia sendiri terbunuh dengan kepala terpisah dari badan. Sisa pasukannya menyelamatkan diri ke balik tembok ibukota*

*yang kukuh dan sebahagian lagi melarikan diri ke Syiria. Setelah itu wazir Al-Qami menemui Hulagu atas persetujuan Khalifah al-Mu'tasim.*

*Rundingan dilakukan antara kedua-dua pihak. Wazir dan pengiringnya pulang ke dalam kota, dan setelah terjadi kekecohan diapun berkata kepada Khalifah: "Hulagu Khan berjanji akan tetap menghormati Tuan sebagai Khalifah, seperti mereka mengakui Sultan Konya. Bahkan dia hendak mengahwinkan seorang puterinya dengan putera Tuanku, Amir Abu Bakar !"*

Muhyiddin Al-Khayyat selanjutnya melaporkan bahawa Khalifah disertai seluruh pembesar kerajaan dan hakim, serta keluarga mereka, berjumlah 3000 orang keluar dari istana menemui Hulagu. Pada mulanya mereka disambut dengan ramah, tetapi tidak lama kemudian mereka habis dibunuh. Wazir Al-Qami dan keluarganya diperlakukan dengan cara lebih bengis. Sebelum dibunuh wazir Al-Qami dihina Hulagu, *"Kamu sepatutnya mendapat hukuman yang lebih berat kerana melakukan khianat kepada orang yang telah memberimu kedudukan istimewa."*

Selama 40 hari pasukan Hulagu membunuh, merampas, memperkosa wanita dan membakar apa sahaja dihadapan mereka. Rumah-rumah ibadah dihancurkan. Bayi yang berada dalam dukungan dibunuh bersama ibu mereka. Wanita yang hamil ditusuk perutnya.

Mulai saat itu berdirilah kedaulatan dan kekuasaan Mongol atau Bani Ilkhan di Baghdad dan jatuhlah pemerintahan Khalifah Islam. Hanya Mesir dan Syiria yang tidak dapat ditaklukkan kerana amir atau Sultan yang memerintah kaum Muslimin di sana masih kuat.

### **Inilah Akibat apabila Dakwah Dan Jihad dilupakan!**

Pembangunan tamadun material tiada salahnya, bahkan digalakkan Islam seperti yang kita kupas di awal tajuk ini. Tetapi ianya bertukar menjadi fitnah yang besar kepada kaum Muslimin apabila tamadun yang dibina generasi terdahulu dengan *jihad fi sabilillah* bertukar menjadi tamadun material semata.

Akhirnya, sesetengah daripada lapisan Muslimin mula terjebak dengan perangkap berhala keduniaan dan menjadi hamba dinar dan dirham! Tokoh-tokoh negara pula lebih cenderung kepada akhlak jahiliyah dan menerajui wilayah-wilayah Islam dengan dorongan al-hawa.

Semasa era kegemilangan Abbasiyyah, kaum Muslimin disibukkan dengan orientasi budaya keilmuan, yang membuka ruang yang sangat luas untuk mengkaji keluasan ciptaan Allah. Masalah mula timbul dan membarah apabila pintu-pintu perdebatan dan semangat asobiyyah jahiliyah menjadi dominan dan tersebar luas. Hal ini menyebabkan tenaga kaum Muslimin terpecah dan rugi akibat persengketaan antara fahaman dan antara ulama', perdebatan masalah furu' dan pertikaian falsafah yang tak kunjung sudah. Inilah adalah akibat apabila aqal berkembang dengan segala macam ilmu tetapi hati yang tunduk kepada Allah melemah dan diisi dengan kecintaan kepada dunia.

Ditambah lagi dengan penyelewengan aqidah tauhid yang semakin meruncing. Dengan berkembangnya fahaman mu'tazilah, gerakan batiniyah dan juga syi'ah melemahkan lagi kesatuan dan perjuangan umat Islam.

Akhirnya, apabila diserang Monggol, kaum Muslimin hanya mampu melihat, kelu dan sesetengah buntu tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Mana mungkin mereka berjihad dengan kesatuan yang lemah dan kemahuan yang rendah untuk berperang berbanding tentera Monggol.

Maka, berakhirlah seketika era penguasaan Islam ke atas dunia yang berlangsung selama lebih 600 tahun dengan berkecamuknya pemerintahan khalifah Islam. Semua ini adalah atas takdir Allah untuk mengingatkan kita.

\* \* \* \* \*

## » Peperangan Ain Jalut

Allah tidak membiarkan umat ini untuk terus sengsara kerana dakwah ini adalah miliknya. Kita hanyalah khalifahnya yang ditugaskan untuk menyeru semua manusia agar mengabdikan diri kepada Allah, sedangkan segala kekuatan yang kita miliki untuk melaksanakan kewajipan ini datang daripada Allah jua.

Mujahid datang dan pergi silih berganti dan bumi ini tidak pernah sunyi daripada seruan jihad oleh para daie yang ikhlas. Tepat 24 Zulqaedah 657 H, Saifuddin Qutuz menaiki takhta bumi ribath, Mesir untuk membela kembali maruah umat Islam.

Melihat kegoncangan yang berlaku dalam kaum Muslimin, Qutuz berusaha gigih untuk melakukan islah. Surat ancaman Hulago kepada Qutuz yang mengherdik kaum Muslimin menyentak para pembesar Mesir. Mereka ketakutan, lantas Qutuz menyeru untuk menyalakan kembali bara jihad yang ada pada kaum Muslimin.

*“Wahai pimpinan muslimin! Kamu diberi gaji dari Baitul Mal sedangkan kamu tidak suka berperang. Aku akan pergi berperang. Sesiapa yang memilih untuk berjihad, temankan aku. Sesiapa yang tidak mahu berjihad, baliklah ke rumahnya. Allah akan memerhatikannya. Dosa kehormatan muslimin yang dicabuli akan ditanggung oleh orang yang tidak turut berjihad.”*

Qutuz meneruskan usaha menyusun dan menyiapkan pasukan Muslimin. Walaupun ada yang beranggapan bahawa usaha ini pasti akan gagal kerana Tartar berkali ganda lebih ganas daripada tentera Salib, namun Qutuz tetap dengan keyakinannya bahawa yang haq mesti ditegakkan. Mereka yang tidak mahu ikut serta, lari ke bumi Hijaz, Yaman malah ada yang lebih jauh hingga ke Morocco.

Sesungguhnya perencanaan Allah adalah yang terbaik. Ini merupakan proses penapisan dan pembersihan saff kaum Muslimin daripada jiwa-jiwa yang kotor yang cintakan dunia, dan lupakan hari akhirat. Kerana jihad hanyalah untuk mereka yang benar-benar sanggup bertahan dan syahid di jalan Allah.




## Bergerak untuk Menumbangkan Tartar

Qutuz membahagikan tenteranya kepada dua pasukan. Pasukan pertama terdiri daripada panglima-panglima yang hebat ditempatkan di barisan hadapan manakala pasukan kedua bergerak perlahan di belakang.

Ini adalah strategi untuk mengaburi pihak musuh. Gerakan ini dilakukan pada bulan Sya'ban 658 H. Mereka bergerak dengan pantas menuju ke Palestin walaupun dalam keadaan panas terik bulan Julai.

Berlakulah pertembungan di Gaza antara tentera Islam menentang Tartar yang kejam. Tepat pada tarikh 26 Julai 1260 M, tentera Islam memenangi pertempuran ini. Tentera-tentera Islam di bawah pimpinan Qutuz terus mara untuk membebaskan bumi Islam daripada cengkaman kezaliman.



Peta Kedudukan Ain Jalut

## Peperangan Ain Jalut - 24 Ramadhan 658 H

Qutuz dan tenteranya yang baru saja dihadihkan kemenangan di Gaza menuju pula ke Ain Jalut. Tempat ini dipilih kerana kedudukannya yang sesuai untuk strategi peperangan yang bakal dilancarkan. Terdapat kawasan lapang yang luas dan dikelilingi oleh bukit kecil kecuali di bahagian utaranya.

Banyak pokok-pokok di atas bukit tersebut dan ini memudahkan tentera Islam untuk bersembunyi. Pasukan di bawah pimpinan Baibras di tempatkan di utara sementara tentera yang lain bersembunyi di sebalik pokok.

Sementara menanti pihak musuh, Qutuz tidak putus-putus meniupkan semangat jihad. Apabila malam tiba, tak putus-putus mereka bertahajjud dan bermunajat memohon bantuan Allah. Mereka berharap agar perjuangan mereka ini diterima dan diberikan kemuliaan samada menang atau syahid di medan pertempuran.

Sesungguhnya, bantuan Allah datang melalui apa saja cara yang Dia inginkan. Penduduk tempatan tampil untuk memberikan segala bentuk bantuan yang mereka mampu kepada tentera Islam.

Pada **25 Ramadhan 658 H**, Tentera Tatar di bawah pimpinan Katabgha tiba dari arah utara seperti yang dijangka. Baibras bersama pasukannya telah siap sedia menanti di sana. Pasukan di bawah pimpinan Baibras ini dibahagikan kepada katibah-katibah.

Setiap katibah ini memakai warna tertentu yang membezakan mereka daripada katibah-katibah lain. Kuda mereka turut diwarnakan dengan warna

yang sama. Bukan itu saja, malah senjata, khemah termasuk rumah-rumah mereka di Mesir juga diwarnakan dengan warna katibah masing-masing.

Tentera di bawah pimpinan Qutuz sedang bersedia dipersembunyikan masing-masing. Bunyi paluan gendang perang mula kedengaran. Ini adalah kebiasaan bagi orang-orang di tempat Qutuz untuk meletakkan satu pasukan gendang di medan perang bagi menyampaikan isyarat-isyarat rahsia kepada tentera mereka. Paluan gendang ini hanya difahami oleh tentera Islam sahaja. Pergerakan mereka disusun berdasarkan isyarat yang disampaikan melalui paluan gendang tersebut.

Qutuz juga mengambil strategi yang digunakan semasa zaman Khalifah Umar Al-Khattab iaitu semasa membuka Parsi. Tentera Islam pada waktu itu seolah-olah berundur dan kemudiannya kembali menyerang bersama dengan tentera-tentera yang bersembunyi. Ini membuatkan musuh terperangkap dan barisan mereka menjadi kucar-kacir.

Terdapat satu ketika di mana Qutuz yang memerhati dan memberi arahan dari atas bukit telah berlari turun ke medan perang kerana melihat keadaan tentera Islam yang getir. Dia berjuang bersama dan berusaha menguatkan semangat tentera Islam.

Beberapa orang tentera Islam melahirkan rasa bimbang terhadap keselamatan ketua mereka Qutuz apabila ternampak dia terjun bersama ke medan perang. Namun Qutuz berkata kepada mereka; *"Adapun diriku, sesungguhnya ia sedang menuju syurga. Adapun Islam, ia mempunyai Tuhan yang tidak akan membiarkannya."* Mereka terus berjuang bermati-matian dalam mengejar janji Allah yang pasti.

Melihatkan keberanian dan semangat yang jihad ditunjukkan oleh Qutuz membuatkan salah seorang panglima tenteranya yang bernama Jamaludin Aquasy As-Syam semakin bersemangat untuk mara ke hadapan. Dengan beraninya dia merempuh pasukan musuh hingga berjaya masuk ke tengah-tengah mereka di mana Katabgha berada.

Jamaludin kemudian melibaskan pedang ke arah leher Katabgha sehingga kepala ketua pihak musuh itu berpisah dari badan. Melihat ketua mereka ditumpaskan, tentera Tartar merasa gerun dan melarikan diri melalui bahagian utara Ain Jalut. Mereka dikejar dan dikepung oleh tentera Islam.

Kepungan tentera Islam berjaya dipecahkan oleh tentera Tartar. Mereka kemudian melarikan diri sejauh 20 kilometer dan kemudiannya berhenti di Bisan. Tentera Tartar mengamuk habis-habisan di sini kerana mereka seperti sudah hilang punca dan tidak dapat meloloskan diri lagi. Melihatkan keadaan itu, Qutuz yang berada di tengah-tengah medan perang melaungkan kata-kata semangat kepada tentera Islam, *"Wa Islaamah. Wa Islaamah. Wa Islaamah. Ya Allah bantulah hambamu, Qutuz untuk menghancurkan Tartar."*

*Allahuakbar walhamdulillah!* Akhirnya kemenangan berpihak kepada tentera Islam. Qutuz hanya mengambil masa 10 bulan untuk menjatuhkan Tartar yang bermaharajalela di bumi Islam selama lebih 40 tahun. Inilah hasil daripada keimanan yang sebenar dan keyakinan yang tinggi terhadap pertolongan Allah.

## **Monggol Memeluk Islam**

Dalam perjalanan sejarah suatu bangsa, sering terjadi sesuatu yang pelik yang tidak pernah terbayangkan. Orang Mongol yang dahulunya merupakan musuh dan seteru kuat orang Islam akhirnya tunduk kepada kepercayaan penduduk negeri-negeri yang mereka jajah. Tidak lama setelah jatuhnya kota Baghdad itu telah banyak bangsawan dan pemimpin Mongol secara diam-diam memeluk Islam.

Pada awal abad ke-14, tidak sampai seratus tahun permusuhan Mongol dengan umat Islam, sebahagian besar orang Mongol yang berada di negeri-negeri kaum muslimin telah mula masuk ke dalam agama Islam dan kebudayaan masyarakatnya. Namun demikian, semua itu berjalan dalam proses yang berliku-liku. Sebelum berbondong-bondong memeluk Islam mereka telah menjadi penganut Syamanisme dan Budhisme yang fanatik.

Usaha misionaris Kristian untuk mengkristiankan mereka bahkan hampir berhasil lebih dua kali ganda lebih daripada Islam. Beberapa pemimpin Mongol bahkan telah menjalin kerjasama dan konspirasi dengan raja-raja Eropah dan pemimpin perang pasukan Salib mereka di tanah suci Al-Quds. Di antara bentuk-bentuk konspirasi itu ialah bersama-sama membantai dan menghancurkan negeri Islam.

Di antara pemimpin Mongol pertama yang memeluk Islam ialah Barkha Khan (1256-1266M), cucu Genghis Khan daripada puteranya Juchi Khan, yang menguasai Eropah timur dan tengah dan berkedudukan di Sarai, lembah Wolga. Dia dan para pengikutnya memeluk Islam pada tahun 1260M berkat dakwah para ulama yang berada di daerah tersebut.


Pada tahun itu juga Barkha mengirim ribuan tenteranya untuk membantu Baibras di Mesir yang sedang menghadapi serangan Hulagu Khan dan tentera Salib. Dalam pertempuran di Ain Jalut pasukan Hulagu dapat dihancurkan. Sejak itu agama Islam berkembang pesat di lembah Wolga dan orang-orang Monggol yang bermukim di wilayah itu menyebut diri sebagai orang Kozak (Kystchak).

Sultan Ghazan, antara keturunan Monggol yang Islam telah memerintahkan tenteranya menghancurkan kuil Budha, gereja dan sinagog di seluruh kota Tabriz setelah empat bulan memerintah. Di atasnya kemudian dibangun kembali masjid dan madrasah, kerana di tempat yang sama itulah dahulu Hulagu menghancurkan puluhan madrasah dan masjid yang megah.

Syariat Islam kemudian kembali ditegakkan dan undang-undang kerajaan diganti dengan undang-undang baru yang bernafas Islam. Pada bulan November 1297 amir-amir Monggol mulai memakai jubah dan serban ala Parsi, dan membuang pakaian adat nenek moyangnya.

\* \* \* \* \*

## Bab 8 – Era Uthmaniyyah



Terdapat tiga perkara penting yang dapat kita perhatikan dengan jelas pada rajah di atas. **Pertama** adalah, serangan Monggol pada 656H yang telah meruntuh dan memecahkan empayar Islam yang telah dibina dan berkuasa selama 600. Ini menyebabkan wilayah-wilayah Islam semakin terpecah kepada pentadbiran oleh Sultan-Sultan kecil. Kekuasaan Islam menurun dan kaum kuffar terus merampas wilayah kita sedikit demi sedikit.

**Kedua** adalah kebangkitan Eropah yang mula menyusun gerak kerja untuk meruntuhkan khilafah Islam dan seterusnya mengganti kaum Muslimin untuk memerintah dunia. Bermula dengan Perang Salib Pertama dan seterusnya kejatuhan Sepanyol 1492M, bangsa Eropah terus meratah dengan lahap segala runtunan empayar Islam dan mencorak peradaban baru.

Walaupun kita cemerlang seketika di Ain Jalut, saff kaum Muslimin kembali berantakan atas pelbagai faktor yang menyalahi sunnah kepimpinan yang diberikan Allah. Sungguh mahal pelajaran yang diberikan Allah untuk mentarbiyah generasi selepasnya supaya senantiasa sedar dan mengambil iktibar terhadap garis panduan Allah yang telah tetap. Seakan-akan serangan Monggol sahaja tidak cukup untuk sebagai peringatan.

Di saat genting ini, kita memerlukan kepimpinan yang soleh dan tentera Islam yang taat kepada Allah untuk membina semula kekuatan dan menyusun kembali saff kaum Muslimin yang benar-benar kukuh. Dan yang **ketiga**, ketika inilah terbentuknya Khilafah Uthmaniyyah selepas kejatuhan Abbasiyyah. Bangkit Bani Uthman untuk cuba menyelamatkan apa yang masih tersisa...

### » Tertubuhnya Khilafah Uthmaniyyah (عثمانيه) - (1299–1923)

Bangsa Turki bangkit membantu Sultan Saljuk untuk melawan kuasa kafir di sekitar mereka. Ketika itu Kerajaan Byzantin sedang lemah ekoran daripada krisis dalaman. Dua kubu kuat Byzantin iaitu Qarjahisar dan Eskisehir serta kawasan di sekitar Asia tengah Minor berjaya dikuasai tentera

Islam di bawah pimpinan seorang jeneral bernama Uthman. Dengan itu Uthman dilantik sebagai amir oleh Sultan Alauddin III, Sultan Saljuk.

Orang-orang Turki memang terkenal sejak awal mereka memeluk Islam pada era Umar Al-Khattab bergabung dengan barisan mujahidin untuk berjihad menegakkan kalimah Allah. Hinggakan ke zaman Khalifah Al-Mu'tasim, ramai dikalangan bangsa Turki yang menjadi tentera, penulis dan memegang jawatan-jawatan penting dalam pemerintahan dikeranakan disiplin dan ketaatan yang tinggi yang ada dalam darah bangsa ini.<sup>77</sup>

Uthman adalah seorang pejuang yang hebat berketurunan Turki. Dia terkenal dengan kemahiran berkuda dan sangat tangkas serta menguasai ilmu peperangan. Gelaran yang diberikan kepadanya adalah 'Al-Ghazi', bermaksud pejuang yang mewakafkan nyawanya untuk berjihad *Fi Sabilillah*. Uthman memimpin pasukan tenteranya sehingga berjaya membuka kawasan Byzantin hingga ke Laut Hitam. Kekuatan tentera Uthman menyebabkan tentera Rom terpaksa berundur hingga ke barat Asia Minor.

Kemaraan tentera Uthman tidak terhenti setakat itu. Mereka terus mara hingga membuka Bandar Bursa di pantai Laut Marmara. Kebanyakan penduduk yang sebelum ini dibawah pemerintahan Rom yang tinggal di sekitar kawasan itu memeluk Islam dan berhijrah ke wilayah takluk Islam. Melihat keadilan yang tertonjol pada tentera Uthman, mereka tanpa ragu memberikan sokongan padu yang akhirnya mengukuhkan pemerintahan Islam dan turut bergabung berjuang membela Islam.

Uthman akhirnya meninggal dunia pada tahun 1326M dan diganti pula oleh anaknya, Urkhan (1326-1362M). Urkhan yang menyambung kepimpinan ayahnya, berjaya mengukuhkan lagi pemerintahan dan memperkemaskan lagi sistem pentadbiran Bani Uthman. Bursa dipilih sebagai pusat pemerintahan. Urkhan terus memimpin kaum Muslimin untuk membuka wilayah-wilayah lain seperti Iznik (1331M), Qurasi (1335M), dan Izmir (1337M).

Sejak itu bermulalah pemerintahan Bani Uthman yang menjadi penyambung selepas jatuhnya kerajaan Bani Abbas di Baghdad. Kekuatan Islam kembali dengan kejayaan kita membuka Konstantinople dan wilayah Eropah Timur. Satu petanda baik Islam kembali untuk menungguli dunia.

\* \* \* \* \*

## » Uthmaniyyah mencuba ...

### **Sultan Muhammad Al-Fatih (الفتح) 1432-1481 M**

*“Konstantinople akan ditakluki oleh tentera Islam. Rajanya (yang menakluk) adalah sebaik-baik raja dan tenteranya (yang menakluk) adalah sebaik-baik tentera.”*  
(HR Ahmad)

Sejak hadis ini disebut Rasulullah saw. 850 tahun dahulu, semua umat Islam yang berjiwa besar dan bersemangat tinggi cuba sedaya upaya untuk membuka kota ini. Tidak ketinggalan Sultan Murad II yang ketika itu

<sup>77</sup> Dr. Ali Muhammad Ash-Shalabi, *Bangkit & Ruhtuhnya Khilafah Uthmaniyyah*, cet. Pustaka Kautsar, ms. 15

memimpin kerajaan Islam di Erdine. Beberapa siri serangan dilancarkan untuk membuka kota tersebut, namun tetap tidak berjaya.

Sultan Murad II adalah antara pemimpin yang ikhlas berjihad hingga ke hari tuanya. Dia memimpin sendiri angkatan tentera dan sangat mahir dalam strategi peperangan. Apabila dia mangkat, ini merupakan khabar gembira bagi pihak musuh. Ditambah pula dengan perlantikan anaknya, Muhammad yang ketika itu baru berusia 19 tahun. Tanpa mereka sedari, pemuda inilah yang disebutkan dalam hadis Nabi saw. di atas.

Sultan Muhammad Al-Fatih telah dipersiapkan sejak daripada kecil lagi untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat. Dia ditarbiyah oleh beberapa orang guru antaranya Syeikh Shamsuddin Al-Wali, untuk seorang yang wara', membela Islam dan merindui sabda Rasulullah saw. tadi. Dalam masa yang sama, dia menguasai pelbagai bidang lain dan fasih bertutur dalam 7 bahasa iaitu Bahasa Arab, Latin, Greek, Serbia, Turki, Parsi dan Hebrew.

Bukan setakat itu, kemahiran Al-Fatih juga dipersiapkan dengan ilmu pertempuran dan segala teknik peperangan oleh panglima-panglima tentera yang hebat. Ayahnya sendiri menjadi teladan terbaik di medan jihad mahupun dalam pemerintahan. Lahir sebuah kepribadian yang mantap yang menggabungkan antara kekuatan dan keadilan pada diri Al-Fatih.

Al-Fatih pernah diberi kepercayaan untuk menggantikan ayahnya Sultan Murad semasa Al-Fatih berusia 12 tahun. Ketika itu, Sultan Murad merasakan sudah sampai masanya untuk memberi peluang kepada dirinya berehat dan menghabiskan sisa hidupnya untuk beribadat di Pulau Magnesia setelah melihat pemerintahannya berada dalam keadaan stabil.

Berita itu telah sampai kepada Kardinal Sizarini dan pendukungnya yang benci kepada kaum Muslimin. Mereka memutuskan untuk menggagalkan kesepatan damai dengan pemerintahan Uthmani dan mendapat persetujuan Paus Ogen IV. Tanpa berlengah, dia mengumpulkan kekuatan tentera bersama sekutu-sekutunya untuk menyerang wilayah Islam. Bagi mereka, ini adalah peluang keemasan untuk menghancurkan Islam semasa ketiadaan Sultan Murad. Namun mereka tidak menyedari bahwa kecintaan kepada jihad tidak pernah lekang daripada jiwa Sultan Murad. Beliau kembali dan memimpin 40,000 pasukan Uthmani dari Asia untuk berjihad menentang kaum Salib. Tepat tanggal 17 Oktober 1448M/852H di Pentallaria, Hungary, Raja Ladislas iaitu Raja Hungary ditebas kepalanya dan pasukan Salib terus lumpuh tewas kepada tentera-tentera Allah.

## **Membebaskan Konstantinople**

Semangat jihad yang membara dalam diri Al-Fatih tidak kurang hebatnya seperti Salahuddin yang menentang Richard the Lion Heart dan Al-Qutuz yang melawan Tartar. Lawannya adalah pemerintah zalim yang berkubu di dalam kubu kebal kota Konstantinopel yang merupakan salah satu kota terpenting kerajaan Byzantium dan Eropah.

Raja Konstantine sememangnya terkenal dengan kezaliman menindas rakyat dengan mengenakan cukai yang terlalu tinggi. Penindasan yang

melampau menyebabkan rakyatnya hidup melarat kekurangan makanan sedangkan raja dan para bangsawan hidup senang lenang. Raja Konstantine juga antara figur utama yang terlibat dalam merancang siri serangan Salib.

Persiapan untuk menawan Konstantinople sangat rapi, baik sisi maknawi mahupun ruhi para tentera dan masyarakat yang mendokong. Di tengah pasukan Muslimin, berkumpul para ulama' untuk menguatkan tekad para mujahidin dan membersihkan mereka daripada penyakit wahan. Bukan calang-calang orang yang boleh menyertai misi mujahidin ini. Mereka ini dikumpulkan oleh pasukan khas yang bertebaran disuluruh pelosok Turki. Hanya mereka yang rajin beribadah, bijak dan kuat daripada segi fizikal dipilih untuk menjadi tentera. Mereka terus ditarbiyah dengan aqidah yang sejahtera, ibadah yang sohih dan latihan peperangan. Lantas lahir pasukan tentera Allah, yang impian mereka adalah syahid atau melihat Konstantinople dibebaskan. Mereka bukan sekadar tidak pernah meninggalkan solat fardu, malah separuh daripada mereka tidak pernah meninggalkan solat tahajjud.


Al-Fatih juga tidak ketinggalan dalam memberi penekanan kepada pembaikan (islah) terhadap segenap lapisan rakyat. Memang sudah menjadi sunnatullah kepimpinan dunia, yang lebih izzah, soleh dan dinamik akan menguasai yang rosak. Maka tidak memadai dengan usaha islah terhadap sekelompok front kaum Muslimin tetapi mengabaikan kelompok yang lain walaupun berbeza tahap keimanan mereka.

Akhirnya, tibalah hari yang dinantikan. 6 April 1453 M merupakan hari di mana serangan ke atas kota Konstantinopel direncanakan. Surat dikirimkan kepada Raja Konstantine dengan memberi pilihan untuk masuk Islam atau menyerahkan kota secara damai atau perang. Musuh memilih untuk berperang dengan bertahan di dalam kota.

Maka majulah Al-Fatih, gurunya Syaikh Syamsudin, Halil Pasha, Zaghanos Pasha bersama 250,000 tentera untuk menggempur kota tersebut. Tentera Al-Fatih turut dilengkapi meriam buatan Urban yang dapat menembak sejauh 1 batu. Berat sebuah meriam itu pula adalah 300 kg. Ia merupakan senjata yang paling canggih pada ketika itu.

### **Kesukaran yang Dihadapi**

Kota itu mempunyai benteng setinggi 10 meter. Benteng itu pula dilindungi oleh parit yang sangat dalam dari sebelah



luar. Tentera darat Islam yang menyerang dari sebelah barat perlu merobohkan dua lapisan benteng ini. Setiap kali berlaku kerosakan pada benteng, tentera Konstantine cepat-cepat membaikinya.

Tentera laut Islam yang menggempur dari arah selatan pula harus bertempur dengan pelaut Genoa di bawah pimpinan Giustaniani. Dari arah timur pula, tentera laut kita menghadapi kesukaran untuk memasuki selat Golden Horn kerana selat itu dilindungi dengan rantai besi yang sangat besar. Setiap kali kapal perang cuba memasuki selat itu, rantai ditegangkan dan menyebabkan kerosakan pada kapal hingga akhirnya karam. Malah, kapal perang yang paling kecil juga tidak dapat melepasi selat itu.

Tentera Muslimin mencuba pula dengan cara menggali terowong, namun usaha itu gagal. Peperangan telah berlangsung selama beberapa minggu, namun tidak kelihatan ruang bagi kita untuk beroleh kemenangan. Ini sedikit pun tidak melemahkan semangat Al-Fatih dan tenteranya. Mereka masih berharap agar Allah memenangkan tentera-Nya di atas kaum kafir.

### **Kapal Belayar di Lautan Bukit Bukau**

Melihat keadaan yang tidak berubah, Al-Fatih merasakan kepada perlunya strategi yang baru. Dengan ilham yang diberikan Allah, Al-Fatih mengarahkan supaya kapal-kapal perang yang sebanyak 70 buah itu di angkut melalui jalan darat dan dilabuhkan di Golden Horn.

Setiap kawasan darat pada waktu itu diawasi oleh pos-pos tentera musuh. Cuma ada satu kawasan darat yang selamat daripada pantauan tentera musuh iaitu kawasan bukit yang belum pernah dibuat jalan atau laluan. Al-Fatih memilih untuk memindahkan kapal-kapal perang melalui bukit ini.

Dengan semangat dan kekuatan yang luar biasa, tentera Islam berjaya mengalihkan kapal-kapal perang dalam masa satu malam, dari pantai Besiktas ke Galata. Mereka melalui bukit yang begitu tinggi dengan jarak yang dilalui adalah melebihi 3 batu. Kayu yang dilumurkan dengan lemak haiwan dijadikan sebagai landasan bagi melicinkan pergerakan. Esoknya, pada 22 April semua kapal berjaya dilabuhkan di perairan Golden Horn.

Alangkah terkejutnya penduduk kota Konstantinopel apabila mereka dibangunkan dengan laungan takbir yang sangat kuat, seolah-olah tentera Islam berada sangat hampir dengan mereka. Mereka seperti bermimpi apabila melihat puluhan kapal perang tentera Islam telah memenuhi perairan Golden Horn yang selama ini kebal.

Ketakutan mula melanda penduduk kota itu, sehinggakan mereka curiga dengan bunyi tapak kaki sendiri. Mereka merasakan tentera Islam boleh muncul bila-bila masa dari sahaja dari bawah tanah berikutan pembinaan terowong oleh tentera Islam sebelum ini.

Dengan kedudukan tentera yang semakin mantap, Al-Fatih mengarahkan serangan secara besar-besaran.



## Usaha Perdamaian

Melihat kepada keadaan yang memihak tentera Islam, Al-Fatih sekali lagi menghantar surat kepada pemimpin kota Konstantinopel untuk menyerah secara aman. Namun, Raja Konstantine enggan untuk menyerah. Dia lebih rela mati daripada menyerah begitu sahaja. Jawapan itu membawa kepada serangan yang berlipat ganda daripada tentera Muslimin.

Dan akhirnya, kota yang dijanjikan oleh Rasulullah saw. 850 tahun dahulu dibuka, oleh pasukan yang sebaik-baik pasukan dan panglima yang sebaik-baik panglima. Disebutkan, Al-Fatih adalah seorang yang warak, menjaga solat fardu, tahajud dan rawatib sejak baligh. Tentera-tentera Al-Fatih pula merupakan manusia pilihan yang tekun mengerjakan solat fardu sejak baligh. Dan separuh dari mereka rajin bersolat tahajud sejak baligh.

## Turki Uthmaniyyah terus Mencipta Sejarah!

Setelah dibuka oleh tentera Islam, nama Konstantinopel diubah menjadi Islambul yang bererti "*Kota Islam*". Al-Fatih memindahkan pusat pemerintahan ke sini dan jadilah kota ini sebagai pusat peradaban Islam dan dunia selama beberapa abad. Kota ini juga menjadi pusat pembebasan Eropah yang sebelum ini terhenti selepas kematian Abdurrahman Al-Ghafiqi.

Perluasan wilayah diteruskan sehingga kita dapat membuka Murrah, Serbia, Bosnia, Tharabzun, Cremia, Jerman dan beberapa bahagian wilayah Itali. Al-Fatih tidak sempat untuk membebaskan Rhodesia apabila dia mangkat pada 3 Mei 1481.

Semasa pemerintahan Al-Fatih, perluasan kuasa bukanlah satu-satunya agenda yang dijayakan. Al-Fatih juga hebat dalam mentadbir negara sehingga menjadikan negara di bawahnya menjadi sangat maju. Dia bahkan melakukan banyak penambahbaikan dalam bidang ekonomi, pendidikan dan bidang-bidang lain. Antaranya, bidang seni pembinaan yang dapat kita lihat kesannya sehingga kini.

Usaha Al-Fatih disambung oleh anaknya Yazid II. Yazid berjaya memimpin tentera laut Uthmani dan mencipta kejayaan yang pertama, melawan armada Bunduqiyah (Itali). Selepas itu, Yazid diganti pula oleh anaknya Salim. Semasa era Salim, dia berjaya membuka empayar Uthmani yang paling luas dan mendapatkan kemenangan serta penaklukan paling banyak. Dia menyerang Sultan Safawi yang telah berusaha menyebarkan mazhab Syiah, dan mengembangkan kekuasaan di Parsi hingga ke Irak.

Sultan Salim I kemudian menduduki Diyarbakar dan Kurdistan, sebelum seterusnya memperoleh kemenangannya di Maraj Dabiq dan Raidaniyah. Pada waktu itu, jawatan Khalifah Islam secara syar'i telah berpindah ke tangannya. Ini kerana Khalifah al-Mutawakkil Alallah, Khalifah Abbasiyyah terakhir di Mesir, menyerahkan jawatan khalifah kepadanya.

Sultan Salim I pun rasmi menjadi khalifah kaum Muslim di seluruh dunia sejak tahun 923 H/1517M. Syarif Mekah juga telah menyerahkan kunci-kunci

dua tanah suci, Mekah dan Madinah, kepadanya. Dia kemudian meninggal setelah 8 tahun memimpin umat.

Seterusnya dia digantikan oleh Sultan Sulaiman Al-Qanuni (926-974 H/1520-1566M), digelar Sulaiman the Magnificent. Era kepemimpinannya dianggap sebagai era Uthmani yang paling berjaya dalam kebangkitan bidang keilmuan dan sains. Khilafah Islam ketika ini kembali meninggalkan jauh negara-negara Eropah, di bidang ketenteraan, sains, dan politik. Sulaiman juga telah berhasil menawan Belgrade dan menyambung hasrat Muhammad Al-Fatih untuk membuka Rodesia. Dia juga mencapai kemenangan ke atas Hungary dalam pertempuran Mouhaczk, serta berhasil menawan Armenia dan Irak, hingga armada laut Uthmaniyyah disegani di seluruh perairan; dari Laut Putih, Laut Merah, hingga ke Lautan Hindi.

Beberapa negara Eropah seperti Austria tunduk membayar ufti tahunan kepada kerajaan Uthmani, tidak kurang yang diberi pinjaman kewangan dan kebenaran untuk berbisnes di Laut Hitam seperti Perancis.

Islam kembali bangkit menguasai kepimpinan dunia sejak pembukaan kota Konstantinopel pada tahun 1453 sehinggalah kematian Sulaiman II (Sulaiman al-Qanuni).

### **Kisah Meriam Lada Sicupak**

Telah dicatatkan bahawa Sultan Aceh iaitu Sultan Alauddin telah menghantarkan utusan untuk mengadap Sultan Sulaiman. Rombongan Aceh pergi ke Islambul dengan membawa barang dagangan yang berharga pada zaman itu iaitu lada sebagai persembahan kepada Khalifah dan juga sebagai sumber perbelanjaan mereka sementara berada di sana. Tujuan rombongan ini adalah untuk meminta bantuan berikutan ancaman Portugis di Nusantara.

Bagaimanapun, mereka tidak dapat bertemu dengan Sultan Sulaiman kerana pada waktu itu dia sedang memimpin tenteranya berjihad di Hungary. Kemudian, sampai pula berita kemangkatan Sultan Sulaiman (1566M) dan berlakunya perlantikan Khalifah baru. Rombongan ini masih juga tidak berkesempatan untuk menemui Khalifah bagi menyampaikan hasrat mereka. Bekalan yang mereka bawa juga telah hampir habis akibat terlalu lama mereka berada di Turki.

Akhirnya, utusan Aceh berjaya juga menemui Khalifah apabila Khalifah melawat pasar, tempat mereka berniaga sementara menanti peluang untuk bertemu dengan Khalifah. Mereka mempersembahkan baki secupak lada yang tinggal sebagai hadiah kepada Khalifah dan menceritakan tentang ancaman Portugis di Nusantara.

Mendengar aduan rakyatnya itu, Khalifah mengarahkan armada tenteranya bersama dengan meriam Turki, juga tukang yang mahir membuat senjata api dan meriam untuk bersama utusan Aceh itu pulang ke Nusantara. Meriam Turki yang dibawa ke Aceh inilah yang kemudiannya digelar, Meriam Lada Sicupak.

Berikutan kejayaan mendapat bantuan daripada Turki, Sultan Alauddin telah melancarkan dua serangan untuk membebaskan kembali Melaka yang

telah jatuh ke tangan Portugis. Serangan yang pertama adalah pada 1568 M dan yang kedua pula pada tahun 1570 M. Kerana bantuan yang agak terlewat, Portugis sudah menguasai Melaka dan bermula era kolonial Eropah.

### **Uthmaniyyah bermula dengan Jihad**

Bani Uthman berusaha dengan gigih dan cekat untuk menyatukan semula semua wilayah Islam dan menyusun kembali kekuatan kaum Muslimin untuk memerangi kezaliman Eropah, bid'ah dan kesesatan yang wujud di wilayah Islam. Hakikat kepada kejayaan itu bukanlah datang dengan hanya sekadar laungan yang berkobar dan ceramah yang penuh semangat, tetapi bermula sejak awal Khilafah Turki Uthmaniyyah diasaskan, sebelum Uthman lagi.

An-Nadwi menyebutkan bahwa Bani Uthman memiliki kelebihan yang tidak dimiliki oleh bangsa-bangsa lain saat itu. Bermula sebagai bangsa yang nomad dengan pola hidup sederhana. Mereka memiliki moral yang tidak terkotori sehingga mudah untuk melangkah berjuang.

Sedari awal, Uthman mempersiapkan binaan manusia yang cintakan jihad dan syahid di jalan Allah. Ini jelas terbukti dengan wasiat yang ditinggalkan Uthman kepada pewarisnya.

*“Wahai anakku, jangan sekali-kali syaitan menggoda usaha kamu dan harta kamu. Jangan kamu menjauhi golongan agama. Kita bukan dari golongan yang melancarkan perang kerana nafsu untuk memerintah. Sesungguhnya kita dengan Islam hidup dan demi Islam kita mati. Wahai anakku, sesungguhnya engkau tahu bahawa matlamat kita adalah untuk memburu keredhaan Allah. Dengan jihadlah, maka cahaya agama akan menerangi pelusuk alam...”*

Bani Uthman setia dengan nasihat ini. Laungan nasihat itu terus bergema untuk beberapa dekad setelah silih berganti kepimpinan Bani Uthman. Muhammad al-Fatih antara yang membuktikan nasihat Uthman, bahawa hanya dengan keimanan dan keikhlasan berjihad di jalan Allah kita akan menang. Dia akhirnya berjaya membenarkan janji Nabi saw., membuka empayar Rom Timur yang kuat. Konstantinopel akhirnya jatuh ke tangan Islam.

Sesungguhnya Bani Uthman sangat komited untuk menolong deen Allah dengan segala kemampuan yang mereka miliki. Semangat itu datang secara integral di dalam jiwa Bani Uthman. Bermula daripada para Sultan yang memberikan perhatian yang sangat besar kepada tarbiyah masyarakat dan mereka sendiri cintakan jihad. Pernah Al-Fatih berkata kepada seorang wanita, *“Wahai ibu, sesungguhnya Allah telah meletakkan pedang di tangan saya untuk berjihad di jalan-Nya. Maka jika saya tidak mampu untuk bersabar dalam menghadapi kesulitan-kesulitan ini, dan tidak saya lakukan kewajipanku dengan pedang ini, maka sangat tidak pantas bagiku untuk mendapatkann gelar Al-Ghazi yang saya sandang sekarang. Lalu bagaimanakah saya akan menemui Allah pada hari kiamat nanti?”*<sup>78</sup>

---

<sup>78</sup> Dr. Salim Al-Rasyidi, *Muhammad Al-Fatih*, cet Al-Irsyad Jeddah, bil. 3, 1410H/1989M

Para ulama pula berdiri di atas manhaj rabbani untuk menanam benih-benih rabbani kepada bangsa Turki. Maka lahirlah satu kelompok umat yang berpegang teguh kepada hukum Allah. Inilah kaedah kebangkitan yang alami.

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (Wahai umat Muhammad) bahawa ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang Kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. (An-Nur: 55)

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ

Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah Allah yang tetap; oleh itu mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul). (Ali-Imran: 137)

Dan sesungguhnya Bani Uthman menepati sunnah Allah dan Allah menepati janjiNya kepada mereka dengan kemuliaan dan kekuasaan.

Inilah kebenaran janji Nabi saw. yang sentiasa memberikan kata optimis kepada para mujahid yang berjihad di jalan Allah. Bahawasanya Islam akan menang! "Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menghimpun (mengumpulkan dan menyatukan) bumi ini untukku. Oleh kerana itu, aku dapat menyaksikan belahan bumi Barat dan Timur. Sungguh kekuasaan umatku akan sampai ke daerah yang dikumpulkan (diperlihatkan) kepadaku itu." (HR Muslim)

\* \* \* \* \*

## » Semuanya Gagal Tanpa Jihad

Abdullah bin 'Umar radhiallahu 'anhuma berkata: "Aku mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعِينَةِ وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَورِ طَرَبْتُمْ وَيُخْرَجُ الْجِهَادُ، سَلَّطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذُلًا لَا يَنْزِعُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَىٰ دِينِكُمْ

"Apabila kalian telah berjual beli dengan cara 'inah, dan kalian telah disibukkan memegang ekor-ekor sapi, dan telah senang dengan bercucuk tanam dan kalian telah meninggalkan jihad, nescaya Allah akan timpakan kehinaan kepada kalian, tidak

*akan dicabut kehinaan tersebut hingga kalian kembali kepada agama kalian.”* (HR Abu Dawud dan Ahmad)<sup>79</sup>

Setiap perbuatan haram yang dilakukan oleh seorang Muslim, lalu dia menganggapnya sebagai amalan yang halal dengan berbagai jalan takwil, maka akibatnya adalah kehinaan! Dan apabila kita tenggelam dalam pertanian, penternakan dan usaha lainnya, yakni mencari harta dunia dan melupakan kewajiban jihad di jalan Allah, maka akibatnya juga adalah kehinaan!

Inilah parameter kehinaan yang diajarkan Rasulullah saw. kepada para sahabat. Semenjak zaman Rasulullah, parameter ini menjadi pegangan kuat para sahabat atas kesedaran mereka yang Islam telah mengeluarkan mereka daripada kehinaan jahiliyah kepada keluasan rahmat dan kasih sayang.

Ketika Amru al-Ash gagal menawan Mesir setelah berbulan di sana, lalu Khalifah Umar al-Khattab mengarahkan Amru untuk membersihkan impian dunia di hati kaum Muslimin dan memperteguhkan hubungan mereka dengan Allah. Justeru, mereka terus berjaya meraih kejayaan.

Lihatlah binaan hasil tarbiyah Rasulullah saw., walaupun 2/3 dunia telah diperintah umat Islam, mereka masih kekal dengan sifat tawadhu' dan zuhud kepada dunia. Ketika Umar Al-Khattab ingin mengambil kunci Baitul Maqdis, beliau datang dengan pakaiannya yang lusuh. Lalu Abu Ubaidah bertanya kepada Umar, kenapa memakai pakaian yang lusuh sedangkan kita bakal memegang kunci dunia?

Lalu Umar berpesan, *“Kemuliaan itu tidak terletak pada pakaian dan tunggangan, namun terletak pada jiwa seseorang.”*

Inilah mujahidin Islam, yang kualiti jiwanya merdeka daripada perhambaan kepada dunia. Mereka tidak berkompromi sedikitpun dengan jahiliyah, tanpa sebarang takwilan untuk menghalalkan sebarang yang haram bahkan sekelumit cinta kepada dunia dan melupakan jihad pun dianggap sebagai dosa!

Maka tidak hairan apabila mendengar Anas bin Malik ra. mengatakan, *“Sesungguhnya kalian benar-benar melakukan perbuatan-perbuatan yang dalam pandangan kalian sangat mudah dan ringan -lebih ringan daripada rambut-, padahal bagi kami yang hidup di masa Nabi saw., kami menganggapnya termasuk perkara yang mencelakakan.”*


Benarlah kata-kata Rasulullah saw., kehinaan itu akan menimpa kaum Muslimin ketika berhala dunia merebak ke dalam hati mereka dan jihad dilupakan. Tamadun material yang kita diagungkan di era Abbasiyyah akhirnya jatuh sekelip mata. Ianya berakhir dengan kehinaan dan kegagalan kerana dakwah dan jihad bukan lagi keutamaan kaum Muslimin, menyebabkan maksiat bertebaran hinggakan yang haram dipandang sebagai halal.

\* \* \* \* \*

---

<sup>79</sup> Abu Dawud no. 3003 dalam kitab Al-Buyu', Bab An-Nahyu 'anil 'Inah dan Al-Imam Ahmad (2/28).





## » Bibit-bibit Kejatuhan Andalus<sup>80</sup>

Sepanyol yang dibuka oleh Tariq dan Abdurrahman Al-Ghafiqi dengan spirit jihad, mengalami pasang-surutnya.

Sewaktu era pemerintahan Abdurrahman al-Dakhil, Abdurrahman al-Wasith dan Abdurrahman al-Nashir (755-912M), Muslimin di Sepanyol terus mencipta sejarah yang cemerlang.

Pemerintah yang kuat dan berwibawa berhasil mempersatukan kekuatan umat Islam, dan memperkasakan pemerintahan Islam di setiap wilayah. Berkat kesatuan umat, pelbagai kejayaan ditempa dengan pembangunan kota yang unik yang tidak pernah muncul dalam sejarah Eropah dan juga perkembangan ilmu yang pesat. Namun segala kehebatan ini jatuh ke tangan kaum Kristian setelah kekalahan teruk kaum Muslimin ketangan mereka.

### **Tenggelam dalam syahwat**

Lemahnya pemerintahan daulah Bani Umayyah juga disebabkan oleh sikap hidup mewah di lingkungan istana sehingga anak-anak khalifah tidak sanggup memikul beban berat kenegaraan apabila mereka mewarisi kekuasaan. Kaum kuffar pula tidak henti-henti merancang bagi menjatuhkan umat Islam.

Mereka senyap-senyap menghantar arak dan rokok secara percuma ke wilayah Sepanyol. Muzik diperdengarkan untuk memujuk kaum muda agar lebih suka menyanyi dan menari daripada membaca al-Quran. Mereka melaga-lagakan antara ulama dan menyokong ulama jahat untuk meniupkan perpecahan di kalangan umat Islam Sepanyol. Akibat daripada aqidah yang lemah, kaum Muslimin Sepanyol berada dalam bencana yang sangat dahsyat.

### **Masalah Dalaman Bani Umayyah di Andalus**

Kehancuran pemerintahan Islam di Sepanyol bermula pada zaman Hisyam II (976-1008M). Dia diangkat menjadi pemerintah seawal usia 11 tahun. Pada waktu ini, para menteri yang dibayangi ketamakan dunia mengambil kesempatan untuk merebut kuasa. Akhirnya, keadaan ini membawa kepada perpecahan Sepanyol kepada wilayah-wilayah kecil. Mereka bergaduh sesama sendiri sehingga terbentuk lebih 20 puak yang mempunyai negeri sendiri.

Kemudian pada tahun 1013 hingga 1086M, Sepanyol terpecah mejadi lebih 30 negara kecil di bawah pemerintahan Al-Mulukuht Thawaif (Raja-raja Kota). Ini adalah peluang kepada pihak musuh untuk merebut dan menjatuhkan Andalus daripada penguasaan umat Islam. Ditambah dengan wujud dikalangan umat Islam sendiri yang menjual agama dan negara demi kepentingan peribadi.

Sebagai contoh, tindakan Abu Zaid, gabenor daerah Balansiah ketika rakyatnya memberontak. Tanpa ragu, dia membuat perjanjian dengan Raja Kristian Choinawi supaya membantunya memadamkan pemberontakan itu. Sebagai habuan, Abu Zaid akan memberikan beberapa kawasan kepada

---

<sup>80</sup> Tajuk ini kami masukkan ke dalam Bab Era Uthmaniyyah kerana ia berlangsung di dalam era ini

Choinawi dan membayar ‘jizyah’ tahunan kepadanya. Jizyah dalam Islam mesti dibayar oleh bukan Islam kepada pemerintah Islam, tetapi apa yang dilakukan Abu Zaid yang beragama Islam adalah terbalik apabila berjanji membayar jizyah kepada Choinawi yang beragama Kristian.

Amat memalukan apabila raja-raja yang bertikai pula sanggup meminta pertolongan daripada raja-raja Kristian. Akhirnya puak Kristian mengambil kesempatan atas kelemahan ini untuk menyerang umat Islam. Pada tahun 1212M, ketika era pemerintahan Muwahhidun (1146-1235M), tentera Kristian memperoleh kemenangan besar di Las Navas de Tolesa hinggalah umat Islam tidak mampu bertahan daripada serangan-serangan Kristian yang semakin besar. Tahun 1238M Kordova jatuh ke tangan raja Kristian dan Seville jatuh pada tahun 1248M. Akhirnya, seluruh Sepanyol kecuali Granada<sup>81</sup> telah terlepas dari kekuatan Islam.

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

*“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan redha kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka” (Al-Baqarah:120)*

\* \* \* \* \*

## » Akhirnya Andalus Jatuh Semuanya

Selepas Seville, satu-satunya tempat yang tinggal adalah Granada. Abu Abdullah tidak senang dengan perlantikan pengganti raja Granada oleh ayahnya kerana bukan dia yang terpilih. Lalu dia meminta pertolongan daripada Ferdinand dan Isabella bagi menjatuhkan pemerintah baru. Kedua penguasa Kristian ini berjaya menjatuhkan pemerintah Granada yang sah, kemudian naiklah Abu Abdullah sebagai pemerintah.

Namun, Ferdinand dan Isabella tidak berhenti setakat itu. Mereka terus mengambil kesempatan daripada kelemahan umat Islam untuk terus menghancurkan kekuasaan Islam di bumi Sepanyol. Maka terjadilah perjanjian penyerahan Granada antara Abu Abdullah, pemerintah daulah Islam Granada kepada Raja Kristian Sepanyol, Ferdinand dan Isabella pada 21 Muharram 897 H/1492 M. Perjanjian itu mengandungi 67 perkara termasuk jaminan keselamatan orang Islam di Sepanyol yang pada akhirnya tidak pernah direalisasikan.

*“Menangislah anakku bak kaum wanita menangis ke atas kerajaanmu yang hilang kerana kamu tidak dapat memeliharanya seperti kaum lelaki!”* ucap bonda raja terakhir daulah Islam Granada.

Berlakulah kejadian yang paling memilukan dalam sejarah Islam pada 892H. Pada masa itu ribuan umat Islam dijanjikan boleh menyelamatkan diri dengan berlayar ke Afrika telah dibunuh beramai-ramai secara kejam dan tidak berperikemanusiaan oleh tentera Nasara.

Sebelum pembunuhan, orang-orang Islam bersembunyi di dalam rumah. Kemudian tentera Kristian membuat pengumuman bahawa orang Muslim

<sup>81</sup> Nama dalam bahasa arabnya adalah Qarnatah



Granada boleh keluar dari rumah mereka dengan aman bagi membolehkan mereka menaiki kapal untuk berlayar keluar dari Sepanyol dengan membawa barang keperluan masing-masing. Tentera Kristian turut menjanjikan keselamatan orang Islam yang ingin meninggalkan Sepanyol akan terjamin. Ramai umat Islam yang meragui tawaran tentera Kristian itu. Bagaimanapun, selepas melihat sendiri kapal yang akan membawa mereka berlabuh di pelabuhan, mereka kemudian mengambil keputusan menerima tawaran itu.

Keesokan harinya, ribuan penduduk Muslim Granada keluar beramai-ramai membawa seluruh barang keperluan mereka pergi ke pelabuhan itu. Namun, masih ada sebilangan umat Islam yang tidak mempercayai tawaran tentera Salib itu dan mengambil keputusan untuk terus bertahan dan bersembunyi di rumah masing-masing. Selepas ribuan umat Islam Sepanyol berkumpul di pelabuhan, dengan pantas tentera Kristian mengeledah rumah yang ditinggalkan mereka dan membakarnya.

Ribuan umat Islam yang berada di pelabuhan pula tergamam apabila tentera Kristian membakar kapal yang dikatakan akan mengangkut mereka keluar dari Sepanyol. Kapal itu kemudian tenggelam dan umat Islam tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka tidak bersenjata. Kebanyakan mereka adalah wanita dan kanak-kanak, sedangkan tentera Kristian mengepung mereka dengan pedang terhunus.

Selepas menerima arahan pemimpin, ribuan tentera Kristian kemudian membunuh umat Islam Sepanyol tanpa perasaan belas kasihan. Jerit tangis dan takbir terdengar tetapi dengan buas tentera Kristian terus membunuh warga awam yang sama sekali tidak berdaya. Seluruh Muslim Sepanyol di pelabuhan itu habis dibunuh dengan kejam. Darah bergengang di mana-mana. Laut yang biru berubah menjadi merah kehitam-hitaman.

Itulah kisah menyedihkan dalam sejarah umat Islam yang tidak boleh dilupakan. Banyak cerita yang menyayat hati seperti ini dibukukan seperti al-Ihatah fi Akhbar Gharnatah (Berita Menyeluruh Mengenai Granada) dan al-Muqtabas min Akhbar al-Andalus (Sekelumit Sejarah Andalus), malah seorang ulama terkenal seperti Ibn Hazm menceritakannya dalam kitab mashurnya al-Fisal fi al-Milal wa al-Nihal.

Selepas 300 tahun Sepanyol diperintah kaum Nasara, segala bukti sejarah dan simbol Islam cuba dihapuskan. Saki baki umat Islam yang ada hidup dalam keadaan yang sangat tersepit. Rumah mereka sering dimasuki kaum Nasara untuk memantau hinggakan tidak ada kesan-kesan basah mereka berwuduk untuk solat. Selang beberapa generasi, hilanglah Islam ditengah-tengah badai jahiliyah.

*"Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, maka pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan ayat-ayat Kami itu, maka kami siksa mereka disebabkan perbuatannya."* (Al-A'raaf: 96)

## » Kemerosotan Turki Uthmaniyyah

Kemerosotan Turki Uthmaniyyah pula bermula selepas era pemerintahan Sultan Sulaiman Al-Qanuni. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan. Antaranya adalah faktor kelemahan iman dan kurangnya kefahaman Islam di kalangan beberapa Khalifah selepas itu. Kebanyakan khalifah yang dilantik tidak memiliki kelayakan yang seharusnya. Mereka hanyut dalam kemewahan material dan jahiliyah yang merosakkan.

Kekalahan Turki dalam Perang Lepanto pada 1571M telah memadamkan mitos di benua Eropah bahwa pasukan Uthmani tidak akan pernah terkalahkan dan tiada tandingannya. Rasa takut yang menyeliputi para penguasa di Itali, Sepanyol, Austria, Hungary, Portugal dan Perancis semakin hilang dengan sorak gembira atas kekalahan tentera Turki. Pada 1573M, mereka membinasakan Tunisia tetapi dikuasai semula setelah Sultan Salim II memerintahkan panglima Qalij Ali dan Sinan Pasya bersama pasukan mereka membebaskannya pada tahun 1574M. Namun bangsa Eropah tidak pernah diam, mereka terus berusaha untuk memadamkan cahaya Allah.


Dalam masa yang sama, pemerintahan Khalifah Uthmani semakin melemah dengan pelbagai permasalahan internal maupun eksternal. Lebih parah lagi apabila kemaruk dunia mula menghiasi kehidupan pasukan tentera elit Uthmani (Inkisyariyun), para menteri dan tidak terlepas sesetengah daripada Khalifah. Di tambah lagi dengan kemajuan yang di bawa Eropah dalam hal-hal duniawi dan pintu kerajaan Uthmani dibuka dengan luas untuk menerima peradaban syahwat yang ditaja Eropah. Ketika Sultan Murad III ingin melarang minuman keras yang merebak luas di kalangan masyarakat, ia ditolak pasukan elit Uthmani.

Pemberontakan dan rampasan kuasa mula berlaku di sesetengah kawasan tidak kira daripada kaum Syiah, mahupun golongan munafik yang didokong barat. Rasuah berleluasa dan kaum Yahudi dan Nasara mula diberi peluang pentadbiran wilayah Islam. Mereka juga mulai mendominasi masyarakat di sesetengah wilayah Islam. Dalam masa yang sama, tali barut Yahudi laknatullah telah berjaya menyelinap masuk ke dalam kepimpinan khalifah.

Eropah pula menukar strategi. Mereka menghidangkan sebanyak mungkin hiburan dan menyebarkan pelbagai ideologi jahiliyah bagi memusnahkan keperibadian kaum Muslimin. Tidak kira serangan fizikal maupun fikiran, mereka lebih strategis dan menumpukan kepada usaha memastikan aqidah kaum muslimin benar-benar lumpuh. Di mana sahaja mereka menanam benih-benih jahiliyah dan kebencian kepada Islam dan Khalifah.

Austria dan Venesia mengambil kesempatan di atas kelemahan kerajaan Uthmani pada abad ke-17 M. Melalui perjanjian Carlowitz (1699M) secara rasminya wilayah Hungary, Slovenia, Kroasia, Hemenietz, Padolia, Ukrain, Morea dan sebahagian Dalmatia menjadi milik Venesia dan Habsburg. Kemudian, setelah kalah dalam perang Crimea kepada Rusia pada abad ke-18 M, kita kehilangan wilayah-wilayah di Eropah pula. Keadaan kerajaan Uthmani menjadi semakin tenat setelah termetrainya perjanjian San Stefano (1878) dan Berlin (1887 M).

## Khilafah Uthmaniyyah Selepas Perang Dunia Pertama



## » Sultan Abdul Hamid II dan Kejatuhan Khalifah

Sultan Abdul Hamid dilantik sebagai khalifah bagi menggantikan abangnya, Murad V pada 31 Ogos 1876 M. Ketika itu, keadaan negara yang diwarisinya adalah sangat tenat dan berada dalam keadaan kacau bilau dengan komplot dalaman dan luaran, peperangan, revolusi, dan pelbagai lagi agenda daripada pihak musuh.

Sultan Abdul Hamid cuba untuk membaik pulih keadaan. Dia dibenci Yahudi dan sekutunya kerana ketegasan dan pengorbanannya dalam menggagalkan usaha jahat mereka. Dia gigih mempertahankan bumi Palestin walaupun cuba diambil oleh Yahudi laknatullah dengan pelbagai cara dan tipu daya.

Inilah luahan perasaan Sultan Abdul Hamid ketika mana dia masih berusaha untuk bertahan saat semua musuh Islam bergabung untuk menjatuhkan pemerintahan khalifah di muka bumi ini. Anak perempuannya, Aishah memaparkan luahan ayahnya di dalam bukunya "*Ayahku Abdul Hamid*";

*"Ya Tuhanku aku mengetahui Engkau Yang Maha Esa (Al-Aziz) dan tiada lain melainkan Engkau Yang Maha Esa,*

*Engkaulah Yang Maha Esa dan tiada yang lain*

*Ya Tuhanku pimpinlah aku dalam masa kepayahan ini*

*Ya Tuhanku tolonglah aku dalam masa yang genting ini".*

Terlalu banyak ancaman yang dihadapi oleh Sultan Abdul Hamid dalam usahanya untuk mempertahankan pemerintahan khalifah di muka bumi ini. Antaranya adalah pengkhianatan dalaman daripada orang-orang yang berpengaruh dalam kerajaan. Mereka ini telah dibeli jiwa mereka dengan harga yang murah oleh musuh-musuh Islam.

Antara mereka adalah Midhat Pasha yang menjawat jawatan Ketua Majlis Menteri yang merancang pembunuhan Sultan Abdul Aziz. Midhat Pasha adalah antara mereka yang terlibat dengan gerakan Freemason. Media Freemason memainkan peranan menyebarkan nama Midhat sebagai pembawa reformasi dan diberi julukan "Bapa Undang-Undang"<sup>82</sup>. Mereka merancang pembunuhan itu dan mengeksploitasi media dengan mengatakan Sultan Abdul Aziz mati kerana membunuh diri. Mereka membenci Sultan Abdul Aziz yang juga merupakan bapa saudara Sultan Abdul Hamid, kerana dia berjaya membangunkan kembali pasukan tentera Uthmani sehingga menjadi yang ketiga terkuat di dunia.

Selain itu, Midhat Pasha juga berusaha untuk menegakkan pemerintahan sekular dengan sokongan padu negara-negara kuasa besar yang menjadi musuh Islam ketika itu. Sultan Abdul Hamid berjaya mengesan perkara ini, dan bertindak menyekat perancangan menukar sistem Islam kepada sistem

---

<sup>82</sup> Sila lihat contoh di internet, The New York Times - A TURKISH TRAGEDY.; The Life, Work, and Death of Midhat Pasha atau di Ensiklopedia Britannica

sekular. Dalam perbicaraan, Midhat juga didapati bersalah merancang pembunuhan Sultan Abdul Aziz.

Auni Pasha pula adalah ketua tentera Kerajaan Uthmani yang menerima rasuah daripada kerajaan Britain untuk menjatuhkan khalifah. Namun, rancangan jahat ini berjaya disekat dan Auni Pasha dibawa kepengadilan. Selain dua nama yang disebutkan, masih ramai lagi yang diperalatkan oleh Yahudi dan musuh Islam yang lain untuk menjatuhkan khalifah. Mereka ini rata-rata adalah golongan pembesar dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam pentadbiran.

### **Rencana Jahat Puak Yahudi untuk Mengambil Palestin**

Tamat sahaja muktamar Zionis pertama di Switzerland pada 20-31 Ogos 1897, mereka memutuskan untuk menjadikan Palestin sebagai negara Israel yang sah. Pelbagai usaha dilakukan untuk mendapatkannya. Melihat kepada keadaan ini, Sultan Abdul Hamid mengambil keputusan membuat pengisytiharan untuk tidak membenarkan Yahudi datang dan tinggal di Palestin melebihi tempoh tiga bulan. Pengisytiharan ini berlaku dalam tahun 1900 M.

Setahun selepas itu, pemilik Bank Yahudi, Mizray Qrasow dan dua orang pemimpin Yahudi datang untuk berunding dengan Sultan Abdul Hamid. Mereka membuat tawaran untuk membayar kesemua hutang kerajaan Uthmani yang berjumlah 23 juta pound emas Britain, membelanjakan 230 juta Franc emas untuk membangunkan tentera laut Uthmani bagi melindungi khalifah, meminjamkan 35 juta lira emas tanpa faedah bagi membantu memakmurkan daulah Uthmani dan membina universiti Uthmaniyyah di tanah suci.

Semua tawaran ini datang bersama tukaran untuk membenarkan Yahudi melawat Palestin bila-bila masa sahaja yang mereka suka dan boleh menetap di sana selama mana yang mereka mahu. Mereka juga meminta untuk membuat penempatan Yahudi berhampiran dengan Al-Quds.

Sultan Abdul Hamid menolak tawaran itu dan enggan berjumpa dengan mereka. Dia menghantar jawapan yang keras kepada mereka melalui Tahsin Pasha yang berbunyi:-

*"Katakan kepada Yahudi biadap itu, hutang negara Uthmaniyyah bukan sesuatu yang memalukan. Perancis mempunyai hutang dan itu tidak menjejaskannya. Al-Quds menjadi sebahagian daripada tanah Islam semasa Umar bin Al-Khattab menakluk bandar itu dan aku tidak akan mencatat sejarah yang memalukan dengan menjual tanah suci kepada Yahudi dan mengkhianati tanggungjawab dan kepercayaan rakyat. Yahudi boleh simpan wang mereka. Pemerintah Uthmaniyyah tidak akan berlindung di dalam istana yang dibuat dengan wang musuh-musuh Islam."*

Tahun yang seterusnya, Theodor Hertzl selaku ketua gerakan Zionis menghantar lagi delegasi untuk membeli Palestin daripada Sultan Abdul Hamid. Sultan Abdul Hamid ditawarkan sebanyak 150 juta pound sterling untuk tanah Palestin.



Demikian adalah jawapan Sultan Abdul Hamid kepada si Yahudi biadap itu; *"Aku tidak akan melepaskan walaupun segenggam tanah ini kerana ianya bukan milikku, ianya hak ummat Islam. Umat Islam telah berjihad demi kepentingan tanah ini dan mereka telah menyiraminya dengan darah mereka. Yahudi boleh simpan wang dan harta mereka. Jika Daulah Islamiah dimusnahkan pada suatu hari, maka mereka boleh mengambil Palestin tanpa membayar harganya. Tetapi sementara aku masih hidup, aku lebih rela menusuk pedang ke tubuhku daripada melihat tanah Palestin dikhianati dan dipisahkan daripada Daulah Islamiah. Ianya adalah sesuatu yang tidak akan berlaku, aku tidak akan memulakan pemisahan tubuh kami selagi kami masih hidup"* .

## **Pemberontakan Arab dan Gerakan Turki Muda**

Barat menghidupkan semangat asobiyah jahiliyah dikalangan masyarakat Arab. British menghantar agennya untuk menjayakan rencana mereka. Lawrence of Arabia atau 'Syarif Mekah' mendatangi puak Arab dengan mengaku sebagai seorang Muslim. Dia mencetuskan kemarahan puak Arab terhadap khalifah Uthmani.

Padahal dalam pentadbiran, Sultan Abdul Hamid melantik pemimpin dari pelbagai bangsa dan yang paling ramai adalah daripada Arab sendiri. Sultan Abdul Hamid telah menasihatkan mereka untuk berhati-hati dengan tipu daya Barat ini. Namun, mereka seolah-olah telah terpukau dengan ajakan dan putar belit musuh. Sehingga Lawrence itu mereka anggap ketua dan membelakangkan Khalifah mereka sendiri. Mereka ini diapi-apikan untuk mendapatkan 'kemerdekaan' daripada kerajaan Uthmani.

Mereka juga mengapi-apikan gerakan wahabi dengan Khalifah. Gerakan yang berorientasikan kepada pemulihan aqidah dan pembanterasan bid'ah dikalangan kaum Muslimin dituduh melalui agen berita British BBC sebagai sesat dan ekstremis di luar kawasan Mekah. Manakala di Turki, Ubaidillah bin Su'ud antara pimpinan gerakan wahabi pula ditangkap dan diarak sebagai penjahat. Di Mekah, khalifah pula difitnah dengan pelbagai keburukan.

Gerakan Turki Muda atau Ittihat we Terrakki pula adalah pergerakan yang dibiayai sepenuhnya oleh Yahudi atau Freemason. Gerakan ini bertujuan menggulingkan Khalifah menggunakan tangan orang Turki sendiri. Mereka ini dipimpin oleh Mustafa Kamal At-Tartuk dan dianggotai oleh orang-orang Yahudi. Mereka memomokkan kebaikan sistem sekular kepada kaum muda dan menyebarkan fitnah tentang pemerintahan Islam. Sehingga bagaimanapun sudah ditanam satu pemikiran bahawa Khalifah sudah tidak diperlukan lagi.

Dalam masa yang sama, Britain menggunakan polisi luarnya yang terpenting iaitu dasar *"Pecah dan Perintah"*. Mereka melaungkan semangat nasionalisme Arab dan Turki, sehingga masyarakat merasakan bahawa mereka adalah bangsa mereka sendiri, bukan lagi sebahagian daripada bangsa Islam.

## **Penggulingan Sultan Abdul Hamid**

Pelbagai usaha dilakukan oleh Yahudi dan musuh-musuh Islam yang lain dalam memburukkan Sultan Abdul Hamid. Mereka mencipta seribu macam alasan dalam usaha menjatuhkan kredibiliti Sultan Abdul Hamid. Kerana

selagi Sultan Abdul Hamid tidak dijatuhkan, maka sukarlah untuk mereka menghancurkan pemerintahan khalifah.

Mereka menyadari bahawa ketegasan Sultan Abdul Hamid dalam mempertahankan Islam telah menjadi benteng kepada pertahanan umat Islam pada ketika itu. Dengan tekanan yang diberikan oleh golongan Turki Muda di bawah pimpinan Mustafa Kamal, maka pada 27 April 1909 Sultan Abdul Hamid dilucutkan daripada jawatan khalifah.

Pengganti yang dilantik selepas itu adalah mereka yang boleh menjadi sultan boneka. Mereka ini lemah dan tidak mampu untuk mentadbir negara dengan baik. Mustafa Kamal pula dipilih sebagai panglima pasukan ke-19 di Sinaq Qal'ah. Pasukannya bertembung dengan pasukan British dan tidak pernah kalah dalam pertempuran dan dia Mustafa Kamal menang; ajaib.

Semua ini adalah komplot dan tipu daya yang dijayakan oleh kedua-dua pihak untuk melonjakkan nama Mustafa Kamal. Rencana mereka berjaya apabila Mustafa Kamal kemudiannya dinaikkan pangkat sehingga menjadi jeneral pada tahun 1916 M.

### **Berlakulah Tragedi 3 Mac 1924**

Berlakulah seperti apa yang pernah dijangkakan oleh Sultan Abdul Hamid. Di mana Perang Dunia Pertama adalah rencana jahat dan hasil usaha untuk menjatuhkan kerajaan Islam Uthmaniyyah. Negara kita dirobek-robek dan dipecahkan sesuai dengan dasar "*Pecah dan Perintah*" yang dijalankan oleh Barat.

Dalam kekalutan peperangan yang dihadapi, puak Arab yang memberontak di bawah pengaruh Lawrence akhirnya meleraikan ikatan mereka daripada pentadbiran daulah Uthmani. Mereka mendapat bantuan kewangan daripada Barat dan rantau Balkan (Romania, Serbia, Montenegro, Austria-Hungary). Kemudian, bangsa Arab yang baru sahaja 'merdeka' ini dikhianati oleh Barat apabila Barat kemudiannya menguasai mereka dan menyerahkan Palestin kepada Yahudi.

Turki dan Britain kemudian mengadakan perjanjian pada 21 November 1922. Britain mengenakan syarat yang dikenali sebagai "Pensyaran Curzon" jika Turki mahu tentera Britain dikeluarkan daripada Turki. Kesemua syarat itu dipersetujui oleh Mustafa Kamal ditandatangani pada 24 Julai 1923. Berikut adalah inti pati "Pensyaran Curzon";


1. Turki mesti menghapuskan khilafah Islamiyah serta mengusir khalifahnya dan merampas semua hartanya.
2. Turki mesti berjanji untuk menghalang setiap gerakan yang membela tertegaknya pemerintahan khalifah.
3. Turki mesti memutuskan hubungannya dengan dunia Islam.
4. Turki mesti menerapkan undang-undang sekular yang dipanggil undang-undang 'civil' untuk menggantikan Syariat Islam.

Maka berakhirlah kesatuan kepimpinan orang-orang Islam yang telah belangsung sejak 1400 tahun yang lalu. Barat telah berjaya sepenuhnya dalam menghancurkan kesatuan ini.

Pemerintah sekular Turki pula berusaha menghapuskan pengaruh Islam dengan menutup masjid-masjid, melarang penggunaan bahasa Arab dan tulisan Arab. Tujuannya agar generasi kemudian tidak dapat memahami Al-Quran dan mengetahui sejarah sebenar yang banyak ditulis dalam bahasa ini.

Mereka juga melarang penutupan aurat dan pakaian yang dikira sebagai berunsurkan Islam. Mereka malah menghapuskan Mahkamah Syariah, menggantikan undang-undang Islam dengan undang-undang kafir dan mengubah kalendar Hijriyah kepada kalendar Masihi. Turki telah dibaratkan sebaratnya selepas jatuhnya pemerintahan khalifah Islam yang terakhir.

Akhirnya pada **3 Mac 1924** – Tersebarlah berita pembubaran khalifah Islam dan berlakulah pemisahan antara agama dan urusan pentadbiran negara. Sultan Abdul Majid sebagai khalifah terakhir diusir keluar dari Turki.



### Apakah ada yang masih tersisa?

Jatuhnya pemerintahan Uthmaniyyah, maka satu persatu wilayah Islam ditawan dan dijajah. Afrika Utara dan Syria menjadi jajahan Perancis. Libya pula dijajah Itali. Mesir, Sudan dan India dijajah Inggeris. Palestin dijajah Inggeris dan dijual kepada Yahudi untuk membentuk Negara Israel. Turkistan dijajah Rusia dan ditekan dengan dahsyatnya. Nusantara dijajah British, Belanda dan Portugis.

Hijjaz (Mekah dan Madinah) menjadi sebuah kerajaan yang sangat-sangat lemah. Sentiasa menunggu sedekah dan mengharapkan kepada janji-janji palsu dan tidak laku daripada Eropah dan Amerika. Di bahagian lain dari seluruh semenanjung Arab, dipimpin oleh amir-amir yang hidup mengharapkan biaya daripada Inggeris. Mereka ini sering bercakaran sesama mereka. Yaman pula diancam peperangan pada setiap masa dan tempat. Iran, Iraq dan Afghanistan menjadi tempat yang senantiasa bergolak dan menjadi rebutan antara kuasa-kuasa besar.

Kuasa dunia berpindah kepada Barat, atau lebih tepat lagi Zionis. Mereka menindas dan membunuh umat Islam sewenang-wenangnya. Lihat saja apa wang mereka lakukan di Palestin, Lubnan, Afganistan, Chechnya, Filipina,




Indonesia, dan banyak lagi tempat diserata dunia ini. Adakah ada pembelaan bagi mereka yang tertindas? Adakah ada bantuan yang cukup bagi mereka yang kebuluran? Adakah ada kemanusiaan dalam tindakan mereka?

Namun itulah kebebasan yang mereka laungkan, yang mereka bangga-banggakan. Itulah kebebasan, kemerdekaan, kesenangan yang suatu masa dulu digembar-gemburkan hingga mengaburi mata dan jiwa sesetengah kaum Muslimin, hingga merasakan suku Arab, suku Mesir, suku Turki dan suku-suku sendiri lebih utama dari kesatuan Islam itu sendiri. Dan untuk semua kesengsaraan inilah kesatuan wilayah-wilayah Islam dijual?

Musuh menghancurkan kita sehancur-hancurnya. Kita cuba mencari dan mengutip apakah yang masih tersisa namun semuanya kelihatan kabur. Seolah-olah, tiada daya untuk umat Islam bangun semula melawan segala kekuatan yang ada pada Barat dan agen-agennya di wilayah umat Islam. Benih-benih jahiliyah yang ditanam nampak subur sekali hingga lebur kepribadian muslim dan fikrah Islam yang tenggelam di dalam keasyikan syahwat dan kecintaan pada material.

Bukanlah rahmat dan keadilan yang dibawa Barat melainkan banyaknya kerosakan dan fitnah yang tak kunjung sudah hingga ke hari ini.

### Rajah Kebangkitan Barat



## ***Bab 9 – Tentera Salib Kembali...***

---

*“Jika ingin membunuh lalang,*

*Racunlah akarnya.*

*Jika ingin menghancurkan bangsa,*

*Maka, racunlah sejarahnya”*

**Hukamak**

Dalam bab ini, kita akan melihat bagaimana usaha kaum kafir dalam menumbangkan Khilafah Islam dan pelbagai permasalahan baik internal atau eksternal yang membelenggu kaum Muslimin seluruhnya. Baik individu, keluarga atau masyarakat semuanya dihimpit oleh pelbagai serangan tak kira peperangan fizikal mahupun pemikiran.

Kebangkitan Eropah dengan wajah ketamadunan material yang mengungguli pencapaian Islam bermula pada kurun ke 15 merubah landskap politik Eropah. Masuk kurun ke 18, Eropah meninggalkan kaum Muslimin jauh kebelakang dengan pelbagai penemuan sains dan teknologi. Penguasaan pusat pemerintahan Islam pula mulai melemah di kebanyakan wilayah menyebabkan banyak wilayah Islam yang jatuh kepada tangan tentera salib.

Pada waktu ini, kebanyakan wilayah Islam mundur dan jauh ketinggalan daripada kemajuan Eropah. Kaum Muslimin pula dilanda pelbagai konflik internal dan seolah tidak berupaya melawan gelombang kebangkitan Eropah. Tidak kurang ramai yang tunduk kepada millah barat dan hilang rasa izzah terhadap Islam.

Akhirnya, kegemilangan yang kita kecapai selama 1400 tahun, tinggal menjadi mimpi semalam.

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

*“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan redho kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga Engkau menurut millah” (Al-Baqarah: 120)*

وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُم مِّن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَعُوا

*“...dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (mahu) memalingkan kamu dari deen kamu kalau mereka” (Al-Baqarah:217)*

Diingatkan bahawa kejatuhan Khilafah pada tahun 1924M bukanlah berlaku secara kebetulan. Sejarah kejatuhan yang teramat pedih ini adalah sebahagian daripada sunnatullah penggiliran yang telah kami sebutkan di awal risalah ini. Semoga dengan beberapa contoh dan kisah yang terhad di dalam bab ini memandu kita *insyallah* untuk melihat dengan mata hati cabaran yang telah dan sedang dihadapi kaum Muslimin akibat daripada kelalaian kita sendiri.

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ

*“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.” (Asy Syuura: 30)*

## » Kembalinya Tentera Salib Buat Kali Kedua !

Sewaktu Jeneral Inggeris, Lord Allenby, menawan Palestin dia berkata, "*Perang Salib telah selesai.*"

Pada waktu yang sama, pemimpin tentera Perancis telah menginjak-injak kubur Salahuddin Al-Ayyubi seraya mengeluarkan cabaran, "*Bangunlah hai Salahuddin! Kami datang untuk kedua kalinya!*"

Begitu juga dengan ucapan George Bush pada 16/9/2001 dalam kempenya untuk memusuhi Islam, "*Orang Amerika telah mula memahami Perang Salib ini.*"

Justru terdapat dua perkara penting yang patut menjadi renungan kita selamanya yakni Perang atas semangat Salib (Perang Salib) dan kemunculan fahaman kebendaan (materialisme) yang dimulai dengan Sekularisme.

### 1. Perang Salib

Mereka bermula dengan seruan pemuka-pemuka gereja atas nama Salib untuk memerangi Dunia Islam. Seperti yang dinyatakan di dalam buku "*Haadirul Alam Islami*", orang pertama yang menyeru kepada Perang Salib adalah Paus Sylvester II pada tahun 1002M. Seruan ini bagaimanapun kurang mendapat sambutan atas konflik antara gereja dan kejahilan mereka. Paus Gregorius meneruskan usaha pada tahun 1075M. Namun hanya selepas 20 tahun kemudian pada 1097M barulah perancangan ini terlaksana.

Selain pihak gereja, semangat Salib juga didokong oleh penulis dan pemikir Nasrani seperti Hilton Satito, Ben Diboia dan Reymond Lul Batrack di mana mereka menabur pelbagai fitnah terhadap kaum Muslimin hingga tiada kebaikan yang tersisa. Tidak ketinggalan, para raja dan kaisar yang turut sama memimpin angkatan Salib mereka atas rasa dendam, mempertahankan kedudukan dan semangat Salib. Maka berlakulah peperangan demi peperangan antara Salib dan Islam.

Selama dua abad mereka berusaha untuk memerangi Islam, namun mereka menemui kegagalan lantaran kebangkitan kaum Muslimin di bawah pimpinan putra-putra terbaik umat seperti Nuruddin Zanki, Salahuddin Ayubbi, Sultan Murad dan Muhammad Al-Fatih. Serangan Salib dibalas dengan laungan *jihad fi sabilillah* untuk mempertahankan maruah dan darah kaum Muslimin. Cukuplah pelajaran daripada penghinaan dan kezaliman yang dahsyat sewaktu penewanan Al-Quds, serangan Monggol dan kejatuhan Andalus.

Kegagalan peperangan selama dua abad itu menjadi pelajaran yang sangat berharga bagi kaum kafir bahawasanya umat Islam sama sekali tidak mudah terkalahkan dengan peperangan fizikal melainkan membuang kecintaan mereka kepada jihad dan syahid di jalan Allah. Formula yang tepat adalah dengan terlebih dahulu merosakkan aqidah dan pemikiran orang Islam. Justru sejerus kekalahan tentera Salib di Palestin, pulanglah Richard the Lion Heart dengan membawa agenda baru untuk menewaskan kaum Muslimin.

Keputusan ini juga diilhamkan daripada wasiat Saint Louis (*Raja Perancis*) yang juga pemimpin Perang Salib VIII. Ketika itu dia kalah dalam peperangan dan menjadi tawanan tentera Mesir di Kota Al-Masuriyah. Untuk membebaskan diri, dia telah membayar tebusan yang sangat banyak. Hasil

pemerhatian, dia yakin bahawa adalah mustahil untuk mengalahkan kaum Muslimin dengan senjata. Mereka bersatu atas kalimah Islam dan sesungguhnya permasalahan yang sebenar adalah Islam! Oleh kerana itu mereka perlu diperangi dengan cara lain yakni memerangi Islam, aqidah Islam, akhlak Islam dan sumber-sumbernya yakni Al-Quran dan Sunnah.

Louis IX berkata: *“Tiada jalan untuk mengalahkan dan menguasai orang-orang Islam melalui jalan perang. Agama mereka mendorong mereka untuk melawan, berjihad, mengorbankan jiwa .... Kita mesti lakukan jalan lain; iaitu mengubah pemikiran Islam dan menjinakkan orang-orang Islam melalui serangan pemikiran. Cendekiawan Eropah harus mengkaji tamadun Islam dan mencipta senjata untuk merosakkan pemikiran orang-orang Islam.”*

Inilah juga kata-kata Nixon mantan Presiden Amerika ketika rangka lawatannya ke Afghanistan. Ketika ditanya para wartawan terhadap penyelesaian misi salib di Afghanistan, dia berkata, *“The problem is Islam!”*

Hasilnya kaum kafir berusaha dengan penuh upaya untuk menjauhkan umat Islam daripada memahami Islam yang sebenar. Mereka memulai dengan menanam benih-benih jahiliyah yang hitam pekat ke dalam jiwa kaum Muslimin. Bermula dengan semaian benih-benih sekularisme, seterusnya mengimport apa sahaja fahaman benda dan kebendaan kepada wilayah-wilayah Islam, membangkitkan semangat nasionalisma dan fanatik perkauman, menaja fahaman-fahaman sesat, merubah dasar dan silibus pendidikan sekolah Islam, menubuhkan gerakan missionaris dan orientalisa dan seterusnya merubah landskap politik wilayah-wilayah Islam.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ لِيَصُدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

*Sesungguhnya orang-orang kafir membelanjakan harta mereka untuk menghalangi (manusia) dari jalan Allah (Al-Anfal: 36)*

## 2. Sekularisme

Sayyid Qutb berkata, “Apabila tentera-tentera Salib kembali ke negara asal meninggalkan negara-negara Islam pada kurun ke 11M mereka membawa bersama contoh masyarakat Islam. Walaupun wujud pelbagai kepincangan di dalam masyarakat ini namun perkara yang paling ketara di dalam masyarakat ini yang masih dapat dilihat oleh angkatan salib ialah kaedah undang-undang yang merangkumkan pemerintah dan rakyat secara saksama tanpa tunduk kepada kehendak golongan bangsawan atau kehendak golongan feodal sepertimana yang berlaku di Eropah. Selain itu wujudnya dasar kebebasan individu dalam memilih kerja dan tempat tinggal, kaedah hak persendirian dan kebebasan menggunakan harta, kaedah tiadanya kasta yang mana setiap individu pada bila-bila masa boleh mencapai taraf yang lebih tinggi di dalam masyarakatnya bergantung kepada kerajinan, kesungguhan dan usahanya. Ini adalah fenomena-fenomena yang paling ketara dapat dilihat oleh bangsa Eropah yang selama ini hidup di bawah sistem feodal dan menjadi hamba kepada tanah. Undang-undang yang ada pada mereka adalah berdasarkan kehendak tuan. Kasta mereka juga adalah tetap kerana darjat bagi mereka adalah suatu warisan!”

Pengaruh universiti-universiti di Andalusia dan pengaruh tamadun Timur Islam yang ketika itu menjadi tamadun dunia, selain terjemahan buku-buku dunia Islam ke dalam bahasa-bahasa Eropah telah menyebabkan munculnya gerakan kebangkitan Eropah pada kurun ke 14. Dalam masa yang sama, muncul aliran moden di bidang ilmu khususnya kaedah empirikal.

Menurut Befault, pengarang buku "*Making of Humanity*":

"Peradaban Ilmu adalah antara perkara terpenting yang dibawa oleh tamadun Arab<sup>83</sup> kepada dunia moden. Malangnya hasilnya agak lambat untuk dinikmati. Kebijaksanaan peradaban Arab di Sepanyol hanya dapat dirasai setelah sekian lama tersembunyi di sebalik awan gelap. Bukan ilmu sahaja yang menghidupkan kembali Eropah malah banyak lagi pengaruh-pengaruh tamadun Islam yang memberi sinar harapan ke dalam kehidupan Eropah. Secara pasti, setiap sudut kemajuan Eropah boleh dikaitkan secara langsung dengan pengaruh keilmuan Islam. Namun pengaruh Islam yang paling nyata dan paling penting serta telah berjaya menjana potensi bagi membentuk dunia moden yang memiliki suatu kekuatan yang unik dan mantap ialah melalui ilmu sains dan budaya kajian sains."

Menurut beliau lagi: "Kita terhutang budi dengan keilmuan Arab bukan kerana penemuan hebat teori-teori baru. Bahkan lebih jauh daripada itu, kita terhutang budi dengan keilmuan Arab kerana mewujudkan ilmu itu sendiri. Sebagaimana yang kita tahu, ilmu tidak pernah wujud sama sekali di dalam dunia kuno. Ilmu falak dan matematik yang dimiliki oleh bangsa Yunani sebenarnya diambil daripada bangsa asing. Mereka mengutip ilmu ini daripada negara asing malangnya ilmu itu sendiri tidak pernah meresap sepenuhnya di dalam peradaban Yunani. Walaupun masyarakat Yunani ada melahirkan beberapa aliran pemikiran, melaksanakan beberapa undang-undang dan mencipta beberapa teori, namun teknik kajian dalam bentuk yang teliti, pengumpulan maklumat yang tepat, methodologi yang terperinci, pengamatan yang berterusan dan kajian amali... semua teknik sebegini adalah suatu yang asing dalam budaya masyarakat Yunani. Manakala apa yang kita panggil ilmu sebenarnya lahir di Eropah adalah hasil budaya dan methodologi yang baru, hasil teknik-teknik analisa yang baru; teknik eksperimen, pengamatan dan penilaian, hasil kemajuan ilmu matematik yang tidak pernah dikenali sama sekali oleh masyarakat Yunani. Segala budaya dan methodologi ini dibawa masuk oleh orang Arab ke dalam dunia Eropah."<sup>84</sup>

Menurut beliau sebelum itu:

"Roger Bacon telah mempelajari bahasa Arab dan ilmu Arab di universiti Oxford daripada pembantu guru-gurunya berbangsa Arab di Andalusia. Roger Bacon dan pengikutnya Francis Bacon sebenarnya tidak berhak digelar pengasas fahaman empirisme. Roger Bacon hanyalah utusan yang membawa peradaban dan methodologi Islam ke dunia Eropah yang menganut Kristian. Beliau tidak pernah jemu-jemu menyatakan kepada

---

<sup>83</sup> Kita dapat lihat bagaimana penulis-penulis Barat sering menggunakan istilah tamadun Arab bagi merujuk kepada tamadun Islam. Tindakan ini didorong oleh niat jahat kerana hati mereka berat untuk menerima Islam. Dengan tindakan ini mereka ingin menjadikan Islam hanya milik Arab sedangkan Islam adalah luas tidak terbatas setakat sempadan yang sempit ini. Tindakan ini juga bertujuan menimbulkan semangat perkauman di antara masyarakat Islam sedangkan semangat ini telahpun dibasmi oleh Islam. Semua tindakan mereka sememangnya berniat jahat dan keji!!!

<sup>84</sup> Muhammad Iqbal, *Tajdid Pemikiran Agama Di Dalam Islam*, Terjemahan oleh Abbas Mahmud, ms. 149-150

orang-orang sezamannya bahawa pembelajaran bahasa Arab dan ilmu-ilmu Arab merupakan satu-satunya jalan untuk mencapai pengetahuan yang sebenar. Perbalahan yang berlaku mengenai pengasas kaedah empirikal merupakan sebahagian penyelewengan besar kepada asas tamadun Eropah. Pada zaman Bacon ini methodology Arab telah tersebar luas dan pelajar-pelajar daripada seluruh pelusuk Eropah datang berduyun-duyun untuk mempelajarinya.

Dari manakah Roger Bacon memperolehi ilmu-ilmu ini?

"Daripada universiti-universiti Islam di Andalusia. Bab kelima bukunya, *Cepus Majus* yang khusus dalam kajian mata sebenarnya adalah suatu salinan daripada buku *al-Manazir*, karangan Ibnu al-Haitham."<sup>85</sup> ”<sup>86</sup>

Inilah kesan daripada Perang Salib selama 200 tahun (1097-1292M) yang membuka mata kaum Eropah untuk melihat rahmat dan keadilan yang dibawa Islam. Mereka belajar dan mengimport segala kebaikan dunia yang mereka perolehi tetapi membuang Islam jauh-jauh atas kebencian mereka terhadap agama, apa sahaja agama.

Sejak awal lagi berlaku pertembungan antara pihak gereja dengan tokoh akademik kerana doktrin Paulus, Constantine dan para pendeta memihak kepada raja dan menentang keilmuan. Tiga ratus ribu orang sarjana keilmuan diberitakan telah dibakar hidup-hidup oleh pihak gereja. Ketika Copernicus, Galileo dan Bruno berbincang mengenai teori-teori geografi yang mengatakan bahawa bumi itu bulat dan berputar, langsung pihak gereja mengatakan mereka sesat dan menghukum mereka dengan bunuh.

Pada saat itu, bangkit golongan terpelajar yang memberontak menentang gereja, membenci apa sahaja yang ada hubungan dengan gereja dan melaungkan slogan, *"Akal fikiran tidak mungkin bersatu dengan agama dan tidak mungkin berdamai."* Maka kafirlah mereka daripada kekangan gereja dan mereka menjauhi Allah dalam rangka menjauhi gereja.

Barat seterusnya melangkah kepada era kebendaan dalam erti kata seluas-luasnya. Tokoh-tokoh masyarakat mereka bertindak menafsir kehidupan melalui kaca mata kebendaan dalam semua bidang termasuk akidah, pemikiran, akhlak, ilmu, budaya, politik dan lain-lain. Ketika itu, segala perkara yang ghaib dan tidak mampu diselami oleh pancaindera termasuk ketuhanan telah ditolak dan dipandang sebagai khurafat.

Machevelli (1479-1527M), salah seorang tokoh Barat telah lama menyeru kepada pemisahan agama dengan pemerintahan. Baginya, agama walaupun masih diperlukan ia hanya urusan peribadi dan penganutnya bertempat di gereja; tiada sangkut paut dengan urusan politik dan negara, bahkan pemerintah seharusnya berani melanggar janji, khianat dan sebagainya selagi ia diperlukan demi kepentingan negara. Ide-ide ini dibantu oleh faktor cintakan bangsa dan tanahair.

Terjadilah dua revolusi besar di Eropah, iaitu revolusi Perancis pada tahun 1879M dan revolusi Bolsevik iaitu komunis. Kedua revolusi ini

---

<sup>85</sup> Ibid, hal. 148.

<sup>86</sup> Sayyid Qutb, *Hazadeen*, cet. Pustaka Salam 200, ms. 118-122

mempunyai slogan yang sama yakni memerangi agama. Slogan di dalam revolusi Perancis adalah “Gantunglah raja terakhir dengan menggunakan usus paderi terakhir!” yang bermakna musnahkanlah kerajaan dan agama-agama di bumi. Sedangkan slogan revolusi Bolsevik adalah “Tiada tuhan, kehidupan adalah material!”<sup>87</sup>

Kejiwaan Barat ini secara jelas digambarkan oleh seorang wartawan Amerika, “Sesungguhnya bangsa Inggeris menyembah Bank of England enam hari seminggu. Pada hari ke tujuh mereka mengadap ke gereja.”

Inilah jurang pemisahan yang membuahkan malapetaka besar dalam sejarah kehidupan manusia. Pemisahan ini akhirnya melahirkan bermacam lagi kekacauan seperti atheisme, sosialisme, kapitalisme dan darwinisme. Muncul generasi salib baru yang bertopengkan salib, bertuhankan kepada material, membenci seluruh agama dan tidak redho dengan Islam.

\* \* \* \* \*

## » Perang Salib Era baru Sosial dan Pendidikan

Semasa era penjajahan, ramai dikalangan ulama’ Muslimin berada dalam tingkat kebodohan, rendah diri dan keterasingan yang parah. Mereka tidak memahami ilmu-ilmu yang berkembang di Barat dan juga misi salib yang mengiringinya. Oleh kerana itu, mereka mengambil jalan dengan menutup mata, tidak ambil peduli dan menolak mentah-mentah apa yang dikatakan kemajuan itu.

Inilah peluang keemasan yang dinanti oleh penjajah. Mulalah mereka menuduh Islam menolak ilmu pengetahuan, kemajuan dan peradaban. Mereka menghina para ulama’ dan mendabik dada atas kemajuan material yang mereka ada. Jika kaum Muslimin mahu maju, mereka segera membantu tapi dengan syarat kita **mencampak buang agama dan menjulang sekularisme**. Mereka memekikkan slogan, “Agama untuk Tuhan dan negara untuk semua!”

Golongan kaya dan hamba dunia di kalangan muslimin mula terpengaruh dan mula meletakkan Islam dengan pandangan yang sempit, jumud dan tidak relevan lagi dengan realiti kehidupan serba moden. Lebih teruk, ada yang merasakan bahawa agamalah punca utama kepada kemunduran. Lantas agama diletakkan di masjid-masjid atau pada hari-hari tertentu dan selainnya diisi dengan kebendaan sepertimana bangsa Eropah mencampak agama jauh-jauh daripada mengganggu kehidupan mereka.

Barat juga menghancurkan Islam dengan pelbagai fahaman yang sesat yang bersumberkan daripada tangan-tangan Yahudi laknatullah. Ya, sebahagian besar musibah yang menimpa dunia Islam dibelakangnya adalah orang-orang Yahudi, yakni musibah fahaman Sekularisme, Sosialisme dan Athiesme.

Di fikiran kita, **mereka agung-agungkan segala fahaman yang datang daripada tangan-tangan Yahudi laknatullah seperti Marks, Durkheim, Nietzsche dan Frued**.

---

<sup>87</sup> Abdullah Azzam, *Di bawah Naungan Surah At-Taubah*, cet. Pustaka Al-Alaqa, ms. 185



Teori-teori Marks akan anda pelajari di Fakulti Ekonomi, adapun ilmu sosiologi anda akan pelajari atas dasar yang dibangunkan oleh Durkheim, manakala Nietzsche menjadi lambang bidang kebangsaan, kenegaraan atau bidang politik lainnya sementara Freud menjadi mahaguru ilmu jiwa atau lebih kita kenali sebagai psikologi. Hinggakan segala ungkapan dan madah mereka menjadi rujukan dan tiada lagi tersisa pelajaran hadis-hadis Nabi saw.. Walhal, Islam telah lama membangun masyarakat yang jauh lebih hebat daripada kerosakan nilai kehidupan yang dibangunkan oleh barat.

Mereka **memberikan biasiswa atau peluang kepada pelajar atau mahasiswa untuk belajar di negara kafir**. Secara tidak langsung operasi *brain washing* direncanakan untuk melahirkan pakar-pakar yang mendapat Ijazah Muda, Master atau Phd daripada tangan-tangan musuh Islam. Di sana, mereka menanam pelbagai syubhat terhadap Islam. Mereka munculkan pelbagai persoalan di atas kebodohan kaum Muslimin seperti menanam keraguan terhadap hadis-hadis Nabi saw., mencela sejarah Saidina Uthman, Saidina Ali, Sayyidah Aisyah dan pelbagai peristiwa lain seperti Perang Jamal dan Siffin. Mereka memperbesar-besarkannya hingga ke seluruh dunia Islam !

Seperti mana yang berlaku kepada seorang ulama' Al-Azhar; Rifa'ah Ath-Thanthawi yang melanjutkan pengajian di Paris (1826M – 1831M)<sup>88</sup>. Ternyata apabila dia pulang, cara berfikirnya dan neraca pertimbangannya sudah jauh menyimpang. Antaranya, dia menyatakan bahawa tarian dikalangan remaja berlainan jantina adalah aktiviti kesenian dan senaman. Dia merestui kefasikan yang mendekatkan kita dengan syaitan.

Dia juga melaungkan semangat kebangsaan dengan berusaha mengembang dan mengukuhkan pemerintahan jahiliyah. Dia memperjuangkan kebebasan dan hak manusia dengan memandang kepada kebebasan menurut Barat, yakni bebas daripada Islam. Inilah kebebasan apabila manusia hilang maruah dan harga diri dan tunduk kepada kezaliman. Sedangkan Islam membebaskan manusia daripada segala belenggu dunia menuju rahmat dan keadilan Allah.

Selain itu tidak kurang lahir ulama-ulama anti-hadis dan anti-syariah Islam yang berguru dengan Godziher dan lain-lainnya yang pakar menanam benih kekufuran. Dan telah berlaku dimana saterawan bernama Toha Hussien (Mesir) telah berkata, "*Kalau Islam berdiri sebagai batu penghalang antara kita dengan warisan firaun kita, kita akan mencampakkannya (Islam).*"

Mereka juga melahirkan dan memberi sponsor yang besar kepada **gerakan orientalis**. **Pertama**; mereka mahu **menghalang kaum Kristian daripada memeluk Islam**. Ketika Islam memerintah dunia, ramai daripada kalangan Kristian yang mendengar berita tentang kehebatan dan keadilan tentera Islam daripada tentera-tentera Salib yang pulang daripada perang, mulai ada kecenderungan untuk mengenal dan memeluk Islam.

Maka pihak gereja, penulis dan pemikir Eropah berusaha memburuk-burukkan Islam. Mereka menterjemahkan Al-Quran untuk merosakkan makna dan pengertiannya, hingga menimbulkan syubhat kebencian terhadap Islam. Mereka membuat kamus, menulis puluhan buku dan risalah,

---

<sup>88</sup> Prof Dr Ali Muhammad Jarisyah, Muhammad Syarif Az-Zaibaq, *Taktik Strategi Musuh-Musuh Islam*, cet. Pustaka Mantiq. (terjemahan Drs. As'ad Yasin)

membangunkan pusat studi Islam dan menulis semula sejarah untuk mencatatkan segala yang lahir daripada Islam.

Percubaan demi percubaan untuk menuduh Islam dengan pelbagai tuduhan yang palsu direncanakan. Contohnya keganasan, agama yang berkembang dengan pedang, sukakan pembunuhan dan menjauhi kemajuan. Gullimen menyebut dalam bukunya, (Sejarah Perancis): *“Muhammad, iaitu pengasas agama orang Islam. Dia telah memerintahkan para pengikutnya untuk menggantikan semua agama dengan agamanya. Alangkah besarnya perbezaan antara penganut berhala ini (orang Islam) berbanding penganut Nasrani! Bangsa Arab ini mewajibkan agama mereka melalui kekerasan. Mereka berkata kepada manusia: “Kamu peluk Islam atau kamu mati. Sedangkan pengikut al-Masih menggerakkan jiwa mereka melalui kebajikan dan perbuatan baik.”*

Dan sekarang apabila Islam jatuh, mereka mengatakan Islam agama terrorist dan terrorist layak diperangi ! Agen-agen mereka tak ubah sejak dulu seperti BBC dan Times, yakni sejak sebelum kejatuhan Khilafah Turki lagi.

Yang *kedua*; gerakan ini memainkan peranan untuk **menghancurkan kesatuan Islam, menyongsangkan makna jihad dan menyelewengkan sejarah Islam.** Mereka tidak mahu lagi umat Islam berjihad di jalan Allah. Mereka meracuni pemikiran umat Islam dengan mempopularkan hadis-hadis dhoif dan pelbagai penyelewengan dan kritikan terhadap sunnah Nabi saw..

1. Percubaan memburukkan sejarah Islam: Contohnya, memuji Khalid bin al-Walid dan memburukkan Umar al-Khattab dengan tuduhan iri hati, menimbulkan keraguan tentang pemerintahan Abu Bakar, Umar dan Uthman dengan tuduhan mereka dipilih dengan cara tidak rasmi, pertikaian kuasa antara Ali dan Mu'awiyah dan memburukkan gambaran Khilafah Uthmaniyyah.
2. Memburukkan sistem kehidupan Islam: Sistem dengan segala cabangnya; akhlak, ekonomi dan politik. Mereka menuduh sistem Islam bersifat kekurangan, ketinggalan, mundur, tidak bersistem dan kasar. Khususnya, yang berkaitan dengan rejam, potong anggota dan sebat. Mereka juga mendakwa undang-undang Islam tidak mempedulikan minoriti bukan Islam.
3. Percubaan memburukkan warisan Islam: Apa yang dimaksudkan ialah seluruh bidang ilmu dan pengetahuan; perubatan, farmasi, kimia, fizik, falak, matematik, geometri, binaan dan semua sistem hidup. Mereka menyifatkan Warisan Islam sebagai musibah Islam
4. Menghidup dan mempopularkan warisan jahiliyah daripada Islam seperti Firaun dan adet resam Hindu di kalangan orang Melayu

Adapun sejarah yang kita pelajari, semuanya diambil daripada penulisan jari-jari orientalis Yahudi laknatullah yakni Philip Hote, Brockelmann dan Constantine Zuraiq. Mereka ingin memusnahkan segala-segalanya !

Apa itu jihad ? Jihad Akbar, adalah menyibukkan diri dengan melakukan ibadah ritual dan mengasingkan diri dari dunia. Apa itu Jihad fi Sabilillah ? Jihad fi Sabilillah adalah menuntut ilmu dan bekerja untuk menyara keluarga. Bahkan banyak lagi kalimah-kalimah Islam disempitkan kefahaman supaya

kaum Muslimin duduk berehat di rumah, menikmati keselesaan pendingin hawa dan bersungguh mengumpul timbunan emas, saham dan material supaya mereka tidak keluar berjihad dan berdakwah di jalan Allah !

**Ketiga**, mereka mendirikan sekolah-sekolah atau institusi pengajian tinggi mereka di negara-negara yang majoritinya Muslim. Mereka menanam cara berfikir yang mereka inginkan. Untuk mencapai perkara ini, mereka merosakkan silibus pendidikan Islam dan mempopularkan sistem pendidikan sekular yang kononnya elit dan terkehadapan berbanding madrasah-madrasah yang jumud dan ketinggalan. Mereka sempitkan pendidikan agama, baik dari segi bahan mahupun pengertiannya. Pendidikan Islam menjadi sepi tanpa ruh dakwah dan jihad. Perlahan-perlahan ia menjadi bahan kajian yang memboringkan, sekadar syarat dan dianggap sebagai sampingan berbanding subjek-subjek yang lain. Gambaran bahawa pengajian Islam, pemimpin, serta tokoh ulama' adalah ketinggalan zaman dan hanya layak diberikan kepada mereka yang tidak punya kemampuan untuk menguasai ilmu moden atau sains dan teknologi. Pengajian pondok, pesentran, tahfiz di anggap kolot dan membuang waktu. Ia bukannya tempat untuk pelajar yang mendapat 10A dalam SPM ! tapi sebaliknya...

Dan yang **keempat** adalah melaksanakan sistem co-education (bercampur antara lelaki dan perempuan). Mereka menggunakan alasan kesamarataan antara lelaki dan perempuan. Selain itu, mereka mendakwa sistem ini mampu untuk membantu para pelajar mengendalikan instink seksual. Padahal kajian telah membuktikan bahawa pergaulan bebas inilah yang meledakkan nafsu seksual. Inilah permasalahan yang mereka (Barat) sendiri hadapi sekarang dan masyarakat mereka sedang menghadapi kehancuran kerana ini.

Dalam satu buku Yayasan Franklin Amerika dinyatakan; *"Agar lelaki tidak terpisah dari perempuan, maka kita wajib berusaha menghimpunkan mereka di tempat-tempat permainan dan dalam hal-hal yang menyenangkan. Kalau ada dikalangan mereka yang bermesra-mesraan, maka kita harus nyatakan bahawa yang demikian itu adalah masalah yang wajar, masalah yang harus dialami oleh orang-orang seusianya. Bukannya masalah yang semata-mata kerana dorongan nafsu seksual."* Mereka menghapuskan istilah *"haram"* dan menggantikannya dengan istilah *"kebebasan"*.

*"Persahabatan antara remaja lelaki dan remaja perempuan yang keluar dan berjalan serta melakukan aktiviti bersama adalah merupakan sesuatu yang wajar dan semulajadi. Akan sampai satu ketika di mana orang tua mereka akan merasakan ini adalah lumrah bagi kehidupan remaja, sesuai dengan pertumbuhan mereka."*

*"Kerana saling berhubungan, maka sampai satu ketika muncullah perasaan cinta, yang kemudiannya mereka akan bersentuhan, berpegangan tangan, berciuman, dan berpelukan sebagai pelempias rasa cinta dan rindu. Hal ini juga akan dianggap lumrah."* Dan perlakuan ini akan menjurus kepada berlakunya zina. Ini bukanlah satu tuduhan tanpa asas melainkan dapat kita perhatikan sendiri pada apa yang berlaku di sekeliling kita..

Mereka juga mengeksploitasi wanita di seluruh dunia dengan pergaulan bebas di sekolah, universiti dan pejabat kerajaan: Kata cendikiawan Yahudi

dalam buku 'Protokol cendikiawan Yahudi': "Kita wajib bekerja untuk meruntuhkan akhlak di semua tempat."

Mereka sangat keji !

## Politik dan Ekonomi

Pada tahun 1904M, telah berlaku perjanjian antara British dan Perancis dalam merangka strategi memutuskan hubungan antara wilayah-wilayah Islam. Maka berlakulah pembahagian kuasa daerah jajahan mereka. Contohnya, Perancis menjajah Aljazair, Tunisia, Moroko dan Syam manakala British pula menjajah India, Mesir dan Palestin.

Seperti apa yang berlaku di India. British membolot kekayaan India dan menaja "*boneka mainan*" mereka dari kalangan orang Islam sendiri. Mereka menggunakan individu atau gerakan-gerakan yang berpakaian Islam untuk memasarkan ideologi-ideologi mereka yang rosak itu. Antaranya adalah aliran Sir Ahmad Khan, Qadainiyyah, Parti Kongress dan juga Parti Liga Islam (*Muslim League*).

Keadaan ini (*perjuangan atas dasar nasionalisme sempit*) telah menjadikan umat Islam semakin jauh dan terpisah antara mereka atas dasar kenegerian atau sempadan geografi. Mereka mula taksud dengan dunia mereka yang kecil dan memperjuangkan kemerdekaan yang palsu. Ya, mereka beroleh 'kemerdekaan' yang dijanjikan. Namun hakikatnya yang bertukar hanyalah warna kulit pemerintah, daripada putih kepada kuning atau coklat tetapi isinya tetap sama. Ke mana sahaja tentera-tentera salib ini menjajah, mereka akan menyuburkan benih-benih jahiliyah ini! Bahkan sebelum mengangkat kaki daripada wilayah kaum Muslimin yang mereka jajah, mereka pasti akan mengangkat seseorang yang tergolong daripada golongan mereka sebagai pengganti.

Barat juga sedar bahawa mereka tidak selamanya akan dapat bertahan di negara-negara yang mereka jajah. Lambat laun mereka pasti akan keluar atau dikeluarkan dari situ. Oleh kerana itu, mereka berusaha untuk memastikan bahawa wilayah yang mereka jajah akan terus mengikut telunjuk dan pemikiran jahiliyah. Saudara masih ingat akan muslihat di sebalik Perjanjian Pangkor pada 1874M? Disebalik misi mengaut hasil biji timah Perak, British berjaya mencengkam raja dan rakyat Perak dengan pemerintahan Sekular! Mereka mengasingkan Islam daripada umat dan pemerintahan. Itulah dasar pecah perintah, bukan sekadar membahagikan wilayah-wilayah malah membagi-bagikan Islam; hukumiyah milik mereka dan soal ibadah ritual menjadi hak kita. Sedangkan semuanya adalah milik Allah !

Barat serius dalam percubaan untuk melaga-lagakan orang Islam dan menyebarkan perpecahan di kalangan kita; sama ada antara individu, kumpulan dan bangsa. Kita biarkan teks kata-kata mereka membicarakan perancangan yang terkutuk ini.

Di dalam Al-Islam wa al-Israiliyyat, Brown berkata: "*Apabila orang Islam bersatu dalam sebuah empayar Arab, ia mampu menjadi laknat dan bahaya kepada dunia. Ia juga mampu menjadi nikmat kepadanya. Sebaliknya, apabila mereka kekal*

*berpecah belah, mereka akan terus tidak mempunyai sebarang kedudukan dan pengaruh."*

Dalam buku yang sama, dinyatakan bahawa Paderi Calhoun Simon berkata: *"Kesatuan Islam mengumpul cita-cita bangsa Negro. Ia dapat menolong mereka lepas daripada penguasaan Eropah. Oleh kerana itu, dakwah Kristian (dakyah kristian) merupakan agen penting dalam memecah kekuatan gerakan Islam ini. Ini kerana dakwah Kristian bekerja untuk menonjolkan orang Eropah dalam bentuk sinaran baru yang menarik. Ia juga bekerja merampas elemen kekuatan dan pemusatan (sentralisasi) daripada gerakan Islam."* Lantaran itu, kesatuan orang Islam mestilah dipecahkan. Usaha menyemai permusuhan di kalangan mereka juga wajib dilakukan.

Tidak cukup setakat itu, mereka berusaha lagi dengan cara keganasan. Mereka sebolehnya mahu menghapuskan terus sisa atau saki baki yang tertinggal. Iaitu dengan cara penguasaan bukan Islam ke atas orang Islam dan hasutan untuk menyapu bersih orang Islam dalam pertelagahan dan peperangan. Ini adalah beberapa contoh yang telah berlaku:

1. Orang Islam di bawah pemerintahan Kristian (atau agama lain): Sebagai contoh, Filipina, Ethiopia, India, Eritrea, Thailand, Kashmir, Burma (Rohingya). Tiada pembelaan untuk mereka. Mereka ditindas, dinafikan hak sebagai rakyat, malah lebih teruk lagi, hak sebagai manusia. Haiwan lebih terbela dan terjaga berbanding manusia Muslim.
2. Orang Islam di bawah ancaman komunis yang telah runtuh dan Barat yang mewarisinya selepas itu: Bulgaria, China, Afghanistan, republik umat Islam di Russia, Somalia, Yugoslavia dan Albania.
3. Orang Islam di bawah kuasa Zionis di Palestin: Shubra, Syatila, Dir Yasin dan wilayah-wilayah Arab.
4. Orang Islam di bawah pemerintahan boneka: Antaranya Turki, Mesir, Tunis, Syam, al-Jazirah, Pakistan, Bosnia-Herzagovina, Albania.

## **Gerakan Missionaris**

Mereka menyeru umat Islam kepada Kristian dengan pelbagai cara. Antaranya mereka, membuka sekolah, pusat perubatan dan pusat kaunseling diseluruh pelusuk dunia. Hasilnya mungkin terbatas kerana mereka tidak sampai berjaya menghapuskan aqidah umat Islam secara total, namun cukup untuk menimbulkan keraguan di hati kaum Muslimin terhadap Islam.

Gerakan missionaris tidak berhenti setakat itu. Mereka tidak pernah henti menghantarkan bantuan dalam bentuk perubatan atas nama kemanusiaan. Menggunakan cara menyumbangkan bakti untuk mempengaruhi orang Islam dan berusaha untuk menggugat akidah dan kehormatan orang Islam. Contohnya, yayasan kebajikan, perubatan dan akademik. Ajaran Kristian mestilah mengiringi perkhidmatan tersebut agar ia tidak pulang dengan tangan kosong. Ternyata mereka mengakui bahawa kaedah ini lebih berkesan daripada menghantar paderi-paderi.

Dalam buku berjudul 'Persidangan Para Aktivis Kristian Kepada Orang Islam' disebut; *"Kami mengambil berat kerja sosial Kristian dan perlaksanaan*

*prinsip Jesus al-Masih dalam semua hubungan kemanusiaan. Orang Islam mendakwa di dalam Islam terdapat panduan yang memenuhi segala keperluan sosial di kalangan manusia. Oleh itu kita wajib melawan Islam secara agama dengan senjata berbentuk kerohanian... untuk tujuan tersebut, kami menasihatkan supaya dijalankan kerja-kerja sosial.”<sup>89</sup>*

Mereka juga menyebarkan fahaman mereka melalui buku-buku, majalah, surat khabar, pamflet, hatta komik atau cerita bergambar. Mereka mengumpul dana dan kepakaran melalui jaringan Kristian Antarabangsa.

Nyata dengan jelas, strategi mereka tidak mengajak secara langsung atau terang-terangan kepada Kristian. Yang mereka mahukan adalah mereka kejayaan dalam usaha memburukkan Islam sehingga menimbulkan keraguan yang mendalam terhadap penganutnya.

Dalam buku *Hadir Alam Islami* juga menyertakan ucapan Ketua Mubaligh Zewmer semasa persidangan Al-Quds (1935); “*Tugas gerakan dakwah Kristian yang diwakilkan oleh negara Kristian kepada kamu untuk dilaksanakan di negara Muhammad, bukan dengan tujuan memasukkan orang Islam ke dalam Kristian. Ini satu hidayah dan penghormatan bagi mereka.*

*Sebaliknya, tugas kamu hanyalah untuk mengeluarkan orang Islam daripada Islam supaya dia menjadi satu makhluk yang tiada hubungan dengan Allah dan tiada hubungan dengan makhluk yang menjadi tunggak kehidupan sesuatu bangsa. Oleh itu dengan usaha ini, kamu merupakan barisan perintis kepada pembukaan penjajahan di negara-negara Islam. Inilah yang kamu lakukan dalam 100 tahun yang lalu dengan sebaik-baiknya.”*

Ya, inilah yang mereka lakukan dengan baik sejak 100 tahun sebelum ucapan ini!

## **Media, Hiburan dan Kehidupan Bersosial**

Zwemer berkata lagi: “*Kamu menyediakan generasi muda yang tidak kenal hubungan dengan Allah. Dengan itu, lahir generasi muda yang menepati kehendak penjajahan. Mereka tidak mementingkan urusan yang agung, bahkan hanya sukakan kerehatan dan bermalas-malas. Di dunia ini, mereka tidak mempunyai keinginan melainkan dalam perkara nafsu syahwat. Apabila mereka belajar, ia adalah kerana syahwat. Apabila mereka mengumpul harta, juga kerana syahwat. Dan apabila mereka menduduki posisi paling tinggi, ia juga kerana syahwat.”*

Marx ditanya: Apakah alternatif untuk melalaikan manusia daripada akidah ketuhanan?

Marx menjawab: “*Lalaikan mereka daripada akidah ketuhanan dengan pementasan drama.”*

Lantas mereka menggunakan senjata penyiaran seperti televisyen, pementasan, wayang, akhbar dan majalah... astro... ESPN... komik... karton...

dan banyak lagi.....

## **Sekadar Mengingat Apa yang Telah Berlaku, KEPADA KITA**

---


<sup>89</sup> “*Hadir Alam Islami*” ms, 41

## » Hingga seolah tiada yang tersisa, merekalah segalanya

Ya merekalah segalanya kerana mereka telah menimbus segala sumbangan Islam kepada umat manusia. Seterusnya mereka mempopularkan teori peradaban baru untuk menutup kegelapan, keganasan dan kemunduran asal usul mereka. Sejarah Islam menjadi subjek yang sangat kabur dan sumbangannya dipadam daripada daftar sejarah dan teori peradaban. Seolah-olah Islam tidak memberikan apa-apa yang bermakna untuk manusia sejagat.

Bangsa Eropah sendiri ditipu dengan sejarah yang direka-reka daripada melihat realiti sebenar. Seperti di Andalus, sehingga hari ini bangsa Eropah di Sepanyol buta sejarah akibat daripada pemalsuan sejarah yang dahsyat. Menidakkan Islam dan menerima kezaliman Ratu Elizabeth dan Ferdinand sebagai satu kemajuan dan pembebasan.

Para pemikir Eropah mendakwa mereka berevolusi dari zaman batu ke era pertanian, seterusnya masuk ke era kebangkitan (Renaissance) dan penguasaan terhadap dunia. Dan kemudian mereka melakar '*Rajah Ini Sejarah Mereka*' bermula dari kurun ke-5<sup>90</sup> sebelum Masihi hingga ke hari ini untuk menggambarkan kebangkitan dan penguasaan mereka terhadap dunia.



Ya hingga tiada yang tersisa daripada Ini Sejarah Kita !

Kaum Musliminlah yang membebaskan umat manusia daripada kezaliman Rom dan Parsi. Kaum muslimin jugalah yang membebaskan umat manusia daripada segala belenggu jahiliyah, jahiliyah aqidah dan ilmu ketika mana kaum Eropah sibuk berperang sesama sendiri, dikongkong sistem feudal, para pemikir dibunuh oleh pihak gereja dan kezaliman para penguasa berleluasa.

Mereka mengaburi apa sahaja yang bernama Islam, hampir segalanya !


<sup>90</sup> Kurun ke 5 Masehi adalah era kezaliman dan penjajahan Romawi

## Bab 10 - Formula Kebangkitan

Dalam bab yang terakhir ini, kita akan gariskan apakah bentuk formula kebangkitan berdasarkan input dan kajian daripada bab-bab yang lepas. Diharapkan agar pembaca dapat mengulang-kaji dengan merujuk kembali setiap fasa kebangkitan dan kejatuhan Islam pada bab-bab yang lepas kerana ia akan memudahkan kita untuk menggambarkan secara menyeluruh formula kebangkitan yang bakal kita rumuskan. Sesungguhnya manhaj yang terbaik itu telah dibuktikan oleh generasi *awwal* Islam ...

Seperti sabda Nabi saw., *“Sebaik-baik umatku adalah yang hidup pada kurun sahabatku, kemudian setelah kurun mereka (tabiin), kemudian setelah kurun mereka (tabiit tabiin). Kemudian akan datang suatu kaum di mana kesaksian salah seorang mereka mendahului sumpahnya dan sumpahnya mendahului kesaksiannya”* (HR Muslim)

Sementara luka-luka pedih kejatuhan Islam pula akan memberikan kita pelajaran dan panduan yang sangat bernilai supaya kita lebih berhati-hati dan tidak mengulanginya kembali.



### » Antara Semalam Dan Hari Ini

Semalam sangat panjang untuk kami huraikan hanya dengan sebuah risalah, namun inti patinya mudah untuk kita pelajari *insyallah*. Kerana sebagaimana sunnah-sunnah yang lain, perjalanan sejarah juga tidak lepas daripada aturan Allah yang maha berkuasa. Bangkit dan jatuh umat Islam pada zaman lalu melalui sebuah perancangan Allah yang tetap, dan Allah-lah sebaik-baik perancang.

Al-Quran memberikan petunjuk yang tiada keraguan, mengeluarkan manusia daripada kegelapan jahiliyah untuk menjadi umat yang terbaik, yang memimpin dan menguasai seluruh umat manusia.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

*“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah.”* (Ali Imran: 110)

Tetapi gelaran umat terbaik itu akan dilucutkan Allah apabila kemungkaran berleluasa dan amar ma'ruf tidak tertegak. Tampuk kepimpinan akan digilirkan kepada yang lebih berhak diatas kelemahan dan kerosakan yang berlaku kepada umat yang terbaik itu hinggalah mereka dilahirkan kembali. Benarlah firman Allah yang bermaksud, *“Dan masa (kejadian dan kehancuran) itu Kami pergilirkan di antara manusia (agar mereka mendapat pelajaran).”* (Ali-Imran: 140)

Inilah yang kita katakan sebagai *Sunnatullah Penggiliran* yang telah ditetapkan oleh Allah swt.. Sejarah lalu membuktikan sunnah ini. Ketika



penghujung pemerintahan Bani Umayyah berada dalam keadaan tenat, muncul Bani Abbas yang lebih sistematik dan bersungguh dengan misi perjuangan untuk memakmurkan bumi Allah. Namun ketika di puncak, kelekaan Bani Abbas dihancurkan pula oleh Tartar yang langsung tidak faham dan peduli akan betapa mahal dan bernilainya apa yang telah kita bina. Kita dijatuhkan ketika struktur masyarakat sedang kacau dan ramai yang asyik dengan tamadun kebendaan sedangkan saff Tartar tersusun rapi.

Muncullah Bani Uthman untuk menyelamatkan, dengan permulaan yang cuba mencontohi proses dakwah dan tarbiyah Rasulullah saw.; mentarbiyah sebelum melancarkan jihad memerangi golongan taghut. Seketika kita di puncak, namun jatuh kembali apabila barat bangkit dengan gerakan yang lebih tersusun. Sedangkan kaum Muslimin sibuk berkelahi sesama sendiri, tenggelam dalam syahwat dan gagal menegakkan keadilan di bumi Allah.

### **Apa Perbezaan antara Semalam dan Hari Ini?**

**Semalam** kaum Muslimin tidak kenal hidup tanpa Khalifah yang mereka berikan bai'at dan jadikan sebagai naungan. Aqidah yang benar menjadi dasar pemersatu seluruh kaum Muslimin daripada timur hingga ke barat tidak kira bangsa, ras atau budaya. Al-Quran dijunjung tinggi menjadi dasar perlembagaan dalam setiap urusan kehidupan tanpa ada yang terkecuali. Meskipun dalam hal membina ketamadunan, kajian dan penemuan yang berkembang pesat didasari oleh wahyu yang menjadi penapis kejahiliyahan.

Bayangkan anda sedang melancong di wilayah-wilayah Islam pada era ini, anda akan lihat satu empayar yang terbentang luas ibarat sebuah negara yang visanya dinaungi oleh Khalifah. Meskipun seorang wanita datang dari Hairah untuk bertawaf di Baitullah tanpa rasa takut kecuali kepada Allah. Sehingga Khalifah Harun Ar-Rasyid berkata kepada awan, pergilah ke mana sahaja, nescaya hasilnya akan kembali kepadaku jua.

Dua empayar besar dunia kita tewaskan, Kaisar Rom jatuh setelah kekalahan mereka di Al-Quds dan Mesir manakala Parsi berakhir setelah berakhirnya kekuasaan Kisra dalam pertempuran Nahawand yang dipimpin oleh An-Nu'man bin Muqrin. Kalimah Islam bergema ke seluruh pelusuk dunia, dihormati dan digeruni dan tiada kuasa yang mampu menandingi kita baik daripada sudut keluasan wilayah mahupun peradaban. Kita dikagumi Barat dalam segala hal, baik sistem pemerintahan, keilmuan, pembangunan atau boleh dikatakan apa sahaja kerana mereka tidak memiliki apa-apa.

Kedatangan sinar Islam bahkan dinanti-nanti oleh penduduk dunia. Masih ingatkah bagaimana Tariq bin Ziyad dan teman-temannya yang membelah samudera untuk membebaskan manusia dari belenggu kezaliman? Andalusia dengan mudah kita tawan dengan sokongan orang-orang Eropah sendiri yang tidak sanggup hidup di bawah kezaliman raja mereka.

Tetapi orang-orang Eropah yang kufur seolah tidak pernah belajar daripada keadilan yang di bawa oleh Islam. Ketika kaum Muslimin di Andalus lemah, mereka membantai habis-habisan. Tidak terlepas daripada pembantaian adalah kaum Yahudi. Mereka yang dianiaya ini lari dan meminta perlindungan dibawah Daulah Uthmaniyyah. Kita membuka sempadan,

bukan hanya kepada pelarian umat Islam, malah kepada Yahudi yang datang. Semuanya diberikan perlindungan walaupun si Yahudi itulah yang membelot.

Gema dakwah dan jihad terus berlangsung tanpa henti di bawah pimpinan para Khalifah yang mu'min. Sehingga dicatatkan semasa rombongan Aceh ke Turki untuk meminta bantuan Khalifah daripada serangan Portugis yang mengganas di Nusantara, Khalifah pada ketika itu sedang memimpin pasukan perang, berjihad di Hungary.

Rahmat dan keadilan yang dijanjikan Allah terhadap umat terbaik ini terpancar ke seluruh dunia.

**Semalam** kita berada di **Daulah Islam Madinah**. Inilah Daulah yang diasaskan dengan keimanan dan berteraskan kepada Al-Quran dan Sunnah sebagai perlembagaan. Ia menjadi benteng kepada perjuangan Islam dan kilang yang mengeluarkan manusia-manusia terbaik untuk berjihad membebaskan bumi daripada kuasa-kuasa jahiliyah.

Meskipun dalam tempoh tersebut, prestasi masyarakat Islam berbeza-beza daripada segi keimanan, perluasan wilayah atau kemajuan material, namun hakikatnya kedudukan kita lebih tinggi berbanding masyarakat lain di muka bumi.

**Hari ini** pula sebaliknya !

Sistem Khalifah dihapuskan oleh tangan-tangan Yahudi dan Nasara.

Tiada lagi Al-Mu'tasim yang apabila mendengar berita seorang muslimah dicabul oleh seorang Romawi di kota Amuria, tanpa berlengah Khalifah terus mengirim ratusan ribu tentera Islam untuk membelanya. Bahkan kota itu sendiri ditawan kaum Muslimin. Begitu juga semasa Yahudi mengidamkan bumi Palestin, tiada lagi Khalifah seperti Abdul Hamid yang berusaha bermati-matian mempertahankannya daripada diduduki Yahudi laknatullah.

*"Imam (Khalifah) adalah laksana perisai di mana orang-orang berperang di belakangnya dan berlindung kepadanya."* (HR Muslim)

Sejurus kejatuhan Khalifah Turki Uthmaniyyah, tiada lagi imam yang memimpin seluruh barisan mujahidin untuk mempertahankan hak dan maruah umat Islam.

**Hari ini**, tiada lagi perisai yang melindungi kita. Kepimpinan dunia (Ustaziatul Alam) beralih kepada musuh-musuh Islam yang menguasai dalam pelbagai hal. Mereka menentukan dasar-dasar politik dan ekonomi yang perlu dita'ati oleh mana-mana negara dan memantau siapa sahaja yang cuba bangkit melakukan perlawanan. Mereka merobek Al-Quran, mengusir umat Islam daripada kampung halaman sendiri, merosakkan maruah dan meruntuhkan akhlak umat dunia dan membiarkan wilayah-wilayah Islam hidup dengan serba kekurangan dan kemiskinan. Hingga kita terperosok ke jurang yang gelap, ketinggalan dan sering dihina tanpa pembelaan yang sewajarnya.

**Hari ini**, para pendakwah dan pencinta syahid menanti-nanti dengan penuh sabar akan kemunculan Daulah Islam yang mereka impikan.

Ia adalah sebuah Daulah yang tidak terikat kepada sebarang unsur asobiyyah baik bangsa, puak atau bahasa. Terbentuk atas fikrah islam di mana

seluruh kekuatan Daulah dipusatkan untuk menegakkan prinsip dan matlamat Islam pertama kepada warganya dan kedua kepada seluruh umat manusia. Ia bukanlah Daulah Asobiyah, Daulah Sekular atau mudahnya, Daulah Jahiliyah. Kepimpinannya tidak tunduk kepada kuasa kekafiran dan memerangi siapa sahaja yang meletakkan undang-undang buatan manusia melebihi Al-Quran dan Sunnah.

Berkata Hassan Al-Banna, "Di atas dasar sistem Al-Quran ini, tertegaklah sebuah negara Islam yang pertama. Ianya sebuah negara yang beriman benar-benar dengan al Quran, melaksanakan segala ajarannya dengan penuh rapi dan kemudiannya menyebarkannya pula ke seluruh dunia."<sup>91</sup>

Kita mengimpikan pimpinan yang mampu bertindak seperti Khalifah Islam yang pertama Abu Bakar ra. yang pernah memerangi orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat dan menyifatkan mereka itu sebagai murtad kerana meruntuhkan salah satu rukun deen Islam. Beliau mengatakan, "*Demi Allah kalau mereka itu enggan menunaikan kepada ku seutas tali pengikat unta seperti yang telah ditunaikan kepada Rasulullah saw, pasti aku akan perang dengan mereka selagi pedang masih berada di tangan ku*".

Inilah Daulah Islam yang akan mempertahankan Palestin, Afghanistan, wilayah-wilayah Islam di Afrika dan selainnya yang kini sedang bertarung dengan kuasa-kuasa kafir laknatullah.

Inilah Daulah Islam yang akan memainkan peranan Shahadah Haq yang mempamerkan Islam sebagai sistem hidup yang menyeluruh dan praktikal. Islam menjadi cerminan dalam segenap perkara baik dalam pemerintahan, ekonomi mahupun kekeluargaan. Tiada lagi campur aduk antara Islam dan Jahiliyah yang mencacatkan pandangan terhadap nilai Islam yang sebenar.

Inilah luahan harapan Abul A'la Al-Maududi yang bermatian berjuang untuk memastikan Pakistan yang bakal tertubuh pada 1948M, menjadi Daulah Islam yang pertama pasca trajedi 1924M. Menyedari hal ini Inggeris lantas menyusun rencana untuk mengagalkan impian Jamaat Islami dengan menggunakan tangan-tangannya yang mengaku muslim. Mereka menangkap dan menzalimi para mujahid termasuk Al-Maududi untuk menggagalkan impian seluruh kaum Muslimin.

Berkata Al-Maududi dalam harapannya terhadap Daulah Islam Pakistan yang diperjuangkan, "*Seandainya terdapat sebidang tanah yang luasnya satu mil persegi yang di dalamnya berlaku hukum Allah bagi manusia, maka satu genggam debu tanah ini bagiku lebih mahal daripada seluruh bumi India*"<sup>92</sup>

**Hari ini** yang tinggal hanyalah harokah-harokah dakwah seperti Jamaat Islami Al-Maududi yang dibelakangnya terdiri daripada individu-individu yang ikhlas dan soleh berjuang di jalan Allah tanpa takut kepada celaan orang suka mencela dan ancaman bunuh para taghut.

Benarlah sabda Nabi saw., "*Islam bermula dengan keadaan dagang, ia akan kembali dagang. Berbahagialah mereka yang dagang (daripada kalangan umatnya).*" (HR Muslim)

---

<sup>91</sup> Hassan Al-Banna, *Risalah Antara Semalam dan Hari Ini*

<sup>92</sup> Biografi Al-Maududi

Kini Islam kembali dagang, terasing atau ghurbah kedua atau yang kami kenali sebagai era Mekah kedua. Keterasingan yang berlaku bukan sahaja kepada kaum kafir, bahkan terhadap orang-orang Islam sendiri di mana mereka jahil baik daripada segi tasawwur, tuntutan mahupun penghayatan sebenar terhadap Islam. Berlaku campur aduk yang dahsyat antara Islam dan jahiliyah yang melahirkan satu millah baru tetapi tetap sahaja dipanggil Islam. Walhal yang dikatakan Islam sebenarnya berada jauh daripada realiti kehidupan baik dalam hal-hal pekerjaan, perniagaan atau cara berpakaian.

Para akhawat yang bertudung labuh itulah manusia yang dagang dikala manusia yang lain menelanjangkan pakaian mereka. Maka berbahagialah para akhawat !

أَفْتَوْمُنِيْنَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُوْنَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّوْنَ إِلَى أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾

*Patutkah kamu beriman kepada sebahagian daripada isi Kitab dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. (Al-Baqarah: 85)*

Keterasingan itu semakin terserlah apabila Islam cuba bangkit membelah arus jahiliyah yang berleluasa. Penyembah jahiliyah meskipun dia muslim mulai terasa terganggu dan memandang arus kebangkitan Islam sebagai ancaman bahaya yang akan memusnahkan segala tradisi jahiliyah. Pada saat itu, para daie yang berjuang akan berhadapan dengan pelbagai serangan brutal dalam rangka membantai, membuat makar, melancarkan fitnah dan tipu muslihat terhadap dakwah itu.

Saudara, kami tidak mendapati sebarang perbezaan terhadap keadaan umat Islam dan dakwah di antara semalam di Mekah dan hari ini. Bahkan apa yang kami rasakan adalah hari ini kaum Muslimin berada di bawah genggaman jahiliyah yang lebih cerdik dan kompleks berbanding ghurbah kali pertama. Hakikat yang benar, manusia pada hari ini begitu jauh daripada Allah. Manusia menjadi alat atau robot untuk mengejar hidup di dalam dunia yang penuh dengan kacau bilau materialisme. Jika jahiliyah di zaman dahulu berbentuk kejahilan, kebodohan dan kedangkalan, jahiliyah moden lebih-lebih lagi menyesatkan. Ia bersandarkan kepada ilmu dan kajian ! Putar belit ! Membabi buta ! dan tunduk kepada millah kaum kafir.

Ya, memang seolah-olah kita berada di Mekah bahkan lebih jahil daripada jahiliyah era Mekah. Kami paparkan jadual perbandingan realiti kebangkitan Islam antara semalam dan hari ini untuk memudahkan gambaran kita.

Fasa	Semalam – Generasi Lalu	Hari Ini – Pasca 1924
5. Abbasiyyah - <i>Ustaziyatul Alam</i> (Guru kepada dunia)	Islam memerintah dunia dan mendahului dalam semua aspek kehidupan. Muslimin menjadi rujukan dan membawa keadilan sejagat	Kepimpinan dunia dikuasai oleh kaum kafir. Wilayah-wilayah Islam dijajah sampai hari ini tidak kira penjajahan fizikal mahupun ideologi.

4. Umayyah – <i>Pembinaan Empayar Islam yang luas</i>	Empayar Islam berkembang luas daripada timur ke barat di bawah pimpinan seorang Khalifah.	Tanah-tanah Islam terus direbut Kuffar. Kita kehilangan satu per satu; Batu Putih, Timur-timur, Singapura, Filipina
3. Khulafa’ Ar-Rasyidin - <i>Pengukuhan dan Perluasan</i>	Daulah Islam berkembang dan meluas dengan misi mengajak manusia mentauhidkan Allah	
2. Madinah - <i>Era Daulah Islam</i>	Terbina <b><i>mujtama’ muslim</i></b> yang kuat dan berpengaruh di Madinah yang seterusnya membina <b><i>Kerajaan Islam</i></b> dan <b><i>Daulah Islam</i></b> dengan Al-Quran sebagai perlembagaan	Sekular menjadi dasar perlembagaan hampir keseluruhan wilayah Islam dan kepimpinannya tunduk kepada Yahudi dan Nasara
1. Era Mekah - <i>Dakwah dan Tarbiyah</i>	Berlakunya proses dakwah dan tarbiyah; pembentukan <b><i>individu muslim</i></b> dan <b><i>keluarga muslim</i></b> . Jahiliyah menguasai daripada segi ideologi dan kepimpinan <b>SAMA</b>	

Rajah Perbandingan Kebangkitan Islam Antara Semalam dan Hari Ini

Fasa	Mekah	Madinah	Khulafa’ Rasyidin	Bani Umayyah	Bani Abbas	Bani Uthman	Kini
Dakwah	√	√	√	√	√	√	√
Daulah	X	√	√	√	√	√	X
Khilafah	X	X	√	√	√	√	X
Tamadun	X	X	X	X	√	X	X

Kesimpulan Perbandingan


X	Tidak Ada	√	Ada
---	-----------	---	-----

Meskipun daripada sudut populasi sememangnya kita mengatasi 300 orang sahabat di Mekah namun hakikat Mekah kedua ini telah dijelaskan Nabi saw. di dalam hadisnya,

"Hampir dunia mengerumuni ke atas kamu (umat Islam) seperti mana orang-orang yang sedang makan menghadapi makanannya. Maka berkata seorang sahabat ra., apakah lantaran sedikit bilangan kita pada hari itu? Jawab Rasulullah saw. malah kamu pada hari itu ramai tetapi kamu seperti buih laksana buih banjir. Dan Allah telah mencabut kegerunan daripada dada (hati) musuh-musuh kamu dan mencampakkan ke dalam hati kamu Al-Wahan. Maka berkata seorang sahabat ra., apakah Al-Wahan itu Ya Rasulullah? Jawab Rasulullah saw.: Cintakan dunia dan bencikan kematian" (HR Abu Dawud)

## » Ini Peranan KITA

### Maratib Amal Kebangkitan Islam<sup>93</sup>



Berkata Imam Syahid Hassan Al-Banna, *"Umat hari ini tidak mungkin dapat diperbaiki, melainkan dengan cara umat terdahulu diperbaiki."*

Allah swt. telah mentakdirkan supaya muncul suatu contoh umat yang unggul di tengah realiti jahiliyah agar ia menjadi pedoman untuk generasi selepasnya. Kurun generasi tersebut merupakan kurun terbaik yang telah memecahkan belenggu yang sekian lama melumpuhkan dasar, fahaman, nilai, ukuran, budaya dan sistem hidup manusia.

Inilah aset pengalaman yang sangat bernilai yang dimiliki oleh generasi kini untuk dicontohi dan diulang kembali mengikut kemampuan kita kerana pengalaman itu seolah-olah sedang hidup bersama realiti yang kita hadapi.

Imam Syahid Hassan Al-Banna telah menyimpulkan pengalaman itu dalam 7 maratib amal kebangkitan Islam. Bermula dengan pembinaan (1) *Fardh Muslim* yang seterusnya mendirikan (2) *Baitul Muslim*. Persaudaraan antara Baitul Muslim pula menjadi asas kepada keluarga yang lebih besar yakni (3) *Mujtama' Muslim* di Madinah. Islam akhirnya berupaya untuk membentuk sebuah (4) *Daulah Islam Madinah*.

<sup>93</sup> Anda boleh mengkaji dengan lebih lanjut dalam buku *Wasail Tarbiyah Ikhwanul Muslimin* karangan Dr. Ali Abd Halim Mahmud

Setelah kewafatan Nabi saw., Islam terus berkembang pesat di bawah naungan (5) *Khilafah Islam* hinggalah Islam menjadi pimpinan membentuk sebuah (6) *Empayar Islam* yang kuat dan guru kepada dunia yakni (7) *Empayar Ustaziatul Alam*.

Jadi sepertimana usaha Nabi Muhammad saw. yang melalui proses-proses tertentu seperti Dakwah Sirriyyah dan Dakwah Jahriyyah atau Dakwah Fardiyyah dan Dakwah Dauliyah, kita sewajarnya mengambil iktibar dengan melihat kepada rahsia dan hikmah fasa-fasa tersebut sebagai panduan yang jelas kepada usaha dakwah kita.

\* \* \* \* \*

## » Era Mekah Kedua - Fasa dakwah dan tarbiyah

Tarbiyah *Fardh Muslim* yang beriman dengan ruh Islam adalah pelajaran pertama yang tak mungkin kita pisahkan daripada aset pengalaman dakwah Rasulullah saw.. Baginda saw. telah meletakkan satu garis panduan taghyir yang begitu jelas dan waqi'i<sup>94</sup> bersandarkan kepada tuntutan prioriti amal dakwah ketika itu. Sebenarnya, itulah sunnatullah yang terkandung di dalam rahsia dan hikmah yang diajarkan Allah swt. kepada kita semua.

Al-Quran memandu Nabi saw. untuk merealisasikan program-program dakwah dan tarbiyah untuk melahirkan generasi yang sanggup untuk memikul segala amanah dan ujian terhadap perjuangan panjang yang bakal ditempuh. Risalah agung ini tujuannya besar, maka musuhnya juga besar. Justru untuk kekal dalam pentas pertembungan antara Islam dan Jahiliyah, binaan harakoh manusia yang hidup dengan ruh Islam perlu agar mampu menahan serangan-serangan kebatilan. Bahkan untuk membina bangunan yang tinggi sahaja memerlukan tapak yang sesuai dan unsur binaan yang terbaik, apatah lagi untuk membina bangunan Islam yang fungsinya adalah untuk memimpin seluruh isi dunia.

Beberapa hikmah penting daripada tindakan generasi lepas menjelaskan *awlawiyat* proses taghyir Islam yang kami maksudkan:

1. *Pembinaan Aqidah (Ushul) sebelum cabang (Furu') Islam* – Pembinaan aqidah yang merubah manusia untuk tunduk secara total kepada Allah menjadi tunjang kepada program dakwah dan tarbiyah era Mekah. Aqidah adalah persoalan pokok yang menjadi inti kepada ruh perjuangan Islam perlu diselesaikan sebelum pembinaan cabang-cabang Islam. Dakwah Era Mekah bukanlah berlegar kepada isu-isu semasa dan persoalan fiqh yang far'i

Di atas keteguhan aqidah barulah ditegakkan syari'at Islam. Hal ini telah dijelaskan oleh Abdullah Ibn Umar ra.:

*"Kami adalah satu kaum yang didatangkan iman sebelum Al-Quran..."*

2. *Dakwah dan Tarbiyah menjadi projek utama di Mekah* – Nabi saw. memberikan segenap tumpuan selama 13 tahun untuk mempersiapkan Qaedah Sulbah di Mekah. Usaha untuk memperluaskan medan dakwah hanya berlaku di Taif

---

<sup>94</sup> Waqi' Era Mekah – Dakwah asing kepada masyarakat, ditindas oleh penguasa, dan dalam rangka menegakkan daulah

dan 3 tahun terakhir di Mekah yang menandakan fasa transisi kepada merealisasikan Daulah Islam. Ini berlaku apabila Nabi saw. dan para sahabat mendakwahi jemaah haji yang datang ke Mekah.

3. *Kewajipan Berperang* – Sabar terhadap segala ujian adalah perisai utama dakwah ketika mana Nabi saw. dan para sahabat tidak dibenarkan melakukan konfrontasi secara fizikal pada era Mekah. Inilah perancangan tarbiyah rabbani yang menjangkau jauh daripada apa yang difikirkan manusia. Pertembungan fizikal dalam keadaan harokah yang masih belum bersedia akan memberikan impak yang sangat merugikan kepada masa depan dakwah.

4. *Perkembangan Fikih Islam, Ilmu Tafsir dan Hadith dan Sains dan Teknologi* merupakan karakteristik yang jelas terdapat pada era Abbasiyyah sewaktu Islam menjadi kuasa besar dunia. Kaum muslimin mula disibukkan dengan pembinaan peradaban yang jelas berbeza daripada suasana era Mekah dan Madinah. Hal ini penting dan perlu tetapi fokus harokah secara keseluruhan kepada pembinaan peradaban hanyalah berlaku apabila tahapan-tahapan *amwal* yang perlu dilalui dakwah sudah mantap. Rujuk Bab Era Khulafa' Ar-Rasyidin – Khulafa' Ar-Rasyidin Tanpa Sains

## Jalan Tarbiyah

Berkata seorang Ulama' dan Daie Islam yang agung, Syakib Arsalan:

*"Kita wajib memulakan usaha Islam ini dari bawah. Kita perlu mentarbiyah individu."*

Tarbiyah (تربية) adalah memperbaiki, menjaga serta memelihara. Ia adalah proses yang berinteraksi dengan fitrah manusia, baik secara langsung (dengan kata-kata) ataupun secara tidak langsung (dengan keteladanan) untuk memproses perubahan dalam diri manusia menuju keadaan yang lebih baik.

Individu muslim dipersiapkan dengan persiapan yang menyentuh seluruh aspek kehidupan meliputi jasmani, ruhani, dan akal fikiran. Tarbiyah Rasulullah saw. telah memperbaiki jiwa yang rosak dan mencanai segala potensi insaniah yang ada untuk mencapai matlamat dakwah. Tarbiyah menggantikan semua nilai jahiliyah dengan menyemai nilai Islam. Inilah manhaj yang diajarkan oleh Al-Quran,

*"Dia-lah yang mengutuskan kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul dari kalangan mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan hikmah. Dan Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata" (Al-Jum'ah: 2)*

Allah memberikan panduan yang jelas bagaimana perencanaan tarbiyah:

**Pertama;** Perlu dibacakan ayat-ayat Allah kepada orang yang diseru.

**Kedua;** Mereka perlu disucikan daripada jahiliyah

**Ketiga;** Diajarkan kepada mereka Al-Kitab dan Al-Hikmah (As-Sunnah).

Sayyid Qutb dalam komentarnya mengatakan bahwa tarbiyah Islam merupakan revolusi di dalam kehidupan manusia. *"Seorang yang menganut*



*Islam itu sebenarnya telah melucutkan dari dirinya segala sesuatu dari zaman lampayunya di alam jahiliyah. Dia merasakan ketika dia mula menganut Islam bahawa dia memulakan zaman baru dalam hidupnya..."<sup>95</sup>*

Lihatlah Umar Al-Khattab, sebelum Islam dia terkenal dengan pelbagai panggilan jahiliyah, namakan sahaja. Tetapi tarbiyah rabbani akhirnya menyucikan hatinya daripada keladak jahiliyah yang pekat dan mengarahkan semua potensi insaniahnya; cekal, gagah, pemberani dan jelas dalam kata-kata sehingga tergolong dalam kalangan mukmin terbaik.

الناس معادن، خيارهم في الجاهلية خيارهم في الإسلام، إذا فقهوا

*"Manusia seperti logam, terpilihnya mereka semasa jahiliyah terpilih juga mereka semasa Islam, sekiranya mereka faham" (HR Bukhari)*

Logam-logam asli itu ditempa dengan teknik dan ukuran yang penuh teliti untuk menghasilkan tempaan yang terbaik. Inilah tarbiyah rabbani, yang menempa bahan mentah yang berupa manusia dengan beracukan Al-Quran untuk melahirkan kualiti manusia terbaik.

As-Syahid Sayyid Qutb merumuskan formula tarbiyah *generasi awal* ini dengan menjelaskan tiga karakteristik yang unik lahir daripada madrasah tarbiyah Ar-Rasul saw..

**Pertama**, mereka sentiasa membersihkan diri daripada segala unsur jahiliyah.

Sayyid Qutb *rahimahullah* menjelaskan, *"Allah mahukan mereka membersihkan diri daripada segala keladak jahiliyah dan hubungan-hubungannya, juga membersihkan diri daripada sifat-sifat jahiliyah yang lapuk dan keinginan-keinginannya yang terpendam. Allah mahukan mereka meninggalkan segala pakaian yang telah dipakainya di zaman jahiliyah dan membuang segala lambang jahiliyah yang pernah digunakan mereka. Allah mahukan mereka menyematkan lambang Islam sahaja di dalam hati mereka dan tidak bercampuraduk dengan lambang-lambang yang lain, dan Allah mahukan mereka menerima perintah daripada satu sumber sahaja dan tidak dikongsikan oleh mana-mana sumber yang lain."*<sup>96</sup>

**Kedua**, mereka menjadikan Al-Quran sebagai satu-satunya sumber rujukan yang agung. Ia ibarat jantung yang menghidupkan seluruh nadi untuk bergerak mencapai sesuatu. Manhaj Al-Quran mengeluarkan mereka daripada lubuk jahiliyah yang hina dan mengangkat mereka menjadi umat yang terbaik. Tiada lagi pedoman lain selain daripada Al-Quran, baik kehebatan tamadun Rom dan Parsi, atau ajaran kitab Injil dan Taurat yang menjadi mizan kehidupan mereka.

**Ketiga**, mereka memandang Al-Quran bukan sekadar untuk tujuan menambah pengetahuan atau memperluaskan wawasan, tetapi yang lebih penting ialah perintah untuk dihayati dan dilaksanakan. Ia bukan buku sastera untuk dihayati keindahan bahasa atau menjadi teks untuk perdebatan sekadar pada tahap berfikir. Apabila Al-Quran diwahyukan, mereka siap

<sup>95</sup> Sayyid Qutb, *Ma'alim Fit Thoriq*

<sup>96</sup> Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilalil Quran*, Surah Al-Baqarah

untuk taat bila diperintahkan tanpa tangguh. Sehingga Ibnu Mas'ud menggambarkan bahwa mereka para sahabat menerima sepuluh ayat dan tidak menambahnya sehingga benar-benar dapat dihafal dan dilaksanakan.

## Halaqah Tarbawi

Naluri manusia selalunya lebih cenderung untuk memperoleh apa sahaja kejayaan dengan cara cepat dan sukakan kepada sorakan suara yang ramai. Inilah antara nilai manusia yang menyebabkan sebahagian mula mengambil langkah yang tergesa-gesa untuk mengembalikan kegemilangan ummah. Rata-rata manusia keliru dalam meletakkan keutamaan kepada sesuatu perkara apabila terpengaruh dengan sorakan ramai. Lantaran itu, mereka mula berfikir di luar realiti manhaj yang telah digariskan Ar-Rasul saw. dan merancang mengikut angan-angan dan imaginasi manusia yang cetek. Al-Quran telah membimbing generasi terdahulu dengan bimbingan rabbani yang mengeluarkan mereka daripada nilai berfikir manusia biasa.


Abdul Wahab Azam berkata:

*“Usaha dakwah mestilah dimulakan dari bawah sepertimana kata Syakib. Tiada cara lain. Ianya adalah dengan khemah tanzim dan penyusunan barisan yang terdidik dengan tarbiyah Islam yang sejati. Bukan dewan-dewan perhimpunan dan seminar. Ia adalah dengan api semangat yang merdeka, bukan sinaran bintang. Dirikanlah khemah kamu di padang pasir jahiliyah kurun kedua puluh ini dan nyalakanlah apimu supaya ia dilihat oleh orang yang sesat dan terputus dari hidayah, supaya mereka menuju kepadanya dan bernaung di dalam khemah kamu.”<sup>97</sup>*

Perlu diingatkan bahawa perjumpaan demi perjumpaan di Darul Arqam bukanlah sekadar pertemuan biasa dan hanya untuk ‘mendalami ilmu agama’. Di Darul Arqam tanzim tarbiyah mula didirikan 1400 tahun dulu. Membina jiwa, lebih utama daripada membina fizikal tetapi kesempurnaan kedua-duanya adalah dituntut sama sekali oleh Islam. Aqidah yang kukuh, adalah bekal yang terbaik bagi setiap muslim, terutama bagi seorang da'ie. Aqidah inilah yang akan memotivasi, menggerakkan dan kemudian menilai setiap perbuatan yang dilakukannya.

---

<sup>97</sup> Abdul Wahab Azam, disertakan dalam synopsis *Diwan Risalah Masyriq*, oleh Muhammad Iqbal.



Rasulullah saw. mengajarkan bahawa usaha tarbiyah membentuk kader-kader dakwah bukan sekadar ‘t’ kecil (tarbiyah), yang jelas adalah proses pendidikan, namun adalah Tarbiyah (“T” besar sebagai kata nama sebuah gerakan). Tarbiyah menjadi sendi dan ciri utama harokah Rasulullah saw. kerana tarbiyah itu sendiri merupakan interaksi yang syumul antara pembina, binaan dan suasana pembinaan.

*Fardh muslim* yang tersusun atur dalam halaqah tarbawi membentuk khemah tanzim yang disebut Abdul Wahab Azam tadi. Sejauh mana kualiti dan kuantiti kader-kader dakwah yang terbina dalam halaqah tarbawi itulah yang menjadi ukuran kekuatan bangunan jamaah Tarbiyah Rasulullah

saw..


Mustafa Masyhur menjelaskan hal ini, “*Aqidah dan iman yang kuat adalah asas kepada pembentukan peribadi muslim. Kerana kecacatan dalam tarbiyah menyebabkan kelemahan dalam **al-asas**, dan menghadapi bangunan kepada keruntuhan, samaada cepat atau lambat.*

*Tidak memberikan **ihitimam** (perhatian) yang layak kepada tarbiyah juga akan menyebabkan kepada menurunnya kualiti peribadi, sehingga tidak melahirkan peribadi-peribadi yang tidak selevel dengan beban tanggungjawab dan daya tahan dalam memikul berbagai amanah ‘amal ...’<sup>98</sup>*

Tarbiyah itu perlahan namun pasti, sulit namun terjamin, para sahabat dibentuk dan dibina dengan ruh Islam yang syumul. Satu persatu nilai-nilai Islam meresap, mengakar, tumbuh menjadi bahagian yang tidak terpisahkan daripada keperibadian. Ini adalah keperluan kita sepanjang masa (madal hayah) yang tidak boleh digantikan dengan apapun lagi untuk menegakkan Daulah Islam. Peribadi inilah yang merupakan tonggak atau paksi utama kepada pembinaan harokah dan seterusnya daulah Islam.

Daripada sekumpulan pendokong seperti di dalam Peta Permulaan Dakwah, Harokah Islam seterusnya berkembang menjadi mainstream dalam masyarakat. Harokah ini seterusnya memimpin masyarakat dan ketika inilah Nabi saw. menggariskan panduan Daulah Islam yang pertama di Madinah.

<sup>98</sup> Musthafa Masyhur, *Fiqhud Da’wah*, Jilid 1, ms. 187



Harokah Islam menjadi dominan dalam masyarakat dan membentuk front yang mantap yang akhirnya membentuk kerajaan. Paksi kepada masyarakat adalah fardh muslim yang terbina daripada Halaqah Tarbawi

Justru untuk mengembalikan kegemilangan Islam, tidak dapat tidak para daie harus mengkaji dan menghayati tahapan dakwah Ar-Rasul saw..

Syakib Arsalan ketika ditanya tentang usaha menegakkan kembali khilafah Islam berkata,

*Banyak surat sampai kepadaku sama ada dari Morocco, Jawa, Mesir, Syria, Iraq dan negara kamu (palestin). Penulis-penulisnya mencadangkan satu Muktamar Islam, atau melantik seorang khalifah atau perkara-perkara yang seumpama dengannya. Namun seperti biasa aku akan menjawab:*

*“Kita WAJIB memulakan usaha Islam ini dari bawah; iaitu melalui TARBIYAH INDIVIDU. Apalah gunanya mengadakan muktamar yang menghimpunkan orang-orang yang lemah, tidak mempunyai keinginan sendiri dan tidak mampu melaksanakan satu keputusan atau resolusi. Apa faedahnya berbuat demikian? Adakah kamu mahu mengumpulkan angka-angka kosong?”<sup>99</sup>*

\* \* \* \* \*

<sup>99</sup> *Al-Muslimun*, Bilangan 2, ms. 363

## » Menegakkan Daulah Islam

### Kewajipan Menegakkan Daulah Islam

Lord Curzon, Perdana Menteri Inggeris sejurus selepas peristiwa 1924 terus menyatakan dengan keras di depan parlimen Inggeris, House of Commons: *“Kita harus hentikan segala bentuk usaha yang bertujuan untuk menyatukan Islam diantara generasi muda muslim. Setelah kita berhasil meruntuhkan Khilafah, maka kita harus pastikan bahawa sebarang persatuan Islam tidak boleh ditoleransi, baik dalam bentuk persatuan intelektual mahupun budaya.”*

Kata-kata Lord Curzon tadi bukanlah dalil yang syar’ie untuk mengatakan wajib menegakkan kembali daulah dan seterusnya khilafah Islam, tapi hakikatnya, barat sendiri mengakui kepentingannya. Cukuplah dengan diskusi yang panjang lebar sebelum ini untuk menjelaskan bahawa menegakkan Daulah Islam hukumnya fardhu (wajib) bagi seluruh kaum muslimin, tanpa tawar menawar lagi dan tidak pula ada kompromi.

Demikianlah pula dengan kewajipan menegakkan khilafah. Melalaikannya merupakan salah satu perbuatan maksiat terbesar dan Allah akan bertanya kepada mereka yang lalai. Dalil-dalil mengenai kewajipan menegakkan khilafah bagi seluruh kaum muslimin termaktub dalam Al-Quran, Sunnah dan Ijma’ As-Sahabat. Dalam satu kaedah feqah yang disepakati oleh ulama’ Islam ada dinyatakan;

مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

*“Apa-apa urusan yang tidak sempurna sesuatu kewajipan melainkan dengannya maka ia juga turut menjadi wajib.”*

Dan sesungguhnya urusan kaum Muslimin seluruhnya jauh daripada penyelesaian melainkan adanya Daulah dan Khilafah Islam. Apakah ada hukum yang lebih baik daripada hukum Allah ? Kerana sudah pasti Allah tidak menggubal sesuatu untuk kepentingan peribadi atau sesuatu bangsa atau untuk menarik sokongan manusia ! Dan sekadar mana undang-undang Allah boleh di laksanakan tanpa Daulah dan Khilafah Islam ? Undang-undang adalah penguatkuasaan umum, bukan sekadar amal fardhi.

Rasululullah saw. bersabda: *“Zaman Kenabian akan berada dengan kamu selama mana yang dikehendaki Allah. Selepasnya Dia akan tamatkannya jika Dia mahu. Selepas itu Khilafah akan muncul mengikut kenabian dan semuanya akan berada seperti cara yang dikehendaki Allah. Selepasnya Dia akan tamatkannya kalau Dia mahu. Selepas itu akan digantikan dengan pemerintahan keturunan dan ia akan berada selama mana Allah kehendaki. Selepasnya Dia akan tamatkannya kalau Dia mahu. Selepas itu akan digantikan dengan pemerintahan kezaliman sepanjang dikehendaki Allah. Selepasnya Dia akan tamatkannya kalau Dia mahu. Selepas itu akan digantikan dengan Khilafah ala minhaj nubuwah (Daulah Islam menurut minhaj kenabian).”* Selepasnya Baginda saw diam. Dan para sahabat bertanya: *“Apakah yang berlaku selepas itu?”*. Rasulullah saw menjawab: *“Kiamat”*. (HR Ahmad)

## Tidak cukup dengan baik seorang diri!<sup>100</sup>

*"Barangsiapa diantara kalian yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia merubahnya dengan tangannya, dan apabila ia tidak mampu, maka hendaklah ia merubahnya dengan lisannya, dan apabila ia tidak mampu, maka hendaklah merubahnya dengan hatinya. Dan sesungguhnya hal itu merupakan selema-lemahnya iman."* (HR Ahmad, Muslim, Abu Dawud, At-Tirmidzi, An Nasaa'i)

*"Demi Dzat yang jiwaku berada ditangan-Nya, sungguh kalian (memiliki dua pilihan, iaitu) benar-benar memerintah berbuat ma'ruf dan melarang berbuat munkar, ataukah Allah akan mendatangkan siksa dari sisi-Nya yang akan menimpa kalian. Kemudian setelah itu kalian berdo'a, maka do'a itu tidak akan dikabulkan."* (HR Tirmidzi)

Muslim itu bukan selamanya rahib. Tidak cukup hanya menjaga diri sendiri dan membiarkan jahiliyah berleluasa, kerana perbuatan ini bertentangan dengan maksud dakwah dan apatah lagi shahadah kita kepada Allah. Iman yang benar akan melahirkan daya tolak yang kuat untuk beramar ma'ruf nahi mungkar seperti firman Allah;

*"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar (yakni keluar berdakwah)."* (Surah Al-Asr: 1-3)

"Apabila si zalim atau fasik berkuasa, mereka akan melantik orang yang jahat dan fasik seperti mereka juga untuk mengurus apa-apa urusan. Mana-mana si fasiq tak dapat tidak adalah tawanan nafsu dan dah tertutup hatinya. Mereka hidup lalai dan tidak berfikir pun untuk kebaikan bangsa dan negara mereka.

Mereka juga bekerja untuk kepentingan peribadi mereka. Bertindak zalim, menindas dan menyeleweng. Banyak tenaga dan kemampuan kemanusiaan dipersia-siakan. Orang yang benar-benar layak dan berpotensi terpaksa bersembunyi mencari perlindungan kehormatan dan jasad mereka dari dicerobohi dan diseksa. Tinggallah urusan pentadbiran umat dipegang oleh mereka yang jahil dan berkepentingan. Hasilnya tersebarlah gejala keruntuhan masyarakat yang akhirnya membawa kemusnahan ekonomi dan ketamadunan ilmu."<sup>101</sup>

Allah swt. memberikan ancaman yang keras kepada mereka yang berdiam diri melihat kemungkaran:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

*"Takutilah fitnah (azab bencana) yang tidak khusus hanya menimpa orang-orang yang zalim saja di kalangan kamu.."* (Al-Anfal 8:25)

Islam adalah satu-satunya sistem hidup yang lengkap dan sempurna. Islam datang untuk menyebarkan rahmat dan menegakkan keadilan dengan memusnahkan penguasa yang zalim dan fasik. Jauh sekali daripada kerahiban atau sekadar mengatakan aku beriman dengan hati tetapi bisu dan cacat

<sup>100</sup> Sila rujuk tajuk ini dengan lebih lanjut pada Buku Al-Muntholaq, Bab 3 – Golongan Baik Yang Dibinasakan oleh Ahmad Rasyid

<sup>101</sup> Al-Muntholaq, Bab 3 – Golongan Baik Yang Dibinasakan oleh Ahmad Rasyid

terhadap kemungkaran. Cukuplah bangsa kita dirosakkan dengan pepatah *"Jangan jaga tepi kain orang"* kerana akibat daripada maksiat yang berleluasa, habis seluruh nilai masyarakat kita rosak binasa.

Maka wajiblah kita keluar daripada kerahiban baik di rumah atau di masjid untuk menegakkan perintah Allah di setiap lapangan kehidupan.

Firman Allah Taala: *"...sehingga tidak ada lagi fitnah dan (sehingga) agama itu hanya untuk Allah semata-mata."* (Al-Baqarah 2:193)

Mustafa Masyhur berkata, *"Jadi wajiblah kita menyampaikan seruan Islam ini kepada manusia seluruhnya. Seorang muslim tidak mungkin boleh hidup sebagai muslim dengan keIslaman yang sah dan sempurna kalau dia mengasingkan dirinya dari saudara-saudara muslimin dan tidak memperdulikan segala apa yang terjadi kepada mereka, segala gangguan, sama ada berupa fitnah dan serangan dari musuh-musuh Allah swt., musuh-musuh Islam, dari berbagai ceruk rantau di muka bumi."*

### **Dakwah Hanyalah Fadhu Kifayah?**

Sesetengah orang beralasan, tidak kira dia seorang ustaz, ahli professional, ataupun pelajar dengan dalil di bawah sebagai jalan mudah untuk menyenangkan hati mereka daripada terlibat dalam berdakwah di jalan Allah. Bagi mereka tidak perlu bergabung dengan harokah dakwah dan bersusah-susah membasmi mungkar dan menentang kezaliman si kafir dan fasik.

*"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Dan merekalah orang-orang yang beruntung."* (Ali Imran: 104)

Saudara, jika anda meneliti keadaan kaum Muslimin pada hari ini sesungguhnya kifayah itu tidak akan pernah selesai melainkan apabila Al-Quran menggantikan perlembagaan buatan manusia. Kewajipan ini masih belum gugur sehingga para pelaku maksiat berhenti dan pada ketika itu barulah sebahagian diharuskan untuk mendiamkan diri.

Ketahuilah bahwa tidak pantas untuk kita berehat daripada kerja amar ma'ruf dan nahi mungkar semudah kita berfatwa sendiri bahwa telah gugur tanggungjawab menguruskan jenazah.

Dalam perbincangan kita pada era Daulah Islam Madinah, sejarah telah membuktikan bahwa tidak ramai manusia yang akan beriman dan terus percaya dengan hanya kata-kata dan janji yang diberikan. Mereka perlukan bukti yang kukuh di depan mata. Oleh kerana itu, apabila tertegaknya Daulah Islam Madinah, kita dapati berbondong-bondong manusia masuk Islam apabila melihat kemenangan demi kemenangan yang berpihak kepada Islam dan keadilan yang mereka rasai di bawah kepimpinan Islam. Maka Daulah Islam itu sendiri merupakan alat atau mekanisme yang wajib untuk menyebarkan misi dakwah.

Oleh itu, ini membawa maksud yang jelas bahawa selagi Daulah Islam tidak tertegak, semua kaum Muslimin menanggung bebanan untuk berjihad menegakkannya! Dan ingatlah bahwa kewajipan untuk membebaskan tanah umat Islam yang dijajah oleh kaum kafir adalah fardhu ain, bukannya fardhu kifayah. Saudara usah sekadar menyibukkan diri dengan hukum hakam yang far'i, kajilah pendapat As-Syafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi kerana mereka semua telah mensepakati hal ini. Jika kaum Muslimin di Palestin tidak mampu untuk menghalau Zionis, maka kewajipan itu sebagai fardhu ain berkembang penduduk sekitarnya seperti negara-negara Arab. Jika masih belum cukup dengan pelbagai alasan, dicengkam penguasa yang zalim atau mundur atau malas, maka kewajipan itu akhirnya akan sampai kepada kita !

Sehingga hari kami merasakan bahwa kewajipan itu merupakan hukum yang syar'ie semenjak kejatuhan Andalusia ke tangan orang-orang Nasrani pada tahun 1492M. Apatah lagi Singapura dan Batu Putih, wajib kita bersihkan daripada kotoran orang-orang kafir kerana ia adalah watan Islam. Namun, mana mungkin kita akan mampu untuk membebaskan tanah air Islam daripada terus dijajah sekiranya kita tidak punya Daulah Islam.

\* \* \* \* \*

## » Untuk yang Sedang Berjuang Jalan ini dirasakan terlalu lama

Mungkin ada yang akan ketawa apabila membayangkan perjalanan jamaah tarbiyah ini, terlalu lama dan panjang. Sehingga mungkin ada yang terfikir, entah bilakah halaqah tarbawi itu akan berkembang biak dengan muwasofat-muwasofat pembinaan yang sangat ideal dan seterusnya didokong masyarakat ramai untuk mendirikan daulah Islam?

Mungkin ada yang merasakan jalan ini terlalu panjang dan sukar, tidak realistik. Tetapi apakah yang membezakan tubuh kita dengan tubuh para sahabat? Mereka punya kaki, tangan dan pancaindera sebagaimana yang kita miliki. Mereka mengeluarkan harta untuk berinfak dan kita pun boleh mengeluarkannya. Mereka mengerjakan solat, dan kita pun mengerjakannya. Mereka makan dan minum sebagaimana kita juga memerlukan kepada makan dan minum. Hanya keimanan yang tertancap di dada kita yang menjadi ukuran. Kita punyai aset yang mereka punya yakni fitrah seorang muslim.

*"Sesungguhnya Allah tidaklah melihat kepada rupa ataupun harta yang kalian miliki. Akan tetapi Allah melihat hati dan amal kalian."* (HR Muslim).

Mereka memandang tarbiyah terlalu remeh dan perlahan. Perlu hadir halaqah mingguan, wajib menyertai pelbagai lagi wasail tarbiyah yang direncanakan, perlu menghafaz semahunya seluruh Al-Quran dan membaca berpuluh-puluh buku yang telah digariskan dan sabar membina manusia hingga hancur segala macam jahiliyah yang bersarang. Hingga cukup bilangan



(Qaedah Sulbah) barulah boleh mengangkat suara kepada masyarakat yang lebih besar. Itulah rahsia dan hikmah tarbiyah yang kami faham dari 13 tahun di Mekah. Fokus, bukannya sekadar meramaikan.

Bagi kami, manhaj taghyir berasaskan tarbiyah ini bukan lagi isu ijtihadiyyah walau apa sahaja alasan yang diberikan. Jihad adalah jalan dan tarbiyah pula bagi menyiapkan para mujahid untuk melaksanakannya. Perjuangan yang ditunjukkan Nabi Muhammad saw. adalah qudwah kita dalam amal melakukan perubahan. Kerja-kerja nabi berpandukan wahyu Allah Azza wa Jalla yang membimbing baginda beramal selangkah demi selangkah sehinggalah baginda dikurniakan kemenangan. Setiap umat Islam tidak terkecuali wajib mencontohi Nabi saw. dalam menggerakkan amal untuk melakukan perubahan.

Inilah manhaj taygyir yang diwarisi secara mutawatir dan tidak ada ruang ijtihad untuk meninggalkannya, melupakannya, atau mengubahnya. Kita sampai bila-bila tidak akan sama sekali menggantikan sunnatullah ini dengan berjuang merebut kuasa sebelum membina iman, ukhuwwah, mahhabah dan walak kepada Allah dan rasulnya atau sekadar menjadi rahib yang meramaikan masjid.

Ustaz Hassan al-Hudhaibi telah merumuskan maksud di atas dengan kata-katanya:

“... Semua peristiwa mesti tunduk kepada kitab Allah dan sunnah rasulNya meskipun manusia melihat dunia tidak sebegitu. Agama ini sebenarnya aturan yang ditetapkan oleh Allah kepada manusia, sebagaimana Dia menetapkan hukum alam kepada matahari, bulan, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dan kepada segala apa yang ada di langit, bumi dan apa jua yang ada padanya.”<sup>102</sup>

Beliau berkata:

“Jika matahari mempunyai paksi dan graviti, bumi mempunyai paksi dan beredar di atas orbitnya, maka demikian jugalah manusia dengan agama ini. Apabila agama ini hilang dari manusia, akan pincanglah keseimbangan. Sesiapa yang berfikir dengan mendalam pasti dapat melihat lebih jauh dari itu. Dilihatnya alam ini mempunyai rekabentuk dan binaan yang indah. Agama ini adalah sebahagian darinya. Oleh itu, agama ini perlu diwakili oleh sekelompok manusia dalam mana-mana waktu dunia ini.”

Ketika para perwakilan Ikhwan daripada pelbagai negara menyatakan keluhan pelbagai kesan yang lahir akibat keterlibatan dalam politik kepada tarbiyah, Syaikh Musthafa Masyhur lantas berkata, “...walakin Laa Tansa...! annakum ikhwan, fahtammu bittarbiyah.”

Maksudnya, “Silakan berpolitik, akan tetapi jangan lupa! Bahawa kalian adalah kader ikhwan, maka hendaklah memberi perhatian besar (ihtimaam) pada tarbiyah.”

---

<sup>102</sup> *Majalah al-Dakwah*, Bil. 52

Begitu juga kata-kata Ustaz Rahmat Abdullah dalam nasihat kepada para Ikhwah di Indonesia ketika kerusi-kerusi parlimen berjaya direbut, “... *jangan sampai lupa kepada akarnya. Makanya, pemantapan nilai Tarbiyah dalam perancangan ini tidak bisa kita abaikan ...*” Kerana sarana tarbiyah yang menjadikan kita seperti hari ini.

Saya masih ingat ketika kami sedang bertelekonferent dengan Syaikh Rasyid Ghannusi tentang Islam dan Demokrasi, para Ikhwah bertanya pelbagai soalan dengan perasaan ingin tahu dan ada pertanyaan tentang pendetailan cabang-cabang fiqh Islam ketika kita memegang tampuk pemerintahan, seperti hudud dan gejala riddah. Tiba-tiba syaikh mengangkat sedikit suaranya seraya berkata, “*Usah kamu disibukkan dengan pertanyaan-pertanyaan di luar rangka realiti dakwah kita hari ini. Utamakan tarbiyah.*”

Inilah jamaah tarbiyah, siapapun anda, dimanapun anda berada dan ditahap manapun anda, tarbiyah dengan halaqah-halaqah tarbawi tidak boleh sama sekali ditinggalkan kerana ia adalah asas kepada proses perubahan. Meninggalkan tarbiyah adalah petanda awal kepada kerosakan.

Inilah jamaah tarbiyah, jauh daripada perdebatan dan melampau dalam masalah khilafiah yang banyak meninggalkan kesan negatif terhadap ukhuwwah sesama daie yang ikhlas.

Syaikh Yusuf Qardhawi mengomentari hal ini dalam buku Fiqh Ikhtilafnya, “Namun yang benar-benar menghiris hati ialah terdapat para pendakwah dan aktivis Islam yang tidak menghormati perkara ini dengan sewajarnya. Mereka menaburkan benih-benih perpecahan di mana sahaja mereka berada. Mereka mencari perkara-perkara yang boleh menyalakan api perselisihan serta menimbulkan permusuhan juga kebencian. Tumpuan mereka sentiasa terletak pada tempat-tempat perselisihan dan bukannya titik-titik persepakatan. Mereka selalu merasa takjub dengan pandangan mereka sendiri, memuji diri dan jamaah mereka dan membuat tohmahan kepada orang lain”<sup>103</sup>

Harokah ini akan terus berjalan, berdakwah dan mentarbiyah seramai mungkin walaupun ada berhenti atau meminggirkan diri dan pengikutnya di pertengahan jalan. Janganlah kita kecewa dengan cemuhan dan penolakan orang yang tidak memahami betapa istimewa dan sucinya tanggungjawab dakwah ini, kerana Allah yang memiliki dakwah ini dan Dia tidak pernah kecewa dan kalah terhadap perancangan jahat manusia.

---

<sup>103</sup> Dr. Yusuf Qardhawi, *Fiqh Ikhtilaf*, cet. Pustaka Salam, ms. 8-9

## Janji Kemenangan

Keyakinan para sahabat kepada janji-janji Allah laksana gunung, bahkan lebih hebat lagi kerana gunung pun akan hancur apabila amanah dakwah ini mahu dibebankan kepadanya, tetapi para sahabat masih teguh.

Allah berfirman yang merupakan janji bahawa Islam akan kembali gemilang,

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّأ أَن يُتِمَّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

*"Mereka cuba untuk memadam cahaya Allah dengan mulut-mulut mereka, dan Allah tidak menghendaki selain menyempurnakan cahayaNya walaupun orang kafir tidak menyukai"* (At-Taubah: 32).

Abdul Wahab Azam<sup>104</sup> yakin dan mempraktikkan sunnah kebangkitan ini. Sunnah inilah yang menjadikan orang-orang yang yakin dengannya tidak tergugat oleh serangan kebatilan, gugurnya sebagai para syuhada atau ramainya pejuang yang berundur setelah tiba di separuh jalan.<sup>105</sup> Beliau pun berkata:

*Sunnatullah terhadap semua makhluk terus berjalan*

*Sesaat pun tidak berhenti dan berubah*

*Mereka yang merdeka terus berjihad pada jalan Allah*

*Kerana jihad pada kebenaran tidak pernah hilang walau sehari<sup>106</sup>*

Kerosakan yang melata di atas bumi kini menunjukkan dengan jelas bahwa sudah tiba masa untuk peralihan tampuk kepemimpinan seperti yang berlaku kepada Bani Abbas dan Bani Uthman. Islam memiliki segala potensi dan kekuatan material untuk bangkit, seperti jumlah kaum muslimin yang ramai, tanah yang subur, sumber galian yang melimpah ruah, kedudukan wilayah Islam yang strategik dan tak lupa, sejarah kebangkitan yang telah terbukti berjaya. Kita telah membuka Konstantinople, insyallah kita akan membuka seluruh wilayah Rom sedikit masa lagi.

Dengan keyakinan ini bukan bermakna kita akan berdiam diri dan berpeluk tubuh dengan hanya menunggu kemenangan yang dijanjikan oleh Allah. Tetapi dengan keyakinan ini, seharusnya kita mempergandakan usaha kita untuk menegakkan deen Allah ini. Walaupun jalan tarbiyah ini panjang, usah gelisah kerana sesetengah pakar tarbiyah berkata, *"Jika sesuatu boleh dimulakan, tentu ada penghujungnya."* Yakni kemenangan sesudah kesusahan.

Cuma yang tinggal untuk merealisasikan impian ini hanyalah rijalnya. Bak kata Saidina Umar kepada sahabatnya, *"Impikanlah"* Seorang pemuda berkata: *"Aku mengimpikan jika sekiranya negeri ini dipenuhi dengan emas lalu aku infakkan pada jalan Allah."* Umar berkata lagi: *"Impikanlah"*. Seorang pemuda berkata: *"Aku mengimpikan jika negeri ini dipenuhi dengan batu permata lalu aku*

<sup>104</sup> Abdul Wahab Azam adalah seorang aktivis harokah yang sangat berpengaruh dalam jihad Afghanistan

<sup>105</sup> Ahmad Rasyid, *Al-Munthalaq*, Bab Hanya Gerhana Bukannya terbenam Matahari

<sup>106</sup> Abdul Wahab Azam, *Diwan al-Mathani*, ms. 133

*infakkan pada jalan Allah."* Umar berkata lagi: *"Impikanlah"*. Mereka berkata: *"Kami tidak tahu apa yang hendak dikatakan wahai Amirul Mukminin"* Umarpun berkata: *"Tetapi aku mengimpikan rijal seperti Abu Ubaidah bin al Jarrah, Muaz bin Jabal dan Salim, hamba Abu Huzaifah. Lalu aku meminta pertolongan dari mereka untuk meninggikan kalimah Allah"*.

Mustahil kemenangan diberikan kaum Muslimin yang malas berhadapan dengan musuh yang berjuang bersungguh-sungguh untuk menghancurkan Islam. Mustahil kemenangan diberikan kepada umat yang hanya meluangkan cebisan waktu untuk Islam dalam berhadapan dengan musuh yang meluangkan sepenuh waktu untuk meruntuhkan Islam. Kelak kita akan dipersoalkan oleh di hadapan Allah Ta'ala akan tanggungjawab ini.

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

*"Katakanlah: Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara Yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang Yang fasik (derhaka)."* (At-Taubah: 24)

Wallahua'lam

# Lampiran

## A. Piagam Madinah

1. Kesatuan umat Islam tanpa sebarang diskriminasi antara mereka.
2. Persamaan warga-warga umat Islam dari segi hak dan kemuliaan.
3. Umat Islam perlu saling bahu membahu kecuali dalam kezaliman, dosa dan permusuhan.
4. Penyertaan umat dalam menentukan bentuk hubungan dengan musuh-musuh mereka. Seluruh orang Islam perlu mempunyai satu pendirian terhadap musuh mereka.
5. Penubuhan masyarakat di atas sistem yang terbaik dan teguh.
6. Membenters pemberontak negara dan pengganggu gugat sistem awam di samping kewajipan agar tidak membantu mereka.
7. Hak perlindungan kepada sesiapa yang ingin hidup bersama orang Islam apabila dia menjalinkan hubungan baik, bekerjasama, tidak menzalimi dan mencero bohi hak orang Islam.
8. Bukan Islam mempunyai hak dalam agama dan harta mereka. Mereka tidak dipaksa memeluk agama Islam dan harta mereka tidak boleh dirampas.
9. Bukan Islam mestilah memberi sumbangan kepada pembiayaan negara sebagaimana orang Islam memberi sumbangan.
10. Bukan Islam mestilah bekerjasama dengan orang Islam untuk menghalang bahaya yang menggugat entiti negara melalui penentangan terhadap setiap pencerobohan.
11. Bukan Islam juga mestilah turut serta menanggung kos peperungan selagi mana negara berada dalam keadaan perang.
12. Negara mestilah membantu bukan Islam yang dizalimi sebagaimana ia menolong setiap orang Islam yang dicero bohi.
13. Orang Islam dan bukan Islam tidak boleh sama sekali melindungi musuh-musuh negara dan konco-konco mereka.
14. Sekiranya kemaslahatan umat terletak pada per-damaian, semua warga wajib menerima perdamaian. Sama ada orang Islam mahupun bukan Islam.
15. Seseorang tidak dihukum dengan sebab dosa atau kesalahan orang lain. Seorang penjenayah sebenarnya melakukan jenayah terhadap diri dan keluarganya sendiri.
16. Kebebasan bergerak dalam negara dan kebebasan untuk keluar negara adalah terpelihara di bawah perlindungan negara.
17. Tiada perlindungan kepada orang yang berdosa dan orang yang zalim.
18. Masyarakat ditegakkan di atas dasar kerjasama dalam kebajikan dan taqwa, bukan dalam dosa dan permusuhan.
19. Prinsip-prinsip di atas diperlihara oleh dua kekuatan:
  - *Kekuatan mahnawi* (spiritual) iaitu: Keimanan rakyat kepada Allah, merasakan muraqabah-Nya (pemerhatian Allah) terhadap mereka dan penjagaan-Nya kepada sesiapa yang berbuat baik dan setia.
  - *Kekuatan maddiyyah* (material) iaitu: Kepimpinan negara yang diwakili oleh Nabi Muhammad saw.

## **B. » Kronologi Ringkas Sejarah Kita**

Berikut merupakan Kronologi Sejarah Islam secara ringkas beserta butiran peristiwa yang berlaku sepanjangnya. Kronologi ini bermula daripada detik kelahiran Nabi Muhammad saw. sehingga kejatuhan Khalifah yang terakhir, Khalifah Uthmaniyyah.

570M - 12 Rabiul awwal Nabi Muhammad saw. dilahirkan di Mekah.  
610M - 17 Ramadan Turunnya wahyu pertama di Jabal Nur (Iqrah)  
614M - Parsi menakluki Damascus, Jerusalem dan Mesir - Mengalahkan Rom.  
616M - Setelah 3 tahun berdakwah secara sirriyah, mula dakwah secara jahar  
618M - Rom mengalahkan Parsi  
620M - Meninggalnya Khadijah pada usia 65 tahun dan Abu Talib pada usia 87  
621M - Perjanjian Aqabah I - 12 orang penduduk Yathrib berbaiah dengan Nabi di Jamrah Aqabah sewaktu musim haji tahun itu. Mus'ab dihantar sebagai naqib ke Yathrib.  
622M - Perjanjian Aqabah II - 73 orang Yathrib termasuk dua orang wanita berbaiah dengan Nabi di Jamrah Aqabah sewaktu musim haji tahun itu.  
622M - Nabi saw. berhijrah ke Madinah – membentuk Kerajaan Islam Madinah  
624M / 2H - Peperangan Badar  
625M / 3H - Peperangan Uhud  
627M / 5H - Peperangan Khandaq/Ahzab  
627M / 5H - Peperangan Yahudi Bani Quraizah  
628M / 6H - Nabi melaksanakan Umrah - Perjanjian Hudaibiyah -  
630M / 8H - Fathul Makkah  
630M / 8H - Peperangan Tabuk  
630M / 8H - Peperangan Muktah  
632M / 10H - Nabi melaksanakan Haji Wadak  
632M / 11H - Wafatnya Rasulullah saw. pada usia 63 tahun

### **ERA KHULAFAH AL-RASYIDUN**

632M - Abu Bakar dilantik menjadi khalifah (2 tahun, 3 bulan).

- Usamah mengetuai ekspedisi ke Syria.
- Perang Riddah - Selepas kewafatan Nabi utk memerangi golongan tidak membayar zakat, golongan yang murtad dan nabi palsu, banyak berlaku di kawan selatan Hijjaz

633M - Pengumpulan Al Quran bermula atas cadangan Umar disebabkan ramai huffaz syahid dalam medan peperangan  
634M - Abu Bakar meninggal dunia. Umar Al-Khatab dilantik menjadi khalifah (10 tahun). Penaklukan Damsyik.  
635M - Penawanan Madain.  
636M - Penaklukan Syria, Mesopotamia, dan Palestin.  
637M - Mesir ditawan oleh Amru Al-Ash  
638M - Penawanan Baitulmuqaddis oleh tentera Islam.  
640M - Kerajaan Islam Madinah mula membuat duit syiling Islam.  
644M - Umar syahid akibat dibunuh oleh Abu Lu'luah, seorang Parsi sewaktu menjadi imam ketika solat di Masjid Nabawi. Saidina Uthman Affan menjadi khalifah (12 tahun).  
645M - Kempen di Afrika Utara. Cyprus ditakluk.  
646M - Kempen menentang Byzantine.  
647M - Perang di laut menentang angkatan laut Byzantine. Empayar Parsi ditumpaskan.  
656M - Uthman syahid dibunuh. Ali Abi Talib dilantik menjadi khalifah (5 tahun). Terjadinya Perang Jamal.  
657M - Ali memindahkan pusat pemerintahan daripada Madinah ke Kufah.  
661M - Ali meninggal. Tamatnya pemerintahan Khulafah al-Rasyidin.

## **KERAJAAN BANI UMAYYAH – PERLUASAN EMPAYAR (661-750M)**

661M - Muawiyah menjadi khalifah dan mengasaskan Kerajaan Bani Umayyah.  
670M - Maru ke Afrika Utara. Penaklukan Kabul.  
677M - Penawanan Samarkand dan Tirmiz. Serangan ke atas Constantinople.  
680M - Muawiyah meninggal. Yazid I menaiki takhta.  
700M - Kempen menentang kaum Barbar di Afrika Utara.  
711M - Penaklukan Sepanyol, Sind, dan Transoxiana.  
713M - Penaklukan Multan.  
716M - Serangan ke atas Constantinople.  
717M - Umar bin Abdul Aziz menjadi khalifah. Pembaharuan yang hebat dijalankan.  
725M - Tentera Islam menawan Nimes di Perancis.  
749M - Kekalahan tentera Umayyah di Kufah, Iraq ditangan tentera Abbasiah.  
750M - Damsyik ditawan oleh tentera Abbasiah. Kejatuhan Kerajaan Bani Umayyah.

### **Khalifah Umayyah di Damsyik**

1. 661-680 M - Khalifah Muawiyah ibn Abu Sufyan (Muawiyah I)
2. 680-683 M - Khalifah Yazid ibni Muawiyah (Yazid I)
3. 683-684 M - Khalifah Muawiyah ibni Yazid (Muawiyah II)
4. 684-685 M - Khalifah Marwan Ibni Hakam (Marwan I)
5. 685-705 M - Khalifah Abd al-Malik Ibni Marwan
6. 705-715 M - Khalifah al-Walid I Ibni Abd al-Malik
7. 715-717 M - Khalifah Sulaiman Ibni Abd al-Malik
8. 717-720 M - Khalifah Umar ibni Abd al-Aziz
9. 720-724 M - Khalifah Yazid II Ibni Abd al-Malik
10. 724-743 M - Khalifah Hisham ibni Abd al-Malik
11. 743-744 M - Khalifah al-Walid II Ibni Yazid II
12. 744 M - Khalifah Yazid III Ibni Al-Walid
13. 744 M - Khalifah Ibrahim Ibni Al-Walid
14. 744-750 M - Khalifah Marwan II Ibni Muhammad

## **KERAJAAN BANI ABBASIYYAH – USTAZIATUL ALAM**

752M - Bermulanya Kerajaan Bani Abbasiah.  
755M - Pemberontakan Abdullah bin Ali. Pembunuhan Abu Muslim.  
756M - Abd ar-Rahman I (dari Bani Umayyah) menjadi Sultan/Amir di Sepanyol.  
763M - Penubuhan kota Baghdad sebagai pusat pemerintahan Bani Abbasiah  
786M - Harun al-Rashid menjadi Khalifah.

- Mendirikan Baitul Hikmah, sebagai lembaga penerjemah yang berfungsi sebagai perguruan tinggi, perpustakaan, dan penelitian.
  - o Mengandungi berjuta jilid buku , 36 perpustakaan, 100 penjual buku

792M - Serangan ke atas selatan Perancis.  
800M - Kaedah saintifik dicipta. Algebra dicipta oleh Al-Khawarizmi.  
805M - Kempen menentang Byzantine. Penawanan Pulau Rhodes dan Cyprus.  
809M - Harun al-Rashid meninggal. Al-Amin dilantik menjadi khalifah.  
814M/170H - Perang saudara di antara Al-Amin dan Al-Ma'mun. Al-Amin terbunuh dan Al- Ma'mun menjadi khalifah.  
873M - Al-Kindi → Banyak memberi komen kepada buku-buku Aristotle dan Plato  
1000M - Masjid Besar Cordoba siap dibina.  
1005M - Multan dan Ghur ditawan.  
1055M - Baghdad ditawan oleh tentera Turki Seljuk. Pemerintahan Abbasiah-Seljuk bermula, yang kekal sehingga tahun 1258 apabila tentera Mongol memusnahkan Baghdad.  
1085M - Tentera Kristian tawan Toledo (di Sepanyol).  
1091M - Bangsa Norman tawan Sicily, pemerintahan Muslim di sana tamat.  
1095M - Perang Salib pertama berlaku.  
1099M - Tentera Salib tawan Baitulmuqaddis. Mereka membunuh semua penduduknya.

1144M - Nur al-Din tawan Edessa daripada tentera Kristian. Perang Salib kedua berlaku.  
 1187M - Salahuddin Al-Ayubbi tawan Baitulmuqaddis daripada tentera Salib. Perang Salib ketiga berlaku.  
 1194M - Tentera Muslim menawan Delhi, India.  
 1236M - Tentera Kristian tawan Cordoba (di Sepanyol). Ferdinand dan Ratu Isabel berjaya mengalahkan tentera Islam  
 1258M - Tentera Mongol menyerang dan memusnahkan Baghdad. Ribuan penduduk dibunuh. Kejatuhan Baghdad. Tamatnya pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiah. Dua juta mati dibunuh, pembakaran berlangsung selama 40 hari

## **KERAJAAN TURKI UTHMANIYYAH**

1243M - Bangsa Turki yang hidup secara nomad, menetap secara tetap di Asia Kecil.  
 1299M - Sebuah wilayah pemerintahan kecil Turki di bawah Turki Seljuk ditubuhkan di barat Anatolia.  
 1301M - Uthman I mengisytiharkan dirinya sebagai sultan. Tertubuhnya Empayar Uthmaniyyah.  
 1345M - Turki Saljuk menyeberangi Selat Bosphorus.  
 1389M - Tentera Uthmaniyyah menewaskan tentera Serb di Kosovo.  
 1402M - Timurlane, Raja Tartar (Mongol) menumpaskan tentera Uthmaniyyah di Ankara.  
 1451M - Sultan Muhammad al-Fatih menjadi pemerintah.  
 1453M - Constantinople ditawan. Berakhirnya Empayar Byzantine.  
 1520M - Sultan Sulaiman al-Qanuni dilantik menjadi sultan.

- Sultan yang kuat keimanan, berpegang kepada Islam dengan utuh. Memperkenalkan undang-undang Islam (Qanun)
- Menakluk kawasan yg paling banyak: Eropah → Hungari, Beograd, Albania, Yunani, Romania, Serbia dan Bulgaria, dan majoriti kawasan Arab

1526M - Perang Mohacs. Raja Perancis ditawan dan tiada siapa yg mampu membebaskannya hinggakan Perancis memohon lindungan Khalifah  
 1529M - Serangan dan kepungan ke atas Vienna.  
 1571M - Perang Lepanto berlaku.  
 1641M - Pemerintahan Sultan Muhammad IV  
 1683M - Serangan dan kepungan ke atas Vienna buat kali kedua.  
 1687M - Sultan Muhammad IV meninggal dunia.  
 1703M - Pembaharuan kebudayaan di bawah Sultan Ahmed III.  
 1793M - Sultan Selim III mengumumkan “Pentadbiran Baru”.  
 1798M - Napoleon cuba untuk menawan Mesir.  
 1804M - Pemberontakan dan kebangkitan bangsa Serbia pertama.  
 1815M - Pemberontakan dan kebangkitan bangsa Serbia kedua.  
 1822M - Bermulanya perang kemerdekaan Greece.  
 1826M - Pembunuhan beramai-ramai tentera elit Janissari. Kekalahan tentera laut Uthmaniyyah di Navarino.  
 1829M - Perjanjian Adrianople.  
 1830M - Berakhirnya perang kemerdekaan Greece.  
 1841M - Konvensyen Selat.  
 1878M - Kongres Berlin. Serbia dan Montenegro diberi kemerdekaan. Bulgaria diberi kuasa autonomi.  
 1908M - Jawatankuasa Perpaduan dan Kemajuan atau lebih dikenali sebagai Turki Muda ditubuhkan. Perlembagaan Uthmaniyyah sekular dihidupkan. Austria menyerang Bosnia dan Herzegovina.  
 1912M - Perang Balkan pertama  
 1913M - Perang Balkan kedua.  
 1914M - Empayar Uthmaniyyah memasuki Perang Dunia I sebagai sekutu kuasa tengah. Inggeris menguasai Gallipoli dan menyerang Islambul  
 1923M - Sistem Khalifah dihapuskan. Turki diisytiharkan sebagai sebuah Sekular.  
 1924M - Pejabat khalifah dihapuskan. Tamatnya pemerintahan Empayar Turki Uthmaniyyah.



## C. » Soalan Pengukuhan

- Bab 1** Sejarah suatu sunnatullah bukan kebetulan
- Bab 2** Sebelum Perutusan Muhammad saw.
1. Apakah maksud sejarah sebagai sebuah sunnatullah?
- Bab 3** Zaman Mekah
1. Huraikan maksud Jahiliyah pada sisi Islam. Apakah itu Daulah Jahiliyah? Masyarakat Jahiliyah?
  2. Nyatakan Jahiliyah yang ada pada diri anda.
  3. Kenapa tamadun lain sebelum Islam tidak dikatakan tamadun jahiliyah? Sedangkan masyarakat Arab digelar masyarakat jahili.
- Bab 4** Zaman Madinah
1. Sebutkan persiapan-persiapan yang perlu sebagai kader dakwah, untuk mencontohi Nabi saw.
  2. Kenapa Nabi saw. berkata kepada Aisyah, "Telah berlalu waktu tidur"?
  3. Apakah fokus gerak kerja jamaah Nabi saw. pada era Mekah? Dan jelaskan hikmahnya?
  4. Bagaimana suasana dakwah dan kaum Muslimin pada waktu tersebut?
  5. Sebutkan contoh-contoh dakwah dan pengorbanan era Mekah yang menunjukkan kejelasan Aqidah para sahabat.
- Bab 5** Era Khulafa' Ar-Rasyidin
1. Kuasa dapat menegakkan apa yang tidak dapat ditegakkan Al-Quran. Jelaskan.
  2. Kenapa populasi kaum Muslimin meningkat mendadak? Daripada lebih kurang 313 ke 124,000?
  3. Islam berkembang dengan pedang. Jelaskan setelah melihat faktor-faktor ghazwah yang berlaku.
  4. Apakah hikmah sunnatullah kebangkitan di sebalik period dakwah dan tarbiyah berbanding era Kerajaan dan Daulah Islam?
- Bab 6** Era Bani Umayyah
1. Kenapa para sahabat sepakat melantik seorang Khalifah sesudah kewafatan Nabi saw.?
  2. Dalam masa 28 tahun, Islam telah menguasai dunia. Apakah asas perluasan ini? Apakah aset yang dimiliki kaum Muslimin dalam tempoh 28 tahun ini?
- Bab 7** Era Bani Abbas
1. Dakwah dan Jihad telah melebarkan pengaruh Islam ke serata dunia. Lakarkan wilayah-wilayah yang telah dikuasai Islam.
  2. Apakah yang ditakuti Umar Abdul Aziz setelah menduduki tampuk Khalifah? Dan kenapa?
- Bab 8** Era Uthmaniyyah
1. Kita berada di tahapan Ustaziatul Alam. Apakah dia Ustaziatul Alam?
  2. Apakah sebab utama yang menjadikan orang Arab hebat dari segi sains dan teknologi pada abad 9, 10 dan 11 masihi?
  3. Bagaimana keadaan masyarakat Eropah pada kurun tersebut?
  4. Serangan Monggol telah memusnahkan kita. Apakah hikmah di sebaliknya?
- Bab 9** Era Uthmaniyyah
1. Terangkan bagaimana Khilafah Uthmaniyyah bangkit? Apakah asas-asas kebangkitannya?
  2. Apakah faktor pendorong kejayaan Muhammad Al-Fatih sehingga Sulaiman Al-Qanuni?
  3. Nyatakan kegemilangan yang dikecapi Islam semasa kebangkitan Uthmaniyyah yang meninggalkan kaum lain.
  4. Apakah faktor-faktor yang mendorong kejatuhan Uthmaniyyah?

5. Apakah dia tamadun kebendaan?
6. Ada sesetengah mengatakan Eropah bangkit atas asas yang ditinggalkan Islam. Adakah ini benar? Asas apa?
7. Huraikan kesan trajedi 3 March 1924.

**Bab 9** Tentera Salib Kembali

1. Bincangkan strategi tentera salib untuk menjatuhkan Khilafah Islam dan merosakkan aqidah umat Islam

**Bab 10** Formula Kebangkitan

1. Jelaskan apakah hikmah disebalik sunnatullah kebangkitan Islam yang bertahap sejak zaman Nabi saw..
2. Jelaskan kenapa berlakunya sunnatullah penggiliran terhadap kaum Muslimin beserta dalil syarie.
3. Nyatakan sebab kenapa era kini yakni pasca kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah mirip kepada era Mekah dan Jahiliyah?
4. Jelaskan maratib amal kebangkitan Islam.
5. Kenapa kita perlu memahami di tahap mana kita berada sekarang untuk menggerakkan dakwah kita?
6. Kenapa perlu fokus kepada pembentukan Aqidah sebelum perkara yang lain? Yakni tarbiyah membentuk fardh muslim. Dan apakah kesannya?
7. Jelaskan, 'Tarbiyah bukanlah segalanya, tetapi segalanya itu tidak akan bermula melainkan dengan tarbiyah'.
8. Halaqah Tarbawi merupakan asas kepada Tajammuk dan Daulah Islam. Sampai bilakah ia akan berlansung dan sehingga tahap mana?
9. Mengapa kita tidak boleh menjadi sebagai pertubuhan kebajikan atau parti politik atau apa-apa badan sebagaimana orang lain?
10. Apakah hukum terhadap orang yang soleh, tetapi berdiam diri daripada meruntuhkan jahiliyah?
11. Nyatakan dalil-dalil syarie dan aqli terhadap janji kemenangan kepada kaum Muslimin.

# Rajah Dni Sejarah Kita (ISK)

